

# PENDIDIKAN

PEMANGKIN

# PERADABAN ISLAM


Buku Pendidikan Pemangkin Peradaban Islam memuatkan isu-isu berkaitan pendidikan yang sesuai untuk menjadi bahan bacaan dan rujukan bagi ahli akademik, pendidik mahupun masyarakat umum dalam memperkayakan pengetahuan berkenaan isu-isu terkini berkaitan pendidikan. Pendidikan merupakan tonggak kekuatan sesebuah peradaban dan peradaban Islam sendiri dibina di atas kegemilangan tradisi kelmuan. Tanpa pendidikan yang bersifat holistik, tujuan penyebaran ilmu pasti tidak akan dapat dicapai dengan sebaiknya. Buku ini memuatkan pelbagai perbincangan berkaitan pendidikan al-Quran, Bahasa Arab dan juga pengajian Islam yang mengupas tentang kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, isu-isu dan cabaran pendidik dan pelajar serta perbincangan berkaitan pembelajaran secara atas talian yang menjadi isu utama pada musim pandemik Covid-19 ini. Proses pendidikan yang berlaku bukan sahaja di sekolah dan institusi pendidikan formal pada hari ini menyebabkan perbincangan berkaitan pendidikan sentiasa direncami oleh para ahli akademik dalam mencari solusi terkini bagi setiap cabaran yang dihadapi. Setentunya pendidikan yang bermatlamatkan pembentukan insan Rabbani menjadi tonggak kepada pembangunan peradaban Islam yang merupakan tugas utama manusia sebagai khalifah di bumi ini. Tuntasnya, buku ini merupakan kompilasi hasil kajian-kajian ahli akademik yang diharapkan dapat menjadi wadah pengetahuan dalam usaha memperkayakan penulisan berkaitan pendidikan dan peradaban.

ISBN 978-967-2009-14-0



FACULTY OF ISLAMIC AND CIVILIZATION STUDIES  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

PENDIDIKAN PEMANGKIN  
PERADABAN ISLAM



# PENDIDIKAN

PEMANGKIN

# PERADABAN ISLAM

Ahmad Syahir Bin Ahmad Nzly  
Nurhanisah Senin  
Muhammad Aizat Syimir Rozani  
Mohamad Redha Mohamad

# **PENDIDIKAN PEMANGKIN PERADABAN ISLAM**

---

# **PENDIDIKAN PEMANGKIN PERADABAN ISLAM**

## **PENYUNTING**

AHMAD SYAHIR AHAMAD NZLY  
NURHANISAH SENIN  
MUHAMMAD AIZAT SYIMIR ROZANI  
MOHAMAD REDHA MOHAMAD

## **PENERBIT FPPI**

**Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)**

**2021**

---

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2021

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS, 2021

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*  
PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>  
03-8911700 ext: 7167

Dicetak di Malaysia/*Printed in Malaysia by*

Corner Resources  
No. 20, Jalan Hentian 3, Pusat Hentian Kajang,  
Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /  
*Cataloguing-in-Publication Data*

PENDIDIKAN PEMANGKIN PERADABAN ISLAM  
/ Ahmad Syahir Ahamad Nzly, Nurhanisah Senin, Nurhanisah Muhammad Aizat Syimir  
Rozani, Mohamad Redha Mohamad.

1.      *Pendidikan. 2. Peradaban. 3. Islamic Civilisation.* I. Judul.

eISBN 978-967-2808-14-5

---

## KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah, syukur pada Allah SWT atas penerbitan buku *Pendidikan Pemangkin Peradaban Islam* oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Buku ini mengandungi sebahagian daripada kertas kerja yang dibentangkan di 4th International Conference on Current Trend in the Middle East 2021 anjuran bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan juga hasil penulisan tenaga akademik di KUIS dan IPT yang lain.

Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku ini, samada sebagai penerbit, penyunting, editor dan penyumbang artikel. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukikan sepatah dua kata dalam buku ini bagi mewakili pihak Pengurusan Fakulti.

Sebagaimana yang dimaklumi, buku ini pendidikan merupakan asas kepada pembinaan tamadun dan peradaban manusia. Proses pendidikan terhadap manusia berlaku sejak azali lagi apabila Allah menciptakan Nabi Adam AS seperti firmanNya yang bermaksud:

*“Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat.” (Surah al-Baqarah 2: 31)*

Ayat di atas jelas menunjukkan bagaimana manusia telah ditakliffkan untuk menjadi khalifah dalam memimpin peradaban umat manusia. Peradaban yang berasal daripada perkataan adab itu sendiri merupakan sebahagian daripada falsafah pendidikan yang terdiri daripada elemen *ta’lim*, *tarbiyyah* dan *ta’dib*. Adapun *ta’dib* merujuk kepada proses pendidikan yang tertumpu kepada disiplin pembinaan akhlak, menunjukkan hubungan pendidikan holistik yang merangkumi fizikal dan spiritual sebagai asas dalam pembinaan peradaban.

Dalam proses membangunkan sesebuah peradaban, sudah tentu kita tidak dapat mengelakkan diri daripada cabaran-cabaran kontemporari khususnya dalam dunia pendidikan Islam pada hari ini yang berkaitan dengan keberkesanan dalam aspek penguasaan dan penghayatan ilmu, di samping kaedah dan pendekatan semasa dalam penyampaian dan penerapan ilmu dalam kalangan pelajar di mana pengaruh teknologi sangat memberi kesan kepada mereka.

Kefahaman dan penghayatan terhadap konsep pendidikan perlu sentiasa dipertingkatkan supaya matlamat melestarikan kegemilangan peradaban Islam mampu direalisasikan. Justeru, buku ini yang merupakan satu usaha kecil pihak fakulti diharapkan dapat memberi nilai tambah dalam korpus ilmu pendidikan dan secara tidak langsung menyumbang kepada kelestarian peradaban Islam.

Sekian, Salam hormat.

**DR. MD NOOR BIN HUSSIN**

Dekan,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

## PRAKATA

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas insan paling sempurna, Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabat RA yang telah dipayungi lembayung keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Budaya menimba ilmu, berfikir, menyelidik, dan menyebarkannya merupakan tanggungjawab seorang akademia yang harus dipraktikkan dalam memperkasakan dunia pendidikan Islam seiring dengan dunia global *Internet of Things* (IOT) atau internet kebendaan dalam hampir semua aspek kehidupan seharian melibatkan penggunaan teknologi digital dengan manusia dan sistem fizikal yang lain.

Kerencaman isu-isu berkaitan pendidikan menyebabkan bidang pendidikan sentiasa menjadi perbahasan dan kajian utama para ahli akademik. Isu-isu berkaitan pendidikan lazimnya yang membincangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta cabaran-cabaran semasa terutamanya dalam zaman pandemik Covid-19 sudah pasti menimbulkan pelbagai isu-isu baharu dalam bidang pendidikan. Justeru, kajian-kajian daripada ahli akademik dalam memberikan solusi amat diperlukan supaya proses pendidikan dapat dijalankan dengan sebaiknya.

Apa yang istimewa, buku ini memaparkan makalah-makalah yang membahaskan isu-isu pendidikan al-Quran, Bahasa Arab dan pengajian Islam secara umumnya dalam era digital masa kini. Pendidikan yang sarat dengan nilai-nilai manusiawi khususnya pada alaf ini menjadi asas dalam memastikan kelestarian sesebuah peradaban. Pendidikan dan peradaban berpisah tiada. Tanpa pendidikan, keluhuran peradaban tidak dapat dicapai.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah kami rakamkan kepada para penyumbang artikel atas usaha murni dalam menerbitkan buku *Pendidikan Pemangkin Peradaban Islam* terbitan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Naskah ilmiah ini merupakan koleksi percambahan idea autentik para akademia dalam usaha menambah publikasi korpus pendidikan Islam.

Semoga penerbitan buku ini akan memberi impak yang sangat besar dalam memberi nilai tambah kepada khazanah penyelidikan negara. Buku ini juga diharap mampu memberi pendedahan kepada para pembaca untuk memaknai penyelidikan yang telah dilaksanakan sesuai dengan teori dan kemahiran yang dipelajari serta inovasi yang dihasilkan.

Sekian, selamat membaca.

**AHMAD SYAHIR BIN AHAMAD NZLY**  
**NURHANISAH BINTE SENIN**  
**MUHAMMAD AIZAT SYIMIR BIN ROZANI**  
**MOHAMAD REDHA BIN MOHAMAD**  
Penyunting

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>KATA ALU-ALUAN</b>	vi
<b>PRAKATA</b>	vii
<b>KANDUNGAN</b>	viii
<b>PENDAHULUAN</b>	xi
BAB 1 <b><i>PERANAN INSTITUSI SOSIAL DALAM PENDIDIKAN MASYARAKAT</i></b> Mariam Abd. Majid & Tajul Nizam Ibrahim	1-12
BAB 2 <b><i>PENDEKATAN DAKWAH BIL HIKMAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI IPT</i></b> Salmee Suhaina Yusoff	13-25
BAB 3 <b><i>KEBERKESANAN KELAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR)</i></b> Sohana Abdul Hamid	26-32
BAB 4 <b><i>PEMBENTUKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN SECARA INTERAKTIF DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</i></b> Basirah Abu Bakar & Muhammad Ammar Farhan Ramlan	33-49
BAB 5 <b><i>MINAT DAN KEFAHAMAN ILMU TAUJIH AL-QIRAAT DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA TAHFIZ AL-QURAN KUIS</i></b> Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Fairuz A. Adi & Shahrudin Pangilun	50-56
BAB 6 <b><i>PEMBELAJARAN AL-QURAN BRAILLE: CABARAN DAN PELAKSANAAN</i></b> Hazlin Falina Rosli, Zur'ain Harun, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Zetty Nurzuliana Rashed & Azmi Azwan Mohammad Azmi	57-64
BAB 7 <b><i>PERANCANGAN PDP GURU PENGAJIAN ISLAM TERHADAP PELAJAR AUTISME</i></b> Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, Ahmad Shafiq Mat Razali & Nurzul Nadhirah Zolkepli	65-70
BAB 8 <b><i>PEMBELAJARAN ILMU TAUHID SECARA DALAM TALIAN (ONLINE): TUNTUTAN DAN CABARAN</i></b> Mohamad Fuad Ishak & Sapie Sabilan	71-78
BAB 9 <b><i>KAEDAH PEMBELAJARAN SUBJEK PENGAJIAN MALAYSIA BAGI PELAJAR TEMPATAN DAN ANTARABANGSA DI IPTS SHAH ALAM</i></b>	79-88

BAB 10	<b><i>APLIKASI KOMUNIKASI BAGI PEMBELAJARAN SUBJEK BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI IPTS SHAH ALAM</i></b> Maliati Mohamad	89-98
BAB 11	<b><i>PANDANGAN PELAJAR DIPLOMA BAHASA ARAB TERHADAP KAEDAH PENGAJARAN SEBAGAI FAKTOR PENINGKATAN KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA</i></b> Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif, Fahed Maromar & Saupi Man	99-108
BAB 12	<b><i>PEMBELAJARAN BAHASA ARAB BERASASKAN SISTEM JADUAL DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI</i></b> Mohd Fahimi Zakaria	109-120
BAB 13	<b><i>PERANAN BAHASA ARAB REFLEKSI KETERAMPILAN PELAJAR ISLAM MASA KINI</i></b> Nor Azhan Norul'Azmi & Noor Shamsinar Zakaria	121-137
BAB 14	<b><i>KOMPETENSI GURU BAHASA ARAB TERHADAP PENGUASAAN NAHU: IMPLIKASI DAN CADANGAN</i></b> Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, Naqibah Mansor, Ainon Wazir & Muafah Sayed	138-155
BAB 15	<b><i>PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN KEAGAMAAN (BAUTA) DALAM KONSEP PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)</i></b> Md Noor Hussin	156-164
BAB 16	<b><i>REKA BENTUK MODEL PENGAJARAN BAHASA ARAB UNTUK STAF HOTEL (PEBASH)</i></b> Wazzainab Ismail, Zetty Nurzuliana Rashed, Farah Nur Rashida Rosnan & Ishak Abd Manaf	165-173
BAB 17	<b><i>TEACHING PRACTICE OF ARABIC LANGUAGE TEACHERS APPLY HIGHER ORDER THINKING SKILL</i></b> Najlaa Shazana Mohamad & Taj Rijal Muhamad Romli	174-185



## PENDAHULUAN

Tadbir urus sebuah negara berteraskan Islam tidak hanya mementingkan elemen kecantikan rupa dan luaran sahaja akan tetapi mengambil kira elemen pemantapan dalaman dengan memperkukuhkan ilmu dan pendidikan. Hal ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 122:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾ [التوبة: 122]

« Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah) (122) » [At-Tauba: 122]

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, kedudukan ilmu dan pendidikan telah diangkat tinggi oleh Allah SWT sebaris ibadah jihad berperang di jalan Allah SWT yang disifatkan oleh Baginda SAW sebagai kemuncak kepada agama Islam. Saranan Allah SWT agar sebilangan orang mukmin kekal untuk mempelajari ilmu kemudian mengajarkannya pula kepada yang lain menggambarkan bagaimana peradaban Islam mementingkan kedua-dua aspek sama ada pemantapan dalaman dan pengukuhan luaran. Dalam pada itu, proses pendidikan seringkali diuji dengan pelbagai cabaran sejajar dengan peredaran zaman.

Istilah pendidikan dalam buku ini merujuk kepada proses dalam menyampaikan sesuatu ilmu secara sistematik. Dalam konteks ini, pendidikan yang dimaksudkan merangkumi semua jenis ilmu yang disampaikan sama ada ilmu syariah mahupun ilmu duniawi. Perbincangan yang berkaitannya juga dilihat pelbagai sama ada berkaitan metodologi, pedagogi, isi kandungan mahupun teknik yang perlu diberikan perhatian yang khusus demi menjamin kualiti yang mampu memangkinkan peradaban Islam.

Antara cabaran terkini dalam isu pendidikan adalah yang melibatkan kaedah penyampaian yang berkesan di mana pelajar dapat memahami, menghayati serta mengamalkannya dalam kehidupan. Hal ini diterangkan di dalam bab yang bertajuk “*Pembelajaran Ilmu Tauhid Dalam Talian: Tuntutan dan Cabaran*”. Dapatan kajian mendapati pembelajaran bukan sedakar penerimaan ilmu bahkan lebih daripada itu melalui penerapan dan pembudayaan nilai serta akhlak yang terpuji. Walaubagaimanapun pembelajaran dalam talian mempunyai cabaran utama yang perlu ditangani dengan berkesan seperti kurangnya penerapan nilai dan akhlak dan ketidak fahaman pelajar. Ia berpunca daripada cabaran komunikasi dan penggunaan teknologi serta capaian internet yg lemah. Di samping sikap pelajar yang tidak jujur dan hilang fokus dalam pembelajaran. Maka guru melalui ilmu, kemahiran dan kewibawaanya berperanan untuk merancang, mengatur strategi dan kaedah yang sesuai digunakan dalam pembelajaran ilmu tauhid agar matlamat pengajaran dan pembelajaran ilmu tauhid dapat dicapai dengan sempurna. Dalam bab bertajuk “*Pendekatan Dakwah Bil Hikmah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di IPT*” pula, diterangkan bahawa para pelajar perlu disantuni dengan bijaksana. Para pendakwah atau pensyarah akan menghadapi pelbagai golongan manusia yang berbeza dari segi latar belakang, tahap kefahaman, minat dan kecenderungan serta perangai. Kepelbagaian jenis ini harus dihadapi dengan cara yang sesuai dengan tahap kecerdasan, sepadan dengan iklim budaya fikirnya dan tabiat masing-masing. Ini merupakan dasar-dasar dakwah yang telah digariskan oleh ajaran Islam iaitu mengajak manusia meniti

jalan kebenaran yang diperintahkan oleh Allah dengan jalan dakwah terbaik yang sesuai dengan keadaan dan tahap seseorang manusia.

Manakala cabaran khusus yang dihadapi dalam sesi pengajian bersama pelajar antarabangsa adalah dalam pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Hal ini dinyatakan di dalam bab bertajuk “*Aplikasi Komunikasi Bagi Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Di IPTS Shah Alam*”. Walaupun tahap penguasaan bahasa Melayu mereka tidak begitu bagus, namun mereka masih boleh memahami sesetengah perbualan yang berlangsung. Mereka ini perlu dilatih untuk menggunakan bahasa Melayu dan perlu diberi sokongan serta dorongan dalam mempelajari bahasa Melayu supaya mereka berminat untuk mempelajarinya dengan baik. Sekiranya pelajar antarabangsa tidak mempunyai motivasi dan tidak berminat untuk mempelajari bahasa Melayu, maka mereka tidak akan berjaya menguasai bahasa Melayu sehinggalah sesi kelas berakhir. Oleh itu, para pendidik perlu memainkan peranan yang penting untuk menarik minat mereka dalam usaha mendalami dan mempelajari bahasa Melayu sehingga mereka mahir dan fasih berbahasa Melayu. Kita juga perlu menunjukkan kepentingan bahasa Melayu dalam semua bidang serta membuktikan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang sangat utuh setanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia.

Tidak dilupakan juga, isu pendidikan masyarakat minoriti seperti Orang Kelainan Upaya (OKU) juga perlu diberikan perhatian yang serius. Malahan teguran Allah SWT terhadap Nabi Muhammad SAW adalah berkisarkan isu pendidikan OKU seperti yang dinyatakan dalam Surah ‘Abasa. Justeru, bab bertajuk “*Pembelajaran Al-Quran Braille: Cabaran dan Pelaksanaan di Institut Pengajian Tinggi?*” cuba untuk merungkai masalah yang berkaitan. Malah dalam bab bertajuk “*Perancangan PDP Guru Pengajian Islam Terhadap Pelajar Autisme*” mendapati bahawa setiap pelajar berkeperluan khas mempunyai pendekatan dan teknik pdp berbeza antara satu sama lain. Hasil temubual dan pemerhatian yang telah dijalankan terhadap guru yang mengajar pelajar ASD mendapati bahawa pendekatan yang sesuai dapat menghasilkan keberkesanan terhadap peningkatan kualiti pdp mereka. Selain itu, amalan pengajaran yang tersusun amat berguna untuk diaplikasikan oleh guru-guru samada di sekolah harian tetapi mempunyai pelajar berkeperluan khas.

Strategi pelajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dapat menjamin kelangsungan proses pendidikan yang mampu mendepani cabaran-cabaran yang telah diutarakan. Misalnya strategi yang dinyatakan di dalam bab bertajuk “*Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Sistem Jadual Di Institut Pengajian Tinggi?*”. Sistem jadual yang diperkenalkan ini dapat memberi satu sistem pembelajaran mudah kepada pelajar yang memerlukan cara belajar ringkas dan padat tanpa perlu membaca buku atau nota yang tebal dan menyukarkan pelajar yang baharu mengenal subjek bahasa Arab di universiti. Justeru, metod pembelajaran bahasa Arab menggunakan sistem jadual dapat membantu mereka yang ingin belajar secara konsisten. Malah reka bentuk pengajaran yang sesuai juga amat penting supaya ilmu yang diajar itu dapat disampaikan dengan efisien. Hal ini disentuh juga di dalam bab bertajuk “*Reka Bentuk Model Pengajaran Bahasa Arab Untuk Staf Hotel (PEBASH)*”. Penyediaan kelas bahasa Arab secara berperingkat untuk tujuan perhotelan juga dilihat sebagai satu bentuk gabungan academia-industri antara para pendidik dan staf perhotelan yang akan mencorakkan refleksi ilmu yang dizahirkan ke medan industri. Bukan sahaja bahasa Arab digunakan di dalam sektor pendidikan rasmi seperti di Universiti dan sektor ekonomi, malah ia juga merupakan pembelajaran sepanjang hayat bagi tujuan keagamaan seperti yang dinyatakan di dalam bab bertajuk “*Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Bahasa Arab Untuk Tujuan Keagamaan (BAUTA) Dalam Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)*”.

Akhirnya, natijah pendidikan mengharapakan agar dapat melahirkan generasi yang berilmu dan mampu berfikir dengan sistematik dan kritis. Justeru para pendidik disarankan agar tidak hanya fokus kepada syarahan kuliah semata-mata, malah perlu menggalakkan pelajar memberikan hujahan dan ulasan mereka sendiri, serta bersama-sama membina interaksi sosial semasa kuliah dijalankan. Dapatan ini dikemukakan di dalam bab bertajuk “*Kaedah Pembelajaran Subjek Pengajian Malaysia Bagi Pelajar Tempatan Dan Antarabangsa Di IPTS Shah Alam*”. Hal yang sama juga turut dibincangkan di dalam bab bertajuk “*Teaching Practice Of Arabic Language Teachers Apply Higher Order Thinking Skill*”. Dapatan kajian mendapati pengimplementasian *Higher Order Thinking Skill (HOTS)* dapat diterapkan melalui kaedah penyediaan bahan bantuan pembelajaran, kaedah penentuan metode pengajian, kaedah menyoal pelajar dan kaedah pentadbiran.

Seterusnya pendidikan diharapkan agar mampu melahirkan para pelajar yang berketrampilan seperti yang dinyatakan dalam bab bertajuk “*Peranan Bahasa Arab Refleksi Keterampilan Pelajar Islam Masa Kini*”. Pelajar berketerampilan merujuk kepada golongan pelajar yang memiliki keupayaan dan kekuatan diri yang tinggi dalam menghadapi segala cabaran hidup. Penguasaan terhadap bahasa Arab dan kefahaman yang tinggi terhadap isi kandungan ayat-ayat Al-Quran dan Hadith menjadi salah satu faktor utama yang membantu pelajar memahami cara hidup yang sempurna walau berhadapan dengan kesulitan dan cabaran hidup. Berbekalkan ilmu pengetahuan dan memiliki ciri-ciri pelajar yang berketerampilan, golongan pelajar dapat mengubah cara hidup yang biasa kepada cara hidup yang luar biasa dan lebih bermakna. Semoga bahasa Arab ini terus mendapat tempat di hati pelajar untuk mempelajari dan mengamalkannya kerana keistimewaan bahasa ini yang mencerminkan ketinggian peribadi diri pelajar Muslim sejati. Demi melahirkan generasi yang mempunyai kefahaman yang baik terhadap nas-nas Al-Quran, satu kaedah pengajaran dan pembelajaran Al-Quran secara interaktif di IPT amat diperlukan. Justeru, bab I bertajuk “*Pembentukan Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Secara Interaktif di Institusi Pengajian Tinggi*” menzahirkan keperluan untuk menghasilkan satu bentuk pendekatan pedagogi berasaskan proses pembelajaran semulajadi (*natural learning process*), *fun and active learning* dan metodologi pembantu daya memori. Natijahnya dapat mengurangkan masalah pelajar pengajian tinggi yang buta huruf Al-Quran dan maknanya.

Usaha mendidik tidak terhad kepada warga pendidik sahaja, malah turut melibatkan segenap lapisan masyarakat. Hal ini dijelaskan di dalam bab bertajuk “*Peranan Institusi Sosial Dalam Pendidikan Masyarakat*”. Institusi sosial berperanan sebagai antara institusi yang perlu digerakkan dalam usaha mendidik masyarakat ke arah mencapai kesejahteraan hidup dunia dan akhirat. Namun ianya bersifat dinamik selaras dengan perubahan semasa persekitaran. Perubahan cara hidup yang semakin berasaskan teknologi telah memberi cabaran terhadap peranan institusi sosial. Keadaan ini menuntut perubahan dan penyesuaian bagi institusi sosial berperanan menerusi kandungan dan pelaksanaan yang berbagai menurut keadaan dan iklim tertentu agar peranan mendidik masyarakat terus kekal bersifat anjal mengikut kesesuaian semasa.

Bagi menyempurnakan lagi proses pendidikan, elemen semak dan imbang juga penting demi melihat kelompongan yang perlu dipulihkan seperti yang dilakukan di dalam bab yang bertajuk “*Keberkesanan Kelas Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR)*”. Dalam keadaan sekarang mahu atau tidak PdPR adalah kaedah terbaik dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Walaupun seribu satu cabaran perlu ditempuhi dalam tempoh sukar ini, masyarakat nampaknya berjaya mengadaptasi normal baru. Rakyat harus kekal positif agar kita mampu mengurus kehidupan dengan baik sepanjang PKP ini. Dalam bab bertajuk “*Kompetensi Guru Bahasa Arab Terhadap Penguasaan Nabu: Implikasi dan Cadangan*” pula,

terdapat usaha untuk menilai tahap kompetensi guru Bahasa Arab seperti yang dinyatakan, mengenalpasti tajuk nahu yang menjadi kesukaran dalam kalangan guru Bahasa Arab dan mengemukakan implikasi serta cadangan kepada pihak berwajib dalam meningkatkan kompetensi penguasaan nahu guru Bahasa Arab. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kompetensi pengetahuan nahu guru Bahasa Arab di SABK di Malaysia berada pada tahap yang baik. Namun, beberapa usaha penambahbaikan perlu diberikan perhatian demi menjamin tahap kompetensi guru Bahasa Arab di Malaysia secara umumnya terhadap penguasaan Nahu.

Kaedah lain juga adalah dengan menitikberatkan sudut pandang pelajar yang perlu diambil kira dalam memperbaiki kualiti pelajaran dan pembelajaran seperti yang dinyatakan di dalam bab yang bertajuk “*Pandangan Pelajar Diploma Bahasa Arab Terhadap Kaedah Pengajaran Sebagai Faktor Peningkatan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*”. Hasil kajian mendapati bahawa pandangan pelajar terhadap kaedah pengajaran pensyarah Bahasa Arab dilihat memuaskan namun terhadap isu yang perlu diberikan perhatian iaitu berkaitan isu penggunaan bahasa arab secara sepenuhnya dalam pengajaran Bahasa Arab. Namun hal ini perlu diteliti secara mendalam dengan mengambil kira tahap kemampuan dan kesediaan pensyarah serta para pelajar untuk melalui sesi pembelajaran Bahasa Arab secara kaedah langsung itu. Dalam bab bertajuk “*Minat dan Kefahaman Ilmu Taujih Al-Qiraat Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran KUIS*” pula, persepsi pelajar dapat dikenalpasti sekaligus mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar. Dapatan kajian mendapati bahawa para pelajar yang mengikuti subjek taujih qiraat ini pada permulaannya kurang berminat kerana mereka tiada pendedahan berkaitan subjek ini. Selepas melalui proses pembelajaran, minat mereka terhadap ilmu taujih ini semakin bercambah. Namun tahap kefahaman pelajar berkaitan ilmu taujih ini pula masih berada tahap kurang memuaskan. Hal ini adalah disebabkan kelemahan mereka dalam menguasai bahasa Arab.

Rumusannya, penulisan buku ini khususnya disediakan sebagai rujukan bagi ahli akademik, para penuntut di institusi pengajian tinggi dan amnya kepada seluruh lapisan masyarakat. Ia memberi pendedahan berkaitan wacana pendidikan yang diolah berdasarkan sumber ambilan yang berfakta. Semoga perkongsian ilmiah yang mencakupi pelbagai topik pendidikan ini akan membantu menyelitkan kefahaman dalam jiwa pembaca, memberikan pencerahan maklumat dalam usaha membina peradaban Islam bagi mendepani cabaran dunia baru era mendatang.

## **BAB 1**

### **PERANAN INSTITUSI SOSIAL DALAM PENDIDIKAN MASYARAKAT**

Mariam Abd. Majid<sup>1</sup> & Tajul Nizam Ibrahim

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### **PENDAHULUAN**

Aspek pendidikan merupakan wahana utama bagi membentuk kesejahteraan hidup manusia. Proses pendidikan masyarakat perlu dilaksanakan secara holistik meliputi semua lapisan golongan dalam masyarakat antaranya remaja, belia, warga emas, orang kelainan upaya, gelandangan, fakir dan miskin. Pihak kerajaan memberi perhatian yang serius terhadap aspek pendidikan masyarakat menerusi pembinaan pelbagai pelan dan dasar dalam negara. Namun isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat antaranya peningkatan gejala sosial dalam kalangan remaja dan belia, pengabaian terhadap golongan warga emas, kelainan upaya, gelandangan serta masalah kewangan dalam kalangan fakir dan miskin dikenalpasti menjadi hambatan dalam usaha-usaha pendidikan masyarakat yang dilaksanakan oleh kerajaan. Sehubungan itu, institusi-institusi sosial seperti keluarga, agama, pendidikan, kebajikan, kesihatan, ekonomi, politik dan kejuruan dilihat penting berperanan sebagai tulang belakang untuk membantu usaha-usaha mendidik masyarakat dalam usaha mencapai kesejahteraan dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Pengemblengan peranan institusi sosial dalam pendidikan masyarakat ini dapat direalisasikan dengan keprihatinan serta kerjasama semua pihak dan seluruh anggota masyarakat.

#### **INSTITUSI SOSIAL**

Idea asas kepada institusi sosial bermula pada akhir kurun ke 19. Institusi sosial adalah peraturan yang menyusun perhubungan antara individu, sekumpulan orang berkedudukan sosial yang sama dan mempunyai hubungan dan peranan kemasyarakatan serta mempunyai fikiran, peraturan dan praktis tentang bagaimana kehendak asas masyarakat itu dapat dicapai dengan perasaan saling mempercayai (Mei Ling, 2020).

Institusi sosial mempunyai peranan berbeza dalam masyarakat yang berbeza (Engelstad, n.d.). Durkheim menggariskan lingkungan institusi umum masyarakat sebagai merangkumi: Keagamaan, politik, moral, perundangan, ekonomi dan kesenian (Engelstad, n.d.). Menurut Calvin dan Budiman (2009), institusi sosial terdiri dari lima pilar iaitu keluarga, gereja, pemerintah, ekonomi, dan pendidikan. Institusi sosial adalah satu bentuk organisasi kehidupan masyarakat, yang berkembang selama satu tempoh masa dan membolehkan adanya interaksi di kalangan manusia dalam menjalan dan menyelesaikan tugas-tugas penting kehidupan bermasyarakat.

#### **KATEGORI INSTITUSI SOSIAL**

Berikut adalah antara kategori institusi sosial dan peranannya meliputi institusi keluarga, agama, pendidikan, kebajikan, kesihatan, ekonomi, politik dan kejuruan.

## INSTITUSI KELUARGA

Institusi keluarga adalah pautan yang paling penting dalam struktur masyarakat secara umum, memupuk dan menyokong setiap individu. Institusi keluarga adalah unit sosial terkecil yang terdiri daripada ayah, ibu dan anak. Hubungan antara anggota keluarga diatur supaya setiap ahli keluarga mempunyai peranan dan fungsi yang jelas dalam keluarga. Keluarga berperanan mempamerkan contoh mendidik anak-anak bagaimana bergaul dengan masyarakat secara positif.

Peranan ini menunjukkan bahawa institusi keluarga menjadi asas utama dalam usaha pendidikan awal anak-anak kerana pendedahan ilmu dan keupayaan intelektual manusia yang pertama diperolehi oleh anak-anak daripada ibubapa dan ahli keluarga. Fungsi dan tugas ibubapa dalam perkembangan sahsiah diri dari awal sangat penting dan berpengaruh dalam menentukan terbentuknya keturunan seperti diterangkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Abu Hurairah r.a, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ كَمَا تَلِدُ الْبَيْهِيمَةَ تُنْتَجُ الْبَيْهِيمَةَ هَلْ تَرَى فِيهَا جَدْعَاءَ

Maksudnya: “Daripada Abu Hurairah RA berkata; Nabi SAW bersabda: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kemudian kedua orang tunyalah yang akan menjadikan anak itu menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi sebagaimana binatang ternak yang melahirkan binatang ternak dengan sempurna. Apakah kalian melihat ada cacat padanya?"

(Riwayat Bukhari)

Ibu bapa merupakan penggerak utama dalam membentuk tamadun kekeluargaan. Kerukunan sesebuah institusi rumah tangga menyumbang terhadap pembentukan tamadun bangsa bagi sesebuah negara. Untuk tujuan tersebut, ibu bapa hendaklah sentiasa mengingatkan anak-anak bahawa hanya dengan pendidikan, kedudukan sesebuah bangsa dapat dimartabatkan (Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain , 2007). Ibu bapa memainkan peranan yang kritikal dalam pentarbiahan awal dalam mengolah dasar perkembangan diri anak. Peribahasa “Melentur buluh biarlah daripada rebungnya” membawa analogi bahawa untuk mendapatkan keberkesanan dalam pendidikan seseorang itu mestilah bermula daripada masa kanak-kanak (Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin, 2012).

## INSTITUSI AGAMA

Tempat beribadat adalah contoh institusi rohani yang menyokong nilai-nilai moral dalam masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan selanjutnya. Kewujudan institusi keagamaan diiktiraf kerana keperluan menyeragamkan sistem kepercayaan dan amalan agama dalam masyarakat yang diterima pakai secara meluas. Penghayatan beragama berupaya untuk memujuk seseorang untuk mengubah kelakuan dan pemikiran (Yusof et al., 2018). Institusi masjid terbukti berjaya memberika sokongan emosional kepada para jemaah dan memberikan perasaan ketenteraman kepada mereka (Abideen & Abbas, 2021).

Oleh itu, secara umumnya masyarakat pada hari ini melihat masjid sebagai tempat ibadat khusus dalam kehidupan Islam. Persepsi sedemikian perlu dimurnikan agar seluruh masyarakat memhami bahawa konsep sebuah tempat ibadat serta menyadari bahawa

pentingnya peranan tempat ibadat dalam membangunkan masyarakat. Di Malaysia, sejarah telah membuktikan bahawa kewujudan masjid merupakan sebuah rumah ibadat bagi umat Islam sebagai sebuah institusi yang penting pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka di mana masjid dan surau berperanan sebagai pusat pembelajaran dan penyebaran agama Islam. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa rumah ibadat merupakan institusi ilmu untuk kecemerlangan sesebuah masyarakat. Budaya ilmu sangat penting dan perlu disebarluaskan seperti dengan mengadakan kelas-kelas seperti kelas pembelajaran ilmiah, tuisyen akademik, pelajaran kemahiran komputer, kelas sains, kelas matematik dan lain-lain pelajaran bermula daripada peringkat kanak-kanak sehingga kepada peringkat dewasa. Institusi agama terutama dalam menitik berat rumah ibadat perlu diperkasakan seiring dengan modenisasi yang berlaku pada era kontemporari ini agar rumah ibadat dilihat benar-benar berfungsi dalam membangunkan insan serta masyarakat yang sejahtera dan cemerlang terutama dalam pendidikan.

## **INSTITUSI PENDIDIKAN**

Sekolah merupakan antara institusi sosial pendidikan berperanan melahirkan modal insan dengan penyaluran ilmu pengetahuan. Institusi pendidikan adalah institusi sosial yang menjadi tempat belajar, latihan dan bersosial. Institusi pendidikan terbahagi kepada kategori pendidikan formal dan bukan formal. Pendidikan formal seperti sekolah menawarkan pendidikan berjenjang dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat tahap tinggi. Sementara itu, antara contoh pendidikan bukan formal ialah memberikan kursus-kursus kemahiran dan seumpamanya. Sekolah adalah antara institusi sosial yang berpengaruh dalam aspek pendidikan menerusi usaha menyampaikan pengetahuan kepada murid-murid sekolah supaya murid-murid dapat bergaul secara baik.

Pada awal tahun lalu, negara dan dunia mula digemparkan dengan kehadiran virus baru Covid-19 yang sangat membimbangkan. Virus ini berupaya menyerang burung dan mamalia termasuk manusia dan boleh menyebabkan infeksi pernafasan seperti flu, demam dan kelelahan (Sulistiani & Kaslam, 2020). Penularan wabak Covid 19 ini meletakkan semua negara di dunia berdepan dengan cabaran kritikal ekoran implikasinya memberi impak terhadap nyawa individu dan survival negara. Keadaan ini menyebabkan para pemimpin negara terpaksa menumpukan perhatian serius untuk membendung penularan wabak ini dengan memperkukuhkan pengurusan kesihatan dan menguatkuasakan beberapa peraturan yang mesti dipatuhi oleh rakyat. Usaha membendung penularan wabak ini memerlukan sokongan daripada semua pihak dalam pelbagai peringkat. Langkah mengekang wabak ini melibatkan banyak pihak dan sokongan utama bagi setiap individu bermula daripada institusi keluarga (Zhang & Ma, 2020).

Penyakit Covid-19 yang melanda membawa kesan menyeluruh kepada landskap kehidupan termasuk sektor pendidikan (Grubic et al., 2020). Golongan pelajar tidak terkecuali dari cabaran ini. Pandemik COVID-19 telah membawa cabaran yang tidak pernah dunia lalui sebelum ini dan natijah kepada kesihatan, ekonomi dan kehidupan harian masih belum dapat dijangka sepenuhnya (Kao et al., 2020).

Para pelajar terpaksa menyesuaikan diri dengan suasana dunia yang berubah dan persekitaran pembelajaran yang baru. Sesi persekolahan dan pengajian di institusi pengajian (IPT) telah beralih sepenuhnya dari sesi bersemuka kepada sesi atas talian. Perintah berkurung atau pergerakan terhad yang dikenakan membuatkan para pelajar terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan serba baru. Malaysia tidak terkecuali dari menghadapi cabaran dari pembelajaran atas talian ini dan di antara cabaran berkenaan adalah permintaan kemudahan talian internet, peralatan elektronik untuk komunikasi, gangguan pembelajaran

dengan suasana yang tidak kondusif dan penyesuaian diri semasa sesi atas talian (Yusuf, 2020). Para pelajar yang terlibat dengan Perintah Kawalakan Berkurung (PKK), tidak dapat bergerak bebas. Bagi mereka yang tinggal di IPT dan tidak sempat pulang ke rumah, terpaksa berkampung di kampus. Untuk pelajar yang sempat pulang ke rumah masing-masing, pada mulanya dapat menarik nafas lega, Namun sebaik sesi pembelajaran bermula, maka timbullah cabaran capaian internet bagi mereka yang tinggal di luar kawasan liputan. Cabaran lain yang timbul adalah kekangan pemilikan alat elektronik untuk pembelajaran seperti telefon bimbit dan komputer riba, kewangan untuk membeli dan juga gangguan bunyi bagi mereka yang tinggal di kawasan perumahan sempit. Bagi mereka yang tinggal di kampus, capaian internet tidak menjadi masalah, namun keterbatasan pergerakan dan alat elektronik dan kekangan kewangan amat memberi kesan. Bagi pelajar sekolah, kesan pertukaran metod pembelajaran turut di alami seperti mana pelajar di IPT. Pelajar luar bandar yang tinggal jauh dari kemudahan prasarana dan liputan, kesannya lebih ketara. Dari kajian yang dijalankan di Filipina, kesan Covid-19 kepada sektor pendidikan memerlukan usaha menyeluruh untuk institusi pendidikan, golongan pendidik dan juga pelajar untuk menyesuaikan diri dengan teknologi dan menambah baik kemahiran digital selari dengan pertukaran persekitaran dan realiti dunia pendidikan yang serba baru.

### **INSTITUSI KEBAJIKAN**

Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah salah sebuah institusi sosial yang berperanan besar dalam aspek kebajikan. Tujuan utama penubuhan JKM bertujuan meneraju kebajikan dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat (JKM 2017). Pada tahun 2020, Malaysia di letakkan pada kedudukan ke 40 dari 167 buah negara oleh *The Legatum Prosperity Index 2020* (prosperity.com/ranking dilayari May 2021) yang mengukur bagaimana kemakmuran itu terbentuk dan berubah bagi sesebuah negara di dunia ini. Pencapaian ini bolehlah dianggap sebagai suatu keadaan yang sederhana baik di mata dunia. Secara tidak langsung, ini membuktikan bahawa JKM berjaya memainkan peranannya dalam memakmurkan negara Malaysia. Pada tahun 2018, peruntukan yang diberikan kepada JKM berjumlah RM1,862,097,800 yang merupakan peruntukan terbesar oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) di bawah Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2018 ([www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my), dilayari Mei 2021). Kajian Noor Hafizah (2016) dan Zalina binti Mgt Mat (2012) menunjukkan bahawa JKM telah memainkan peranan yang penting dalam menyumbang terhadap kesejahteraan masyarakat, meskipun peranannya masih boleh dipertingkatkan.

### **INSTITUSI KESIHATAN**

Semasa pandemik Covid-19, paramedik memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan cabaran semasa, dengan kadar kematian yang sangat tinggi dan keadaan ini turut memberi kesan kepada para pelajar (Hayes et al., 2020). Kesan buruk Covid-19 ini semakin menakutkan dengan bukti-bukti yang dapat dilihat serata dunia. Kadar faktor psikologi dalam krisis kesihatan ini boleh menjadi lebih parah dengan jumlah kadar kematian, kadar pengangguran dan langkah langkah kuarantin terus ditingkatkan pada kadar yang amat kritikal (Lee et al., 2020). Isu kesihatan adalah elemen yang penting kepada pelajar. Sebarang bentuk gangguan kesihatan bakal menjejaskan pencapaian pelajar termasuk ketakutan dan ketidaktentuan psikologi dalam kalangan orang awam, dan kesan sampingannya terhadap kesihatan seseorang (Grubic et al., 2020). Covid19 telah merubah corak kehidupan dan ketakutan, trauma, rasa gementar dan perasaan tidak gembira kepada manusia. Kemurungan yang melanda perlu di tangani dengan segera.



Sinar Harian (2021), Dr. Noor Hisham berkata kementerian kesihatan dengan kerjasama KPM akan sentiasa memastikan aspek kesihatan serta keselamatan warga institusi Pendidikan terus diutamakan. Beliau berkata, kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi memastikan institusi pendidikan adalah kondusif dan selamat untuk pengajian sekali gus akan mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 dan juga lain-lain jangkitan.

## **INSTITUSI EKONOMI**

Institusi ekonomi adalah tempat menjalankan aktiviti untuk memenuhi keperluan bagi mencapai kesejahteraan. Beberapa fungsi institusi ekonomi adalah panduan untuk jual beli, forum untuk mendapatkan barang keperluan, dan memberi identiti kepada masyarakat. Institusi wakaf dalam sistem kewangan Islam mempunyai peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Di negara kita, pengurusan dan pentadbiran harta wakaf adalah berada dibawah kelolaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan dalam pembangunan tanah wakaf, ianya mampu mendatangkan faedah dan manfaat yang banyak kepada masyarakat tidak kira masyarakat. Wakaf merupakan instrumen kewangan yang berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan sesebuah negara, malah terlibat dalam pembinaan tamadun suatu ketika dahulu. Hal ini kerana fungsi dan peranan wakaf atau juga disebut sebagai sektor ketiga ini adalah sangat besar (Mahmood et al., 2017). Di dalam kajian bertajuk Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu dan Cabaran ini, negara Turki merupakan sebuah contoh di mana pelaksanaan sistem wakafnya meliputi institusi keagamaan, pendidikan, kemudahan awam, pertanian dan perladangan. Di Malaysia, pentadbiran wakaf terletak di bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan ini menjadikan corak pentadbiran wakaf setiap negeri adalah berbeza. Dari perspektif ekonomi, wakaf didefinisikan sebagai dana yang ditahan dari sebarang penggunaan, oleh sebab ianya akan dilaburkan pada aset produktif yang akan memberi manfaat dan hasil yang dapat memberi faedah kepada individu atau kelompok tertentu dan boleh terdiri dari wakaf am atau wakaf khusus (A. Ibrahim & Ab, 2021). Wakaf telah berjaya memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi Malaysia seperti Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang berjaya membina flat dan lot kedai untuk kemudahan asnaf dan juga model wakaf korporat Jcorp dan pengembangan saham wakaf melalui pusat dialisis berjumlah RM6 juta oleh Majlis Agama Islam Johor (Manshor & Abdullah, 2021). Namun secara keseluruhannya, institusi wakaf di Malaysia mempunyai cabaran tersendiri seperti kekurangan dana untuk pembangunan sesuatu projek, wujudnya elemen kawalan dalaman, kepincangan pangkalan data untuk rujukan, tahap kesedaran yang rendah dalam institusi wakaf, kekurangan tenaga pakar dalam aspek teknikal dan profesional serta ketidakseragaman perundangan wakaf. Usaha sama dan kesepakatan dari semua pihak amat diperlukan untuk mencari jalan menghadapi cabaran yang dihadapi oleh institusi wakaf di Malaysia, agar institusi sosial wakaf ini dapat memainkan peranan yang lebih besar dan menyeluruh kepada masyarakat.

Pasaraya besar di Malaysia turut sama memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi dan menyumbang kepada masyarakat. *Corporate Social Responsibility* (CSR). Konsep CSR biasanya menerangkan bagaimana wujudnya hubungan antara syarikat memberikan perkhidmatannya kepada masyarakat (Juholin, 2004). Amalan CSR adalah bahagian penting yang membantu syarikat untuk mendapatkan kesetiaan pengguna dan menaikkan imej organisasi (Clark, 2000). Namun disebalik usaha murni CSR yang dijalankan oleh syarikat syarikat ini, masih terdapat manipulasi di antara niat kebajikan dan matlamat perniagaan. Kebanyakan syarikat yang menjalankan CSR sebenarnya mementingkan perniagaan berbanding amalan kebajikan yang mereka lakukan. Para pengguna di Malaysia sangat menerima idea berbelanja di pasar raya besar untuk barang keperluan mereka. CSR yang dijalankan sebenarnya mampu untuk peluang pengembangan perniagaan dan pada masa yang sama dapat memaksimumkan keuntungan (Abdullah et al., 2019).

Peranan institusi ekonomi berfungsi menyediakan organisasi ekonomi, tadbir urus dan pembangunan yang berkesan. hubungan-hubungan harta menetapkan sebarang nilai (terutamanya bahan) untuk orang tertentu atau organisasi, yang membolehkan mereka untuk mendapatkan pendapatan. Upah sebagai institusi sosial saraan pekerja untuk kerja-kerja yang dilakukan. Kumpulan ini juga termasuk pasaran wang dan banyak lagi.

## **INSTITUSI POLITIK**

Parti politik merupakan antara institusi sosial yang berperanan mengawal sebarang hubungan politik kuasa dalam masyarakat. Kestabilan negara sangat penting demi kemakmuran rakyat. Cabaran kepimpinan di era globalisasi ini memerlukan keupayaan pentadbiran sesebuah negara bertindak balas dengan cepat, tepat dan sesuai dengan keadaan. Kelemahan pentadbiran kerajaan sesebuah negara merugikan rakyat dan memberi kesan kepada kemakmuran negara. Semenjak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah mengorak langkah dan mencapai kejayaan membanggakan dalam pembangunan negara. Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 negara telah mengorak langkah dengan mengubah struktur sistem pendidikan dan memberikan tumpuan kepada perpaduan sosial, pembangunan ekonomi dan politik. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilancarkan dan terbukti membawa keabikan kepada negara. Sebelum tahun 1970, kedudukan kaum Bumiputera adalah lemah dan kestabilan kerajaan Malaysia telah membawa kemakmuran kepada negara. Perancangan Pembangunan Jangka Panjang yang dilancarkan oleh kerajaan dan Dasar Pembangunan Nasional telah memberikan sumbangan pembangunan kepada negara (Dan & Perancangan, 2009). Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama dan sememangnya ia menjadi cabaran kepada mana mana negara khususnya dalam menguruskan kepelbagaian sosial (Ahman et al., 2021). Kerajaan Malaysia telah mencatatkan banyak kejayaan dalam pentadbiran negara. Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang berprinsipkan ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ dan menjadi landasan pembentukan National Key Result Area (NKRA) atau Bidang Keberhasilan Utama Negara berjaya menyumbang pengurangan masalah perlakuan jenayah di Malaysia dan berjaya meningkatkan imej Malaysia sebagai antara negara paling selamat dan aman (Kanyo et al., 2015). Malaysia mengamalkan pendekatan integrasi politik berbagai kaum yang dapat dilihat melalui perikatan politik semenjak kemerdekaan melalui Barisan Nasional, Angkatan Perpaduan Ummah, Pakatan Harapan dan Muafakat Nasional yang membuktikan kerjasama politik masyarakat multi-etnik Malaysia hidup dalam harmoni dan kestabilan negara dapat dikekalkan (Mahadee, 2020). Institusi politik secara umumnya berperanan memastikan keadaan aman damai dalam negara agar tidak timbul sebarang masalah.

## **INSTITUSI KEJIRANAN**

Jiran memainkan peranan yang penting dalam kehidupan. Agama Islam amat menitikberatkan urusan yang berkaitan dengan jiran. Antara firman Allah yang diperintahkan kepada manusia untuk melakukan kebaikan kepada jiran adalah seperti ayat Al Quran berikut:

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۚ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

(Surah al-Nisa: Ayat 36)

Bermaksud: *“Dan bendaklah kamu beribadah kepada Allah dan janganlah kamu seketukan Dia dengan sesuatu apa jua. Dan bendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anan-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangg yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong dan membangga-banggaan diri”*.

Menjalani kehidupan bermasyarakat adalah tuntutan agama. Mempunyai hubungan yang baik sesama jiran membawa kemakmuran dan kesejahteraan hidup. Nikmat ketenangan yang diperoleh membolehkan kita memperoleh kemudahan untuk beribadah selain mejalani urusan harian yang lain. Malaysia unik dengan komposisi kaum yang pelbagai. Semangat kejiranan amat penting untuk perpaduan dan tanpa amalan kejiranan yang baik, kestabilan politik dan ekonomi tidak mungkin tercapai. Jiran didefinisikan sebagai orang yang tinggal berhampiran dan bersebelahan, juga merujuk kepada orang atau individu yang tinggal bersempadan antara satu sama lain (Maisarah Saidin et al., 2020). Hubungan kejiranan dan kekeluargaan jika disepadukan, nilai kesejahteraan yang diperolehi adalah lebih ketara dan (Hussain et al., 2011). Pengamalam nilai kejiranan berupaya membentuk masyarakat sejahtera. Bertoleransi dapat meningkatkan kebahagiaan dan institusi kejiranan amat perlu dijaga demi kebaikan bersama.

## **PERANAN INSTITUSI SOSIAL**

Kewujudan institusi sosial menjadi pedoman kepada manusia agar bertindak sesuai dengan norma dan memelihara integriti sosial. institusi sosial yang wujud berupaya mencegah daripada konflik, pelanggaran hukum atau masalah sosial yang mengancam kestabilan hubungan masyarakat dan mengembalikan keserasian sosial atau memperbaiki konflik dengan menjatuhkan hukuman kepada pihak yang melakukan pelanggaran sosial.

Semua kumpulan dan institusi sosial saling berkaitan sekali gus memberi kesan antara satu sama lain. Perkaitan antara institusi sosial ini dapat dilihat antara contoh bidang kuasa negeri bukan hanya melaksanakan fungsi-fungsi politik tetapi juga mengawal selia hubungan ekonomi, campur tangan dalam rohani bidang masyarakat. Fungsi pemeliharaan warisan budaya, rohani, intelek, industri dan lain-lain yang terkumpul semasa kewujudan masyarakat. Perlu diambil perhatian oleh ahli ekonomi dan institusi sosial tanggungjawab untuk pengeluaran, pengedaran dan pertukaran bahan dan kebajikan lain. Selain itu, institusi sosial turut berperanan dalam pengurusan dan kawalan terhadap anggota dalam masyarakat. Ia datang hasil daripada perubahan keperluan awam dan kepentingan kehilangan institusi dalam masyarakat. Menurut Buerah et al (2015), Institusi sosial seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru, badan-badan NGO, Institusi masjid, media massa, badan kebajikan perumahan dan pihak keselamatan khususnya pasukan polis dan akhir sekali penguatkuasa undang-undang dan semua pihak yang berkepentingan dalam masyarakat termasuk ibu bapa, sekolah, Kementerian Pelajaran, institusi sosial.

Modal sosial merupakan salah satu elemen penting dalam mengurangkan insiden kemiskinan kerana mampu mempengaruhi tingkat pendapatan individu atau isi rumah dalam sesebuah negara. Ismail et al., 2016 dan (Nur Sabrina Mohd Palel, Rahmah Ismail & Abdul Hair Awang , 2016) mengemukakan kajian bertajuk Tahap dan Penentu Indeks Modal Sosial di Malaysia bertujuan mengemukakan tahap dan mengenal pasti penentu indeks modal sosial di Malaysia merangkumi lima negeri di Semenanjung Malaysia; iaitu Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Johor dan Terengganu.

Negara Malaysia perlu melaksanakan aktiviti yang berupaya menambah hasil perseorangan atau keluarga agar dapat meningkatkan indeks modal sosial dan seterusnya pencapaian yang lebih tinggi dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Modal sosial atau *social capital* boleh ditakrifkan sebagai jaringan hubungan dalam kalangan manusia yang tinggal dan bekerja dalam sesebuah masyarakat yang membolehkan masyarakat itu berfungsi dengan berkesan (Moore & Kawachi, 2017). Berbalik kepada kajian Rahmah Ismail, indeks modal sosial dalam kajian ini berada pada tahap sederhana dan tinggi, namun jelas masih ada yang memiliki indeks sosial yang rendah. Dapatan menunjukkan bahawa negeri-negeri yang lebih maju mempunyai peratus responden lebih tinggi dengan tahap modal sosial yang tinggi dan seterusnya mempunyai tahap pembangunan ekonomi yang lebih tinggi. Maka kerajaan sepatutnya menyusun lebih banyak strategi yang boleh membantu masyarakat khususnya mereka yang berpendapatan rendah melalui pinjaman modal perniagaan atau memberi peluang untuk belajar kemahiran tertentu. Dapatan juga menunjukkan perbezaan sosioekonomi antara bandar dan luar bandar memerlukan usaha kerajaan untuk membangunkan infrastruktur dan peluang pekerjaan.

Di Malaysia, terdapat berbagai program pembangunan. Dalam sebuah kajian oleh (Abu Talib et al., 2018), program pembangunan semula pada sektor sosial di Kuala Krai Kelantan selepas banjir besar yang melanda pada 2014, menunjukkan betapa pentingnya rehabilitasi kepada rakyat. Banjir berkenaan telah menyebabkan nilai kerosakan berjumlah RM63.6 juta di daerah itu. Kajian ini menunjukkan keperluan kritikal yang diperlukan penduduk setempat adalah tempat tinggal; kesihatan; pendidikan dan warisan budaya. Untuk pemerkasaan komuniti pula pembinaan Pusat Masyarakat Bersepadu Integrated Community Centre (ICC) dikenalpasti sebagai potensi penyelesaian masalah yang utama. Bertindak dari peristiwa banjir ini, Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Kelantan telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama Menangani Pasca Banjir dan dipengerusikan oleh Mentari Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakub dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed (Astro Awani, 2015) dan langkah pertama yang telah diambil adalah memastikan kesemua mangsa banjir dapat kembali ke rumah masing-masing.

Di dalam masalah penagihan dadah di Malaysia, program rehabilitasi sosial turut mempunyai peranannya tersendiri. Menurut United Nations Office on Drugs and Crime, pada tahun 2020 lebih dari 35.6 juta orang yang menggukakan dadah menderita akibat penyalahgunaannya (World Drug Report 2020). Malaysia juga menghadapi masalah peningkatan dadah pada setiap tahun AADK (2011). Kerajaan dan badan bukan kerajaan telah mengambil langkah aktif untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di negara kita. Sepanjang Januari hingga September 2017, sejumlah 1,731 pelajar sekolah menengah positif dadah dari pelaksanaan ujian saringan air kencing terhadap 36,664 pelajar seluruh negara (Astro Awani, 2017). Meskipun program pemulihan dadah dalam konteks rehabilitasi sosial ini wujud, namun ianya masih tidak mencukupi untuk Malaysia. Program rawatan dadah di penjara Malaysia masih belum mencukupi dan peluang untuk banduan kembali ke penjara adalah satu fenomena biasa (Cheah et al., 2020). Pesalah dadah ini mendapati mereka tidak berupaya untuk menyatukan diri dalam masyarakat sebaik dibebaskan kerana perasaan tidak ditolong, tidak mempunyai harapan dan juga tiada keupayaan diri. Mereka melihat kembali kepada dadah sebagai jalan akhir untuk mengatasi perasaan tidak diterima dalam persekitaran sosial.

Keadaan ekonomi negara Malaysia pada asasnya memberangsangkan namun Malaysia perlu memberi perhatian kepada cabaran pentadbiran dan sosial negara (OECD Economic Surveys: Malaysia, 2019). Permasalahan jenayah merupakan antara masalah sosial yang menunjukkan peningkatan di kebanyakan bandar di dunia termasuk Malaysia, namun

perlakuan jenayah di Malaysia dilaporkan sebagai masih pada kadar rendah berbanding negara lain (Kanyo et al., 2015). Nisbah kadar indeks jenayah untuk setiap 100,000 penduduk di Malaysia pada tahun 2019 dicatatkan bertambah baik pada kadar 256.6 berbanding 273.8 pada tahun 2018 (Mohd Yusrizal bin Ab. Razak, 2020). Meskipun begitu, perlakuan dan kejadian jenayah perlu di beri perhatian kerana kadar jenayah di enam rantau dunia menunjukkan rantau Asia berada di kedudukan ketiga tertinggi selepas Afrika dan Latin Amerika (Van Dijk et al., 2021).

## KESIMPULAN

Institusi sosial berperanan sebagai antara institusi yang perlu digerakkan dalam usaha mendidik masyarakat ke arah mencapai kesejahteraan hidup dunia dan akhirat. Namun ianya bersifat dinamik selaras dengan perubahan semasa persekitaran. Perubahan cara hidup yang semakin berasaskan teknologi telah memberi cabaran terhadap peranan institusi sosial. Keadaan ini menuntut perubahan dan penyesuaian bagi institusi sosial berperanan menerusi kandungan dan pelaksanaan yang berbagai menurut keadaan dan iklim tertentu agar peranan mendidik masyarakat terus kekal bersifat anjal mengikut kesesuaian semasa.

## RUJUKAN

- Abdullah, R. A., Sadq, Z. M., Othman, B., & Faeq, D. T. (2019). Recycling efficiency and waste minimization through students' behaviour on the university of leicester campus. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 23(2). <https://doi.org/10.37200/IJPR/V23I2/PR190323>
- Abideen, Z. U., & Abbas, F. (2021). Believers, Islamic Brotherhood and Mosque-Based Emotional and Informal Social Support System among Muslims in Pakistan. *Journal of Religion, Spirituality and Aging*, 33(1), 54–85. <https://doi.org/10.1080/15528030.2020.1827480>
- Abu Talib, I. F., Takim, R., Mohammad, M. F., & Hassan, P. F. (2018). Community Empowerment through Rehabilitation and Reconstruction in Social Sector of Kuala Krai, Kelantan, Malaysia. *Procedia Engineering*, 212(2017), 294–301. <https://doi.org/10.1016/j.proeng.2018.01.038>
- Adi Fahrudin & Husmiati Yusuf , (2014). Kefungsian Keluarga: Konsep dan Indikator Pengukuran dalam Penyelidikan Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. 11 Dis 2014.UMS
- Ahman, S. I. T. I. R. O. A. B. R., Amat, N. U. M., & Usuh, M. O. H. D. H. A. J. (2021). Peranan Kepimpinan Negara Dalam Era Pandemik Covid -19 Di Malaysia [ The Role Of National Leadership During The Era Of Covid-19 Pandemic In Malaysia ] Pengenaln Kepimpinan negara sememangnya menggalas tanggungjawab besar bagi memastikan matlamat dan agen. 1(2), 20–30.
- Ali, A., Md Rahim, I., dan Mustaffa, M.S. (2008) Peranan Komunikasi dalam Hubungan Kekeluargaan. Muat-turun daripada <https://www.slideshare.net/AtieAli/asiah-ali2008-peranankomunikasidalamhubungankekeluargaan>
- Budiman, K. S. (2009). Calvin dan Lima Pilar Institusi Sosial. *Veritas : Jurnal Teologi Dan Pelayanan*, 10(2), 189–205. <https://doi.org/10.36421/veritas.v10i2.219>
- Cheah, P. K., Unnithan, N. P., & Raran, A. M. S. (2020). Rehabilitation Programs for Incarcerated Drug Offenders in Malaysia: Experience-Based Perspectives on Reintegration and Recidivism. *Prison Journal*, 100(2), 201–223. <https://doi.org/10.1177/0032885519894656>
- Clark, C. E. (2000). Differences between Public Relations and Corporate Social Responsibility: An Analysis. *Public Relations Review*, 26(3), 363–380. [https://doi.org/10.1016/S0363-8111\(00\)00053-9](https://doi.org/10.1016/S0363-8111(00)00053-9)

- Dan, K., & Perancangan, S. (2009). Keperluan, Kepentingan Dan Sumbangan Perancangan Pendidikan Dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia. *E-BANGI: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 4(1), 13–29.
- Engelstad, F. (n.d.). *Social Institutions in Modern Democracy*. 1, 1–25.
- Fahmi, E. (2017). Epilog: Mengokohkan Institusi Sosial untuk Kesejahteraan Rakyat. In QJulmansyah, & Y. D. Erliana, *Jejak Warisan Yang Tersisa: Kisah Memudarnya Pengetahuan Lokal Masyarakat Sumbawa* (pp. 167-170). Sumbawa Literacy Institute.
- Grubic, N., Badovinac, S., & Johri, A. M. (2020). Student mental health in the midst of the COVID-19 pandemic: A call for further research and immediate solutions. In *International Journal of Social Psychiatry* (Vol. 66, Issue 5, pp. 517–518). SAGE Publications Ltd. <https://doi.org/10.1177/0020764020925108>
- Grubic, N., Badovinac, S., & Johri, A. M. (2020). Student mental health in the midst of the COVID-19 pandemic: A call for further research and immediate solutions. In *International Journal of Social Psychiatry* (Vol. 66, Issue 5, pp. 517–518). SAGE Publications Ltd. <https://doi.org/10.1177/0020764020925108>
- Habibie Bte Hj Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad, Nurul Hudani Md Nawi. Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal*, Volume 3, Issue 5, (page 18 - 24), 2018.
- Hussain, M. Y., Samsurijan, M. S., Ishak, S., & Awang, A. H. (2011). Hubungan kejiranan dalam membentuk kesejahteraan hidup masyarakat 'kampung bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia (The influence of neighbourliness in shaping the social wellbeing of urban villages: Evidence from Kampung B. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 7(3), 36–44.
- Ibrahim, A., & Ab, A. (2021). PERANAN IJTIHAD JAMA ' I DALAM PEMBENTUKAN SKIM WAKAF TUNAI DI MALAYSIA Role of Collective Ijtihad on the Emergence of Cash Waqf Scheme in Syariah diturunkan kepada umat Islam sejak 1400 tahun yang lalu dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai ruj. 23(1), 53–70.
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Hassan, N., Kamaluddin, M. R., Shahrazad, W., Sulaiman, W., Yunos, N. A., Kajian, P., Manusia, K., & Sains, F. (2021). Profil dan Pengalaman Menggunakan Dadah dan Keterlibatan Jenayah Dalam Kalangan Banduan Melayu di Malaysia Profiles and Experiences of Drug Use and Criminal Involvement among Malay Offenders in Malaysia. 7(1), 55–66.
- Ismail, R., Mahfodz, N. D., & Sulaiman, N. (2016). Tahap dan penentu indeks modal sosial di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 34(2), 101–121. <https://doi.org/10.21315/km2016.34.2.5>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, *Pelan Strategik 2016-2020* (2017), KPWK M.
- Juholin, E. (2004). For business or the good of all? A Finnish approach to corporate social responsibility. *Corporate Governance: The International Journal of Business in Society*, 4(3), 20–31. <https://doi.org/10.1108/14720700410547477>
- Kanyo, N., Rainis, R., Tarmizi, A., Rahman, A., Jubit, N., & Jenayah, Y. P. (2015). Mengurus ruang jenayah: suatu tinjauan dasar pengurangan jenayah di Malaysia. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2), 107–117.
- Kao, L. E., Peteet, J. R., & Cook, C. C. H. (2020). Spirituality and mental health. *Journal for the Study of Spirituality*, 10(1), 42–54. <https://doi.org/10.1080/20440243.2020.1726048>
- Kojima, H.1988. The Role Of Belief-Value Systems Related To Child-Rearing And Education: The Case Of Earlymodern To Modern Japan. In Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. pp. 227-253. India: Sage Publications

- Mahadee, I. (2020). Dinamika Integrasi Politik Melalui Kerjasama Politik Di Malaysia: Teras Kepada Tapak Integrasi Masyarakat Multi-Etnik. 47(December), 332–356.
- Mahmood, R. H., Mustaffha, N., Musafar Hameed, L. B., & Johari, N. (2017). Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017), 2017(ICoMM), 43–51. <http://conference.kuis.edu.my/icommm/4th/e proceedings/IC 005.pdf>
- Maisarah Saidin, Siti Mardhiyah Kamal Azhar, & Norwardatun Mohamed Razali. (2020). Peranan Institusi Kejiranan ketika Pandemik Covid-19 Menurut Perspektif Sunnah. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 16(2), 48–68. <https://doi.org/10.33102/jmqsv16i2.225>
- Manshor, Z., & Abdullah, S. (2021). Wakaf Dan Keusahawanan Sosial: Potensi Dalam Memperkasakan Ekonomi Muslim. *Journal Website: Journal ...*, 98–103. [http://journal.zakatkedah.com.my/wp-content/uploads/2021/04/Vol.-3-Issue-1\\_98-103.pdf](http://journal.zakatkedah.com.my/wp-content/uploads/2021/04/Vol.-3-Issue-1_98-103.pdf)
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah & Nurul Izzah (2019). Faktor Penglibatan Remaja dalam Salah Laku Seksual: Kajian Terhadap Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor: Teenagers' Involvement Factor in Sexual Misconduct: A Study on Teenagers' Premarital Pregnancy in Selangor State Moral Rehabilitation Centre. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 94–109. Retrieved from <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/59>
- Mei Ling, L. (2020). Institusi Sosial: Perannya Dalam Keberlangsungan Ruang Publik Terpadu Ramah Anak Di Jakarta. *Jurnal Muara Sains, Teknologi, Kedokteran Dan Ilmu Kesehatan*, 3(2), 193. <https://doi.org/10.24912/jmstkk.v3i2.3367>
- Moore, S., & Kawachi, I. (2017). Twenty years of social capital and health research: A glossary. *Journal of Epidemiology and Community Health*, 71(5), 513–517. <https://doi.org/10.1136/jech-2016-208313>
- Myers, S. M. (1996). An interactive model of religiosity inheritance: The importance of family context. *American Sociological Review*, 61(5), 858–866. <https://doi.org/10.2307/2096457>
- Normadiah. 2016. *Jurnal AL-AFKAR* Vol. II, No. II, Oktober 2013
- Norsahida Sakira Kirman, Mohammad Majaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Azlina Mohd Khir, Wan Munira Wan Jaafar, 2021)
- Nur Sabrina Mohd Palel, Rahmah Ismail & Abdul Hair Awang . (2016). The Impact of Foreign Labour Entry in the Labour Productivity in the Malaysian Manufacturing. *Journal of Economic Cooperation & Development*, Volume 37, Issue 3, 29.
- OECD ECONOMIC SURVEYS: MALAYSIA. (2019). OECD Economic Surveys: Malaysia 2019. In *OECD Economic Surveys: Malaysia 2019* (Issue July). <https://doi.org/10.1787/eaaa4190-en>
- Panjaitan, D. S., & Daulay, W. (2012). Pola Asuh Orang Tua Dan Perkembangan Sosialisasi Remaja Di Sma Negeri 15 Medan. *Jurnal Keperawatan Holistik*, 1(1).
- Rahman, H. A., & Kadir, H. Ab. (2008). Masalah Keluarga Melayu Bandar : Isu Dan Cabaran. *Isu-Isu Sosial*, 107–125
- Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain. 2007. Peranan Institusi Keluarga Dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan* bil.9, Jun 2007.73-82
- Samsudin A Rahim . 2015 . Media Dan Konstruksi Sosial : Implikasi Terhadap Isu Sosial Remaja. <https://www.ippbm.gov.my/jdownloads/kertaskerja/media-dan-konstruksi-sosial-implikasi-terhadap-isu-sosial-remaja-20.pdf>
- Sarjit Singh Gill. 2018. Berita Harian Online. Institusi Sosial Kukuh Bantu Jayakan TN50 <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2018/03/395034/institusi-sosial-kukuh-bantu-jayakan-tn50>. Akses pada 24 Mei 2021.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. 2018. Kemiskinan Keluarga Dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian

- Kes Di Jajahan Bachok, Kelantan. *Journal Of Social Sciences And Humanities*. Vol. 13, No.2 (2018) 011-023.
- Sulistiani, K., & Kaslam, K. (2020). Kebijakan Jogo Tonggo Pemerintah Provinsi Jawa Tengah dalam Penanganan Pandemi Covid-19. *Vox Populi*, 3(1), 31.
- Wahab, Z. A., Kurniawan, Y., & Wahab, H. A. (2013). Pengurusan Masalah Sosial yang Berlaku dalam Komuniti Pesisir di Kelantan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 24(1), 56–77.
- World Drug Report 2020. <https://dataunodc.un.org/>
- Yahaya, A. (2008). Sejarah Sikap Pemeliharaan Kanak-kanak: Stail Kekeluargaan, Pendidikan Kekeluargaan. Muat-turun daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/6032/1/bukukeluarga.pdf>.
- Yusof, N., Hashim, R. A., Azizuddin, M., Sani, M., & Dalib, S. (2018). Exploring Religion Based Persuasive Factors To Rationalise Violence Among Muslim Youth in Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 15(5), 66–78.
- Yusuf, B. N. (2020). Are We Prepared Enough? A Case Study Of Challenges In Online Learning In A Private Higher Learning Institution During The Covid-19 Outbreaks. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 7(5), 205–212. <https://doi.org/10.14738/assrj.75.8211>
- Zhang & Ma. (2020). Impact of the COVID 19 Pandemic on Mental Health and Quality of Life among Local Residents in Liaoning Province, China: A Cross-Sectional Study. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(7), 2381 <https://doi.org/10.3390/ijerph17072381>
- Zurina Mahadi 1 & Hukil Sino *Jurnal Pengajian Umum Bil. 8. 77-94*, <https://core.ac.uk/download/pdf/11490259.pdf>.



## **BAB 2**

### **PENDEKATAN DAKWAH BIL HIKMAH DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI IPT**

Salmee Suhaina Yusoff<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Management and Science University (MSU)

#### **PENGENALAN**

Dakwah bermaksud menyeru dan mengajak manusia kepada mentaati Allah SWT dalam setiap lapangan kehidupan. Sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW untuk mengajak manusia kembali kepada fitrah. Pelbagai cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh para nabi dan rasul untuk memberikan kefahaman dan mengajak masyarakat supaya beriman kepada Allah. Sirah dan kisah para nabi dan rasul dalam berdakwah perlulah diteladani dan difahami untuk diaplikasikan dalam kehidupan semasa hari ini. Dakwah adalah suatu kewajipan kepada setiap orang Islam untuk dilaksanakan sesuai dengan kemampuan masing-masing. Lapangan dakwah terlalu luas bermula dengan diri sendiri atau disebut dengan dakwah bil hal iaitu contoh tauladan yang baik yang perlu dimainkan oleh setiap umat Islam sehinggalah kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah Islam untuk mengajak manusia kembali kepada fitrah. Kewajipan berdakwah disebut dalam ayat al- Quran dalam surah al-Nahl ayat 125. Justeru setiap individu muslim adalah wajib untuk melaksanakan dakwah masing-masing di setiap lapangan mereka.

Sehubungan dengan itu perbincangan dalam bab ini akan lebih menfokuskan kepada pendekatan dakwah bil hikmah kepada mahasiswa di universiti dalam pengajaran dan pembelajaran. Universiti adalah tempat untuk mendidik manusia untuk menjadi seorang individu yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Sehubungan dengan itu mereka yang terlibat dalam lapangan ini, khususnya para pensyarah dan para kakitangan universiti perlu menggunakan pendekatan yang sesuai kepada generasi muda ini. Hal ini adalah kerana untuk memastikan segala ilmu yang diberikan oleh para pensyarah di terima dengan baik dan mereka menggunakan ilmu tersebut dengan cara yang betul dan bermanfaat. Pendekatan bil hikmah ini bukan sahaja perlu dilakukan oleh pengajar yang mengajar berkaitan pendidikan agama dan moral sahaja tetapi juga meliputi semua lapangan disiplin ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran. Seorang pendidik mempunyai peranan yang besar dalam memberi kefahaman dan menambah minat para pelajar terhadap satu-satu ilmu dan juga bertanggungjawab membentuk sahsiah serta perilaku yang baik sebagai generasi muda yang akan menjadi pelapis negara pada masa depan.

Mahasiswa adalah generasi pelapis kepada negara dan merupakan aset penting dalam memastikan kelestarian negara bangsa yang hebat. Keruntuhan golongan mahasiswa pastinya akan menyebabkan keruntuhan sesebuah bangsa dan negara. Justeru adalah sangat penting bagi sesebuah negara untuk memastikan pembangunan modal insan generasi muda mereka dibangunkan dengan baik khususnya pembangunan dari segi kerohanian untuk mengenal Allah sebagai tuhan sekaligus seorang khalifah di atas bumi Allah ini. Manusia yang dibangunkan tanpa agama adalah manusia yang tidak terarah dan akan menyimpang dari fitrah semula jadi manusia. Justeru penekanan kepada mengenal Allah sebagai tuhan adalah sangat penting untuk melahirkan individu bertuhan dan hidup berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan dalam agama Islam.

Mahasiswa atau pelajar yang lahir pada era 20an adalah berbeza dengan mereka yang lahir pada zaman sebelumnya. Mereka yang lahir pada zaman ini dikenali sebagai generasi Z yang merupakan golongan yang terdedah dengan dunia teknologi maklumat. Justeru kehidupan mereka tidak boleh dipisahkan dengan alat-alat komunikasi dan teknologi. Malah mereka sangat bergantung kepada alat-alat ini dan merupakan satu keperluan dalam hidup mereka. Justeru adalah sangat penting untuk memahami keperluan dan pendekatan yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada generasi Z agar segala isi kandungan dakwah yang ingin disampaikan mampu diterima dengan baik oleh golongan sasaran ini. Dalam perbincangan ini kita ingin melihat apakah yang dinamakan sebagai dakwah bil hikmah serta cara dan pendekatan yang boleh dilaksanakan oleh para pensyarah di Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia agar mampu melahirkan golongan cendekiawan yang mentaati Allah SWT.

## **DAKWAH**

Dakwah yang disampaikan kepada masyarakat haruslah disesuaikan dengan golongan sasaran agar mesej yang disampaikan itu dapat diterima dengan baik. Sesuai yang dimaksudkan ialah pendakwah ataupun daie perlu menyesuaikan isi penyampaian dengan peringkat golongan sasaran dan disesuaikan dengan isi yang ingin disentuh. Pendakwah ibarat seorang doktor yang perlu merawat pesakit yang mengalami gejala yang tidak sihat dari segi rohani mereka agar pesakit yang dirawat kembali sihat. Justeru pendakwah perlu mengenal pasti punca-punca penyakit yang dialami dan mencadangkan ubat yang sesuai agar tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah boleh terus dilaksanakan. Begitulah tindakan yang perlu dimainkan oleh setiap pensyarah untuk mengenalpasti penyakit dan menyediakan ubat yang mujarab untuk mereka. Selain menyediakan ubat pendakwah ataupun daie juga perlu memberikan motivasi dan semangat seperti fungsi seseorang pesakit mendapatkan vitamin apabila bertemu dengan doktor. Berilah mereka kata-kata rangsangan dan motivasi dan elakkan dari kata-kata yang menghina dan menjatuhkan semangat dan keinginan mereka. Seseorang pensyarah seharusnya mengelakkan daripada terus memarahi para pelajar malah jangan terus menghukum mereka. Dengarlah masalah mereka dan jika mereka layak dihukum dan didenda, dendalah dengan aktiviti yang mampu memberi manfaat pada diri mereka.

Berbagai-bagai takrifan yang telah diberikan terhadap pengertian dakwah. Dakwah ialah kegiatan ajakan baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sadar atau berencana dalam usaha mempengaruhi orang lain baik secara individu ataupun secara kelompok agar timbul dalam dirinya suatu pengertian, kesedaran, sikap penghayatan serta pengamalan terhadap pengajaran sebagai mesej yang disampaikan kepadanya dengan tanpa adanya unsur-unsur paksaan. (Arifin, 1991: 6). Secara umumnya, dakwah jika dikaitkan dengan agama adalah suatu usaha atau proses untuk melahirkan kewujudannya (agama) dalam realiti kehidupan yang dapat dirasai dan dikesan (Abdullah Muhammad Zin:1997). Menurut al-Qardawi dakwah adalah satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah SAW dan melaksanakan segala ketentuan Allah di muka bumi ini. Selain itu menundukkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat setia hanya kepada Allah, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang lain dari Allah (thaghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah, menafikan hak orang yang dinafikan hak oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalanNya. (alQardawi:1983). Dr. Muslih al-Bayumi (1976) pula mendefinisikan dakwah itu sebagai pelaksanaan alim ulama' dan orang-orang yang memahami agama, mengajar orang ramai

supaya mereka dapat memahami perkara-perkara agama dan dunia sekadar kuasa yang ada pada mereka.

Dakwah adalah merupakan satu tuntutan dalam Islam. Ini beerti berdakwah adalah wajib dilaksanakan oleh setiap individu muslim. Persoalannya, mengapakah dakwah dilihat penting dan menjadi suatu kewajipan kepada masyarakat Islam? Menurut Ab. Aziz Mohd Zain menjelaskan bahawa ada beberapa sebab mengapa dakwah itu penting untuk dilaksanakan iaitu:

- i. Adalah untuk memperbaiki masyarakat yang rosak
- ii. Disebabkan oleh kejahilan manusia
- iii. Dakwah merupakan amanah Allah
- iv. Dakwah merupakan pertarungan yang tidak berkesudahan untuk mengajak manusia mentaati Allah
- v. Dakwah perlu disebarkan kerana Islam tersebar melalui manusia
- vi. Menyelamatkan diri daripada kemurkaan Allah.

Beliau juga ada menyentuh tentang matlamat pelaksanaan dakwah dalam Islam (Abd Aziz, 1999 :27). Dalam matlamat tersebut terdapat beberapa peringkat yang mesti dilalui dan dicapai dengan tingkat demi tingkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah:

- i. Untuk mendapat cahaya iman
- ii. Untuk membina kekuatan
- iii. Untuk mendirikan negara yang diredhoi
- iv. Untuk mendapat keselamatan dan kesejahteraan
- v. Untuk mendapat keredhaan Allah dan syurga

Matlamat dakwah adalah satu matlamat yang sangat mulia iaitu matlamat yang paling tinggi ialah mendapat keredhaan Allah taala. Dakwah akan membawa kesejahteraan kepada seluruh manusia malah kepada seluruh makhluk di alam ini. Selain dari matlamat dakwah, terdapat satu lagi perkara asas dalam ilmu dakwah yang perlu diketahui iaitu metode dakwah. Metode dakwah ialah cara melakukan sesuatu atau sistem (Iskandar, 1986: 763). Metode juga disebut uslub dalam Bahasa arab yang bermaksud jalan atau cara. Mengikut peristilahan dakwah, uslub dakwah ialah penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk tertentu (al-Sayyid Nawfal: 189). Dalam bahasa yang mudah metode dakwah ialah cara atau pendekatan dakwah untuk membolehkan sasaran menerima sesuatu dakwah dengan kefahaman yang jelas dan kesedaran yang penuh, tanpa rasa paksaan, tekanan dan tertipu (Abd Aziz, 1999 :27).

Dalam menyampaikan isi dakwah, seorang pendakwah harus memiliki perancangan atau pengetahuan sebagai medan untuk menyampaikan dakwahnya. Sebagaimana yang telah disebutkan di dalam pendahuluan di atas pendakwah sewajarnya mengenal pasti siapa sasaran mereka dan isi yang sesuai untuk disampaikan. Seorang pendakwah, mereka seharusnya bersungguh-sungguh dalam tiga perkara berikut iaitu mengajak kepada yang makruf, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah sesuai dengan ayat al-Quran surah Ali-Imran : 110. Sebagai seorang pendakwah seharusnya menguasai metodologi dakwah yang merupakan perkara yang asas untuk memastikan kejayaan sesuatu seruan dakwahnya iaitu *al-hikmah* dan *al-mauizah hasanah*, kaedah dakwah ini merupakan perkara yang penting kerana mampu menjamin keberkesanan dakwah yang disampaikan. Dua perkara yang perlu ditempuh oleh pendakwah dalam berdakwah ialah:

1. Melakukan bantahan ilmiah berdasarkan alasan dalam bukti-bukti terhadap pengkaburan (pemahaman yang keliru) dan rintangan-rintangan para pengacau itu.
2. Memberi kemaafan dan menghindarkan dengan cara yang baik daripada kejahatan mereka, dan mengetahui permasalahan mereka (Abdurrahman Abdul Khalis 1996).

Jadi dalam berdakwah secara berhikmah, seorang pendakwah di dalam menyampaikan kerjanya haruslah sesuai dengan meletakkan sesuatu pada tempatnya seperti kebenaran sesuatu perkara. Maksudnya ialah perkataan yang sesuai dengan kebenaran atau meletakkan kebenaran pada bahagiannya atau kebenaran itu sendiri (Muh. Husin Fadhlullah 1997 41). Metode dakwah ini sebenarnya perlu diserapkan dengan baik dan tersusun pada semua bahagian komponen dakwah iaitu termasuklah isi, gaya atau persembahan isi kepada sasaran dan juga media atau saluran. Dakwah adalah satu usaha yang dilakukan oleh para nabi dan rasul untuk mengajak umat manusia kembali taat kepada Allah. Sejarah telah menunjukkan pelbagai metode dan usaha yang telah dilakukan oleh para nabi dan rasul. Lihat sahajalah kisah perjuangan dakwah Rasulullah SAW dalam memberi kefahaman kepada masyarakat tentang keindahan yang ada di dalam Islam. Baginda telah menggunakan pendekatan yang penuh dengan hikmah dalam menyampaikan syiar Islam.

### **DAKWAH BIL HIKMAH**

Dakwah bil hikmah perlu difahami dengan baik dan jelas agar tidak disalah tafsir. Allah ada berfirman yang bermaksud: *“Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”* (al-Nahl, ayat 125).

Ayat ini menjelaskan kepada kita bagaimana cara menyampaikan dakwah kepada manusia yang pelbagai dan bermacam-macam jenis. Menurut Sayyid Qutb menjelaskan bahawa hikmah ialah pendakwah perlulah melihat kepada keadaan sasaran dan suasana mereka, kadar yang perlu supaya tidak memberatkan mereka dan tidak menyusahkan mereka sebelum mereka bersedia. Hal ini juga termasuk cara penjelasan dan kepelbagaian mengikut keperluan dan jangan sesekali berdasarkan semangat sehingga boleh terkeluar dari hikmah. (Sayyid Qutb, 1977, Muj. 4: 2201-2202). Wan Husein Azmi menjelaskan bahawa hikmah itu ialah usaha atau perkataan, yang tepat dan bersesuaian dengan sasaran untuk mempengaruhi mereka. Tambah beliau lagi, cara penyampaian yang berhikmah yang sesuai dengan keadaan sasaran merupakan salah satu dasar dakwah Rasulullah SAW. (Wan Husein Azmi, 1984:34 dan 79).

Dakwah dengan hikmah merupakan dakwah yang dilakukan dengan memahami secara mendalam segala persoalan yang berhubungan dengan proses dakwah yang meliputi persoalan sasaran dakwah, tindakan-tindakan yang dilakukan masyarakat yang menjadi objek dakwah. Situasi, tempat dan waktu di mana dakwah akan dilaksanakan dan sebagainya (Abd Rasyid Shaleh 1997: 73).

Manakala A. Mukti Ali mendefinisikan dakwah bil hikmah itu sebagai “kesanggupan pendakwah untuk menyebarkan ajaran Islam dengan berkorban waktu dan tempat demi masyarakat yang dihadapinya” (Mukti Ali. 1971). Menurut Suparta dan Hefni dalam buku *Metode Dakwah* (2003: 36), al-hikmah merupakan kemampuan dan ketetapan daie dalam memilih dan menyelaraskan teknik dakwah dengan keadaan objektif mad’u”. Oleh itu, dengan memahami sesuatu dalam segala aspek yang terkumpul dalam melakukan dakwah, sasaran yang dihadapi, keadaan, ruang dan waktu, bentuk dan cara berdakwah yang sesuai,

sehingga menjadi daya penggerak untuk sesuatu langkah yang tepat, dengan itulah seorang pendakwah dapat menentukan dan menjalankan dakwah yang efektif.

Jelaslah bahawa hikmah dalam menyampaikan dan menyeru manusia kepada Allah bukan bererti dengan cara lemah lembut, tegang dan mengalah. Kerana kalau dimaksudkan seperti ini lafaz hikmah tersebut bererti kepada makna hina, remeh, dan lemah. Hikmah boleh menjadi kelembutan di waktu perlu lembut, boleh menjadi keras dan kasar sesuai dengan waktunya. Seseorang pendakwah tidak seharusnya berlembut di tempat yang tidak sesuai dan perlu bertindak tegas dan ini bukan gambaran hikmah, jelas merupakan kelemahan atau sama juga jika sebaliknya menggunakan hikmah dengan kekerasan disaat perlu kepada kelembutan, ianya merupakan kesalahan dan kesilapan.

Dapat disimpulkan daripada definisi yang diberikan oleh tokoh-tokoh diatas ialah bil hikmah adalah salah satu kaedah atau metode dakwah yang penting bagi seorang pendakwah untuk menyampaikan mesej dakwah bergantung kepada sasaran, masa dan tempat. Pendekatan bil hikmah ini sangat memerlukan kecerdikan pendakwah untuk menyusun strategi yang sesuai dan mencuri hati sasaran atau mad'u supaya tertarik dan jatuh cinta dengan isi dan keindahan Islam yang disampaikan. Hikmah bukan sahaja dengan bercakap dan berhujjah tetapi diam juga, merupakan kaedah bil hikmah. Sepertimana yang berlaku pada Rasulullah SAW, ketika Rasulullah menerima perintah pada surah Asy'ara 214 yang bermaksud "dan berilah peringatan kepada keluargamu, yang terdekat", maka Rasulullah s.a.w. menjemput anggota keluarga yang lain untuk makan bersama-sama diantaranya adalah Abu Lahab. Disaat Rasulullah hendak menyampaikan risalah, Abu Lahab dengan lantang mengancam Rasulullah s.a.w. dan berkata:

"Awaslah, jaga keselamatan dirimu dan keselamatan keturunan bapamu, ketahuilah bahawa bangsa Arab tidak akan membiarkanmu begitu sahaja, tidak sukar bagi mereka menyerangmu dan membunuhmu", ketahuilah kepada agama bapamu dan nenek moyangmu itulah lebih baik bagimu. Kalau tidak, kami akan penjarakan engkau sampai, engkau sihat kembali daripada penyakitmu itu, sehingga kami dapat melindungimu daripada (kemakmuran) bangsa Arab". Kami lebih patut dan pantas mendidikmu sampai fikiranmu sihat kembali, sehingga engkau bebas dari penyakitmu. Bagaimana reaksi Rasulullah s.a.w. ketika itu hendak berdakwah? Baginda tidak menjawab apa-apa. Baginda diam, diam itu lah jawabannya. Itulah jawapan yang tepat terhadap suasana dan keadaan sedemikian, bahkan Rasulullah s.a.w sendiri tetap tenang, kemampuannya mengawal diri serta menjaga martabat, menimbulkan rasa simpati supaya terlepas daripada menjawab soalan sama ada setuju atau tidak setuju.

Rasulullah juga menggunakan bil hikmah dalam berhadapan golongan munafik dan sesetengah orang kafir dengan menunjukkan ketegasan seperti firman Allah yang bermaksud "Wahai nabi, perangilah orang-orang kafir dan orang-orang munafiq dan bercakap keraslah dengan mereka. Tempat mereka adalah neraka Jahannam dan itu adalah seburuk-buruk tempat kembali". Rasulullah juga menyampaikan bil hikmah dengan melarang secara tidak lansung atau *indirect* iaitu sebagaimana Rasulullah SAW melarang seorang pemuda yang meminta kebenaran daripada baginda untuk melakukan perbuatan zina. Rasulullah tidak terus melarang pemuda tersebut untuk tidak berzina, tetapi memberi suatu gambaran betapa zina itu tidak disukai oleh semua orang. Dan dengan itu pemuda itu dapat mengetahui betapa jijiknya perbuatan zina tersebut (Fathi Yakan, 1977:42).

Selain daripada bil hikmah dalam isi dan kandungan dakwah untuk berhadapan dengan sasaran, hikmah juga perlu ada dalam media atau wasilah dakwah. Al-Sayyid Nawfal menerangkan tentang wasilah ialah sebagai jalan yang sesuai untuk isi dakwah sampai kepada

sasaran (Al- Sayyid Nawfal, 1977:189). Wasilah atau media untuk menyampaikan dakwah kepada sasaran juga boleh menentukan keberkesanan sesuatu dakwah yang disampaikan. Jika sesuatu mesej dakwah itu tidak disalurkan menggunakan media dakwah yang sesuai pastinya mesej dakwah tidak mampu sampai dengan baik kepada sasaran. Dr. Muhyuddin Abdul Halim menyebut bahawa beberapa media yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat jahiliyyah adalah seperti penggunaan syair, khutbah, seruan dan laungan. Hari ini dengan perkembangan teknologi yang berlaku membolehkan dakwah itu dilakukan dengan lebih meluas dan pelbagai cara. Sebagai contoh penggunaan media seperti Youtube dilihat merupakan satu saluran yang berkesan untuk digunakan oleh para pendakwah selain dari rancangan-rancangan dakwah yang banyak terdapat di saluran televisyen, Facebook dan Instagram yang mana merupakan kegilaan remaja khususnya dan masyarakat zaman sekarang. Oleh itu adalah menjadi keperluan untuk para pendakwah mempersiapkan diri untuk bersama-sama menguasai perkembangan teknologi maklumat yang baru agar dakwah kepada generasi muda khususnya terus berlangsung dengan jayanya.

## **PENGETERIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM ISLAM**

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan elemen penting dalam memastikan para pelajar dapat mengikuti isi kandungan subjek yang disampaikan. Sharifah Alwiah Alsagoff (1986) mengatakan bahawa kaedah mengajar ialah peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancang dengan teratur. Hasan Langgulung (1981) pula mengatakan bahawa kaedah itu sebenarnya bermaksud jalan untuk mencapai tujuan. Jadi, apa saja cara yang guru lakukan untuk memberi faham kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran, maka itu adalah kaedah pengajaran. Kaedah pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Di samping itu, matlamat yang hendak dituju juga mestilah terang dan jelas. Strategi pengajaran ialah sesuatu yang sangat penting dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Tanpa wujudnya murid dan guru pengajaran tidak akan berlaku. Pengajaran dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang bersesuaian bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadinya proses belajar. Hasil daripada pengajaran berlakulah perubahan yang secara relatifnya kekal sama ada dalam bentuk yang eksplisit ataupun implisit (Shababuddin et al. 2003). Pengajaran boleh ditambah baik secara berterusan menerusi penyelidikan, pengembangan ilmu, pemantapan kemahiran dan rujukan kepada amalan profesional yang berkaitan. Pengajaran juga merangkumi proses merekabentuk kurikulum, penyampaian kurikulum, dan sistem penilaian pelajar. Dalam proses pengajaran, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diaplikasikan seperti pengajaran berpusatkan murid, guru, hasil, proses dan nilai. Secara ringkas, komponen asas yang membentuk sesuatu proses pengajaran seharusnya mengandungi ciri-ciri berikut iaitu guru, pelajar atau murid, kandungan, kaedah, tujuan, hasil (perubahan yang kekal secara relatif) dan penilaian.

Manakala Pembelajaran adalah proses interaksi pelajar dengan pendidik agar berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan pada pelajar. Pembelajaran seharusnya menghasilkan perubahan yang agak kekal (tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan) hasil daripada penglibatannya dalam sesuatu pengalaman pendidikan. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2002), skop pembelajaran sangat luas meliputi domain kognitif (pemikiran dan minda), afektif (perasaan dan emosi) dan psikomotor (anggota fizikal badan). Pembelajaran boleh berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Pembelajaran memerlukan kaedah

dan proses sama ada dari yang paling mudah sehinggalah kepada yang paling kompleks. Pembelajaran boleh berlaku tanpa melalui proses pengajaran formal. Demikian juga pengajaran tidak semestinya menghasilkan pembelajaran. Namun secara lazimnya pengajaran yang baik akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Dalam situasi tertentu, terdapat pembelajaran yang tetap memerlukan proses pengajaran. Justeru, terdapat kemungkinan di mana pembelajaran yang berlaku tidak memenuhi syarat dan gagal mencapai kehendak sebenar pentakrifan pendidikan. Secara ringkas, komponen asas yang mesti dipenuhi untuk menghasilkan pembelajaran ialah pelajar, perkara yang dipelajari (bersifat kandungan atau pengalaman pembelajaran, kaedah dan hasil (perubahan yang kekal secara relatif).

Kesimpulannya, pengajaran dan pembelajaran menurut Islam merupakan pembentukan seluruh potensi diri pelajar dengan berlandaskan nilai-nilai ketuhanan atau rohani supaya manusia boleh menjalankan tugas sebagai khalifah di muka bumi dan sebagai hamba Allah yang terbaik.

### **TANGGUNGJAWAB PENSYARAH DAN PENDIDIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Pensyarah merupakan insan yang bertanggungjawab dalam mendidik pelajar di universiti/kolej/matrikulasi di pelbagai peringkat pendidikan samada sijil, diploma, ijazah ataupun di peringkat yang lebih tinggi iaitu PHD. Setiap pensyarah memiliki pelbagai tanggungjawab sama ada tanggungjawab kepada profesion, mahasiswa, rakan sejawat, institusi pendidikan, serta masyarakat dan negara. Pensyarah yang mampu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan merupakan seorang pensyarah yang berkualiti serta hebat. Hal ini demikian kerana, tidak semua pensyarah mampu memenuhi tanggungjawab yang telah dipertanggungjawab dengan sempurna. Sememangnya pensyarah memainkan peranan yang amat penting sebagai pendidik, penyelidik serta berkhidmat kepada masyarakat. Namun, pensyarah yang baik merupakan pensyarah yang mampu memberi tumpuan terhadap sesuatu aspek dan lapangan tugas yang diberikan. Keadaan ini mampu melahirkan seorang pensyarah yang serba boleh dalam menjalankan tugas kepada institusi, negara dan masyarakat.

Pensyarah juga selalunya dijadikan penanda aras atau 'benchmark' kecemerlangan individu dalam hidup dan kerjaya kerana kedudukannya dalam masyarakat, status kewangannya yang stabil serta pengaruhnya dalam dunia akademik dan penulisan (Norhasni, 2008). Sumbangan pensyarah samada di IPTA atau IPTS dalam dunia pendidikan akan menjadi pemangkin perubahan dan anjakan paradigm kepada masyarakat. Berdasarkan buku yang ditulis oleh Norhasni (2008) yang bertajuk 'Kerjaya sebagai pensyarah', pensyarah ialah tenaga pakar yang mempunyai kemahiran dan keterampilan yang tinggi dalam bidangnya. Selain itu, pensyarah secara umumnya dikenali sebagai orang yang memberi syarahan semasa di dalam kuliah mahupun di dalam kelas 'tutorial'. Di sini, tugas pensyarah adalah untuk mengajar dan mendidik pelajar-pelajarnya iaitu sama seperti tugas-tugas guru di sekolah iaitu mengajar dan mendidik murid. Oleh itu, pensyarah adalah pendidikan yang bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu dan membentuk jati diri pelajar-pelajar yang jauh dari kampung halaman mereka. Di universiti, pensyarahlah merupakan rujukan dan individu yang mendidik para pelajar. Pensyarah juga berbeza dengan guru sekolah, ini kerana pensyarah perlu menjalankan penyelidikan yang berupaya menghasilkan penulisan ilmiah yang menjadi khazanah kepada buat tatapan masyarakat, membentangkan kertas kerja dalam seminar-seminar sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa bahkan pensyarah juga ditugaskan untuk menyelia kertas projek atau tesis pelajar.

Persediaan pengajaran merupakan aspek yang penting yang perlu dilaksanakan oleh pensyarah yang menjadi warga pendidik. Penyediaan nota kuliah merupakan perkara yang amat rumit pada peringkat awal kerana penyediaan bahan-bahan tersebut memerlukan banyak masa. Selain penyediaan nota kuliah sebagai rujukan yang mampu membantu pelajar, pensyarah juga perlu menyediakan latihan dan aktiviti yang sesuai dengan generasi kini, soalan peperiksaan akhir memeriksa tugas, dan menyediakan markah mengikut skema yang ditetapkan. Pensyarah juga perlu memberikan kerja kursus kepada pelajar bagi menilai pencapaian pelajar sepanjang pengendalian sesuatu kursus.

Seseorang pensyarah harus peka dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi pengajaran dan pembelajaran dan berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan agar ilmu yang diperoleh selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Jika pensyarah tidak melakukan sebarang pembaharuan terhadap cara pengajaran terkini, pelajar akan mempersoalkan kaedah yang digunakan dan pengajaran dan pembelajaran dilihat kurang menarik. Hal ini demikian kerana, generasi kini telah didedahkan dengan teknologi yang semakin berkembang pesat merentasi pelbagai bidang termasuk dalam bidang pendidikan. Mereka menginginkan penyampaian ilmu yang relevan serta bersesuaian mengikut tahap pemikiran mereka. Pensyarah seharusnya menggunakan pengalaman yang ada untuk menilai sejauhmana kaedah pengajaran yang dilaksanakan berkesan dari semasa ke semasa. Penilaian ini penting untuk melihat keberkesanan teknik pengajaran yang telah dilaksanakan malah pensyarah akan dapat mengenal pasti kekurangan serta kelebihan yang boleh diteruskan atau diperbaiki mengikut kesesuaian keadaan semasa.

Pensyarah perlu meningkatkan mutu kepakarannya dalam bidang mereka yang berkenaan di samping meningkatkan kreativiti dan kebolehan dalam bidang pengajaran. Sekiranya pensyarah mampu meningkatkan mutu kepakaran mereka, mereka akan mampu mengenalpasti dan menguasai pelbagai kaedah atau teknik yang bersesuaian untuk digunakan semasa pengajaran agar lebih menarik dan berkesan. Keadaan sedemikian menunjukkan peningkatan kepakaran mampu menjadikan seseorang pensyarah lebih mahir untuk mengaplikasikan kaedah yang terbaik untuk digunakan khususnya dalam bidang yang sememangnya telah dikuasai.

Pengajaran merupakan tugas atau tanggungjawab hakiki bagi seseorang pensyarah. Sungguhpun pensyarah dikategorikan sebagai pendidik yang menjalankan tugas yang sama seperti guru namun profesion pensyarah memiliki cabarannya yang tersendiri. Begitu juga waktu bekerja seorang pensyarah adalah berbeza dengan guru. Para pensyarah biasanya akan mula bekerja seawal 8 pagi dan pulang paling awal jam 5 petang. Pensyarah perlu berhadapan dengan pelajar yang datang dari pelbagai latar belakang keluarga serta mempunyai sikap yang tidak sama seperti pelajar-pelajar sekolah. Oleh yang demikian, pensyarah perlu mempunyai pemahaman yang jelas tentang komposisi manusia khususnya generasi remaja. Sekiranya pensyarah mampu memahami pelajar mereka, pensyarah akan mampu memilih pelbagai kaedah yang bersesuaian untuk memastikan pengajaran yang berlangsung dapat diterima dan difahami oleh pelajar.

Peranan sebagai pendidik dalam kalangan pensyarah merupakan tugas yang paling utama dan perlu diberi fokus melebihi tugas lain. Hal ini demikian kerana pelajar yang terhasil daripada sesebuah institusi banyak bergantung pada keberkesanan pengajaran yang telah dilaksanakan oleh pensyarah di institusi masing-masing. Pensyarah yang berkualiti merupakan pensyarah yang mampu melatih pelajar ke arah yang lebih baik terutamanya dari segi pembelajaran dan pembentukan sahsiah. Selain itu, pensyarah memainkan peranan dalam membentuk akhlak dan budi pekerti mulia dalam kalangan pelajar. Pensyarah juga berperanan untuk menggalak serta mendorong pelajar untuk meningkatkan ilmu



pengetahuan. Semasa proses pengajaran, pensyarah boleh menanam serta memupuk semangat untuk mencapai kecemerlangan dalam kalangan pelajar. Tambahan pula, pensyarah boleh menasihati pelajar dalam perkara yang berkaitan dengan akademik untuk memastikan pelajar sentiasa bermotivasi dalam pembelajaran mereka. Bahkan lebih dari itu, terdapat di sesetengah universiti telah mempelbagaikan fungsi pensyarah seperti sebagai mentor, ibu angkat dan sebagainya untuk melahirkan mahasiswa dan bakal graduan lebih berkualiti dan bermotivasi. Jika wujud masalah, *mentor* akan menjadi pakar rujuk dan terus memainkan peranan mereka untuk memberikan ubat yang mujarab serta alternatif yang terbaik untuk membantu dan menyelesaikan masalah para pelajar atau *mentee* mereka.

## **DAKWAH BIL HIKMAH DALAM PENDIDIKAN**

Mendidik para pelajar dan mahasiswa pada masa kini adalah sangat mencabar. Mereka telah terdedah kepada pelbagai perkara yang lebih menarik diluar sana berbanding dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun jasad mereka berada di dalam kelas, namun pada hakikatnya mereka menjelajah ke seluruh dunia dengan menggunakan telefon pintar mereka. Pendedahan terhadap dunia tanpa sempadan dan capaian internet yang sangat luas merupakan satu halangan kepada proses penerimaan maklumat di dalam kelas. Walau bagaimanapun jika masalah ini diurus dengan baik ia kan menjadi peluang yang sangat menguntungkan kepada para pensyarah untuk menambahkan pengetahuan dan ilmu kepada para pelajar malah menjadikan pengajaran dan pembelajaran bertambah menarik.

Kita tidak mampu untuk menghalang teknologi. Teknologi akan bergerak dan akan terus bergerak dan meninggalkan kita jika kita tidak berusaha untuk menguasai. Justeru adalah menjadi kemestian kepada para pensyarah untuk menguasai teknologi-teknologi terkini agar pengajaran dan pembelajaran yang ingin disampaikan lebih menarik dan berilmu. Aktiviti seperti latihan atas talian dan tugas-tugas yang memerlukan mereka menggunakan perkembangan teknologi tidak boleh dikesampingkan oleh para pensyarah. Seperti yang telah penulis katakan pada perbincangan di atas bahawa generasi Z merupakan generasi yang lahir dan membesar dengan teknologi. Kita tidak mampu mengasingkan mereka dengan teknologi namun kita mampu mengatur pendekatan bil hikmah untuk menarik perhatian mereka. Mereka sewajarnya diberikan kesedaran awal tentang batasan penggunaan telefon pintar di dalam kelas oleh pensyarah. Tidak membenarkan secara total penggunaan telefon menyebabkan ketidak selesaan pada diri pelajar. Disiplin yang benar dan nasihat yang baik haruslah diberikan kepada para pelajar agar menggunakan telefon pada masa yang diminta sahaja. Penulis mengariskan beberapa langkah bil hikmah untuk menghadapi masalah penggunaan telefon pintar di dalam kelas seperti berikut:

1. **Tetapkan peraturan seawal pertemuan untuk kelas yang pertama.** Para pensyarah sepatutnya menegaskan peraturan dan pantang larang yang mesti diikuti oleh para pelajar sepanjang berada di dalam kelas dalam bentuk perjanjian bersama. Jelaskan kepada mereka kenapa dan mengapa peraturan itu diambil. Jika masih lagi wujud pelajar-pelajar yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan sediakan denda yang bermanfaat untuk mereka seperti berkongsi tazkirah seminit dan sebagainya.
2. **Pensyarah juga perlu mengulangi setiap kali kelas tentang peraturan-peraturan yang ditetapkan** kerana mungkin terdapat pelajar-pelajar yang baru masuk pada minggu-minggu awal semester. Metode pengulangan ini bagus kerana manusia ini sifatnya pelupa. Walau bagaimanapun peringatan itu perlulah bersahaja dan ringkas agar mereka tidak bosan.

3. **Selain dari penetapan peraturan para pensyarah juga haruslah menggunakan teknologi dan kaedah pengajaran** yang menarik sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Jangan terlalu leka berkuliah dan berceramah sehingga langsung tidak berinteraksi dengan para pelajar. Penggunaan teknologi yang sesuai perlulah diselangi untuk menguji kefahaman mereka. Gunakan telefon pintar untuk berinteraksi dan menguji kefahaman mereka tentang kuliah dan pengisian yang disampaikan oleh pensyarah. Jangan kita menyongsang arus tetapi berenanglah mengikut arus dan perkembangan semasa agar kita mampu memegang hati dan minat mereka untuk belajar dan mengaplikasikan ilmu.

Penulis juga tidak menafikan bilangan pelajar di dalam kelas juga memainkan peranan penting untuk memastikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran boleh diterima dengan baik oleh para pelajar. Bilangan yang tidak melebihi 50 orang dalam satu kelas merupakan jumlah yang ideal dan mampu dikawal oleh seseorang pensyarah. Jika jumlah yang ramai dalam satu-satu kelas seseorang pensyarah perlulah menggunakan pendekatan yang berbeza seperti mewujudkan kumpulan dan melantik ketua kumpulan untuk mengawal kumpulan masing-masing. Aktiviti atas talian secara kumpulan juga boleh dilakukan seperti latihan dalam *Padlet* dan perlu dibentangkan oleh setiap kumpulan. Oleh yang demikian kebijakan pensyarah untuk mengenalpasti aktiviti yang sesuai adalah sangat penting. Penulis telah membahagikan pendekatan dakwah bil hikmah dalam pengajaran dan pembelajaran ini kepada beberapa aspek iaitu golongan sasaran, pendekatan dan uslub dan persoalan dan keperluan pelajar iaitu keperluan isi yang ingin disampaikan.

#### i. Golongan sasaran.

Mengenali dan mengenal pasti golongan sasaran adalah sangat penting untuk memudahkan penyampaian ilmu. Taraf pendidikan yang sedang dilalui membezakan bagaimana layanan dan pendekatan yang perlu diberikan. Sebagai contoh kaedah pengajaran pastinya berbeza antara pelajar di peringkat Diploma dan di peringkat Bachelor. Jadual di bawah merupakan observasi dan pemerhatian penulis berdasarkan pengalaman mengajar di IPTS.

Sikap pelajar berdasarkan peringkat dan tahap pengajian	
Tahap pengajian	Sikap
<b>Asasi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih lagi terpengaruh dengan budaya di sekolah.</li> <li>• Sangat manja dan rapat dengan pensyarah.</li> <li>• Bijak dan bersungguh-sungguh dalam pembelajaran.</li> </ul>
<b>Diploma</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu kepada bimbingan dan perhatian dari pensyarah.</li> <li>• Terdapat pelajar yang perlu diberikan motivasi dan nasihat</li> <li>• Mudah terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya.</li> <li>• Sukakan perhatian.</li> <li>• Terdapat pelajar yang malas dan dipaksa belajar oleh ibu bapa.</li> </ul>
<b>Bachelor</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Matang dalam berfikir dan bertindak</li> <li>• Boleh berdikari apabila diberi tugas.</li> <li>• Mempunyai matlamat yang jelas dan bermotivasi tinggi.</li> <li>• Jarang pelajar yang bermasalah.</li> </ul>

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan adalah sangat penting untuk seseorang pensyarah mengenali pelajar-pelajar ini berdasarkan tahap pengajian secara umum. Walaubagaimanapun setiap pelajar mempunyai sikap dan karekter tersendiri yang juga perlu

ambil berat oleh pensyarah jika wujud kepelikan watak pada diri seseorang pelajar. Setiap pelajar dibesarkan dengan persekitaran dan cara yang berbeza dan pastinya pembentukan sikap dan jiwanya juga berbeza. Justeru itu, sebagai seorang pensyarah dan juga daie sewajarnya berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu dengan mengenali terlebih dahulu pelajar tersebut sebelum kepada langkah yang seterusnya.

## **ii. Pendekatan atau uslub**

Satu perkara yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah memupuk minat mereka dan suka terhadap kelas yang kita adakan. Pendekatan bil hikmah yang sesuai ialah dengan kasih sayang dan menegur dengan baik. Secara fitrahnya manusia dan benda hidup yang lain sangat memerlukan kasih sayang. Justeru pendekatan memberi perhatian dengan menyebut nama, bertanya khabar dan memberikan hadiah mampu membina jambatan cinta dan sayang sesama insan malah mewujudkan cinta terhadap kelas dan matapelajaran serta rasa hormat terhadap pensyarah. Seorang pensyarah seharusnya melihat seseorang pelajar dengan pandangan kasih sayang dan sentiasa mendoakan mereka dengan doa yang baik. Jangan sesekali memarahi dengan kasar dan mengherdik dengan kata keji kerana perbuatan ini akan menjauhkan anda dengan mereka. Sebagai seorang pensyarah jangan sesekali mudah menghukum mereka. Berilah peluang untuk mereka menyatakan masalah mereka dan anda cadangkanlah penyelesaian yang terbaik. Walaupun tidak dinafikan ada segelintir pelajar licik yang suka mengambil kesempatan terhadap kebaikan pensyarah. Mengamalkan kaedah bil hikmah tidak bermaksud anda perlu menjadi bodoh untuk terus ditipu oleh para pelajar. Berikan peluang kepada mereka dan sekiranya mereka tidak melakukan tugasan yang diberikan maka mereka sewajarnya dikenakan tindak.

Pendekatan bil hikmah yang seterusnya ialah dengan menegur kesilapan mereka dengan baik dan jangan sesekali mencalari maruah mereka. Mereka adalah manusia biasa seperti kita yang perlu kita jaga air muka dan pastinya mempunyai sifat malu. Walaupun mereka suka mendedahkan diri di media sosial namun kita perlu menjaga maruah mereka. Jangan sesekali memarahi mereka di khalayak ramai. Dan jika ingin menegur panggillah mereka untuk bertemu secara personal. Ambil hatinya dan gunakan perkataan yang baik untuk menasihati mereka walaupun mungkin nasihat tersebut kali ke 100. Ingat bukan kita yang memegang hati mereka. Kita hanya mampu menasihati dengan baik dan berdoa agar mereka berubah. Sepanjang pengalaman penulis selama tujuh tahun bertugas di IPTS pendekatan kasih sayang ini adalah sangat mujarab dan sangat mudah untuk menyentuh hati mereka. Bukan saja soalan pelajaran yang dikongsi malah berkenaan dengan masalah peribadi sehinggalah kepada masalah keluarga. Setelah kita mampu meraih kepercayaan mereka kita mampu menyuntik vitamin dan motivasi dalam diri mereka. Suntikan-suntikan nasihat tentang solat dan mendekati diri kepada Allah haruslah sentiasa meniti di bibir pensyarah walaupun anda bukan seorang pensyarah pengajian Islam. Tanggungjawab ini seharusnya dipikul oleh semua orang untuk melahirkan mahasiswa yang berdaya yang dan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Selanjutnya, pensyarah juga seharusnya mempunyai perwatakan yang mudah didekati dan tidak garang. Para pelajar akan mudah untuk berkongsi masalah yang mereka hadapi dengan pensyarah yang sporting dan mudah memahami mereka. Pensyarah perlulah melihat latar belakang pelajar yang bermasalah dan cuba mencari solusi yang terbaik untuk menangani masalah tersebut. Pensyarah juga boleh menggunakan unsur *attention* atau tarikan perhatian iaitu pemikiran dan mental seseorang tertumpu kepada sesuatu maklumat yang diterima. Antara unsur *attention* yang telah digariskan oleh Abd Aziz Mohd Zain (1999) ialah seperti berikut:

- **Cantik** iaitu kecantikan dari segi cara penyampaian dan kecanggihan teknologi yang digunakan untuk menyampaikan.
- **Nyata dan jelas** iaitu dakwah Islam perlulah disampaikan dengan jelas dan nyata.
- **Berubah- ubah dan bergerak** dari sudut aktiviti dan cara pengajaran.
- **Berulang- ulang** menyebut pesanan-pesanan yang baik.
- **Pelik** menggunakan pendekatan yang berbeza dan aktiviti yang jarang digunakan.
- **Tepat pada waktunya** menyesuaikan pendekatan dan uslub sesuai pada waktu yang diperlukan
- **Menjinakkan** hati para pelajar dengan membeli hati mereka.

### iii. Tajuk dakwah (isi dakwah)

Selain daripada mengenali golongan sasaran dan menggunakan pendekatan dan uslub yang sesuai, isi dakwah atau ilmu yang disampaikan juga perlulah sesuai dengan keperluan pelajar. Selaku seorang doktor yang telah mengenali pesakit dan sejarah sakit yang dialami dan melayani pesakit dengan baik tetapi jika tidak memberikan ubat yang betul pastinya tidak mampu menyembuhkan sakit yang dialami pesakit. Begitu juga dengan dakwah, betapa cantik dan indah uslub yang digunakan tetapi isi yang disampaikan bukanlah ubat atau jawapan kepada masalah yang dihadapi oleh masyarakat maka ia adalah perbuatan sia-sia. Justeru adalah sangat penting juga untuk mengenali golongan sasaran agar ubat yang diberikan adalah sesuai.

Tajuk yang diutarakan dalam pengajaran haruslah menyentuh secara langsung sisi kehidupan realiti dan bukannya hanya teori semata-mata. Tajuk yang dekat di hati dan mudah difahami oleh mad'u haruslah dikenalpasti oleh daie agar dakwah yang disampaikan lebih berkesan. Tajuk yang berat dan terlalu tinggi untuk difahami oleh mad'u haruslah dielakkan. Selaku seorang daie jangan sesekali memberatkan mad'u dengan isi yang berat dan sukar difahami. Sepertimanya nasihat yang diberikan oleh Amirul Mukminin iaitu *“berbicarabla dengan manusia sesuai dengan tingkat pemahaman mereka. Sukakah kamu jika Allah dan Rasulnya didustakan”*

Selain itu jika perlu pengasingan dan mengelompokkan tahap kefahaman mad'u lebih mudah, maka lakukan tindakan sebegitu kerana ia mampu mengurangkan rasa malu dan segan. Sebagai contoh mewujudkan kumpulan yang berbeza tahap dan memecahkan kepada dua kumpulan. Satu kumpulan telah menguasai dengan baik dan tahu berkenaan dengan tajuk dan satu lagi langsung tidak mengetahui dan memerlukan pensyarah menjelaskan secara lebih detail berkenaan topik. Hal ini adalah kerana adalah sangat penting kita memahami jiwa seseorang mad'u sepertimana hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud *“Rasulullah SAW meraikan kami setiap hari ketika memberi nasihat kerana takut kami berasa bosan. Al-Hafiz Ibnu Hajar ketika menjelaskan hadis ini berkata “dalam hadis ini terdapat beberapa pengajaran tentang sifat lemah lembut Nabi SAW kepada para sahabat Baginda serta bagusnya pencapaian Baginda dalam mengajari dan memahamkan mereka, agar mereka dapat mengambil ilmu daripada baginda dengan rasa semangat, bukan dengan rasa gelisah dan bosan.”*

Tuntasnya dakwah bil hikmah dalam pendidikan boleh diwarnakan dengan warna-warna kegembiraan dan keseronokan dalam mengenal tuhan pencipta sekalian alam. Malah ia bukanlah warna hitam dan putih yang kelihatan bosan dan pegun. Pendakwah boleh menggunakan pelbagai cara samada dari sudut uslub dan tajuk dakwah demi membantu mad'u untuk lebih memahami Islam dengan lebih baik.

## **KESIMPULAN**

Para pelajar atau mahasiswa yang datang dari pelbagai latar belakang dan bidang pengajian haruslah disantuni dengan baik dan berhikmah. Para pendakwah atau pensyarah akan menghadapi pelbagai golongan manusia yang berbeza dari segi latar belakang, tahap kefahaman, minat dan kecenderungan serta perangai. Kepelbagaian jenis ini harus dihadapi dengan cara yang sesuai dengan tahap kecerdasan, sepadan dengan iklim budaya fikiran dan tabiat masing-masing. Ini merupakan dasar-dasar dakwah yang telah digariskan oleh ajaran Islam iaitu mengajak manusia meniti jalan kebenaran yang diperintahkan oleh Allah dengan jalan dakwah terbaik yang sesuai dengan keadaan dan tahap seseorang manusia. Berbekalkan sifat sabar yang sepatutnya ditanam utuh dalam diri seorang pensyarah sewajarnya teletah dan perangai pelajar dihadapi dengan hikmah dan baik. Manusia dilahirkan dengan pelbagai kelebihan yang berbeza-beza setiap insan. Raikan kepelbagai untuk kita hidup dengan aman dan saling menghormati. Sesungguhnya pendakwah sepatutnya mengelakkan diri dari menjadi penghukum dan hakim tetapi jadilah doktor yang sentiasa bersedia untuk merawat dan mengubati pelbagai penyakit yang melanda generasi pelapis negara agar kita tidak menyesali kerana melahirkan produk 'sakit' hasil dari kemalasan dan ketidak tekunan kita menjaga generasi muda.

## **RUJUKAN**

- Ab.Aziz Mohd Zin.1999.Psikologi Dakwah.Kuala Lumpur:JAKIM.  
Abdul Aziz Mohd Zin. 2001. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.  
Abdul Aziz Mohd Zin. 2006. Dakwah Islam Di Malaysia. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.  
Abdul  
Abdul Sani Yahya et. al Guru Sebagai Pemimpin,( Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing, 2007),  
Abidin, N. Z. (2008). Kerjaya sebagai pensyarah. PTS Professional.  
Al-Quran  
Fariza Md Sham. 2009. Perkembangan Emosi Remaja Dari Perspektif Psikologi Dakwah.Dlm.Khidzir Ismail,Jawiah Dakir,Fariza Md Sham,Hanina H.Hamsan.Psikologi Islam Falsafah, Teori dan Aplikasi.Bangi: Institut Islam Hadhari,UKM.  
Karem Zaidan. 1997. Dasar-dasar Ilmu Dakwah. Shah Alam. Dewan Pustaka Fajar.  
Mahmood Nazar Mohamad, Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010),  
Raudah haji Siren, Yusmini mohd Yusoff (ed)(2006), Dakwah Islam Semasa. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

## **BAB 3**

### **KEBERKESANAN KELAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR)**

Sohana Abdul Hamid<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### **PENDAHULUAN**

Sesi persekolahan seluruh negara telah dibuka pada 20 Januari 2021. Bagaimanapun, peningkatan kes Covid-19 dan pelaksanaan PKP memaksa kerajaan mengubah sistem Pendidikan yang konvensional secara bersemuka kepada Pengajaran dan Pembelajaran (PdPR) secara dalam talian. Aspek pembelajaran dan pengajaran turut terkesan akibat daripada pandemic COVID-19. Walaubagaimanapun, COVID-19 dilihat sebagai agen tranformasi dan pemangkin kepada pelaksanaan pembelajaran dalam talian (e-pembelajaran) secara komprehensif.

Keberkesanan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilihat kurang efektif berbanding Pengajaran dan Pembelajaran secara bersemuka. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) perlu diberi penekanan sebagai penting oleh Kementerian Pendidikan, bukan hanya memberi fokus kepada tempoh pelaksanaannya perlu disambung atau sebaliknya. (Dr. Amin, Utusan Malaysia. 2020). Keberkesanan merujuk kepada hasil yang diperolehi oleh murid sama ada dari aspek pencapaian akademik, motivasi dan minat. Manakala daripada perspektif guru keberkesanan merujuk kepada kelancaran pelaksanaan PdP.

Windhiyana (2020) telah menjelaskan bahawa pembelajaran secara dalam talian merupakan satu wahana pembelajaran secara maya melalui capaian internet untuk membentuk satu komunikasi antara guru dan murid tanpa memerlukan pembelajaran secara bersemuka. Kekangan yang berlaku dalam pembelajaran secara dalam talian yang berlangsung sewaktu pandemic COVID -19 tidak mencapai tahap maksimum (Selvi & Waskita, 2020)

Menurut petikan dari Salleh Said .com yang mengatakan pendekatan PdPR ini dibuat dalam talian, luar talian atau secara off-site. Manakala kaedahnya samada menggunakan modul atau berasaskan projek. Para guru berperanan besar di mana mereka dipertanggungjawab untuk menyusun modul. Di sebalik kritikan dan maklumbalas dari pelbagai pihak, PdPR adalah pilihan terbaik bagi masa kini. (Salleh Said; 2021)

Di samping kepelbagaian kaedah dan strategi pembelajaran yang digunakan, aspek keberkesanan menjadi elemen dalam PdPR yang perlu dilihat agar proses PdP yang dijalankan dapat membentuk satu kefahaman konseptual yang luas selain dapat dihubungkan dengan pelbagai situasi. Justeru, keberkesanan PdP bergantung kepada cara guru menyesuaikan kaedah dan strategi pengajaran berdasarkan keupayaan pelbagai yang terdapat pada murid. Pemilihan kemahiran yang sesuai dengan objektif pembelajaran juga perlu selari dengan persekitaran yang ada pada masa itu. Situasi semasa jelas menunjukkan Pandemik Covid19 telah mengubah landskap sistem pendidikan negara dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR). Guru perlu menjadi

lebih kreatif dan proaktif dalam memanfaatkan teknologi bagi memastikan keberkesanan terhadap PdP.

Menurut petikan dari Cikgu Ahmad Zafran Md. Noor, PdPR pada 2020 dan disambung pula pada awal 2021 ini sama ada menggunakan saluran Youtube, video conference (Team, Meet, Zoom, digital classroom (Google Classroom, Edmodo, dan Quizlet); aplikasi kuiz dalam talian (Quizizz, Kahoot, Google Form, Wordwall; aplikasi blog (Wakelet, Padlet, Blogspot, kaedah green screen) hatta kaedah aplikasi permesejan mudah alih (WhatsApp, Telegram, Kaizala dan sebagainya) maka dapat disimpulkan kaedah yang paling efektif dan berkualiti kepada murid semasa pelaksanaan PdPR menggunakan pendekatan online.

## **ISU BERKAITAN PDPR**

### **ISU DARIPADA IBUBAPA DAN NATIZEN BERKAITAN PDPR**

Dalam pelaksanaan PdPR sebelum ini mempunyai beberapa kelemahan termasuk masalah kemiskinan digital dan kesenjangan akses kepada pendidikan dalam talian sekali gus menyebabkan ramai pelajar tercicir dalam pembelajaran terutamanya dalam kalangan golongan B40. Bagi yang mempunyai kemudahan peranti dan akses internet pula, mereka mendakwa anak-anak mereka sukar untuk fokus sewaktu PdPR berbanding proses pembelajaran secara bersemuka di sekolah yang dirasakan lebih berkesan. Ini adalah lontaran isu yang diketengahkan oleh ibubapa;

1. PdPR tidak berkesan kerana cikgu sekadar memberikan link (pautan) dan soalan video dari Youtube dan soalan Quizizz tanpa memberikan penerangan lanjut berkaitan cara menjawab soalan yang diberikan.
2. Cikgu mengadakan PdPR menggunakan 'video conference' (aplikasi Google Meet, Zoom) sangatlah membebankan kewangan ibu bapa dalam menyediakan data internet yang mencukupi dan merunsingkan ibu bapa yang bekerja yang tiada gajet tambahan di rumah.
3. Cikgu sekadar pandai bagi link kepada pelajar, baik tak perlu dipanggil PdPR.
4. Beli gajet mahal atau canggih macam mana pun, jika capaian internet bermasalah tidak guna kerana tidak boleh buat PdPR, internet baik tetapi harga gajet terlampau mahal dan menyebabkan ramai orang tidak mampu beli.
5. Ramai ibubapa berpendapat keberkesanan PdPR tidak akan sebaik pembelajaran secara bersemuka.
6. Capaian internet yang terlalu lemah juga menyebabkan ramai pelajar 'ponteng' kelas yang dilaksanakan menerusi kaedah PdPR.
7. Kehadiran murid dalam proses PdPR tidak mencapai 80 peratus- hasil kajian Fakulti Pendidikan, UKM.

Tinjauan yang di buat oleh Kementerian Pendidikan (KPM) mengenai kesediaan murid terhadap pembelajaran dalam talian mendapati 1.85 juta murid tidak mempunyai peranti dan menghadapi masalah akses internet yang menafikan capaian kepada PdPR. Saban hari pembabitan pelajar pada sesi pembelajaran di rumah semakin merosot dengan isu motivasi murid terus diperkatakan dan kehadiran murid kurang memberangsangkan ditambah pula kekangan data, akses peranti dan capaian internet terbatas antara faktor penyumbang. (Mohd. Nazri (2021).

Pelbagai respon daripada ibubapa dan pelajar yang perlu para pendidik tanggani dan hadapi secara positif serta menyediakan penyelesaian yang konkrit. Bagaimanapun capaian internet

yang kurang memuaskan dan harga gajet komunikasi seperti telefon pintar dan tab yang agak mahal, terutamanya kepada golongan kurang berkemampuan merupakan cabaran terbesar kepada ibu bapa. Capaian internet dan juga gajet merupakan dua faktor yang saling bergantung antara satu sama lain, dalam memastikan sesi PdPR sempurna, jesteru sesi PdPR pelajar akan terganggu sekiranya salah satu faktor itu tidak disediakan dengan sempurna. Semua faktor ini perlu diambil perhatian secara bersama.

Selain cabaran menyediakan kemudahan ibu bapa terutamanya yang bertugas di barisan hadapan, perlu membahagikan masa bagi membantu proses PdPR anak-anak dan memastikan internet dan gajet itu digunakan sebaiknya untuk pembelajaran.

'Kaedah PdPR seharusnya dijalankan dalam pelbagai kaedah dan tidak hanya tertumpu secara dalam talian', ini adalah kerana berdasarkan kajian yang dilakukan hampir 60 peratus pelajar tidak mempunyai kemudahan internet dan peranti. Kaedah pembelajaran menerusi televisyen dan radio seperti Didik TV juga perlu diperkemaskan dan diperluaskan supaya ia digunakan secara optimum. (Anuar, A. UKM)

### **ISU YANG PERLU DIATASI DAN PENAMBAHBAIKAN**

Ruang penambahbaikan dalam pengajaran PdPR perlu dipertingkatkan kerana banyak isu yang dibangkitkan terutamanya kesediaan murid dan guru menerima kaedah ini sebagai sebahagian daripada normal baharu dalam pendidikan. Cabaran utama melaksanakan PdPR adalah kesukaran melaksanakan PdPR adalah kesukaran mendapat perhatian pelajar selain masalah kekurangan peralatan, kelemahan infrastruktur dan capaian internet. Kehadiran murid yang mengikuti PdPR pula tidak mencapai 80 peratus dan kebanyakan murid tidak memberi fokus kerana suasana rumah yang tidak kondusif. Ini adalah sebahagian isu yang perlu diatasi dan perlu penambahbaikan dijalankan iaitu dari segi;

1. Aplikasi yang mampu diakses oleh murid seperti kemampuan melanggan internet, capaian internet yang stabil dan aplikasi yang tidak terlalu rumit untuk ibu bapa dan pelajar untuk log masuk.
2. Aplikasi yang meraikan kehendak dan kemahuan kebanyakan ibu bapa dan pelajar samada pihak yang pro video conference mahu pun pihak yang kurang mampu menyediakan data internet.
3. Aplikasi yang bersifat fleksibel, mampu diakses bila-bila masa, mesra gajet iaitu boleh digunakan samada melalui telefon pintar atau laptop/ desktop di rumah dan boleh diakses dengan capaian internet yang kurang stabil.
4. Perlu capaian internet lebih baik.
5. Pelbagaikan kaedah PdPR selain cara dalam talian. Gunakan juga bahan pembelajaran bercetak, buku Latihan dan video Pendidikan

Pelbagai perkara yang perlu dititikberatkan terutamanya hal yang melibatkan pelajar. Antara isu utamanya ialah akses capaian internet di kalangan pelajar. Pensyarah juga perlu menetapkan kaedah PdP yang bersesuaian jika terdapat pelajar yang mempunyai masalah sebegini. "Jadi, saya telah menggunakan aplikasi Telegram Group, Google Meet, Google Drive /Anyflip dan aplikasi kuiz seperti Quizizz, Kahoot! dan Google Form.Malah, saya telah membuat satu Telegram Group ibu bapa dan murid khas untuk mata pelajaran saya," katanya. (Cikgu Ahmad Zhafran (2020).

Jaka Kusuma dan Hamdiah (2020) mendapati bahawa pembelajaran secara terus iaitu Zoom lebih baik jika dibandingkan dengan pembelajaran melalui WhatsApp semasa pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, Jaka Kesuma et.al (2020) mencadangkan supaya proses



pembelajaran perlulah menggabungkan kedua-dua kaedah ini iaitu dengan menggunakan Zoom dan juga WhatsApp agar proses PdPR lebih lengkap dan berkesan. Hasil kajian Martina et al. (2020) juga turut menyatakan bahawa WhatsApp merupakan suatu aplikasi komunikasi yang ringkas dan mudah digunakan untuk semua peringkat umur dan latar belakang.

### **HASIL DAPATAN KAJIAN BERKAITAN KEBERKESANAN PDPR**

Hasil kajian Hasnuddin et al. (2015) lebih menjurus kepada keberkesanan PdP menggunakan kemahiran teknologi maklumat (ICT). Kajian tersebut mendapati, ICT membantu dalam mempelbagaikan aktiviti dan meningkatkan keberkesanan pengajaran guru. Kajian yang sama juga turut menyatakan bahawa penggunaan ICT dapat memotivasikan murid dan meningkatkan kefahaman murid hanya pada tahap sederhana.

Menurut laporan Abd. Halim, Menteri Kanan Pendidikan yakin pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR) ketika ini bertambah baik dan akan dioptimumkan. Beliau juga berkata secara keseluruhan, pelaksanaan sejak kali pertama diperkenalkan pada Mac 2020.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd. Rohiman dan rakan-rakan (2021) mendapati pelaksanaan pengajaran guru cemerlang semasa pandemik COVID-19 bagi subjek Bahasa Melayu secara dalam talian kepada semua murid mereka dengan berteraskan pembelajaran abad ke -21 dan menjadi aplikasi dan teknologi sebagai medium utama dalam melaksanakan PdP. Corak pelaksanaan pengajaran mereka masih mempertimbangkan terhadap kaedah, pendekatan, bahan bantu mengajar, aktiviti dan penilaian dalam sesi PdP mereka. Aktiviti pengajaran mereka lebih menumpukan kepada murid melakukan pembentangan dan kuiz bagi memastikan murid sebagai pembelajar aktif. Dapatan kajian mereka juga turut memberi panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan PdP secara dalam talian.

Nor Hidayati Mokhtar (2020) menyatakan pembelajaran dalam talian ini sebenarnya mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*Life Long Learning*). Kemahiran Abad ke -21 yang perlu dikuasai oleh setiap individu untuk berjaya dalam abad yang mencabar ini. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan teknologi maklumat melalui aplikasi dalam talian adalah metod pengajaran yang efektif untuk dilaksanakan kerana ianya mudah untuk di akses dan boleh digunakan pada bila-bila masa. Selain memudahkan mereka belajar atau mengulangkaji pembelajaran mengikut waktu masing-masing serta boleh diulang semula sekiranya tidak faham.

Hasil kajian mendapati tahap keberkesanan yang tinggi menunjukkan bahawa pembelajaran dan pengajaran dalam talian menyediakan peluang kepada generasi baharu dengan aktiviti pembelajaran dan komunikasi yang lebih baik tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat. Kajian menyeluruh setiap aspek tentang pembelajaran dalam talian adalah perlu kerana pembelajaran dalam talian masih dalam peringkat awal terutamanya pelaksanaan pentaksiran secara holistik. Penilaian penting yang dilakukan terhadap merit mereka melalui hasil kerja dan refleksi terhadap keseluruhan sesi PdP. Dengan menggunakan pelbagai kaedah serta skop penyelidikan membolehkan kita dapat mengetahui keberkesanan, kebolehlaksanaan, keperluan, halangan dan masalah yang dihadapi bagi melaksanakan pembelajaran dan pengajaran dalam talian.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Briliannur et al. (2020) pula mendapati bahawa pembelajaran secara dalam talian bagi pelajar sekolah adalah kurang berkesan kerana wujudnya kekangan ekonomi dari segi sarana dan prasarana. Kajian ini juga turut mendapati

para pelajar tidak bersedia dari segi teknologi. Masalah teknologi ini termasuklah dari segi akses pencapaian internet dan juga kekurangan sumber maklumat mengenai penyediaan teknologi mudah alih pada masa kini. Ini mungkin disebabkan situasi pembelajaran pelajar sekolah adalah berbeza dengan pelajar peringkat tinggi di universiti, kolej dan sebagainya.

Dari kajian yang dijalankan oleh Wahyudin et al. (2020) dapat disimpulkan bahawa pembelajaran dalam talian adalah terbukti berkesan dilaksanakan semasa bekerja dari rumah (BDR). Manakala kajian yang diketuai Prof. Madya Dr Azlin Norhain Mansor juga menunjukkan kaedah pengajaran guru kurang berkesan kerana kurang selari dengan tahap kebolehan dan pembelajaran murid. Dapatan kajian itu juga menunjukkan komunikasi murid dan guru melalui PdPR sangat terbatas dan terdapat guru memberikan terlalu banyak latihan kepada murid hingga menyebabkan sebahagian ibu bapa merasa terbeban kerana terpaksa membantu anak membuat latihan. (Azrul Hakimi, (2021).

## **PENUTUP**

Pembelajaran dan pengajaran dalam talian merupakan satu alternatif yang dapat membantu para pendidik untuk melaksanakan proses pembelajaran dalam pandemik COVID-19. Pelaksanaan Pengajaran dan pembelajaran di Rumah (PdPR) memerlukan komitmen yang tinggi antara guru dengan murid atau pelajar, namun peranan ibu bapa turut penting dalam memastikan keberkesanannya. Walau bagaimanapun, tidak semua mendapat manfaat tersebut kerana pembelajaran dalam talian hanya berkesan sekiranya capaian internet dapat dinikmati secara meluas bukan sahaja di bandar dan di luar bandar dan kawasan pendalaman. Secara ringkasnya, penggunaan teknologi maklumat dalam bidang Pendidikan memudahkan pembelajaran yang lebih berkesan walaupun terdapat beberapa kekangan. (Nur Hazirah, & Masayu (2020). Walaubagaimanapun kekangan tersebut dapat diatasi sekiranya kerjasama dari pelbagai pihak dapat diberikan untuk meningkatkan kualiti Pendidikan di Malaysia. Komitmen dari semua pihak amat diperlukan dalam memberikan mutu pendidikan yang terbaik setanding dengan Pendidikan di negara-negara maju.

Keberkesanan PdPR ini, boleh dikatakan dalam peringkat awal dan masih perlu di kaji dan perlu penambahbaikan dalam pelbagai segi, dan kaedahnya. Oleh sebab itu, kajian berkaitan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian perlu diteruskan. Kaedah PdPR perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Walaupun berlaku krisis yang dialami sekarang, adalah baik sekali untuk melihat semula sistem yang kita ada dan bagaimana untuk meningkatkan lagi keberkesanannya.

Dalam keadaan sekarang mahu atau tidak PdPR adalah kaedah terbaik dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Walaupun seribu satu cabaran perlu ditempuhi dalam tempoh sukar ini, masyarakat nampaknya berjaya mengadaptasi normal baru. Rakyat harus kekal positif agar kita mampu mengurus kehidupan dengan baik sepanjang PKP ini.

## RUJUKAN

- Abdul Halim, A. (2021). Keberkesanan Pdpr Semakin Baik. Malakat Tribune. <https://www.malakatribunenews.com/2021/06/keberkesanan-pdpr-semakin-baik/>
- Ahmad Zhafran Md Noor, GPS Bestari, Komuniti Pendidikan. BERNAMA <https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/pdpr-beri-kesan-pada-semua-pihak-ibu-bapa-pelajar-dan-jurujuar-kongsi-luahan-1.937538>
- Azrul, H. (2021). Mantapkan PdPR elak keciciran pelajar. ismaweb. <https://ismaweb.net/2021/01/20/mantapkan-pdpr-elak-keciciran-pel>
- Dr Amin; Petikan dari Utusan Malaysia
- Dr Mohd Nazri, A., R. (2021). Perbaiki pelaksanaan PdPR 2.0 atasi isu keciciran pelajar. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/06/829593/perbaiki-pelaksanaan-pdpr-20-atasi-i>
- Hasnuddin Ab Rahman, Norfaizuryana binti Zainal, Nor Azzarahton binti Ab Karim. (2015). Keberkesanan Penggunaan ICT di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur. *Proceeding of International Conference on Information Technology & Society*. 8-9 Jun 2015. Kuala Lumpur, Malaysia. eISBN: 978-967-0850- 07-8.
- Jaka Wijaya Kusuma & Hamidah . (2020). Perbandingan Hasil Belajar Matematika dengan Penggunaan platform Whatsapp Group dan Webinar Zoom dalam Pembelajaran Jarak Jauh pada masa Pandemik COVID -19. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Matematika*, 5(1), 97-106.
- Martina, N., Hendro, L., & Indra, B. (2020). Using WhatsApp as a Learning Media in Teaching Reading. *MITRA PGMI: Jurnal Kependidikan MI*, 6(2), 116-125.
- Mohd.Rohiman, S., Rohizani, Y., & Azlinda, B. (2021). Pelaksanaan Pengajaran Guru Cemerlang dalm Mata Pelajaran Bahasa Melayu Ketika Pandemik COVID-19: Satu Kajian Kes. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. Jilid 12 Edisi Khas, 2021/ISSN 1823-6812 (21-32).
- Nor Adila, A.W. (2021). Pelaksanaan semua PdPR: Ibu bapa bimbang pembelajaran anak. Malaysia kini. @ <https://www.malaysiakini.com/news/574027>.
- Nor Hidayati, M. (2020). Pembelajaran dalam Talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. Newshub. <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>
- Nur Hazirah, H., & Masayu, D. (2020). Pengajaran dan Pemudahcaraan dalam Talain Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue) Vol.9, (18-28). ISSN 2289-3032/eISSN 2550-178X*
- Rajikal, W. Hamzah, M.I. (2020). Kajian Sistematik Pengajaran Abad ke-21(PAK21) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) -Systematic Review. *Malaysian Online Journal of Education*. Vol 4, No 2 m/s 103-113. eISSN: 2600-7622.
- Salleh Said. (2021). Pengajaran dan pembelajaran Di Rumah (PdPR)- Perlaksanaan dan Keberkesanan. <http://sallehsaid.com>.
- Selvi Loviana, & Waskita, n., B. (2020). Dampak pandemic COVID-19 pada kesiapan pembelajaran Tadris Matematika iain metro lampung. *Jurnal Pendidikan Matematika*, 2(1), 61-69.
- Siti Azura A.H; Suzana Z, A & Zulkarnain , H. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (e-Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. <http://journal.ump.edu.my/ijhtc> *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* Copyright Universiti Malaysia Pahang PressISSN: 2289-7216. (PRINT), e-ISSN: 2600-8815 (ONLINE) IJHTC Issue 10, Vol 2 March 2021
- Siti Balqis,M. & Muniroh, H. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian semasa

- Perintah Kawalan Pergerakan. SIG: e-Learning @CS. eISBN 978-967-0841-88-5.
- Wahyudin,D., R., Yuli, A.,H., Ali, M.& Muhlas.(2020). Analisis Pembelajaran Online Masa WFH Pandemic Covid – 19 sebagai Tantangan Pemimpin Digital Abad 21. *Karya Tulis Ilmiah (KTI) Masa Work from Home (WFH) Covid- 19 UIN Sunan Gunung Djati Bandung Tahun 2020*, 1-12.
- Windhiyana, E. (2020). Dampak COVID-19 terhadap kegiatan pembelajaran online di perguruan tinggi Kristen di Indonesia. *Perspektif Ilmu Pendidikan*, 34(1), 1-8.

## **BAB 4**

# **PEMBENTUKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN AL-QURAN SECARA INTERAKTIF DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Basirah Abu Bakar<sup>1</sup> & Muhammad Ammar Farhan Ramlan<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Management and Science University (MSU)

<sup>2</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### **PENDAHULUAN**

Pembelajaran al-Quran merupakan salah satu bidang yang diajar dalam pengajaran dan pembelajaran seharian terutama di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan institusi-institusi lain. Pembelajaran bacaan al-Quran mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan mata pelajaran lain kerana ia memberi penekanan kepada kemahiran lisan, aspek kelancaran bacaan, penguasaan kemahiran fasahah, penguasaan kemahiran tilawah bertajwid dan kemahiran bacaan. Selain itu, penerapan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP) al-Quran terhadap aktiviti dan permainan amatlah kurang. Oleh itu, pembentukan pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara interaktif di institusi pengajian tinggi haruslah diberi satu inovasi dan pendekatan yang interaktif. Pembentukan pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara interaktif hendaklah melalui tiga komponen utama iaitu membaca, menulis dan mengenal hukum asas-asas tajwid. Selain itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran juga memerlukan pendekatan pedagogi iaitu berasaskan proses pembelajaran semulajadi (*natural learning process*), *fun and active learning* dan metodologi pembantu daya memori.


### **MATLAMAT PERLAKSANAAN PEMBELAJARAN AL-QURAN**

Membaca al-Quran dengan betul dan fasih merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam. Namun begitu, kebanyakan pelajar tidak dapat menguasai pembacaan al-Quran yang baik sama (Faisal M., Zawawi M. & Rahimi I., 1996). Tujuan pendidikan al-Quran adalah untuk meningkatkan kesucian diri dan keperibadian sehingga dapat menjalin hubungan yang baik dengan Allah dan orang lain (Zaini F., 2009). Selain itu, mendengar al-Quran juga dapat memberi pengaruh kepada perubahan jiwa (Kamil M., 2003). Dengan itu, proses pembelajaran al-Quran hendaklah diperbaharui dari segi bentuk pengajaran dan pembelajaran dan bahan-bahan bantu mengajar. Sesebuah proses pembelajaran hendaklah mengikut prosedur agar hasil pembelajaran tercapai. Pembelajaran yang berjaya adalah apabila seseorang mengikutinya akan dapat menguasai objektif pengajaran (Noah S. & Ahmah J., 2005).

Pembelajaran al-Quran yang baik adalah mempunyai struktur yang mudah difahami dan diikuti oleh semua golongan. Intipati pengajaran hendaklah bersesuaian dan mengamati pelbagai bentuk pendekatan bagi menarik minat pelajar. Komponen pengajaran dan pembelajaran juga hendaklah bersesuaian dengan tahap penerimaan pelajar agar pembelajaran al-Quran yang dibina benar-benar menjadi keperluan dan garis panduan di mana-mana institusi. Dengan itu, proses pembelajaran dan pengajaran yang berterusan dan berkesan adalah menggunakan:

1. Permulaan Pengajaran
2. Set Induksi
3. Kaedah
4. Bahan Bantu Mengajar dan Bahan Bantu Belajar
5. Penilaian dan Pentaksiran
6. Penutup


Rajah 1: Kerangka Koseptual Contoh Model Proses Pengajaran dan Pembelajaran



Sumber: Kamaruddin (1996) dan Ahmad Mohd Salleh (2003)

Rajah 1 merupakan kerangka koseptual contoh proses pengajaran dan pembelajaran bagi melaksanakan pembelajaran al-Quran secara interaktif. Sesebuah model hendaklah mengikut prosedur agar penghasilan model mendapat keberhasilan. Model yang berjaya adalah apabila seseorang mengikutinya dan hasilnya individu itu dapat menguasai objektif terbinanya modul (Noah S. & Ahmad J., 2005). Proses pengajaran dan pembelajaran yang baik adalah mempunyai struktur yang mudah difahami dan diikuti oleh remaja. Intipati pengajaran dan pembelajaran hendaklah bersesuaian dan mengamati pelbagai bentuk pendekatan bagi menarik minat mahasiswa. Bahan pengajaran juga hendaklah bersesuaian dengan tahap penerimaan mahasiswa agar pembelajaran yang dibina benar-benar menjadi keperluan dan garis panduan di mana-mana institusi pengajian tinggi. Oleh itu, rajah 2 adalah diadaptasi struktur model yang sedia ada daripada model Sharifah Alwiah Alsagoff (1981).

Rajah 2: Contoh Struktur Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran di Insitituti Pengajian Tinggi




Adaptasi dari Sharifah Alwiah Alsagoff 1981

Rajah 2 adalah contoh struktur pengajaran dan pembelajaran al-Quran di institusi pengajian tinggi. Panduan penggunaan ini melibatkan satu elemen iaitu rancangan pengajaran dan pembelajaran al-Qura. Penentuan golongan sasaran adalah kepada pelajar yang tidak mempunyai asas membaca al-Quran. Di antara objektif terhadap contoh struktur yang dikemukakan adalah untuk membasmi buta huruf al-Quran, memahami arahan Allah yang dinyatakan dalam al-Quran dan menjadikan panduan terhadap pengasilan model kerohanian. Apabila golongan sasaran telah pandai membaca al-Quran, mereka mampu menghayati arahan dan perintah yang dinyatakan dalam al-Quran. Penghayatan ini akan dipandu oleh guru-guru, penceramah atau mana-mana pihak yang berkenaan.

Seterusnya, tiga peralatan sumber yang digunakan di dalam struktur pengajaran dan pembelajaran al-Quran iaitu al-Quran, buku-buku asas pengenalan huruf-huruf hijaiyyah dan guru. Proses pelaksanaan pembelajaran al-Quran hendaklah mengikuti proses jadual pembelajaran seperti rangka rumusan pada rajah di bawah:

Rajah 2: Jadual Pembelajaran



Rajah 2 menunjukkan jadual pembelajaran al-Quran dimulakan dengan sesi ujian saringan bagi menentukan tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar terhadap al-Quran. Seterusnya, pelajar akan melalui proses pengenalan huruf secara berkumpulan selama sejam bagi mengamati irama dan bayangan huruf hijaiyyah tunggal. Setelah itu, pelajar akan diasingkan mengikut tahap keputusan ujian saringan. Di sini, pelajar akan menghadiri sesi tutorial di dalam kumpulan yang kecil selama 15 jam. Setelah itu, 5 jam diperuntukkan untuk pelajar menghadiri latihan dalam kumpulan (LDK). LDK akan melibatkan permainan, pertandingan dan penggunaan alat-alat bantu mengajar. LDK dapat menarik minat pelajar untuk mengulang-kaji matapelajaran. Selain itu, ia juga dapat memupuk serta meningkatkan tahap kerjasama di antara pelajar. Tambahan pula, LDK mampu menyelesaikan masalah-masalah proses pengajaran dan pembelajaran yang membosankan. Dengan itu, pelajar dapat mencungkil bakat untuk menghasilkan daya kreativiti dan inovasi mereka. Daripada hasil pemerhatian, penulis mendapati pelajar gemar bermain. Selain itu, pelajar lebih tertarik kepada permainan yang berwarna cantik dan bersaiz besar.

Seterusnya pelajar akan mengikut sesi tutorial berkumpulan bagi mempelajari berkaitan dengan hukum-hukum tajwid asas. Pada tahap ini, pelajar akan didedahkan dengan penggunaan al-Quran.

### **HUBUNGKAIT PENGHAYATAN PELAJAR DENGAN PEMBELAJARAN AL-QURAN SECARA INTERAKTIF**

Penghayatan al-Quran adalah dengan mengajak pelajar menjalani sesi refleksi menggunakan ayat-ayat al-Quran. Dalam hal ini, pelajar mengalami sesi pembelajaran secara berterusan. Apabila pelajar menjalani proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran, pelajar juga akan didedahkan untuk merefleksi diri dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran. Dengan itu, pembentukan niat adalah dorongan yang didahulukan untuk diwujudkan di dalam diri pelajar. Terdapat beberapa elemen yang perlu dititikberatkan dalam membentuk penghayatan di dalam al-Quran. Di antara elemen yang boleh digunapakai adalah (Shahidah N., Yusmini Y. & Norrodzoh S., 2015):

- i. Element niat.



- ii. Elemen *al-thabat* iaitu keyakinan yang tinggi terhadap sesuatu perkara yang dilakukan.
- iii. Elemen iltizam dan penghayatan.
- iv. Elemen *al-'afaf* yang bermaksud berhemah tinggi.

Elemen-elemen yang dinyatakan merupakan elemen yang penting untuk guru dapat menyuntik penghayatan al-Quran kepada seseorang pelajar. Elemen-elemen seperti *thabat* dan *'afaf* mampu membina semangat remaja untuk terus berubah dan meyakini bahawa perubahannya dapat diterima masyarakat. Dalam meningkatkan kekuatan dalaman pelajar. Sebagai contoh, latihan atau simulasi kerohanian yang dapat menguatkan lokus kawalan dalaman (*internal locus of control Julian B Rotter 1954*) di mana setiap pelajar menyedari kesan dan akibat daripada keputusan yang dibuat serta mengambil tanggungjawab penuh di atas keputusan tersebut (Halimatusaadiah H., 2016).

### KOMPONEN PEMBELAJARAN AL-QURAN SECARA INTERAKTIF

Pembelajaran al-Quran secara interaktif dapat menghasilkan proses pembelajaran tidak memerlukan masa yang begitu singkat dan terlalu panjang. Dengan komponen utama yang perlu dibentuk dan disediakan adalah kurikulum, jadual pembelajaran mingguan, terma pemilihan dan pengurusan guru, tugas dan bahan bantu mengajar.

#### i. Kurikulum

Pembelajaran dan pengajaran al-Quran bagi institusi pengajian tinggi hendaklah dibahagikan kepada dua kategori iaitu pembelajaran al-Quran peringkat pertama dan kedua. Kurikulum bagi pembelajaran al-Quran peringkat pertama dan kedua adalah seperti berikut:

##### 1) Peringkat Pertama

Peringkat pertama adalah terbuka kepada pelajar-pelajar yang buta huruf al-Quran. Kurikulum bagi pembelajaran al-Quran peringkat pertama adalah seperti berikut:

*Jadual 1: Kurikulum Peringkat Pertama*

BIL.	KATEGORI	TAJUK
1.	Mengenal Huruf Tunggal	Huruf tunggal baris atas
		Huruf tunggal baris bawah
		Huruf tunggal baris depan
2.	Mengenal Huruf Sambung	
3.	Tanda Panjang	Tanda panjang baris atas
		Tanda panjang baris bawah
		Tanda panjang baris depan
4.	Cara Membaca Huruf Tanwin	Tanwin baris atas
		Tanwin baris bawah
		Tanwin baris depan
5.	Cara Membaca Huruf Sukun	
6.	Cara Membaca Huruf Sabdu	
7.	Alif Lam Ta'rif	
8.	Lam Lafzul Jalalah	
9.	Hamzah Wasal	
10.	Cara Berwaqaf	
11.	Cara Membaca Huruf Muqata'ah	

Merujuk kepada jadual 1, kurikulum di peringkat yang pertama adalah menunjukkan pendekatan pembelajaran al-Quran kepada golongan yang buta huruf al-Quran. Ini disebabkan tajuk-tajuk kurikulum yang lebih menjurus kepada pengenalan tanda barus dan bentuk huruf.

## **2) Peringkat Kedua**

Peringkat pertama adalah terbuka kepada pelajar-pelajar yang pandai membaca potongan-potongan ayat. Akan tetapi, pelajar di peringkat kedua masih lagi samar-samar dalam mengenal hukum-hukum tajwid asas. Kurikulum bagi pembelajaran al-Quran peringkat kedua adalah seperti berikut:

*Jadual 2: Kurikulum Peringkat Kedua*

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>
1.	Nun Sukun dan Tanwin
2.	Mim Sukun
3.	Qalqalah
4.	Hukum Ra'
5.	Hukum Mad
6.	Hukum Idgham
7.	Tanda-tanda waqaf
8.	Iltiqa' Sakinain
9.	Sujud Tilawah

Berdasarkan jadual 2, objektif kurikulum peringkat kedua dibina adalah untuk membantu pelajar yang sudah mengenal huruf dan pandai membaca dapat memperkemaskan bacaan mereka dengan mempelajari asas-asas hukum tajwid.

### **ii. Rancangan Pengajaran Mingguan**

Rancangan pengajaran mingguan merupakan terjemahan daripada Rancangan Pelajaran Tahunan yang mengandungi sekurang-kurangnya maklumat seperti objektif pembelajaran, cara bagaimana hendak mencapai objektif dan kenyataan sejauh mana objektif pembelajaran itu tercapai (Surat Pekeliling Ikhtisas, Bil. 3/1999). Dalam erti kata lain, rancangan pembelajaran mingguan merupakan rangka kerja aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang perlu disediakan oleh guru untuk beberapa waktu pelajaran. Ia juga merupakan pelan pengajaran yang tersusun dan terperinci yang mengandungi beberapa elemen yang perlu ditulis bagi bertujuan memudahkan guru mencapai objektif yang telah ditetapkan. Berikut adalah kepentingan-kepentingan rancangan pengajaran mingguan:

1. Menentukan serta memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.
2. Meningkatkan keyakinan diri guru sebelum masuk mengajar.
3. Mengelak sebarang penyelewengan atau terkeluar daripada perkara yang hendak diajarkan.
4. Menentukan isi yang cukup untuk disampaikan dalam masa yang diperuntukkan.
5. Menentukan strategi atau aktiviti yang terbaik bagi menyampaikan isi pelajaran yang bersesuaian dengan murid demi membantu murid mengubah sikap, kebiasaan, kebolehan dan pengetahuan ke arah yang dikehendaki.
6. Menggunakan masa pengajaran secara optimum melalui strategi yang lebih tersusun dan bersistem.
7. Merancang penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai.
8. Mengembangkan pengajaran secara lancar dan tersusun. Menghadkan skop yang akan diajar dalam sesuatu jangka waktu.

9. Membantu guru mengingat bahan dan pendekatan pengajaran yang perlu untuk menyampaikan sesuatu isi pelajaran.

Dengan itu, pembentukan pembelajaran dan pengajaran al-Quran di institusi pengajian tinggi menggunakan rancangan pengajaran mingguan melalui dua peringkat berbeza. Peringkat pertama banyak melaksanakan aktiviti bertalaqqi secara berkumpulan dan berseorangan secara bersemuka dengan guru. Manakala peringkat kedua banyak melakukan aktiviti dalam kumpulan dengan mencari hukum-hukum tajwid di dalam potongan-potongan ayat al-Quran. Jadual rancangan pengajaran mingguan dapat disimpulkan seperti di bawah:

### 1) Peringkat Pertama

**Jadual 3:** Rancangan Pengajaran Mingguan Peringkat Pertama

MINGGU	TOPIK	Aktiviti
1	Pengenalan al-Quran Pengenalan baris syakl.	Talaqqi berkumpulan dan berseorangan
2	Pelajaran 1, 2 dan 3: Huruf: fathah, kasrah dan dhammah.	
3	Pelajaran 4: Huruf sambung (huruf)	
4	Ulangkaji Pelajaran 1, 2, 3 dan 4	
5	Pelajaran 5 dan 6: Harakat and Tanween	
6	Pelajaran 7 dan 8: Huruf saakinah dan tasydiid.	
7	<b>MINGGU CUTI</b>	
8	Pelajaran 9, 10 dan 11: Alif Lam at-Ta'rif, Lafz al-Jalalah dan Hamzah Wasal Membaca dan menghafaz surah al-Fiil, Quraisy, al-Maa'uun, al-Kauthar & al-Kaafiruun	Talaqqi berkumpulan dan berseorangan
9	Lesson 12 & 13: Waqf dan Huruf muqatta'ah Membaca dan menghafaz surah an-Nasr, surah al-Masad, surah al-Ikhlash, surah al-Falaq dan surah an-Naas	
10	<b>Ujian Online</b>	
11	Ulangkaji Pelajaran 1-13	Ulangkaji
12	<b>Ujian Lisan</b>	
13	Mengulangkaji tahap bacaan	Membaca surah al-Baqarah ayat 1-10

Jadual 3 menunjukkan rancangan pengajaran terhadap proses pembelajaran al-Quran peringkat pertama iaitu kepada pelajar-pelajar yang buta huruf al-Quran.

## 2) Peringkat Kedua

**Jadual 4:** Rancangan Pengajaran Mingguan Peringkat Kedua

MINGGU	TOPIK	AKTIVITI
1	Membaca surah al-Baqarah	Aplikasi tajwid pada ayat 1-13 menggunakan surah al-Baqarah ayat 1-25.
2	Pelajaran 14 dan 15: Nun sakinah, tanween, dan mim sakinah	Talaqqi berkumpulan dan berseorangan
3	Pelajaran 16 dan 17: Qalqalah dan Ra'	
4	Pelajaran 18: Mad	
5	Pelajaran 19: Idgham	
6	Pelajaran 20 dan 21: Tanda-tanda waqaf	
7	Membaca dan menghafaz surah al-Tiin, al-'Alaq, al-Qadr, al-Bayyinah dan az-Zalzalah	Membaca dan menghafaz 5 surah.
8	<b>MINGGU PEPERIKSAAN DAN MID SEMESTER</b>	
9	Membaca dan menghafaz surah al-'Aadiyaat, al-Qaari'ah, at-Takaathur, al-'Asr dan al-Humazah	Membaca dan menghafaz 5 surah.
10	<b>Ujian Online</b>	
11	Mengulangkaji dan menghafaz 10 surah.	Mengulangkaji tajwid dengan pelajaran 1-21.
12	<b>Ujian Lisan</b>	
13	Lesson 22: Sujud Tilawah / Sajadah	Membaca surah al-Baqarah ayat 1-25.

Jadual 4 menunjukkan rancangan pengajaran terhadap proses pembelajaran al-Quran peringkat pertama iaitu kepada pelajar-pelajar yang pandai membaca potongan-potongan ayat dan masih lagi samar-samar dalam mengenal hukum-hukum tajwid asas.

### iii. Terma dan Pengurusan Guru

Pengurusan guru dalam al-Quran hendaklah mengikuti terma pemilihan guru yang disediakan. Prinsip asas bahawa seseorang guru dapat dipertingkatkan pengetahuan dan kemahirannya bagi menjalankan tugas adalah melalui komponen-komponen yang diilustrasikan oleh Hay McBer di dalam model *Aisberg*. Tiga komponen model *Aisberg* yang utama iaitu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012):

- (a) Pengetahuan: Kebolehan untuk meningkatkan pengetahuan secara berterusan bagi memperbaiki prestasi diri dengan berkesan.

- (b) Kemahiran: Kebolehan menggunakan dan memanfaatkan (*ability to use in practice*) pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh bagi melaksanakan tugas dengan cemerlang untuk mencapai objektif organisasi.
- (c) Ciri-ciri peribadi: Nilai-nilai peribadi dan perlakuan (*personal attributes and behaviours*) yang perlu dihayati dan diamalkan oleh guru.

Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran merupakan komponen yang mudah dilihat dan dikenal pasti, manakala ciri-ciri peribadi merupakan komponen pendukung yang sukar dilihat dan kenal pasti. Namun begitu, komponen tersebut merupakan faktor penting dalam mewujudkan guru yang cemerlang dan, mempunyai pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan dalam sesuatu jawatan.

#### iv. Rubrik Ujian Lisan

Rubrik ujian lisan merupakan penilaian dan kayu ukur dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Rubrik ujian lisan yang tepat adalah mampu mengukur pengetahuan pelajar terhadap isi kandungan pembelajaran dengan lebih mendalam. Selain itu, rubrik ujian lisan juga mampu mengukur dengan tepat tahap pencapaian pelajar dan dapat menyediakan maklumat yang bermakna mengenai pelajar yang masih belum mencapai tahap pencapaian yang diharapkan. Rubrik juga seharusnya menjadi sebahagian aktiviti yang bersepadu dan penting dalam aktiviti yang berlaku di dalam kelas. Ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi pelajar dan memahami bagaimana pelajar mengetahui tentang sesuatu perkara (Nurfidawati H., 2016). Di antara contoh rubrik yang dapat digunakan di dalam kelas pembelajaran al-Quran adalah seperti berikut:

**Jadual 5:** Contoh Rubrik Ujian Lisan

Kriteria	Penilaian	0	Penilaian	0.5	Penilaian	1
<b>Baris Atas</b>	Bacaan baris atas tidak 50% menepati sebutan 'A' dan 'O' yang betul.		Bacaan baris atas tidak 100% menepati sebutan 'A' dan 'O' yang betul.		Bacaan baris atas 100% menepati sebutan 'A' dan 'O' yang betul.	
<b>Baris Bawah</b>	Bacaan baris bawah tidak 50% menepati sebutan 'P' yang betul.		Bacaan baris bawah tidak 100% menepati sebutan 'P' yang betul.		Bacaan baris bawah 100% menepati sebutan 'P'.	
<b>Baris Hadapan</b>	Bacaan baris hadapan tidak 50% menepati sebutan 'U' yang betul.		Bacaan baris hadapan tidak 100% menepati sebutan 'U' yang betul.		Bacaan baris hadapan 100% menepati sebutan 'U'.	
<b>Tanda Panjang Baris Atas / Bawah / Hadapan</b>	Bacaan langsung tidak menepati 4 tanda panjang baris atas / 2 tanda panjang baris bawah dan hadapan.		Bacaan tidak 100% menepati 4 tanda panjang baris atas / 2 tanda panjang baris bawah dan hadapan.		Bacaan menepati 100% mengikut 4 tanda panjang baris atas / 2 tanda panjang baris bawah dan hadapan.	
<b>Huruf Bersambung</b>	Tidak dapat mengenali huruf-huruf yang bersambung Bacaan sangat tidak lancar.		Bacaan merangkak kerana kurang mahir mengenalpasti huruf-huruf dalam bentuk yang bersambung.		Bacaan lancar dan tiada sebarang kesalahan pada sebutan huruf yang bersambung.	
<b>Huruf Bertanwin</b>	Bacaan langsung tidak menepati sebutan tanwin yang betul.		Bacaan tidak 100% menepati sebutan tanwin yang betul.		Bacaan 100% menepati sebutan tanwin yang betul.	

<b>Huruf Mati</b>	Bacaan langsung tidak menepati kaedah sebutan huruf yang mati. Huruf Qaf, To', Ba', Jim dan Dal ada yang dibaca tidak memantul (jika ada).		Bacaan tidak 100% menepati kaedah sebutan huruf yang mati. Huruf Qaf, To', Ba', Jim dan Dal ada yang dibaca tidak memantul (jika ada).		Bacaan 100% menepati kaedah sebutan huruf yang mati. Huruf Qaf, To', Ba', Jim dan Dal dibaca memantul (jika ada).	
<b>Huruf Sabdu</b>	Bacaan tidak 50% menepati kaedah sebutan huruf yang bertasydid. Huruf Nun dan Mim sabdul ada yang dibaca tidak memantul.		Bacaan tidak 100% menepati kaedah sebutan huruf yang bertasydid. Huruf Nun dan Mim sabdul ada yang dibaca tidak dengung.		Bacaan 100% menepati kaedah sebutan huruf yang bertasydid. Huruf Nun dan Mim sabdu dibaca dengung.	
<b>Waqaf</b>	Berhenti dengan cara yang salah / tidak berhenti pada tempat yang sepatutnya.		Berhenti di tempat yang betul. Tetapi kadangkala tidak dengan cara yang betul		Berhenti ditempat yang betul dan dengan cara yang betul.	
<b>Kelancaran</b>	Bacaan sangat tidak lancar.		Bacaan agak tersekat-sekat.		Bacaan sangat lancar.	
<b>TOTAL</b>						/10

Berdasarkan jadual 5, rubrik ujian lisan mampu menilai pelajar terhadap kefahaman dan pengaplikasian terhadap pembelajaran al-quran. Pelajar akan diberi beberapa surah yang mudah untuk diuji bacaan mereka dan pengetahuan hukum-hukum tajwid. Dengan menggunakan rubrik ujian lisan, guru akan menjadi mudah untuk menilai tahap kemampuan pelajar.

#### v. Laporan Dan Pemantauan

Setiap pelaksanaan perlulah mempunyai laporan dan pemantauan dari guru, pemantau dan remaja itu sendiri. Laporan dan pemantauan hendaklah sentiasa dibuat bagi memastikan progress pembelajaran dan tanggungjawab guru terhadap remaja dilaksanakan dengan baik. Berikut merupakan jadual tindakan laporan dan pemantauan bagi guru, pemantau dan remaja:

**Jadual 6:** Tindakan Laporan Dan Pemantauan Guru, Pemantau Dan Pelajar

<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN GURU</b>	<b>TINDAKAN PEMANTAU</b>	<b>TINDAKAN PELAJAR</b>
Kelas Pertama	-Ujian saringan -Catatan Laporan Ujian Saringan -Catatan Laporan Pengajaran -Catatan Kehadiran Pelajar	-Maklumkan kepada guru, Tatacara Pelaksanaan Kelas	-Menduduki ujian saringan -Tanda Tangan Kehadiran

Selepas sesi tutorial pertama (dalam tempoh 2 hari)		-Memaklumkan laporan kelas pertama (Laporan ujian saringan dan catatan kehadiran pelajar)	-Maklum balas penilaian guru dan kelas dari pelajar (melalui panggilan telefon) berkenaan kelas pertama dan pengesahan jadual kelas berikutnya, samada dapat diteruskan secara berkala atau sebaliknya.	-Memberi maklum balas: 1.Kelas pertama 2.Pengesahan jadual kelas berkala
Pengesahan Jadual Kelas berkala	Tolak:	-Makluman bagi penambahbaikan -Pelaksanaan kelas mengikut jadual berkala	-Makluman kepada guru dan pelajar -Makluman bagi penambahbaikan	-Pelaksanaan kelas mengikut jadual berkala
	Terima:			

Jadual 6 menunjukkan tindakan yang perlu dibuat terhadap guru, pemantau dan remaja dalam sesi model celik al-Quran. Tindakan guru adalah membuat ujian saringan dan mencatat laporan kehadiran dan kemajuan remaja. Setelah menjalani sesi tutorial yang pertama, guru hendaklah memaklumkan laporan kelas pertama iaitu laporan ujian saringan dan catatan kehadiran pelajar kepada pemantau. Pemantau akan menerima maklum balas penilaian guru dan kelas melalui panggilan telefon. Guru akan menyatakan berkenaan dengan kelas pertama dan pengesahan jadual kelas berikutnya, samada dapat diteruskan secara berkala atau sebaliknya.

Pengesahan jadual kelas berkala adalah merujuk kepada laporan dan maklum balas daripada guru dan remaja. Pengesahan jadual ini adalah wajib diatur sebelum meneruskan sesi-sesi tutorial lain kerana di institusi perlindungan akhlak terdapat juga program-program lain yang perlu remaja hadiri pada hujung minggu.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran di salah sebuah institusi pengajian tinggi di Shah Alam. Kajian ini diukur melalui edaran borang soal selidik dan SPSS. Di antara metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah:

### Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu dengan memilih ciri-ciri kumpulan subjek tertentu untuk dijadikan responden. Oleh itu, dapatan kajian akan mewakili kumpulan subjek yang dikaji sahaja (Chua Y., 2011). Dengan itu, sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Management and Science University yang mengambil subjek Pengajian Islam September 2020.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian ketika menjalankan kajian. Soalan-soalan yang disediakan adalah berpandukan set soalan Mohd Aderi Che Noh dan Rohani Ahmad Tarmizi yang bertajuk; Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran. Instrumen kajian dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pada bahagian A, B dan bahagian C. Bahagian A menunjukkan profil responden. Manakala bahagian B dan C menunjukkan set soal selidik. Berikut adalah deskripsi instrumen yang akan dianalisis:

**Jadual 7:** Deskripsi Instrumen

<b>Bahagian A</b>	<b>Deskripsi Instrumen</b>
Profil Responden	Mengenalpasti profil responden.
<b>Bahagian B</b>	<b>Deskripsi Instrumen</b>
Set Induksi Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran	Mengenalpasti dan menilai samada guru: 1) Memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali mengajar. 2) Meminta responden membaca potongan ayat-ayat al-Quran. 3) Melakukan aktiviti-aktiviti yang menarik perhatian saya untuk belajar. 4) Menyusun pengajaran secara sistematik.
<b>Bahagian C</b>	<b>Deskripsi Instrumen</b>
Pengisian Pembelajaran	Mengenalpasti dan menilai samada guru: 1) Mengajar dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran. 2) Membetulan bacaan setiap kali pelajar bermasalah dalam pembelajaran.

Secara ringkasnya jadual menunjukkan deskripsi instrumen bagi setiap set soal selidik yang diberikan kepada responden.

### **Pemerhatian**


Pemerhatian diperlukan untuk mamastikan kajian yang dilaksanakan tepat. Metode pemerhatian yang dilakukan adalah pemerhatian secara terus. Metode ini melibatkan pemerhatian secara langsung dan melibatkan komunikasi dengan manusia. Pemerhatian memungkinkan untuk melihat, merasakan dan memaknai dunia beserta ragam peristiwa dan gejala sosial (Kamarul A., 2012). Pemeriksaan akan dibuat ke atas keberkesanan pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap pelajar Management and Science University semasa dan selepas sesi tutorial dijalankan. Pemerhatian ini mengambil masa enam bulan bagi melihat prestasi pelajar berdasarkan ujian lisan dan ujian bertulis pada akhir semester.

### **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian adalah menunjukkan kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Management and Science University (MSU). Dapatan kajian ini juga dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut tema iaitu; profil responden, set induksi pengajaran dan pembelajaran al-Quran serta pengisian pembelajaran.




**Rajah 3:** Profil Responden Mengikut Program



Sumber: Management and Science University (MSU)

Seramai 124 orang daripada 7 program di MSU mengikuti kelas pembelajaran al-Quran. Di antaranya, Faculty Business and Management Professional (FBMP), School of Education Social Sciences (SESS), Faculty of Health and Life Sciences (FHLS), School of Hospitality and Creative Arts (SCHA), Faculty of Information Sciences Engineering (FISE), International Medical School (IMS) dan School of Pharmacy. Rajah menunjukkan SCHA sebanyak 34.1% iaitu seramai 42 orang, FISE 28.5% iaitu seramai 35 orang, FBMP 22.8% iaitu seramai 28 orang, SESS 10.6% seramai 13 orang dan FHLS 4.1% seramai 5 orang.


**Rajah 4:** Guru Memperkenalkan Tajuk Pengajaran Setiap Kali Mengajar



Sumber: Management and Science University (MSU)

Rajah 4 menunjukkan 72 orang menunjukkan sangat setuju, 46 orang menunjukkan setuju dan 6 orang menunjukkan neutral terhadap guru yang memperkenalkan tajuk pengajaran setiap kali mengajar.


**Rajah 5:** Guru Meminta Pelajar Membaca Potongan Ayat-Ayat Al-Quran



Sumber: Management and Science University (MSU)

Rajah 5 menunjukkan 82 orang menunjukkan sangat setuju, 29 orang menunjukkan setuju dan 11 orang menunjukkan neutral terhadap guru yang membaca potongan-potongan ayat-ayat al-Quran.


**Rajah 6:** Guru Melakukan Aktiviti-Aktiviti Yang Menarik Semasa Sesi Tutorial



Sumber: Management and Science University (MSU)

Rajah 6 menunjukkan 50 orang menunjukkan sangat setuju, 45 orang menunjukkan setuju, 23 orang menunjukkan neutral dan 5 orang menunjukkan tidak setuju terhadap guru yang melakukan aktiviti-aktiviti yang menarik perhatian untuk belajar.


**Rajah 7:** Guru Menggunakan Pengajaran Secara Sistematik



Sumber: Management and Science University (MSU)

Rajah 7 menunjukkan 57 orang menunjukkan sangat setuju, 53 orang menunjukkan setuju dan 13 orang menunjukkan neutral terhadap guru menyusun langkah-langkah pengajaran secara sistematik.


**Rajah 8:** Guru Menggunakan Pelbagai Kaedah Pengajaran



Sumber: Management and Science University (MSU)

Rajah 8 menunjukkan 45 orang menunjukkan sangat setuju, 49 orang menunjukkan setuju, 27 orang menunjukkan neutral dan 3 orang tidak setuju terhadap guru menggunakan pelbagai kaedah pengajaran.

**Rajah 9:** Guru Membetulkan Bacaan Setiap Kali Pelajar Bermasalah Dalam Pembelajaran



Sumber: Management and Science University (MSU)

Rajah 9 menunjukkan 91 orang menunjukkan sangat setuju, 27 orang menunjukkan setuju dan 6 orang menunjukkan neutral terhadap guru membetulkan bacaan setiap kali pelajar bermasalah dalam pembelajaran.

## KESIMPULAN

Pembentukan pembelajaran dan pengajaran al-Quran secara interaktif ini diharapkan dapat memberi nafas baru dalam arus pendidikan al-Quran di institusi-institusi pengajian tinggi. Pembentukan ini bukan sahaja dapat diaplikasikan oleh institusi-institusi tinggi sahaja tetapi dapat dilaksanakan oleh pelbagai sasaran dan golongan. Pembentukan pembelajaran dan pengajaran al-Quran ini juga boleh diubah suai mengikut kesesuaian institusi. Natijahnya dapat mengurangkan masalah pelajar pengajian tinggi buta huruf al-Quran.

## RUJUKAN

- Che Noh M. & Rohani A. (2009). *Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran*, (Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI): Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1).
- Chua Y. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*, (Malaysia: McGraw-Hill Education Sdn.Bhd).
- Eldeeb I., terj. Zaini F. 2009. *Be a Living Quran: Petunjuk Praktis Penerapan Ayat-ayat al-Quran dalam Kehidupan Sehari-Hari*. Jakarta: Lantera Hati.
- Faisal M., Zawawi M. & Rahimi I. (1996). *Celik Al-Quran: Cabaran dan Realiti Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah, Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Halimatusaadiah H. (2016). Kajian Permasalahan Tingkah Laku Seksual dalam Kalangan Belia Malaysia, International Conference on Youth (ICYOUTH) 2016 pada 15-17

- Nov. 2016, Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan, Selangor.  
<http://psasir.upm.edu.my/50776/>
- Ilmu Pendidikan. (2012). Dicapai pada Mac 03, 2020, daripada  
<http://rujukpendidik.blogspot.com/2012/10/kepentingan-rancangan-pengajaran-harian.html>.
- Kamarul A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*, (Kertas Kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru).
- Kamil M. 2003. *Mukjizat Ilmiah Dalam al-Quran*. Indonesia: Akbar Media Eka Serana, 2003.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Noah S. & Ahmad J. (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Mmembina Modul Latihan dan Modul Akademik*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nurfirdawati H. 2016. *Pembangunan Dan Penentusahan Rubrik Pentaksiran Prestasi Bagi Mentaksir Projek Reka Bentuk Seni Bina Di Politeknik Malaysia*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shahidah N., Yusmini Y. & Norrodzoh S. (2105). Elemen Motivasi Interinsik Dalam Model Pembangunan Diri Remaja Dari Perspektif Islam: Kajian Terhadap Motivasi Alihan Pelajar (MAP) di Kuala Lumpur, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(2).
- Surat Pekeliling Ikhtisas, Bil. 3/1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran, KP (BS) 8591/Jilid XV/ (3).

## BAB 5

### MINAT DAN KEFAHAMAN ILMU *TAUJIH AL-QIRAA'T* DALAM KALANGAN PELAJAR SARJANA MUDA TAHFIZ AL-QURAN KUIS

Muhammad Syafee Salihin Hasan<sup>1</sup>, Muhammad Fairuz A.Adi<sup>1</sup>, Shahrudin Pangilun<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### PENDAHULUAN

Ilmu qiraat merupakan salah satu cabang ilmu-ilmu Al-Quran yang amat penting selain dari bidang tafsir dan penterjemahan Al-Quran. Perkembangan ilmu qiraat ini adalah seiring dengan perkembangan al-Quran sebagaimana diajarkan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW kepada sahabat. Setelah kewafatan Rasulullah, pengembangan ilmu diteruskan oleh generasi sahabat, tabiin, tabi' tabiin sehingga ke generasi pembukuan dan penyusunan ilmu ini.

Menelesuri disiplin ilmu qiraat, para sarjana telah membahagikan pengajian qiraat terbahagi kepada cabang utama iaitu al-Riwayah dan al-Dirayah. Elemen al-Riwayah dalam pembelajaran qiraat adalah seperti membahaskan pembahagian jenis qiraat, kepelbagaian kaedah sebutan seperti kaedah *idgham*, *izhar*, *ikhfa'*, *iq'lab*, *imalah*, *tashil*, *tahqiq* dan sebagainya. Ilmu qiraat hakikatnya tidak hanya tertumpu pada sudut penisbahan bacaan kepada imam-imam qiraat samada dari qiraat yang tujuh mahupun sepuluh, bahkan terdapat elemen al-Dirayah (*tawjih al-Qiraat*) iaitu ilmu berkaitan dengan sumber qiraat dan implikasi perbezaan qiraat yang melibatkan perubahan dari sudut sorof bahasa Arab seperti dari *bina majhul* kepada *bina mafhum*, dari *fiel madhi* kepada *fiel amar* dan seumpamanya. Setiap khilaf bacaan samada dari aspek al-Riwayah mahupun al-Dirayah yang berlaku dalam qiraat merupakan wahyu dari Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW yang wajib bagi setiap Muslim menerimanya.

#### PERNYATAAN MASALAH

Pengajian ilmu qiraat pada masa kini mendapat liputan meluas dari pelbagai peringkat pengajian samada di sekolah, kolej mahupun universiti. Perkembangan baik ini menjadikan pengajian ilmu qiraat sebahagian daripada kurikulum dalam sistem pendidikan arus perdana yang meliputi pengajian di peringkat sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Ikmal Zaidi (2015) menjelaskan pengajian qiraat di Malaysia masih memberi tumpuan pada matan-matan dan syarahnya serta masih dalam batas *al-Rimāyah*. Akibatnya signifikan ilmu qiraat dan hubungannya dengan ilmu-ilmu lain tidak dapat diterokai selagi ia tidak dipelajari dan diperbahaskan dalam konteks *al-Dirayah*. Pengajaran ilmu taujih wajar ditawarkan kepada semua peringkat pengajian qiraat sama ada peringkat menengah atau institusi pengajian tinggi. Meskipun begitu kita perlu menyedari hakikat bahawa subjek pengajaran ilmu taujih al-Qiraat ini masih belum ditawarkan pada peringkat pengajian diploma di seluruh Maahad Tahfiz di Malaysia. Kenyataan Zainora Daud (2015) menegaskan bahawa sehingga kini masih tiada kursus qiraat yang berbentuk al-Dirayah (*taujih al-Qiraat*) dimasukkan dalam sukatan kurikulum pengajian qiraat di Darul Quran dan Maahad Tahfiz Al-Quran di Malaysia. Subjek ini hanya ditawarkan pada peringkat pengajian Ijazah sarjana muda seperti di USIM, UPSI, UNISZA, KUIS dan lain-lain. Meskipun subjek ini telah ditawarkan

peringkat ijazah sarjana muda, seperti penawaran subjek ini di KUIS iaitu subjek ilmu taujih al-Qiraat pada semester 7 dan 8 pengajian, namun sukatananya hanya terhad kepada usul qiraat dan farsy al-huruf surah al-Baqarah sahaja. Masih terdapat banyak sukatan pengajian ilmu ini tidak diajarkan walaupun telah berada peringkat pengajian ijazah sarjana muda. Jesteru kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui tahap minat dan kefahaman pelajar Sarjana Muda Tahfiz al-Quran KUIS dalam mata pelajaran taujih al-qiraat berdasarkan pandangan guru yang terlibat secara langsung dengan pengajaran subjek taujih al-Qiraat.

## METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif yang diperoleh samada dalam bentuk temubual, pemerhatian atau analisis dokumen (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Persampelan kajian pula mestilah dipilih berdasarkan kriteria-kriteria sampel yang bertepatan dengan objektif kajian (Merriam S.B. 1998). Latar belakang sampel kajian perlu dikenal pasti terlebih dahulu semasa melakukan penerokaan awal kajian (Ahmad Sunawari, 2007).

Jesteru dalam kajian ini, pengkaji telah memilih reka bentuk kualitatif melalui temubual bersama 3 pensyarah yang terlibat dalam pengajaran mata pelajaran taujih al-Qiraat. Kajian temubual pada dasarnya tidak menetapkan sebarang bilangan sampel secara spesifik dan ianya terpulang kepada kondisi kajian. Ini adalah kerana kajian kualitatif menumpukan pemberatan hala tuju penyelidikannya kepada proses memperdalamkan maklumat dan mendetailkan data terhadap sesuatu fenomena (Merriam S.B., 1998).

Justeru bilangan tiga responden dalam konteks kajian adalah memadai bagi tujuan tersebut. Ini adalah kerana maklumat yang diperoleh daripada ketiga-tiga responden sudah dapat mencapai titik ketepuan berdasarkan permasalahan yang ingin diteroka oleh kajian (Othman Lebar, 2009). Data observasi hasil daripada tiga responden dianalisis secara deskriptif menggunakan persian Nvivo 2.0 kepada dua tema utama iaitu tema minat dan tema tahap kefahaman.

## ILMU TAUJIH AL-QIRAAT

Ibn Faris (t.t) dalam Mu'jam Maqayis al-Lughah menjelaskan perkataan *taujih* adalah masdar atau kata terbitan bagi kata kerja (wajjaha) - (وجهه). Beliau mengatakan bahawa (وج ه) asal yang merujuk kepada hadapan kepada sesuatu. Dalam menghuraikan maksud kata kerja (وجهه) beliau berkata

(وجهت الشيء: جعلته على جهة) yang bermaksud 'menjadikannya di atas satu arah'.

Dari sudut istilah ilmu qiraat pula, ilmu *taujih* qiraat merupakan suatu ilmu yang menjelaskan wajah dan makna sesuatu bacaan qiraat dari sudut bahasa dan tafsir dengan bersandarkan kepada dalil-dalil yang berbentuk naqli, ijmak, qiyas dan sebagainya. Ilmu ini juga dikenali dengan beberapa nama yang lain seperti ilmu *ta'wil*, *takhrif*, *ta'wil*, *idhab*, *ihitijaj*, *bujjah* dan *Intisar* (Abdul 'Ali al-Mas'ul 2007).

Jika kita meneliti karya-karya berkaitan ilmu *taujih* qiraat yang ditulis oleh para ulama', mereka sering menyandarkan serta merujuk kepada asas bahasa Arab seperti nahu, fonologi, morfologi (*sorof*) dan juga aspek semantik untuk menjelaskan maksud yang terkandung

dalam sesuatu bacaan qiraat (Abd Muhaimin bin Ahmad 2020). Salah satu elemen penting yang seharusnya dipelajari dalam ilmu qiraat ialah ilmu ini menjelaskan makna perbezaan bacaan yang terdapat dalam kalangan imam-imam qiraat. Ini kerana ilmu qiraat bukan sekadar menjelaskan perbandingan cara bacaan antara imam-imam qiraat, namun ia juga berkaitan huraian makna dan kesan perubahan cara bacaan tersebut. Perbezaan qiraat tidak langsung merosakkan lafaz dan maknanya bahkan ia menyempurnakan percambahan ilmu dan perluasan makna dalam disiplin ilmu lain.

Contoh perluasan makna berkaitan kategori masjid yang boleh dimasuki oleh musyrik berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 17-18.

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِم بِالْكُفْرِ أُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ وَفِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ ﴿١٧﴾ إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *Tidaklah pantas orang-orang musyrik itu memakmurkan masjid-masjid Allah, sedangkan mereka mengakui bahwa mereka sendiri kafir.*

Berdasarkan ayat di atas terdapat dua perbezaan bentuk bacaan yang pertama ialah (مسجد) dengan lafaz jamak yang merupakan bacaan jumhur Qurra. Manakala bacaan kedua ialah (مسجد) dengan lafaz mufrad merupakan bacaan Ibn Kathir, Abu Amr dan Ya'qub.

Al-Qurtubi (2006) menjelaskan sebahagian ulama fuqaha berpendapat maksud masjid secara *mufrad* yang mana bacaan ini dibaca oleh Imam Ibn Kathir, Abu 'Amru dan Ya'qub adalah merujuk kepada masjidil haram sahaja. Mereka tidak membenarkan orang *musyrik* memakmurkan masjidil haram kerana ia adalah masjid yang paling sempurna dan utama serta menjadi kiblat seluruh masjid di dunia. Jumhur imam membaca bacaan dengan jamak "masajid" yang bermaksud kesemua masjid di dunia ini termasuk masjidil haram diharamkan kepada kaum musyrik untuk memakmurkannya. Pendapat ini disokong oleh Muhammad Ali As-Sobuni (1980).

Jelas kepada kita bahawa implikasi perbezaan qiraat telah memberi kesan kepada tafsir. Walaubagaimana perbezaan tafsir ini tidak bertentangan antara satu dengan lain, bahkan perbezaan ini memperluaskan makna pada suatu kalimah.

## SILIBUS PENGAJIAN ILMU TAUJIH AL-QIRAAT DI KUIS

Kursus Pengajian ilmu taujih al-Qiraat di Kolej Uni. Islam Antarabangsa Selangor ditawarkan kepada pelajar semester tujuh dan lapan setelah melalui proses pembelajaran ilmu qiraat riwayat selama 5 semester. Terdapat 2 kursus ilmu taujih al-Qiraat yang ditawarkan iaitu Taujih al-Qiraat 1 dan 2. Sinopsis Taujih al-Qiraat 1 adalah membincangkan mengenai prinsip-prinsip umum ilmu Tawjih al-Qira'at dan sejarahnya. Di samping itu, beberapa karya penting turut diperkenalkan iaitu seperti al-Mudah karya Ibn Abi Maryam, al-Kasyf 'an Wujuh al-Qira'at al-Sab' wa 'Ilaliha karya Makki ibn Abi Talib, Hujjah al-Qira'at karya Ibn Zanjalah dan lain-lain. Kursus ini juga turut menghuraikan beberapa tajuk Usul al-Qira'at turut diterangkan tawjih bagi setiap perbezaan qira'at yang terdapat padanya. Manakala Sinopsis Taujih al-Qiraat 2 pula adalah membincangkan Tawjih al-Qira'at yang terkandung dalam surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah bersumberkan



pelbagai kitab Tawjih yang muktabar. Hubungan di antara qira'at yang pelbagai juga diterangkan bagi menafikan pertentangan di antara qira'at tersebut. Kursus ini membincangkan Tawjih al-Qira'at yang terkandung dalam surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah bersumberkan pelbagai kitab Tawjih yang muktabar. Hubungan di antara qira'at yang pelbagai juga diterangkan bagi menafikan pertentangan di antara qira'at tersebut (Buku Panduan Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat KUIS 2015).

## HASIL KAJIAN

Kajian ini telah dilakukan untuk mengetahui tahap minat dan kefahaman pelajar KUIS dalam pembelajaran ilmu Taujih al-Qiraat. Rekabentuk kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual terhadap 3 orang guru yang telah berpengalaman mengajar subjek ilmu Taujih al-Qiraat di KUIS. Data observasi hasil responden dianalisis secara deskriptif menggunakan persian Nvivo versi 11 berdasarkan tujuan utama dalam kajian ini.

Dapatan kajian berkaitan minat pelajar terhadap pembelajaran ilmu al-Taujih telah dipecahkan kepada beberapa tema seperti berikut;

- a. Pelajar kurang berminat di awal semester pengajian, ini boleh dilihat berdasarkan petikan berikut;

### Responden 1

*Minat pelajar tu pada permulaan tu agak sederhana, mgkin pelajar dia tak tabu pun apa itu taujih, apa itu subjek taujih, belajar tentang apa subjek taujih ni. Mungkin pada awalnya mereka tak tabu langsung mengenai apa itu taujih*

### Responden 2

*Alhamdulillah melalui pengalaman pengajaran, mula-mula tu memanglah kurang minat kerana pelajar ni takde info sangat berkenaan dengan ilmu taujih qiraat kerana selama ni mereka hanya belajar berkenaan qiraat yang membincangkan tentang bacaan dan bagaimana melafazkan bacaan setiap imam.*

### Responden 3

*Jadi, sepanjang pengalaman saya mengajar subjek taujih ni, ok.. tidak la berada di tahap yang amat tinggi, bukan la bermaksud mereka tidak berminat langsung dengan sbjek taujih ni, kerana sbjek taujih ni, ditawarkan pada sem 7 taujih 1, dan sem 8 taujih 2*

- b. Pelajar mula berminat selepas beberapa tempoh melalui kelas pembelajaran, ini dibuktikan melalui petikan berikut;

### Responden 1

*Tetapi bila da menguasai sedikit di permulaan, apabila kita syarah, dan kita ajar tentang sbjek ni, bila ada kefahaman tu, mereka mula minat,*

### Responden 2

*tapi bila diterangkan, bila mula belajar taujih ni, dimana ilmu taujih ni kita tabu, belaja berkenaan sebab sesuatu lafaz itu dilafazkan dan dimana asal usulnya, kemudian apa disebalik sesuatu bacaan, jadi minat mereka bertambah, sebab ada ilmu baru yang mereka belajar. Tapi bukan semuala, yang tu kita aaknilah, tapi sebahagian besar menunjukkan minat yang tinggi belaja tentang ilmu taujih ini.*

- c. Tambah aktiviti untuk memupuk minat

Responden 1

*untuk mereka lebih minat lagi dan lebih tertarik lagi dengan subjek ni, kita buat aktiviti, tidak la kepada sekadar baca kitab, pabtu kita syarah, kita buat aktiviti, kita mengenal kitab-kitab taujih, kitab-kitab berkaitan dengan taujih qiraat, kite perkenalkan sebagaimana dalam silibus, jadi mereka nampak, mereka boleh bayangkan subjek taujih ni menceritakan tentang apa, aa jadi daripada situ la timbul minat pelajar ni untuk mengetahui tentang taujih ni.*

- d. Teknik mengajar menambahkan minat pelajar. Ini berdasarkan petikan berikut.

*Teknik guru mengajar itu penting dalam memberi kefahaman kepada mereka, apabila guru berjaya menyampaikan teknik dengan baik, maka mereka akan tabula apa sebenarnya faedah mereka dapat dari subjek taujih dan minat mereka tinggi*

Dapatan kajian berkaitan tahap kefahaman pelajar terhadap pembelajaran ilmu Taujih telah dipecahkan kepada beberapa tema seperti berikut;

- a. Tahap tahap kefahaman pelajar terhadap pembelajaran ilmu Taujih kurang memuaskan. Ini dibuktikan melalui petikan berikut

Responden 1

*Tahap penguasaan pelajar bagi subjek taujih ni, bagi saya kurang memuaskan la, sebab untuk mendalami subjek taujih qiraat ni memerlukan kepada penguasaan atau pemahaman bahasa arab, dan bahasa arab ni mereka kena tafla.*

*Jadi kalau tanye saya, tahap kefahaman pelajar taujih qiraat ni berada pada tahap yang rendah la*

Responden 3

*Penguasaan pelajar masih jauh lagi, masih kurang walau telah melalui proses pembelajaran selama 7 8 minggu. Apabila ditanya semula mereka kebanyakan mereka tidak memahami dengan baik walau telah dijelaskan dengan terperinci sepanjang 8 minggu pengajian.*

- b. Tahap kefahaman meningkat apabila mengambil kursus kedua. Ini berasaskan petikan berikut.

Responden 2

*Hasil keputusan yang lalu, menunjukkan memang ada keputusan dan tidaklah mمبرangsangkan, bila masuk taujih kedua, kebanyakan pelajar meningkat berbanding dengan keputusan semasa mereka berada pada kursus pertama*

- c. Faktor kefahaman berada tahap kurang memuaskan disebabkan kelemahan penguasaan ilmu Bahasa arab

Responden 1

*tapi bile masuk taujih qiraat 2 mungkin dia pegi kepada tatbiqi, mereka perlu menguasai, mereka kena faham bahasa arab tu mmg perlu sangt, sebab nak faham taujih qiraat ni mesti kena kuasai Bahasa arab.*

Responden 2

*perlu dibekalkan pelajar-pelajar ni dengan kemahiran bahasa arab yang agak tinggi kerana taujih qiraat ini berkait dengan ilmu bahasa arab. Bagi pelajar yang mempunyai kefahaman yang baik berkenaan kursus yang diajar itu, jadi kefahaman dia meningkat.*

Responden 3

*Subjek taujih ini sebenarnya subjek yang berat juga, susah untuk difahami oleh pelajar kerana subjek ini Bahasa arab levelnya agak tinggi, perbincangannya amat mendalam*

## **RUMUSAN DAPATAN KAJIAN**

Pengkaji dapat merumuskan bahawa para pelajar yang mengikuti subjek taujih qiraat ini pada permulaannya kurang berminat kerana mereka tiada pendedahan berkaitan subjek ini. Selepas melalui proses pembelajaran, minat mereka terhadap ilmu taujih ini semakin bercambah. Selain itu, peranan guru dalam memberi saranan dan tunjuk ajar kepada pelajar berkaitan subjek ini sedikit sebanyak telah meningkatkan rasa minat pada subjek yang susah ini.

Tahap kefahaman pelajar berkaitan ilmu taujih ini pula masih berada tahap kurang memuaskan. Pengkaji telah mengenalpasti punca utama kelemahan kefahaman subjek ini adalah disebabkan kelemahan mereka dalam menguasai bahasa Arab. Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa (2006) menjelaskan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu amat lemah dan kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan.

Oleh itu, pengkaji berpendapat guru sangat berperanan dalam membantu pelajar bagi meningkat kelemahan ini dengan mempelbagai kaedah dan teknik dalam pengajaran ilmu taujih al-Qiraat, sebagaimana dijelaskan Mohd Yusof Ahmad (2005) iaitu untuk mewujudkan pendidikan yang berkesan guru perlu mempunyai ilmu pengetahuan mendalam serta mengetahui kaedah penyampaian dan kemahiran dari segi teknik penyampaian pengajaran yang mampu menarik perhatian pelajar. Malahan guru yang dianggap cemerlang apabila guru tersebut berupaya memahami isi kandungan yang diajar, mempelbagaikan kaedah serta aktiviti pengajaran dan menggunakan mempunyai kemahiran menggunakan alat bantu mengajar (ABM) yang pelbagai dan menarik bertepatan pendapat Abdul Halim Tamuri (2011) menyatakan antara ciri profesional seorang guru ialah mempunyai pengetahuan yang mendalam serta kecekapan dan kepakaran dalam bidang Pendidikan.

## **KESIMPULAN**

Kajian minat dan kefahaman pelajar dalam subjek taujih qiraat ini menjelaskan kepada betapa pentingnya penguasaan mendalam dalam ilmu bahasa arab. Kelemahan memahami teks bahasa arab dan ilmu tata bahasa arab menyebabkan berlaku kelemahan dalam kefahaman dan penguasaan ilmu taujih al-Qiraat. Jesteru pengkaji mencadangkan agar pihak KUIS memperbanyakkan lagi program-program yang boleh meningkatkan kefahaman teks dan juga tata bahasa arab dalam kalangan pelajar. Selain itu, buku-buku sedia ada yang berbahasa arab perlu diterjemah kedalam bahasa melayu agar dapat membantu penguasaan pelajar dalam subjek ini.

## **RUJUKAN**

- Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: UKM.
- Abd Muhaimin bin Ahmad (2020) Peranan Hadith Dalam Ilmu *Taujih* Qiraat: Analisis Terhadap Kitab Hujjah Al-Qiraat Karangan Ibn Zanjalah. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* Vol. 16, No. 2, (2020), pp. 90-101.
- Abdul 'Ali al-Mas'ul (2007). *Mu'jam Mustalabat 'Ulmi al-Qiraat*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ahmad Sunawari, 2007. *Buku Penyelidikan Pengajian Islam*. UKM Press
- Alawiyy bin Muhammad Ahmad Balfaqih dan Muhamad Kurayyim. (1994). *Al- Quran al-Karim Qiraat al-'Asharah al-Mutawatirah*, (al-Madinah al- Munawwarah: Dar al-Muhajir, Cet. 2.
- al-Jazari, Muhammad bin Muhammad. (1994). *Tayyibah al-Nashr Fi al-Qiraat al-Ashr*, Madinah Munawwarah: Maktabah al-Hud
- Al-Quran al-Karim*
- Al-Qurtubi (2006). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Buku Panduan Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (2015). *Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS*.
- Ibn Faris, Ahmad (t.t). *Mu'jam Maqayis al-Lughab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ikmal Zaidi (2015). *Keperluan Aplikasi al-Dirayah dalam Pengajian Ilmu Qiraat di Malaysia*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Ikmal Zaidi bin Hashim. 2016. *Konsep al-Riwayah dan al-Dirayah dalam pengajian ilmu al-Qira'at*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Kamal Azmi Abdul Rahman et al. 2016. *Metodologi Penyelidikan*. Bangi. Minda Intelek Agency.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. 2006. *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malay
- Mohd Yusuf Ahmad, (2005). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Ali As-Sobuni (1980). *Rawai' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam*. Cet. Ke III Damaskus: Maktabah Al-Ghazali, 1980
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif*. Pengenalan kepada Teori dan Metod. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. hlm. 79.
- Zainora binti Daud. 2015. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat Di Darul Quran Dan Ma'ahad Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

## **BAB 6**

### **PEMBELAJARAN AL-QURAN BRAILLE: CABARAN DAN PERLAKSANAAN**

Hazlin Falina Rosli<sup>1</sup>, Zur'ain Harun, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Zetty Nurzuliana Rashed, Azmi Azwan Mohammad Azmi

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### **PENGENALAN**

Seperti yang diketahui, amalan membaca al-Qur'an mempunyai banyak kelebihan dan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda. Oleh yang demikian, umat Islam sangat digalakkan untuk berebut dalam meningkatkan amalan untuk mendapatkan pahala menerusi pembacaan al-Qur'an. Namun begitu, tidak semua Muslim dapat membaca al-Qur'an dengan menggunakan pancaindera penglihatannya dengan baik. Ini terjadi kerana banyak faktor yang mempengaruhi seperti masalah kecacatan dalam penglihatan. Secara umumnya, masalah penglihatan boleh dikategorikan kepada dua kategori utama, iaitu 'buta' dan 'rabun' atau 'berpenglihatan terhad' (Asiah, 2012). Mereka yang dikategorikan sebagai buta biasanya tidak mempunyai penglihatan langsung, dan jika mempunyai penglihatan sekalipun, keadaannya amat terhad untuk digunakan sebagai saluran untuk mendapatkan maklumat apatah lagi untuk tujuan pembelajaran. Justeru, mereka memerlukan 'Braille' sebagai media bacaan untuk mendapatkan maklumat daripada bahan bercetak.

Ada ketikanya seseorang itu tidak dapat melihat sejak lahir, mungkin kerana kecelakaan atau kemalangan, sehingga seseorang itu tidak dapat melihat sepenuhnya atau hanya melihat sedikit. Bagi golongan yang bermasalah penglihatan, mereka hanya mampu mendengar ayat suci dibacakan sebelum disimpan ke dalam memori. Bagi yang kuat ingatan pula, mereka menghafal semua 30 juzuk kitab suci al-Qur'an. Namun, seiring dengan perkembangan zaman, teknologi juga turut berkembang. Proses pembacaan al-Qur'an buat golongan orang kelainan upaya (OKU) cacat penglihatan menjadi semakin mudah dan menyenangkan dengan adanya al-Qur'an Braille.

#### **SEJARAH AL-QUR'AN BRAILLE DI MALAYSIA**

Braille merupakan sistem tulisan berasaskan sentuhan yang paling meluas digunakan oleh masyarakat dunia pada hari ini. Istilah Braille diambil sempena nama Louis Braille, seorang warga Perancis yang mengalami masalah penglihatan. Beliau merupakan pengasas tulisan berasaskan penggunaan titik timbul bagi menggantikan huruf dan nombor. Norakyairee et.al (2013) Al-Qur'an Braille ialah mushaf al-Qur'an Braille yang menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab yang mewakili huruf-huruf hijaiyyah, tanda baris seperti fathah, dammah, dan kasrah serta simbol-simbol seperti shaddah, sukun dan mad. (Ahmad Kamel et al. 2009).

Sejarah naskah al-Quran Braille telah diterima daripada negara Jordan pada awal dekad 1950-an. Pada tahun 1954, naskah al-Quran Braille telah diserahkan kepada Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Princess Elizabeth di Johor Bahru bagi tujuan simpan dan pengajaran (Zakaria, 2008). Dimaklumkan bahawa al-Quran Braille yang diterbitkan di Jordan pada tahun 1952 telah lengkap mengandungi enam jilid. Pada masa ini, hanya satu jilid pertama al-Quran Braille masih wujud dan berada dalam simpanan pihak

PERTIS. Keadaan fizikal al-Quran ini telah uzur disebabkan tempoh yang telah lama dan kesan penggunaan yang kerap serta permukaan titik timbul yang sudah tenggelam dan tidak dapat dikesan menyebabkan kesukaran dalam pembacaan.

Di Malaysia, Persatuan PERTIS antara persatuan yang bergiat dalam memupuk dan menggerakkan aktiviti bersama individu OKU penglihatan. Antara aktiviti yang dilakukan adalah memperkasakan al-Quran seperti mencetak dan menerbitkan mashaf Braille, menyimpan pelbagai sumber dan maklumat berkaitan al-Quran Braille dan penganjuran kelas pengajian al-Quran Braille, jawi Braille dan bahasa Arab Braille. Perkembangan teknologi membantu dalam penghasilan al-Quran Braille melalui usaha murni persatuan seperti menyalinkan ayat al-Quran ke dalam komputer melalui perisian khas secara manual sehingga lengkap 30 juzuk.

PERTIS meneruskan usaha dengan mengadakan perbincangan bersama pihak berkepentingan berkaitan hal ehwal Islam di Malaysia iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kemudian, telah wujudnya satu jawatankuasa kerja semakan al-Quran Braille pada 1 Mac 1996. Jawatankuasa tersebut telah dipengerusikan oleh Ustaz Azahari bin Othman dan turut dianggoiti oleh pelajar Darul Quran yang kemahiran al-Quran yang mempunyai penglihatan dan tidak mempunyai penglihatan (Azahari, 1997). Usaha yang dijalankan mengambil masa selama satu tahun enam bulan iaitu bermula pada 1 Mac 1996 sehingga 1 September 1997.

PERTIS merupakan satu-satunya organisasi yang mempunyai salinan skrin al-Quran Braille yang telah disahkan bacaannya oleh JAKIM. Selain itu, pencetakan al-Quran Braille mempunyai dua edisi iaitu cetakan sebelah halaman (single sided) yang mempunyai 15 jilid dan cetakan kedua belah halaman (double sided) mempunyai 6 jilid. Penggunaan edisi double berperanan dalam mengkurangkan jumlah, ringan dan senang dibawa ke mana-mana. Al-Quran Braille ini telah dihantar untuk kegunaan dalam dan luar negara. Selain itu, mashaf al-Quran ini turut dihantar ke sekolah-sekolah pendidikan khas di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia secara berperingkat. Selain itu, usaha tersebut dibantu oleh Bahagian Buku Teks dengan bantuan Jabatan Pendidikan Khas dalam membekalkan 469 naskah mashaf al-Quran Braille kepada sekolah rendah dan menengah secara berperingkat. Kesungguhan pihak PERTIS telah menunjukkan kesan yang sangat bermakna apabila Lembaga Pengawalan dan Perlesenan al-Quran telah memperakukan mashaf Braille terbitan PERTIS bagi tujuan penerbitan. Oleh itu, mashaf al-Quran Braille PERTIS telah diiktiraf sebagai mashaf al-Quran yang sah dan diiktiraf sebagai kegunaan rasmi masyarakat di Malaysia. (Muhammad Mustaqim, 2014).

Perkembangan di zaman teknologi ini telah diusahakan oleh Fakulti Kejuruteraan Universiti Teknologi Malaysia dalam menghasilkan Braille Panel yang mempunyai ciri-ciri pelbagai teknologi sebagai bahan bantu pembelajaran al-Quran secara elektronik. Namun begitu, produk ini tidak dapat dipasarkan kerana kos pembuatan yang terlalu tinggi. Usaha itu diteruskan dengan pelaksanaan skrin sumbangan derma bagi menyalurkan kos pembuatan panel al-Quran Braille ini kepada pihak-pihak seperti sekolah dan persatuan yang memerlukan. Al-Quran Braille yang telah mempunyai fasa yang panjang dalam proses semakan dan penerbitan yang telah dibantu oleh pelbagai pihak dalam menjayakannya.

## **PERKEMBANGAN PENDIDIKAN OKU PENGLIHATAN: NARATIF GLOBAL**

Melihat kepada perkembangan mengenai al-Quran Braiile, pendidikan formal bagi pelajar ketidakupayaan penglihatan juga turut diberi perhatian. Corak penyampaian dan pembelajaran pelajar kategori ini berbeza berbanding pelajar yang mengikuti pendidikan arus perdana. Tidak dinafikan, sejarah awal mencatatkan golongan ini tidak mengikuti sesi persekolahan sekaligus tidak berpendidikan. Bagi memahami evolusi perkembangan pelajar OKU penglihatan, tinjauan naratif perkembangan pendidikan di peringkat antarabangsa adalah penting untuk membincangkan secara menyeluruh isu ini.

Beberapa konvensyen dan akta yang dilaksanakan di peringkat global merupakan titik permulaan perjuangan hak pendidikan yang sama rata di kalangan semua pelajar. Tiga deklarasi antarabangsa dibawah mempengaruhi dasar pendidikan di peringkat global dan gesaan pelaksanaan di setiap negara-negara anggota. Berikut adalah perbincangan bagi tiga konvensyen yang dinyatakan;

### **6. *Education for All Handicapped Children Act (EAHCA) 1975***

Kongres Amerika Syarikat 1975 (EAHCA) menggesa sekolah-sekolah di Amerika melaksanakan enam mandat dalam mengurus dana kerajaan yang diberikan bagi menyalurkan bantuan khusus kepada pelajar kurang upaya mental dan fizikal. Ini dapat dilihat dengan jelas pada mandat yang pertama dan ketiga:

*“Zero Reject specifically mandates that all children, regardless of ability, be guaranteed a free and appropriate public education (FAPE)...”*

*(US Public Law, 94<sup>th</sup> Congress, p.773)*

*“...An Individualized Education Program (IEP) is required for each student with an identified disability who qualifies for special education and/or related services...”*

*(Public Law, 94<sup>th</sup> Congress, p.783)*

Kesemua mandat ini jelas menyeru dana yang diberikan haruslah disalurkan pada golongan yang disebutkan. program penilaian khas atau *IEP* perlu dibangunkan bagi mengukur prestasi pelajar kurang upaya.

### **7. *Salamanca Statement on Special Needs 1994***

Perkembangan seterusnya dilihat melalui Kenyataan Salamanca termeterai di Sepanyol yang memperkenalkan dasar pendidikan inklusif dipraktikkan di dalam sekolah. Ini berbeza dengan amalan yang sebelumnya, dimana pelajar berkeperluan khas menerima pendidikan yang sama tetapi diletakkan di kelas atau sekolah yang berasingan.

*“...Regular schools with an inclusive orientation are the most effective means of combating discriminatory attitudes, creating welcoming communities, building an inclusive society and achieving education for all...”*

Dengan kata lain, pelaksanaan pendidikan inklusif diperkenalkan bagi menghapuskan diskriminasi yang timbul di kalangan komuniti dengan cara belajar dikelas yang sama. Kenyataan ini adalah susulan sokongan penuh terhadap prinsip *Education for All* (EFA) dalam gerakan memastikan tiada pelajar yang tercicir.

## 8. **Dakar World Education Forum 2000**

Deklarasi antarabangsa ini menyokong setiap negara untuk mengamalkan sistem pembelajaran dalam kelas yang sama bagi semua keperluan pembelajaran.

*“Education systems must be inclusive, actively seeking out children who are not enrolled, and responding flexibly to the circumstances and needs learners”*

Walaupun bagaimanapun, Lack (2010) mendapati pelajar ketidakupayaan penglihatan (*visually impaired*) di Amerika memerlukan lima kali ganda kos yang lebih tinggi dari pelajar biasa. Ini kerana, bantuan sokongan bahan mengajar didalam kelas diperlukan untuk menyediakan persekitaran kelas yang kondusif, kepakaran kaunseling dan teknologi pendidikan khas. Maka, isu ‘*vertical equity*’ dipersoalkan apabila keadilan peruntukan kewangan adalah tidak sama rata bagi semua pelajar. Isu yang sama dinyatakan oleh Tamesgem (2018) iaitu masalah kewangan, persekitaran yang tidak kondusif serta kekurangan latihan dan pembangunan guru di Ethiopia, Afrika merupakan masalah utama bagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran OKU penglihatan.

Kegagalan dalam menyediakan fasiliti pendidikan yang terbaik memberikan impak terhadap kepercayaan dan keupayaan sendiri seseorang pelajar. Senario yang sama dapat dilihat di Malaysia pada perbincangan berikutnya.

### **PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF (PPI) UNTUK OKU PENGLIHATAN DI MALAYSIA**

Kementerian Pendidikan di Malaysia melalui Program Pendidikan Inklusif (PPI) berusaha memastikan murid bekeperluan khas mendapat sokongan penuh dari pihak sekolah. Ini merupakan maklum balas negara dalam memenuhi tuntutan UNICEF. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 kerajaan merombak dasar sedia ada bagi meningkatkan prestasi pelajar untuk mencapai sasaran dan standard global. Ironinya, keperluan OKU penglihatan dilihat tidak dijelaskan dengan lebih terperinci berbanding aspek lain.

Hanya dua kenyataan yang berhubung kait dengan OKU Penglihatan dapat dilihat melalui pelan ini adalah;

*“...KPM menawarkan infrastruktur dan peruntukkan kewangan yang menyeluruh...seperti fasiliti mesin penterjemah Braille bagi pelajar ketidakupayaan penglihatan dan bantuan alat pendengaran bagi pelajar cacat pendengaran...”*

*(MEB 2013-2025: p. 4-16)*

*“KPM sedang membangunkan kurikulum yang berkualiti tinggi bagi murid berkeperluan khas seperti Kemahiran Asas Individu Masalah Penglihatan...”*

*(MEB 2013-2025: 4-15)*

Kehadiran Braille membantu mengubah landskap pembelajaran bagi OKU penglihatan di Malaysia. Walaupun bagaimanapun, statistik menunjukkan hanya 30 peratus daripada 51450 golongan OKU Penglihatan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat



mempunyai kemahiran membaca Braille (Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat, 2015). Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Noor (2016), keadaan kelas yang tidak sesuai serta kekurangan tenaga pengajar merupakan penyumbang kepada penguasaan pelajar dalam menguasai Al-Qur'an Braille. Ini merupakan salah satu cabaran bagi guru-guru pendidikan Islam dalam memastikan pelajar boleh membaca Al-Qur'an.

## **CABARAN PEMBELAJARAN AL-QURAN BRAILLE DI MALAYSIA**

Kewujudan al-Qur'an Braille memberi peluang dan ruang kepada pelajar istimewa ini untuk membudayakan al-Qur'an dalam kehidupan harian. Namun begitu, pelbagai cabaran dalam berhadapan dengan pembelajaran dan pengajaran pelajar-pelajar istimewa ini. Sudah pastinya tidak sama dengan mengajar dan mendidik golongan tipikal. Ini tidak terkecuali dalam proses PdP al-Qur'an Braille. Menurut Syar Meeze et.al (2017) proses pembelajaran memainkan peranan penting untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang, jika sikap terhadap sesuatu itu positif, maka ia akan memberi impak positif terhadap prestasi pelajar.

### **Masalah Guru Yang Tidak Mahir Kod Braille Al-Quran**

Masalah guru tidak mahir menggunakan kod braille adalah salah satu cabaran yang getir perlu dilalui oleh tenaga pengajar dalam menjalankan proses pembelajaran kepada golongan OKU cacat penglihatan. Masalah ini dikenali pasti berpunca daripada latihan perguruan yang diterima oleh seseorang guru sebelum ditempatkan untuk bertugas di sekolah khas. Ini kerana kesemua guru yang terlibat dengan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah pendidikan khas masalah penglihatan hanya mengikuti latihan perguruan dalam bidang Pendidikan Islam dan tidak diberi pendedahan khusus terhadap bidang Pendidikan Khas. Ini menyebabkan kebanyakan guru tidak mempunyai kemahiran menggunakan kod Braille untuk mengajar pelajar-pelajar bermasalah penglihatan. Mereka juga tidak didedahkan dengan jenis-jenis masalah penglihatan dan cara menanganinya, ini secara tidak langsung akan menyebabkan para guru terpaksa berusaha mempelajari sendiri perkara-perkara tersebut setelah ditempatkan untuk mengajar di sekolah menengah Pendidikan Khas. Kursus-kursus peningkatan kemahiran dalam bidang pendidikan khas masalah penglihatan juga agak kurang, menyebabkan guru-guru yang mengajar Tilawah al-Quran kekurangan input peningkatan teknik pengajaran dalam bidang mereka. Hal ini memerlukan inisiatif sendiri daripada para guru agar mereka mempunyai maklumat kemahiran terkini dan terbaik untuk berhadapan dengan pelajar-pelajar bermasalah penglihatan ini.

### **Daya sensitiviti jari OKU**

Cabaran kedua, di mana golongan cacat penglihatan bergantung sepenuhnya kepada deria sensitiviti jari mereka dalam mempelajari dan membaca al-Qur'an. Tanpa deria ini, mereka tidak akan dapat membaca al-Qur'an Braille. Namun begitu, terdapat juga dalam kalangan pelajar yang mempunyai masalah kekurangan daya sensitiviti jari. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ahmad Yunus Mohd Nor (2016) ada sesetengah OKU penglihatan yang kurang daya sensitiviti jari mereka. Kadang-kadang, mereka terpaksa menyentuh satu-satu huruf, perkataan atau baris ayat al-Qur'an dengan lama kerana otak mereka tidak dapat memproses huruf tersebut walaupun huruf itu pernah dijumpai dan dibaca sebelum ini. Namun, jika mereka tidak dapat mengenal juga huruf tersebut, guru perlu menggunakan kaedah alternatif lain, iaitu 'kaedah hafalan'.

## **Masa pembelajaran terhad**

Masa pembelajaran yang terhad juga merupakan salah satu cabaran getir yang perlu dihadapi oleh pelajar dan guru pendidikan khas penglihatan. Kebanyakan tenaga pengajar menggunakan masa yang sedikit ini untuk memberi fokus penekanan kepada komponen-komponen yang terlibat dengan peperiksaan sahaja. Manakala kemahiran bacaan al-Quran tidak diberi tumpuan kerana tidak diuji dalam sistem peperiksaan kebangsaan. Dengan sebab itu, penambahan waktu untuk memperbaiki bacaan dan kemahiran al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan perlu diberi perhatian bagi meningkatkan penguasaan kemahiran mereka dalam Tilawah al-Quran. Kesuntukan masa ini juga memerlukan kepada guru yang lebih semasa pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran memandangkan guru terpaksa mengajar pelajar secara 'one to one', maka guru yang lebih ramai dan pengecilan kumpulan pembelajaran adalah perlu bagi meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran pelajar bermasalah penglihatan ini.

Manakala, kajian yang dilakukakn oleh Ahmad Yunus Mohd Nor (2016) mendapati majoriti pelajar mengatakan bahawa kelas dua kali sebulan tidak mencukupi. Mereka mengharap agar kelas al-Qur'an Braille dapat diadakan secara lebih kerap dalam masa sebulan. Ini berlaku kerana kekurangan tenaga pengajar dalam Al-Quran Braille. Mereka amat berharap agar dapat mempelajari dan menguasai pembacaan al-Qur'an Braille dengan cepat.

## **Pelajar tidak mempunyai asas yang kukuh**

Cabaran pembelajaran dalam memberi pendedahan asas yang kukuh kepada pelajar OKU penglihatan juga merupakan masalah yang perlu di beri perhatian. Kelemahan dalam memahirkan bacaan al- Quran dilihat berpunca dari penekanan pembelajaran di peringkat sekolah rendah lagi. Ini kerana ada di sesetengah sekolah mempunyai guru yang berkemahiran menggunakan al-Quran Braille dan mempunyai teknik dan kemahiran pengajaran yang memberi penekanan yang lebih kepada penguasaan bacaan al-Quran murid-muridnya. Justeru, penguasaan kemahiran bacaan al-Quran di peringkat menengah adalah rentetan daripada pelaksanaan pengajaran Tilawah al-Quran (KBSR) di peringkat sekolah rendah lagi. Kelemahan yang berlaku di sekolah rendah dibawa ke sekolah menengah yang menyebabkan mereka terus tidak dapat menguasai kemahiran Tilawah al-Quran dengan baik. Cabaran ini perlu diperhalusi dan ditangani segera.

## **Kekurangan bahan bantu mengajar dalam Tilawah al-Quran**

Kebanyakan bahan rujukan dalam tulisan Braille hanya didapati untuk matapelajaran lain, bagi mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya teks-teks al-Quran dan bahan rujukan tajwid tidak didapati dalam tulisan Braille. Cuma naskah al-Quran Braille yang bilangannya agak terhad sahaja diguna pakai oleh pelajar-pelajar di sekolah menengah pendidikan khas. Buku teks Pendidikan Islam juga tidak ditulis dalam tulisan Braille berbanding buku teks mata pelajaran yang lain. Hal ini akan menambahkan lagi kesukaran penerimaan pembelajaran pelajar golongan ini di sekolah, ini kerana mereka hanya belajar Tilawah al-Quran dalam kemampuan mereka yang sangat terbatas.

Berdasarkan masalah yang dinyatakan di atas, pelbagai cabaran yang pelajar OKU Penglihatan terpaksa hadapi sepanjang melaksanakan proses pembelajaran. Ini secara tidak langsung, kebolehan pembacaan Braille masih di tahap membimbangkan kerana, kebanyakan individu tidak dapat menguasai Braille dari peringkat sekolah rendah hingga

di peringkat dewasa berpunca daripada masalah yang dihadapi di peringkat akar umbi. Berikutan, laporan UNICEF (2017) yang dijalankan di Malaysia, tiga skop penambahbaikan yang diperlukan segera di Malaysia bagi membantu OKU penglihatan adalah dari aspek bantuan kewangan, bantuan pendidikan dan pemulihan berasaskan komuniti.

### **PERLAKSANAAN SISTEM PEMBELAJARAN AL-QURAN BRAILLE**

Bagi memperkasa dan meningkatkan kualiti PdP al-Qur'an Braille ini, terdapat beberapa perlaksanaan yang boleh dilakukan antaranya para pelajar perlu meningkatkan penguasaan al-Qur'an Braille dari masa ke semasa. Bagi pelajar yang telah mempelajari al-Qur'an Braille ini, mereka perlu belajar di rumah secara konsisten dan sering membuat ulangkaji kod-kod yang telah dipelajari di dalam kelas serta tidak mengharapkan pengajian di dalam kelas semata-mata. Ini kerana pembelajaran di dalam kelas sahaja pastinya tidak mencukupi bagi memperbaiki mutu bacaan al-Qur'an. Apabila kod-kod ini telah difahami dan dihafal dengan baik, proses pembelajaran akan menjadi lebih mudah dan cepat. Sewajarnya para pelajar perlu mempunyai inisiatif dan kesedaran dalam diri untuk mengulangkaji pelajaran di rumah.

Kekerapan kelas al-Qur'an Braille ini perlu ditambah pada setiap bulan. Bagi pelajar, jumlah masa pembelajaran bagi satu kelas selama dua jam sudah mencukupi. Namun begitu, jumlah kekerapan kelas dalam sebulan perlu ditambah, sekurang-kurangnya tiap-tiap minggu atau tiga kali sebulan. Dengan demikian, pelajar dapat menguasai pembacaan al-Qur'an Braille dengan lebih cepat.

Jumlah tenaga pengajar al-Qur'an Braille juga perlu ditambah. Jumlah pelajar bagi satu kelas pula agak ramai. Ini bermakna, agak sukar bagi murid untuk mendapatkan perhatian yang lebih mendalam daripada guru. Jika bilangan tenaga pengajar ditambah, bilangan pelajar bagi satu kelas akan berkurangan dan guru boleh menumpukan perhatian yang lebih kepada pelajar. Ini kerana setiap pelajar pasti berharap agak mereka akan diajar sehingga pandai dan mahir, seterusnya dapat membaca al-Qur'an Braille dengan sendiri. Guru juga perlu belajar meneroka ilmu sedalam-dalamnya dan mengemas kini pengetahuan agar lebih keterhadapan daripada pelajar. Peningkatan pengetahuan dan pengalaman amat perlu bagi menjadikan pengajaran lebih berkesan lebih-lebih lagi dalam aspek PdP bagi Murid Berkeperluan Khas ini dalam arus Pendidikan Khas Negara (Norakyairee 2013).

### **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, segala isu-isu dan masalah yang timbul tidak sesekali menjejaskan proses PdP al-Qur'an Braille dalam kalangan pelajar. Malah semua guru dan pelajar dapat menjalani PdP dengan baik dan tenang. Kelas al-Qur'an Braille ini diharapkan dapat terus digiatkan pada masa akan datang dan tidak terhenti dalam jangka masa tertentu sahaja. Dengan demikian, golongan OKU cacat penglihatan dapat mempelajari al-Qur'an secara berterusan dan dapat ditambah baik dalam sistem pendidikan negara.

Golongan ini sangat mengharapkan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak untuk menarik minat lebih ramai OKU cacat penglihatan mempelajari al-Qur'an terutama di peringkat sekolah lagi. Pelbagai usaha boleh digemblengkan oleh pihak sekolah khususnya serta pelajar-pelajar yang telah mengikuti kelas al-Qur'an Braille secara amnya. Secara tuntasnya, perkembangan pendidikan OKU Penglihatan di Malaysia adalah masih di tahap rendah dari aspek pelaksanaan dasar dan deklarasi di peringkat antarabangsa. Tidak salah corak di peringkat global digunapakai dengan cara penyesuaian betul secara berperingkat di Malaysia. Ini bertujuan untuk menambah baik sistem pendidikan khas negara. Satu pelan jangka masa

panjang diperlukan bagi meningkatkan literasi Braille dikalangan OKU Penglihatan melalui program dan latihan sepanjang hayat.

Selain itu, penglibatan persatuan dan agensi-agensi badan bukan kerajaan dalam menyuarakan keperluan OKU penglihatan di peringkat sekolah, universiti dan kebangsaan amat diperlukan bagi membantu hal ehwal dan keperluan semasa dapat dipenuhi. Antara agensi dan persatuan yang aktif dalam memberikan informasi dan penyelidikan pendidikan adalah seperti; Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB), Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum oleh Universiti Sains Islam Malaysia, Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan penglibatan sekolah pusat latihan terpilih seperti; Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Buta) Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sabah (Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat, 2015).

## RUJUKAN

- Ahmad Kamel Mohamed, M. Mustaqim M. Zarif, K. Anuar Mohamad, M. Alwi Yusoff. (2009). Metode pengajian Braille al-Quran. Laporan Penyelidikan USIM PPPP(H)/2005. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Yunus Mohd Nor. (2016). Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an Braille di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB). *Islamiyyat*, 15-24.
- Asiah Ahmad. (2012). *Mengenal dan Menangani Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azahari Haji Othman. (1997). Laporan Jawatankuasa Kerja Penyemakan al-Quran Braille Darul Quran JAKIM. Dokumen rasmi tidak diterbitkan. 15 Oktober 1997.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2013). *Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan Masyarakat. (2015). *Laporan Tahun KPWK*. Putrajaya: Kerajaan Persekutuan Malaysia.
- Lack, B. (2010). Education Funding. *Education For All Handicapped Children ACT 1975. Encyclopedia of Cross Cultural School Psychology*, 414-415.
- Ministry of Education. (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025*. Putrajaya: Government of Malaysia.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2014). Braille al-Quran: Sejarah dan Kaedah. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia. Negeri Sembilan.
- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, Noor Najihan Jaafar, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamad Salleh & Hajarul Bahti Zakaria. (2013). Pengajian al-Quran Braille: Isu dan cabaran semasa. *International Journal on Quranic Research (IJQR)* 3(4): 79-94.
- Public Law 94-142. (1975). *94th Congress*. Authenticated U.S Government Information.
- Syar Meeze, M., Norlidah, A., & Zawawi, I. (2017). Isu dan cabaran dalam penggunaan bahasa isyarat Malaysia (BIM) untuk pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. (16)
- Tamesgem, Z. (2018). School Challenges of Students with Visual Disabilities. *International Journal of Special Education*, 510-523.
- UNICEF. (2017). *Kanak-kanak Kurang Upaya di Malaysia : Kajian mengenai Pengetahuan, Sikap dan amalan*. Kuala Lumpur: UNICEF .
- Zakaria Yahya. (2008). Perkembangan dan Isu Terkini dalam Penulisan al-Quran Braille: Satu Tinjauan Umum. *Seminar Perkembangan dan Isu Terkini Dalam Penulisan al-Quran Braille* (p. 14). Kuala Lumpur: PERTIS

## **BAB 7**

### **PERANCANGAN PDP GURU PENGAJIAN ISLAM TERHADAP PELAJAR AUTISME**

Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad,<sup>1</sup> Ahmad Shafiq Mat Razali,<sup>1</sup> & Nurzul Nadhirah Zolkepli<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### **PENGENALAN**

Perancangan strategik merupakan salah satu aspek utama yang diperlukan dalam menangani perubahan dalam institusi pendidikan. Di dalam era pendidikan kini, kemahiran guru mengaplikasikan perancangan, strategi atau teknik bagi menarik perhatian pelajar untuk belajar adalah suatu aset yang paling berharga. Bukan sahaja pelajar normal malahan pelajar berkeperluan khas juga perlu diberikan perhatian yang lebih dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi pelajar yang berkeperluan khas, strategi dan teknik yang sesuai sudah pasti pendekatan pengajaran dan pembelajaran adalah berbeza kerana mereka dikategorikan sebagai murid yang ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pandangan, ketidakupayaan bertutur atau dikenali dengan Autism Spectrum Disorder (ASD) dikenali sebagai 'Autisme' (Hasnah Toran et. al: 2010).

Menurut Leo Kanner (1943) dan White, et.al. (2012) kanak-bekeperluan khas ialah kanak-kanak yang mempunyai masalah perkembangan bahasa yang lewat, mempunyai keupayaan intelektual normal, dan mempunyai masalah sistem saraf. Mereka juga dikategorikan sebagai pelajar yang mempunyai masalah dari sudut komunikasi, tindak balas sosial dan tingkah laku yang berulang dari segi minat dan aktiviti (MyHealth KKM, 2020, Novia Claudia Wijaya et.al; 2016, dan Knoch & Barton; 2011) kanak-kanak autisme ini mempunyai kesukaran dalam fungsi kognitif seperti aspek tumpuan, menyusun, merancang, merencat, dan ingatan kerja. Hal ini menyebabkan mereka terpinggir disebabkan kurangnya kemampuan untuk bersosial dengan orang sekeliling, kurang berkemampuan untuk mengatur emosi, berkomunikasi dan terbatas ketika memberikan respons terhadap pembicaraan yang ditujukan kepadanya. Mereka mempunyai minat yang amat terbatas kerana sentiasa memiliki dunianya sendiri yang tidak dapat diketahui orang lain. Oleh yang demikian, guru juga perlulah mengetahui cara untuk pelajar autisme menyesuaikan diri mereka dengan emosi dan perkembangan kanak-kanak autisme ini.

Jadual dibawah menjelaskan secara terperinci kategori pelajar yang mempunyai masalah ASD

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Definisi</b>
1	Kurang Upaya Pendengaran	Kepelbagaian tahap masalah pendengaran sama ada dengan/ tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran.

2	Kurang Upaya Penglihatan	Penglihatan yang terhad atau tidak dapat melihat di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan.
3	Kurang Upaya Fizikal	Individu yang kehilangan/ kekurangan pada mana-mana bahagian badan disebabkan ketidakupayaan sistem badan untuk berfungsi dengan baik dan menyukarkan pelaksanaan aktiviti harian.
4	Kurang Upaya Pertuturan	Gagal bertutur dengan baik yang mengakibatkan gangguan komunikasi secara sempurna oleh mereka yang berinteraksi dengannya.
5	Masalah Pembelajaran	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biological.
6	Kurang Upaya Mental	Keadaan pesakit mental yang teruk walaupun setelah mendapatkan rawatan mental sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Bagi mencapai kesempurnaan dalam pengajaran dan pembelajaran, tumpuan utama bagi seorang pendidik ialah memberikan pendidikan sempurna kepada para pelajar. Perkara ini menjadi cabaran yang hebat kepada guru-guru novis terutamanya guru-guru bukan opsyen pendidikan khas tetapi berada di sekolah aliran perdana untuk mengajar dan mendidik pelajar-pelajar dibawah kategori ASD. Menurut Morrier et al. (2011), ramai guru-guru di sekolah aliran perdana tidak mendapat latihan dan pengetahuan untuk mengajar pelajar-pelajar ASD semasa mengikuti latihan perguruan di kolej atau universiti. Tanpa latihan yang mencukupi guru-guru tidak mampu merancang suatu pengajaran yang khusus bagi pelajar-pelajar ASD kerana cara pembelajaran mereka memerlukan suatu pengajaran yang tersusun, spesifik dan tindakan yang jelas.

Sehingga Mei tahun 2017, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mencatatkan seramai 15,484 orang dikenali menghadapi masalah autisme di seluruh negara. Seramai 2080 orang yang didaftarkan adalah berumur bawah enam tahun. Peningkatan statistik kanak-kanak ASD semakin meningkat memberikan satu cabaran kepada guru-guru bukan opsyen pendidikan khas (guru biasa) untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang berkesan dan bermakna bagi mengembangkan kemahiran komunikasi dalam kalangan kanak-kanak ASD. Pengetahuan dan kemahiran dalam strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta BBB yang sesuai dan tepat mengikut perkembangan pembelajaran pelajar-pelajar ASD yang mesti dikuasai oleh guru biasa bagi mengembangkan kemahiran komunikasi kanak-kanak ASD.

Bagi menyerlahkan bakat dan penglibatan pelajar ASD dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas, mereka memerlukan peneguhan konkrit dan segera (Chezan & Drasgow; 2010). Kajian kes ini bertujuan untuk mendedahkan strategi PdP yang dijalankan oleh guru-guru di sekolah pendidikan khas agar dapat membantu guru biasa bukan bidang pendidikan khas bagi melakukan persediaan untuk mengajar kanak-kanak ASD di dalam kelas mereka.

### **ANALISIS DATA**

Bahagian ini membincangkan tentang latar belakang responden yang telah ditemubual berdasarkan dua objektif kajian. Objektif pertama ialah mengetahui perancangan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai terhadap pelajar autisme di Yayasan Pendidikan al-Quran FAQEH.

## **DAPATAN KAJIAN**

Objektif pertama adalah untuk mengetahui apakah amalan pendekatan yang digunakan oleh guru-guru di Yayasan Faqeh terhadap pelajar berperluan khas ASD.

### **1. Pengukuhan Kerohanian**

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pelajar-pelajar diberi pendedahan terlebih awal berkaitan aspek kerohanian iaitu dimulakan dengan ucapan salam serta doa yang dibaca secara beramai-ramai sebelum melakukan sesuatu perkara pada setiap hari. Kemudian mereka diajar untuk berzikir, melakukan solat dhuha bersama-sama serta bersalam-salaman. Kemahiran utama yang perlu dikuasai ialah kemahiran aspek rohani iaitu memahami, mengimani, menghayati, mengamal, dan menyampaikan segala tuntuan asas ajaran Islam yang terkandung dalam rukun iman dan rukun Islam (Kamarul Azmi Jasmi 2017). Seterusnya guru meminta pelajar autisme ini mengambil al-Quran (khas) dan menghafal dengan pendekatan yang digunakan sama ada pelajar yang verbal ataupun non verbal.

### **2. Memantau Rekod Pencapaian Lepas**

Di Yayasan Faqeh, setiap pelajar dilatih untuk menghafal surah-surah pilihan terutamanya surah yang wajib dibaca ketika solat seperti surah al-Fatihah. Setiap pencapaian yang berjaya dilakukan oleh pelajar tersebut akan dicatatkan menggunakan borang khas yang telah disediakan (borang tkrar). Sebelum proses hafalan berlangsung, setiap guru akan membaca dan menilai terlebih dahulu borang hafalan tahap bacaan pelajar. Hal ini untuk membantu guru mengenal pasti permasalahan yang berlaku serta mengambil pendekatan yang sewajarnya sebelum proses pdp pada hari tersebut berlangsung.

Seterusnya, setiap pelajar akan diberikan waktu untuk menghafal surah-surah tertentu yang disediakan. Bagi pelajar yang berjaya menghafal dengan tepat dan betul akan direkodkan pada borang tersebut, termasuk juga pelajar yang tidak berjaya menguasai hafalan. Ini kerana terdapat sebahagian pelajar yang dikategorikan pelajar non verbal. Golongan mereka sukar untuk berkomunikasi semasa mereka dan guru. Oleh itu, bagi mengetahui pencapaian hafalan mereka, satu set al-Quran digital telah dibekalkan kepada pelajar dan guru-guru untuk memperdengarkan bacaan.

Disamping itu, fokus utama penggunaan borang tersebut ialah memantau prestasi bacaan dan sebagai bahan persediaan bagi guru-guru lain sekiranya mereka ditugaskan untuk menggantikan kelas disebabkan kekurangan guru sedia ada dan keperluan guru kelas menghadiri majlis rasmi lain.

### **3. Latihan Berkala**

Strategi pengajaran yang ketiga ialah memberikan latihan secara berkala pada otot dan otak iaitu memahirkan pelajar ASD untuk mengembangkan kemahiran otot jari jemari mereka untuk memegang alat tulis serta membiasakan pemikiran mereka untuk memberi tumpuan. Kaedah ini dijalankan dengan guru kelas sewaktu permulaan sebagai teknik menunjuk cara

bagaimanakah untuk memulakannya dan disusuli oleh pelajar-pelajar ASD. Aktiviti pdp yang melibatkan pergerakan otot dan perkembangan otak pelajar ini akan memahirkan mereka kepada beberapa aspek antaranya ialah kemahiran peka dan penumpuan. Selain itu, mereka turut diberi latihan lain seperti mewarna, menampal dan menggantungkan beberapa kepingan kad bagi melatih jari dan pemikiran mereka supaya lebih fokus, memberi tumpuan dan mahir dengan iklim sekeliling.

#### 4. Bermain

Respondan menyatakan dengan menggunakan pendekatan bermain ini dapat membantu menarik perhatian pelajar autisme untuk mengikuti pengajaran dan berjalan dengan lancar. Selain itu, responden menyatakan bahawa dengan menggunakan pendekatan bermain dapat memberi ganjaran jika pelajar autisme dapat menghafal surah yang dipelajari.

Aktiviti bermain dianggap penting kerana melalui bermain kanak-kanak dapat membina pengetahuan (Marisson, 2011). Pembelajaran melalui bermain lebih memberangsangkan melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Oleh yang demikian, pelajar autisme mempunyai banyak tahap, maka ada sesetengah pelajar autisme ini tahap hiperaktif. Oleh itu, pendekatan bermain ini dapat memudahkan guru untuk menarik perhatian untuk lebih fokus. Pendekatan bermain berpotensi untuk diaplikasikan di prasekolah bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa (Aliza & Zamri, 2014).

Responden juga menyatakan pendekatan bermain ini dapat mengikuti jiwa anak autisme ini akan tetapi dalam masa yang sama mereka dapat ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Pendekatan bermain berpotensi untuk diaplikasikan di prasekolah bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran kemanusiaan.

Responden ada menyebut antara contoh bermain, ada yang suka berlari kerana mereka merupakan kanak-kanak yang hiperaktif, maka atas faktor anak autisme ini perlu menghabiskan ulangan hafazan mereka sama ada nak ataupun tidak, aktiviti kesukaan mereka seperti yang dinyatakan di atas boleh dijadikan sebagai ganjaran atau umpan untuk mereka setiap kali selesai mengulang hafalan. Teknik '*reward*' ini amat efektif dalam memastikan anak autisme terus konsiten mendengarkan hafalan mereka kepada guru.

Walau bagaimanapun pendekatan ini bergantung kepada umur pelajar tersebut malah harus mengikut kesesuaian minat mereka. Pelajar yang umurnya dalam lingkungan 7 tahun hingga 12 tahun lebih banyak bermain dan suka terhadap permainan, manakala pelajar dalam kategori 13 tahun ke atas mempunyai minat dan kecenderungan yang berbeza.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji juga, ketika proses pdp dijalankan terdapat beberapa orang pelajar kategori hiperaktif turut bersama. Oleh itu, guru telah memainkan peranan bagi menarik perhatian pelajar tersebut dengan menyediakan mereka permainan. Proses pdp tersebut dilihat lebih tersusun memandangkan gangguan kelas dengan kelainan kategori pelajar tadi berjaya diatasi melalui cara permainan.

#### 5. Pengalaman

Memberi pendedahan awal kepada pelajar ASD adalah suatu langkah yang amat berkesan untuk menghasilkan pdp yang berkualiti. Contohnya, guru telah mendedahkan kepada pelajar ASD untuk mengenal peralatan-peralatan yang sesuai serta kedudukan khusus bagi setiap alat yang akan digunakan. Oleh itu, teknik ke lima yang diterapkan guru ialah



pengukuhan pengetahuan sedia ada khususnya bagi pelajar non verbal kerana kesukaran pelajar kategori ini untuk berkomunikasi. Peranan guru disini amat tinggi memandangkan pelajar non verbal memerlukan pengalaman untuk memudahkan mereka melakukan aktiviti pdp dalam kelas.

Responden turut memberitahu, mereka memberi pengalaman dahulu contohnya seperti ikut ustazah cara mengambil al-Quran, cara memegang al-Quran dan menunjukkan ini adalah kalam Allah yang bernama al-Quran yang wajib dimuliakan dengan penuh beradab.

Responden juga menyatakan mereka akan cenderung mengajar pelajar ASD untuk tidak melakukan kesilapan dan memberi pengalaman yang positif supaya meninggalkan kesan yang baik dalam diri pelajar.

## 6. Penyesuaian Warna dan Bentuk Perkataan

Lazimnya untuk teknik pdp bagi pelajar autisme tidak sama dengan pelajar normal. Mereka tidak mampu menerima ilmu secara satu hala sahaja malahan kebergantungan mereka kepada guru-guru yang mengajar serta rakan sekeliling membantu berperanan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Hasil temubual bersama guru, responden menyatakan kebiasaannya pelajar ASD melaksanakan kaedah penyesuaian warna dan bentuk perkataan meninggalkan kesan yang positif dan amat berkesan. Biasanya guru akan meminta pelajar ASD dalam kelas untuk memerhatikan terlebih dahulu ayat atau perkataan yang disediakan disertai dengan menyebutnya. Kemudian, guru akan meminta pelajar ASD untuk menampal ayat yang sama dengan mengikut susunan ayat al-Quran. Pendekatan yang digunakan ini juga sesuai kepada pelajar kategori non verbal kerana kelemahan mereka tidak mampu untuk berkomunikasi dengan baik tetapi mempunyai ingatan yang luar biasa. Oleh itu, kesukaran guru memahami ketidakfahaman pelajar autisme non verbal dapat diatasi. Langkah seterusnya ialah jika pelajar ASD dapat meletakkan perkataan tersebut dengan betul dan tepat maka proses pengulangan akan dilakukan sehingga jawapan yang statik terhasil barulah dikira pengetahuannya tentang pembelajaran itu telah berkesan.

Disamping itu, guru turut prihatin dengan reaksi pelajar ASD yang menjadi kesukaan mereka. Contohnya, guru akan mempamerkan sesuatu yang boleh menarik perhatian pelajar supaya fokus kepada setiap aktiviti yang berlangsung seperti meletakkan gambar kesukaan pelajar tersebut. Kecenderungan ini akan meningkatkan minat pelajar ASD kepada sesuatu supaya mereka fokus.

## **KESIMPULAN**

Hasil kajian mendapati bahawa setiap pelajar berkeperluan khas mempunyai pendekatan dan teknik pdp berbeza antara satu sama lain. Hasil temubual dan pemerhatian yang telah dijalankan terhadap guru yang mengajar pelajar ASD, pengkaji mendapati pendekatan yang sesuai dapat menghasilkan keberkesanan terhadap peningkatan kualiti pdp mereka. Selain itu, amalan pengajaran yang tersusun sebagaimana yang diterangkan diatas amat berguna untuk diaplikasikan oleh guru-guru samada di sekolah harian tetapi mempunyai pelajar berkeperluan khas.

## RUJUKAN

- American Psychiatric Association. (1994). *Diagnostic Criteria From Dsm-Iii-R*. Washington D.C: American Psychiatric Association.
- Baron-Cohen, S. & Belmonte, M.K. (2005). Autism: A Window Onto The Development Of The Social And The Analytic Brain. *Annual Review Neuroscience*, 28: 109-126.
- Ee Ah Meng. (1993). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Terbitan Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hasmah Binti Abu Bakar. (2017). *Kemahiran Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak Autisme Dalam Permainan Numerasi*. Universiti Putra Malaysia.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Norani Salleh. (2010). Tahap Latihan, Pengetahuan Dan Keyakinan Guru-Guru Pendidikan Khas Tentang Autism. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Liew Ping Yee (2008), Amalan Program Intervensi Awal Kanak-Kanak Autistik Mengikut Perspektif Ibu Bapa, *Intervejnusir Naawl Apl Eknadnidaikk-Akna 3n3a K(2 A0u0t8is) T1ik9 – 33*
- Manisah Mohd. Ali & Norizza Sahal. (2016). Intervensi Meningkatkan Tumpuan Dalam Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1)(2016).
- Mohd Razimi Husin. (2016). *Gaya Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dan J-Qaf*. Universiti Utara Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (Nasom)*. Dilayari Pada 30 Jun 2016. [Http://Www.Nasom.Org.My/](http://Www.Nasom.Org.My/).
- Razhiyah, K. A. (2008). *Apa Itu Autisme?*. Kuala Lumpur : Pts Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Saiful Azam Khoo & Aliza Alias. (2020). *Tahap Kemahiran Sosial Murid-Murid Autisme Bagi Program Pendidikan Khas Integriti Bermasalah Pembelajaran* .
- Skinner, Burrhus Frederic. (1988). *The Operant Behaviourism Of B. F. Skinner: Comments And Consequences*. Usa: University Of Cambridge.
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. (2013). “Kategori Orang Kurang Upaya. Panduan”
- White, Et.Al. (2012). *Autism Spectrum Disorders : Historical, Legislative And Current Perspectives*. Dlm. Zager, Et.Al. (Pnyt). *Educating Students With Autism Spectrum Disorders : Research-Based Principles And Practices*. New York : Routledge.

## **BAB 8**

### **PEMBELAJARAN ILMU TAUHID SECARA DALAM TALIAN (ONLINE); TUNTUTAN DAN CABARAN**

Mohamad Fuad Ishak<sup>1</sup> & Sapie Sabilan

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### **PENDAHULUAN**

Kepercayaan dan keyakinan kepada Allah s.w.t merupakan aspek yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Aspek ini perlu diterapkan kepada manusia agar menjadi pedoman dan panduan dalam kehidupan mereka. Inilah ilmu tauhid yang dituntut dipelajari oleh setiap orang Islam. Penerapan ilmu ini telah dilakukan oleh Rasulullah s.w.t, para sahabat, para tabi'in dan seterusnya ilmuan-ilmuan Islam melalui metode penyampaian yang tersusun dan berkesan. Hasilnya manusia telah beriman dengan Allah swt dan RasulNya, hidup dengan peraturan yang telah ditetapkan serta mempunyai akhlak yang terpuji.

Namun, apabila berlaku perubahan zaman dengan pembangunan pesat teknologi dalam pendidikan, maka para ilmuan telah mewujudkan satu pendekatan baru dalam pembelajaran sebagai salah alternatif dalam penyampaian ilmu tauhid. Antaranya ialah melalui pembelajaran teradun (*balanced learning*) menggunakan kaedah dalam talian (*online*). Pada hari ini, pembelajaran dalam talian dilihat menjadi satu keperluan yang tidak dapat dielakkan khususnya dalam suasana penyebaran wabak covid 19. Pelajar sepenuhnya menggunakan kaedah pembelajaran ini untuk mempelajari dan memahami isi kandungan seterusnya diamalkan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, penulisan ini akan membincangkan tuntutan dan cabaran pembelajaran ilmu tauhid secara dalam talian.

#### **MATLAMAT PEMBELAJARAN ILMU TAUHID**

Ilmu tauhid ialah ilmu yang berkaitan dengan pegangan-pegangan agama yang diambil daripada dalil-dalil yang yakin melalui al-Quran dan hadis yang bersifat muhkamat bukan mutasyabihat. (al-Fatani, t.th ; Muhadir, 2020). Ilmu ini diumpamakan sebagai akar tunjang atau dasar bagi sebuah pohon. Di mana akar ini mempunyai peranan yang besar dalam menjamin kehidupan batang, dahan, daun buah serta keseluruhan pohon tersebut. Inilah perumpamaan ilmu tauhid dalam kehidupan manusia. (Sayyid Sabiq, 2011) Bahkan ilmu ini juga memberikan kelebihan manfaat kepada jiwa seseorang dengan mengenali Allah SWT. Hal ini seterusnya membawa seseorang kepada pembentukan sifat amanah dan jujur serta melahirkan perasaan bermuraqabah kepada Allah SWT yang sentiasa melihat dan mengawasi dirinya. Sebaliknya, seseorang akan dianggap kufur apabila mengabaikan dan tidak beriman kepada Allah s.w.t.

Matlamat utama dalam pembelajaran ilmu tauhid ialah menjadikan individu mengenal Allah s.w.t sebagai Rabb dan menyembahNya. Ini dibuktikan dalam firman Allah Taala dalam Surah al-Dzariyat ayat 56 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya : *Dan tidaklah aku menciptakan jin dan juga manusia melainkan untuk mereka beribadah kepada-Ku*

Ayat di atas membuktikan bahawa aspek penghambaan kepada Allah s.w.t merupakan matlamat utama kehidupan manusia. Oleh itu, kaedah untuk mengenal Allah taala adalah melalui pendidikan tauhid sebagai asas dalam pembelajaran manusia. Al-Nahlawi (2007) menyatakan bahawa perkara paling asas yang perlu diutamakan dalam pendidikan ialah pendidikan kepercayaan keimanan dalam hati manusia supaya perasaan itu akan mendorong perbuatan dan tingkahlaku manusia untuk menghambakan diri kepada Allah taala. Secara Maknawi, matlamat Pendidikan tauhid merangkumi pembentukan sifat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w secara fitrah untuk beramal di dunia dan mendapatkan keampunan serta rahmat Allah di akhirat

Pembelajaran ilmu tauhid juga menjadikan manusia bertaqwa dengan membenarkan Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w. Ia terkandung dalam rukun Islam yang bermula dengan pengucapan lafaz dua kalimah syahadah yang disertai pengakuan dan keyakinan dalam hati. Seterusnya ibadah sembahyang, zakat, puasa dan haji yang merupakan hasil keimanan dan keyakinan kepada Allah dan Rasulnya. Imam al-Ghazali (t,th) menyatakan peringkat tertinggi yang perlu dicapai dalam pembelajaran tauhid atau akidah Islam ialah *al-tasdiq* (membenarkan) Allah dan Rasulnya dari segala aspek kehidupan manusia.

Manakala matlamat pendidikan tauhid secara khusus difokuskan kanak-kanak atau remaja adalah proses menanam aspek asas keimanan apabila mereka telah mencapai pemikiran mumayyiz (berakal) iaitu berkemampuan membezakan antara perkara yang baik dan buruk. Pendidikan asas ini merangkumi pembelajaran rukun iman, rukun Islam serta peraturan-peraturan syariah Islam (Abdullah Nasih Ulwan,t.th ). Pengalaman pembelajaran ilmu ini akan menghasilkan perkara berikut;( Abdul Wahab, 1997);

1. Membangkitakan fitrah beriman kepada Allah taala yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.
2. Memelihara individu daripada kepercayaan yang sesat.
3. Membina kekuatan untuk mempertahankan akidah Islam dari ancaman-ancaman musuh-musuh Islam.
4. Mendidik individu agar mengasihi Allah taala dan Rasulullah s.a.w.
5. Menjelaskan keseluruhan maksud rukun iman.
6. Menghubungkan keimanan kepada Allah dengan rialiti kehidupan dan akhlak
7. Mewujudkan ketenangan di dalam hati dengan beriman kepada Allah serta menjauhkan dari sifat kerisauan dan putus asa.

## **PEDAGOGI ILMU TAUHID**

Kepentingan pembelajaran ilmu tauhid ialah melahirkan manusia yang dapat membezakan antara baik dan buruk, antara petunjuk dengan kesesatan, antara hak dengan batil dan antara iman dan kufur. (Kamarul Azmi & Ab Halim, 2007) Oleh itu, pendekatan *talaqqi* yang digunapakai sejak zaman Rasulullah s.a.w sangat relevan bagi mencapai maksud pembelajaran ilmu tauhid tersebut. Talaqqi adalah Kaedah di mana seorang murid duduk di hadapan gurunya untuk memperdengarkan bacaan al-Quran secara langsung atau mendengar guru menyampaikan ilmu-ilmu di mana-mana sahaja dengan syarat secara bersemuka tanpa perantaraan alat lain. (Syuhaida Idha et.al, 2016). Melalui pendekatan talaqqi terdapat beberapa kaedah yang dapat diperincikan dalam pembelajaran ilmu tauhid seperti berikut (Ahmad Mohd Salleh, 1997; Kamarul Azmi & Ab Halim, 2007).;

### 1. Kuliah atau Syarahan

Kaedah ini diaplikasikan oleh guru melalui huraian, penjelasan dan penerangan isi pelajaran kepada pelajar. Pembelajaran pelajar akan bergantung sepenuhnya kepada guru dalam memahami kandungan pelajaran yang disampaikan. Kaedah ini digunakan dalam pembelajaran ilmu tauhid bagi menjelaskan perkara berkaitan sifat Allah swt, alam ghaib, alam akhirat, malaikat dan sebagainya dari keseluruhan rukun iman. Guru perlu bersedia dengan segala maklumat dan bahan untuk disampaikan melalui rujukan, pembacaan serta penyusunan isi syarahan secara sistematik. Rasulullah s.a.w menggunakan kaedah ini untuk menyampaikan perkara agama melalui wahyu daripada Allah swt.

### 2. Dialog dan Perbincangan

Dialog dan perbincangan dilaksanakan melalui soaljawab sehingga sampai kepada fakta yang tidak dapat diragukan, dikritik dan dibantah lagi. Kaedah ini dapat mengasah otak dan memperkuat pandangan disamping kepercayaan terhadap diri. Dalam pembelajaran tauhid, kaedah ini digunakan ketika perbincangan berkaitan sifat-sifat Allah swt, hari kiamat dan qada' dan qadar. Guru mengemukakan dalil-dalil secara naqli dan aqli dalam dialog atau perbincangan yang dilakukan. Hasil dari perbincangan ini adalah merupakan ilmu yang diperoleh dan diyakini oleh pelajar. Selain itu, kaedah ini juga dapat membangkitkan rasa ingin tahu pelajar seterusnya memberikan tumpuan sepenuhnya dalam pengajaran.

### 3. Soaljawab

Kaedah ini merupakan sebahagian interaksi pembelajaran antara pelajar dan guru. Ia dapat membangkitkan kecerdasan serta menggalakkan pelajar berfikir secara aktif. Banyak ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan bagaimana Allah s.w.t menggunakan cara pertanyaan sebelum menjelas sesuatu perkara. Bahkan Rasulullah s.a.w juga banyak menggunakan kaedah pembelajaran melalui soaljawab untuk mendidik para sahabat. Dalam kaedah ini guru harus menunjukan soalan kepada ramai pelajar dan tidak hanya tertumpu kepada seorang pelajar sahaja. Disamping itu, guru perlu menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar. Kaedah ini juga digunakan untuk menilai kefahaman pelajar berdasarkan pengajaran yang telah disampaikan oleh guru.

### 4. Bercerita

Cerita adalah jalinan atau susunan mengenai kejadian atau hal yang berlaku. Pemilihan cerita perlu sesuai dengan tajuk yang diajar. Penceritaan kisah-kisah para nabi dan rasul yang bersumberkan al-Quran dan al-sunnah diberikan keutamaan dalam pembelajaran ilmu tauhid. Kaedah ini akan memberi kesan yang mendalam dalam diri pelajar melalui teladan yang ditunjukkan oleh para nabi dan rasul. Disamping itu, kisah-kisah umat yang terdahulu dan perkara-perkara ghaib yang dicerita dalam al-Quran dan al-Sunnah juga dapat memberi kefahaman dan meningkatkan keimanan pelajar.

## **KEPERLUAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*)**

Kekangan komunikasi secara bersemuka ketika pandemik covid 19 menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik-bilik kuliah dihentikan. Namun proses pengajaran dan pembelajaran mesti diteruskan bagi menjamin kelangsungan ilmu dan pembelajaran pelajar. Sehubungan itu, pengajaran dan pembelajaran atas talian adalah alternatif terbaik

yang boleh dilaksanakan oleh guru bagi tujuan tersebut. Hal ini memerlukan komitmen dan kesungguhan guru serta pelajar agar matlamat pembelajaran dapat dicapai.

Keperluan utama dalam pembelajaran atas talian ialah memastikan pembelajaran tauhid tidak dihentikan. Tanggungjawab seorang guru ialah mendidik pelajar-pelajar untuk memahami secara mendalam asas-asas keimanan sehingga pelajar-pelajar menjadikan agama Islam sebagai pegangan dalam hati, melaksanakan ibadah, mengikut peraturan-peraturannya, al-Quran sebagai panduan kehidupan dan Rasulullah s.a.w sebagai ikutan mereka. (Abdullah Nasih Ulwan, 1999). Oleh itu, tiada alasan untuk tidak mempelajari ilmu ini secara dalam talian ketika wabak pandemik covid 19.

Seterusnya, kini terdapat pelbagai aplikasi yang boleh didapati dan digunakan untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran ilmu tauhid. Pembelajaran secara digital dapat memberi kemudahan kepada guru dan pelajar untuk melaksanakan proses pembelajaran. Aplikasi yang popular digunakan ialah *WhatsApp*, *Telegram*, *Facebook*, *Zoom*, *Webex*, *Google Hangouts*, *Skype* dan sebagainya. Pendekatan pembelajaran teradun (*Blended learning*) boleh diaplikasikan dengan menggunakan aplikasi-aplikasi tersebut. Guru dan pelajar boleh berinteraksi secara bersemuka dengan paparan dua skrin untuk proses pengajaran dan pembelajaran secara langsung di dalam talian (Nor Fauziana, 2020). Alternatif lain, guru boleh menggunakan aplikasi satu hala dalam pengajaran seperti penggunaan bahan video yang telah direkod melalui *YouTube* dalam pengajaran.

Selain itu, keperluan mengurangkan kos pembelajaran kepada guru dan pelajar. Pembelajaran secara bersemuka memerlukan kos kewangan yang tinggi dari sudut kos perjalanan ke tempat belajar, kos bahan-bahan pembelajaran, kos bahan-bahan pengajaran dan kos tugas serta aktiviti pembelajaran. Pembelajaran atas talian pula dapat mengurangkan kos tersebut disamping pembelajaran menjadi lebih mudah dan menarik. Guru mudah untuk menghantar tugas kepada pelajar, menggunakan bahan bantu mengajar yang lebih efektif dan mengemas kini bahan pengajaran daripada masa ke masa. Guru juga mudah untuk membuat penilaian terhadap pelajar dan pembelajaran seperti ini memberi kesan yang positif terhadap tahap minat, pemahaman dan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran berbanding pembelajaran secara tradisional (Bani Hidayat, 2020).

## **CABARAN PEMBELAJARAN ILMU TAUHID SECARA DALAM TALIAN**

### **i. Cabaran Komunikasi**

Komunikasi yang baik akan menghasilkan pembelajaran tauhid yang berkesan. Pendekatan *talaqqi* yang digunakan oleh guru sangat berkesan dalam memberi kefahaman dan mendidik pelajar. Komunikasi dua hala ini membentuk satu hubungan yang akrab antara guru dan murid. Namun, apabila pembelajaran dalam talian dilaksanakan, komunikasi dua hala tidak dapat diaplikasi sepenuhnya. Ini disebabkan tidak semua aplikasi dalam talian menggunakan komunikasi dua hala. Menurut Siti Nurbaizura & Faradilla (2020) halangan ini menyebabkan kesukaran hubungan antara guru dengan pelajar, lantaran itu, kaedah pembelajaran dalam talian ini sukar atau tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Hubungan komunikasi sangat penting bagi menjamin keberkesanan pembelajaran. Hal ini ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w dalam pelbagai kaedah pengajaran yang digunakan terhadap para sahabat seperti dialog atau perbincangan dan soal jawab. (Ahmad Mohd Salleh 1997). Sebagai contoh bagaimana Rasulullah s.a.w mengajarkan perkara rukun iman kepada para sahabat melalui dialog baginda bersama malaikat Jibril a.s. (Mustafa, 2005). Perkara yang

ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w bukan sekadar ilmu yang ingin disampaikan, bahkan adab tutur kata dan sifat seorang muslim diterapkan dalam pembelajaran mereka.

## ii. Cabaran Penggunaan Teknologi dan Capaian Internet

Kemahiran penggunaan teknologi dan capaian internet juga merupakan salah satu cabaran dalam pembelajaran secara dalam talian. Kamarul Azmi & Ab Halim (2007) menjelaskan keberkesanan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada keupayaan guru yang mengendalikannya. Cabaran ini bukan sahaja terhadap guru, bahkan juga terhadap pelajar dan ibu bapa atau penjaga. Di samping guru perlu mahir menggunakan alat *hardware* dan *software*, guru juga perlu mahir untuk mendapatkan sumber ilmu tauhid yang bersifat *primier* dan sahih. Proses saringan maklumat perlu dilakukan dengan tepat dan teliti agar ilmu yang disampaikan adalah benar. Sehubungan itu, latihan untuk meningkatkan kemahiran di kalangan guru dan pelajar perlu diadakan (Nor Fauziana, 2020) supaya mereka dapat meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran dalam teknologi secara lebih efektif.

Selain itu, tidak semua tempat tinggal pelajar mempunyai sumber serta capaian internet yang baik. Ia bergantung kepada prasarana yang disediakan di tempat tinggal mereka. Hal ini menyukarkan bagi pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran ilmu tauhid dengan baik. Guru dan pelajar perlu mencari bahan dan maklumat pembelajaran, mengadakan kuliah secara bersemuka dan melaksanakan aktiviti pentaksiran dan penilaian. Segala aktiviti tersebut memerlukan capaian internet yang baik. (Ashraf Ismail et.al, 2020). Antara keperluan utama dalam pembelajaran dalam talian ialah pemilihan *platform* yang sesuai mengikut mata pelajaran, tempoh masa pembelajaran, aktiviti yang dirancang dan capaian internet di kalangan pelajar. Di samping itu, cabaran sumber liputan internet yang lemah menjadi punca utama halangan dalam pembelajaran dalam talian (Norfarahi et.al, 2020).

## iii. Cabaran Penerapan Nilai dan Adab Dalam Pembelajaran

Cabaran guru sebagai role model atau *qudwah* hasanah ketika mengajar. *Qudwah* seorang guru merangkumi segala sifat mahmudah seperti cara bercakap, wajah muka, cara berjalan dan duduk, cara mengemukakan soalan dan menjawab soalan pelajar, cara bagaimana guru merangsang atau memotivasikan pelajar untuk belajar dan cara menegur pelajar serta menasihati pelajar. Namun perkara ini tidak dapat dilihat secara keseluruhannya dalam pengajaran atas talian.

Pembelajaran atas talian boleh mengganggu adab dan nilai berguru antara murid dengan guru. Islam adalah agama yang mementingkan penerapan nilai dan adab berguru antara guru dan murid (Talib Samat, 2004). Implikasi dari kekurangan penerapan nilai dalam pembelajaran ilmu tauhid akan mengakibatkan masalah kejahilan tentang kepercayaan dalam agama Islam dan keruntuhan akhlak. Hassan Langgulung (1997) menyatakan bahawa masalah pelajar yang paling utama di kalangan pelajar sekolah ialah masalah cabaran masalah akhlak dan agama. Justeru itu, kepakaran dan pengalaman guru diperlukan untuk mengatasi masalah ini.

Ab. Halim et.al (2012) pula menjelaskan bahawa guru pendidikan Islam perlu mempamerkan dan mengamalkan sifat-sifat mahmudah dalam pengajaran mereka. Antara sifat yang perlu ditunjukkan ialah kasih sayang, ikhlas, nasihat, berhikmah ketika menegur kesilapan, pengajaran mengikut tahap akal pelajar serta beramal dengan ilmu. Amalan sifat mahmudah akan menjadi panduan kepada pelajar melalui perwatakan guru ketika pembelajaran berlaku. (Tengku Nor Husna, 2020). Namun pemupukan sifat-sifat ini terhad

kepada pelajar kerana mereka hanya dapat melihat muka atau mendengar suara guru sahaja dalam pembelajaran. Tambahan lagi, pelajar tidak boleh melontarkan pertanyaan apabila guru hanya merakam video pengajaran tauhid dan meminta pelajar mendengarnya. Guru juga tidak boleh menegur kesalahan atau adab pelajar dalam pembelajaran mereka.

#### iv. Cabaran Integriti dan fokus Pelajar

Pembelajaran ilmu tauhid atas talian memerlukan tahap integriti dan kejujuran pelajar serta fokus kawalan diri yang tinggi. Banyak istilah dalam bidang ilmu ini perlu dipelajari dan difahami secara mendalam dan terperinci. Oleh yang demikian, apabila berlaku gangguan persekitaran pembelajaran di rumah maka pelajar tidak dapat menumpukan pembelajaran dengan baik serta hilang fokus terhadap guru yang sedang mengajar. Tambahan pula, pembelajaran dalam talian ini memberi pilihan kepada pelajar untuk menutup fungsi kamera dan audio semasa proses pembelajaran berlaku. Hal ini menyebabkan guru yang mengajar tidak dapat melihat keadaan sebenar murid yang mengikuti pengajaran yang dijalankan oleh mereka. Kemungkinan murid melakukan aktiviti-aktiviti lain ketika guru sedang mengajar dan tidak memberikan fokus kepada sesi pembelajaran. Implikasi perkara ini akan membawa kepada kegagalan pelajar memahami dan mengamalkan ilmu yang dipelajari (Fatin Izati & Farah Hanan, 2021).

#### v. Cabaran Terhadap Tahap Kefahaman Pelajar

Pengalaman dan latar belakang pendidikan pelajar yang berbeza juga menjadi cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran. Bahkan, setiap murid juga mempunyai kecerdasan kognitif dan kefahaman terhadap pengajaran guru yang berbeza (Fatin Izati & Farah Hanan, 2021). Guru perlu memastikan penyampaian ilmu tauhid adalah bersifat menyeluruh dan mudah difahami oleh semua pelajar. Ilmu tauhid memerlukan guru mampu mengenal tahap akal pelajar-pelajarnya agar kepelbagaian kaedah boleh digunakan dalam pengajaran. (Abdul Wahab, 1997). Namun, jika guru menggunakan kaedah pembelajaran sehala maka sukar untuk guru menilai keberkesanan pengajarannya. Para pelajar juga kurang memahami pelajaran dan tidak boleh membuat pertanyaan secara langsung berkaitan isi pelajaran yang diajar oleh guru.

Dari sudut pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran pula, mereka memerlukan lebih bimbingan berbentuk sentuhan dan pergerakan bagi memastikan mereka memahami isi pelajaran yang disampaikan (Fatin Izati & Farah Hanan, 2021). Tanpa bantuan dari ibu bapa atau penjaga, pasti sukar untuk mereka melaksanakan pembelajaran secara atas talian. Akibatnya matlamat pendidikan Islam untuk memindahkan ilmu pengetahuan kepada pelajar bahkan menekankan pembinaan akhlak individu yang sesuai dan selaras dengan kehendak Allah SWT (Noraini & Riduan, 2017) juga tidak dapat dicapai dalam pembelajaran pelajar.

### **KESIMPULAN**

Tuntutan utama pembelajaran ilmu tauhid dalam talian ialah keperluan kaedah penyampaian yang berkesan di mana pelajar dapat memahami, menghayati serta mengamalkannya dalam kehidupan. Pembelajaran bukan sekadar penerimaan ilmu ilmu bahkan lebih daripada itu melalui penerapan dan pembudayaan nilai serta akhlak yang terpuji. Walaubagaimanapun pembelajaran dalam talian mempunyai cabaran utama yang perlu ditangani dengan berkesan seperti kurangnya penerapan nilai dan akhlak dan ketidak fahaman pelajar. Ia berpunca dari cabaran komunikasi dan penggunaan teknologi serta capaian internet yg lemah. Di samping sikap pelajar yang tidak jujur dan hilang fokus dalam pembelajaran. Maka guru melalui ilmu,



kemahiran dan kewibawaanya berperanan untuk merancang, mengatur strategi dan kaedah yang sesuai digunakan dalam pembelajaran ilmu tauhid. Agar matlamat pengajaran dan pembelajaran ilmu tauhid dapat dicapai dengan sempurna.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohd Khairul Azman. (2010) *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim*. Journal of Islamic and Arabic Education 2(1), 2010 43-56
- Abd al-Wahab Abd al-Salam. (1997). *Al-Tarbiyyat al-Islamiyyat wa Fan al-Tadris*. al-Qahirah : Dar al-Salam
- Abdullah Nasih Ulwan. (T.th.) *Tarbiyyat al-Anlad Fi al- Islam*. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Fatani, Sycikh Ahmad Daud. (T.th.) *Dhur al-Thamin*. Patani Thailand : Matba'ah bin Halabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. (2000). *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 1. Kaherah : Darul al-Watha'iq.
- Al-Nahlawi, Abdul Rahman. (2007). *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyat wa Asalibuha fi al-Bait wa al-Madrasat wa al-Mujtama'*. Lubnan ; Dar al-Fikr
- Ashraf Ismail, Khazri Osman & Nurul Hudaa Binti Hassan. (2020) *Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19*. E-Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 21. Fakulti Pengajian Islam Ukm. Hal 110-116.
- Bani Hidayat Mohd Shafie. (2020). *Pelaksanaan PdPc DalamTalian (OLL) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 Dan 2 Covid-19*. Jurnal Dunia Pendidikan, Vol. 2, No. 2, 213-221, 2020.Hal 213-221
- Fatin Izati Binti Mohd Taher & Farah Hanan Binti Abu Bakar. (2021). *Pendidikan Digital Era Ri 4.0 Dalam Pendidikan Islam*. International Conference On Syariah & Law2021(Iconsyl 2021)-Online Conference 6 Th April 2021 Hal ; 436-451
- Hassan Langgulung. (1997). *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamarul azmi Jasmi & Ab. halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam, Kaedah pengajaran & Pembelajaran*. UTM; Penerbit UTM.
- Muhadir haji Joll. (2000). *Sifat 20 Suatu Pengenalan Asas*. Petaling Jaya; Galeri Ilmu Sdn Bhd.
- Mustafa Abdul Rahman.(2005). *Hadis Empat Puluh Susunan Imam al-Nawawi*. Shah Alam; Dewan Pustaka Fajar.
- Nor Fauziana Binti Mohd Salleh. (2020). *Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan Di Malaysia*. Kolej Komuniti Bentong. Atas talian ; <https://www.researchgate.net/publication/342886967>
- Noraini Ismail Dan Riduan Makhtar. (2017). *Pengajaran Dan Pembelajaran Akidah Di Pondok Pasir Tumbob, Kelantan*. Jurnal Pengajian Islam Bilangan 10, Isu II, Halaman 68-87
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2020). *Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran*. Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education, Vol. 10, No. 1, June 2020, Hal : 78-95
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). *Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 11 Edisi Khas, 2020 Hal; 46-57
- Syuhaida Idha Abd Rahim, Mohd Asmadi Yakob & Abd Shukor Mohd Ali (2016). *Pedagogi Talaqqi Dalam Pendidikan Islam Di Pondok*. E-Proceeding Of The 3 Rd Global Summit On Education Gse 2015 (E-Isbn 978-967-0792-01-1), 9-10 March 2015, Kuala Lumpur, Malaysia. Hal : 771-776
- Talib Samat (2004). *Berjihad Menerusi Tulisan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

Tengku Nor Husna binti Tengku Jamil, PhD. (2020). *Guru Pendidikan Islam Sebagai Role Model*. Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid III.hal 176-190

## **BAB 9**

### **KAEDAH PEMBELAJARAN SUBJEK PENGAJIAN MALAYSIA BAGI PELAJAR TEMPATAN DAN ANTARABANGSA DI IPTS SHAH ALAM**

Noor Farhana binti Ahmad Pazil<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Management & Science University (MSU)

#### **PENDAHULUAN**

Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia pada 1996 merupakan subjek yang diwajibkan kepada semua pelajar universiti. MPU dahulunya dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib (MPW). Tujuan MPU diperkenalkan adalah untuk pelajar menggarap pemahaman yang menyeluruh mengenai Malaysia. Pada masa yang sama bagi pelajar tempatan pula mata pelajaran umum mampu meningkatkan semangat patriotisme atau cintakan tanah air. Pengenalan Mata Pelajaran Umum (MPU) seperti Hubungan Etnik, Kewarganegaraan, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) serta Pengajian Malaysia telah menjadi salah satu cara untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar universiti. MPU juga menyediakan subjek kemahiran insaniah yang mampu menjadi nilai tambah bagi pelajar selain daripada kurikulum sedia ada. Misalnya mata pelajaran Khidmat Masyarakat, Kemahiran Berfikir dan Ko-kurikulum.

#### **SUBJEK PENGAJIAN MALAYSIA**

Subjek Pengajian Malaysia dikategorikan dalam tiga peringkat iaitu, peringkat Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Subjek ini kemudiannya dibahagikan kepada dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk disesuaikan kepada pelajar tempatan dan antarabangsa. Di universiti ini, pelajar tempatan perlu mengambil subjek Pengajian Malaysia 1 (Asasi) atau Pengajian Malaysia 2 (Diploma). Manakala pelajar antarabangsa di universiti ini diwajibkan untuk mengambil subjek Pengajian Malaysia 3 (peringkat Ijazah Sarjana Muda). Penulis merupakan pensyarah pertama yang mengajar subjek Pengajian Malaysia 3 kepada pelajar antarabangsa di sini. Fokus utama penulisan ini adalah berkisarkan subjek Pengajian Malaysia 2 bagi pelajar tempatan pada peringkat Diploma dan Pengajian Malaysia 3 bagi pelajar antarabangsa peringkat Ijazah Sarjana Muda disebabkan kedua-dua subjek ini menggunakan topik-topik yang sama.

Berdasarkan pengalaman penulis mengajar mata pelajaran Pengajian Malaysia, subjek ini mampu meningkatkan pemahaman menyeluruh mengenai institusi-institusi asas di Malaysia seperti ekonomi, sosial, politik, pendidikan dan keagamaan yang merupakan perkara asas yang perlu difahami oleh setiap lapisan masyarakat. Ia juga merupakan pembelajaran sepanjang hayat yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan dan dijadikan sebagai nilai tambah dalam memupuk keharmonian di Malaysia. Lebih menarik lagi pada topik pertama pelajar didedahkan dengan sejarah awal negara bermula daripada pembukaan Melaka pada 1400 sehinggalah pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

Jadual 1: Hasil Pembelajaran Kursus 3 Kredit

<b>Pengajian Malaysia 2</b>	<b>Pengajian Malaysia 3</b>
<p>Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) menghurai dan membahaskan kepelbagaian dalam masyarakat;</li> <li>(ii) mengulas kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme;</li> <li>(iii) membina dan memupuk hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.</li> </ul>	<p>Pada akhir pembelajaran kursus ini, pelajar boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) menghuraikan dan membahaskan kepelbagaian dalam masyarakat;</li> <li>(ii) mengulas kepentingan identiti Malaysia ke arah memupuk semangat kesejagatan;</li> <li>(iii) membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar.</li> </ul>

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi (2016)

Secara khususnya pelajar tempatan perlu mengambil subjek Pengajian Malaysia 1 atau 2. Manakala, pelajar antarabangsa diwajibkan untuk mengambil Pengajian Malaysia 3. Melihat kepada Hasil Pembelajaran Khusus bagi kedua-dua subjek ini adalah hampir sama, kecuali Hasil Pembelajaran Khusus kedua difokuskan mengikut kesesuaian pelajar (rujuk Jadual 1). Pelajar tempatan akan dapat mengulas kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Hasil daripada pemahaman mereka terhadap sejarah, politik, sosial dan ekonomi di Malaysia, ianya dapat memupuk semangat cintakan tanah air. Bagi Hasil Pembelajaran Khusus pelajar antarabangsa pula adalah supaya mereka mampu mengulas kepentingan identiti Malaysia ke arah memupuk semangat kesejagatan. Kesejagatan di sini menurut penulis adalah kebolehan pelajar mengulas tentang titik persamaan antara Malaysia dan negara-negara di dunia. Ia bukan hanya berfokuskan persamaan dan perbezaan kebudayaan semata-mata, malah corak pemerintahan kerajaan, hak-hak asasi, dan dasar-dasar dalam negara juga turut dilihat daripada aspek kesejagatan.

Berikut merupakan topik utama bagi subjek Pengajian Malaysia 2 dan Pengajian Malaysia 3 iaitu Sejarah Awal Negara, Perjuangan Kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia, Sistem Pemerintahan Malaysia, Perlembagaan Malaysia, Masyarakat Majmuk dan Perpaduan Negara, Pembangunan Negara, Isu-isu dalam Negara, dan Kepercayaan dan Agama di Malaysia (Nordin & Hussiin, 2018).

### **KERELEVANAN SUBJEK PENGAJIAN MALAYSIA**

Penulis sering ditanya apakah relevannya subjek ini oleh kedua-dua pelajar tempatan dan antarabangsa. Pelajar tempatan sering mempersoalkan pengulangan pembelajaran sejarah yang menurut mereka adalah sama seperti subjek Sejarah yang diambil di sekolah. Namun, pada pengamatan penulis, Pengajian Malaysia bukan hanya tertumpu kepada sejarah semata-mata. Subjek Pengajian Malaysia adalah lebih tersusun dan mengikut fasa sejarah yang lebih mudah difahami. Penyusunan penceritaan sejarah dalam subjek ini juga lebih teratur berbanding subjek Sejarah yang diambil di peringkat sekolah. Pada bab pertama dan kedua, pelajar akan mempelajari sejarah awal negara bermula dengan pembukaan Melaka, era penjajahan kuasa-kuasa asing di Tanah Melayu, perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Bab ini lebih mudah difahami dan telah disusun mengikut kronologi peristiwa bersejarah di Melaka, Tanah Melayu (Malaya) dan Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan informasi sejarah dalam subjek Sejarah di peringkat sekolah lebih terperinci berbanding Pengajian Malaysia.

Berdasarkan pengalaman penulis, terdapat para pelajar yang cuba menyamakan subjek ini dengan subjek Sejarah tanpa melihat terlebih dahulu keseluruhan topik. Malah, pada awal

semester terdapat pelajar yang cuba mendapatkan jaminan pensyarah terhadap subjek ini kerana mereka gusar sekiranya mereka dapat markah yang hampir serupa dengan subjek Sejarah di sekolah. Antara kerisauan yang selalu diutarakan adalah kelemahan mereka dalam memahami sejarah kerana terlalu banyak tarikh dan nama penting yang perlu dihafal. Jika dilihat kepada Masa Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time*), bahagian sejarah hanya mengambil 36 peratus masa sahaja berbanding topik-topik yang lain. Oleh itu, penulis ingin mencadangkan supaya pensyarah memberikan penjelasan pada awal semester bahawa Pengajian Malaysia bukanlah berkenaan sejarah semata-mata. Malah, penyusunan topik-topik yang terdapat dalam subjek Pengajian Malaysia adalah lebih luas skopnya sehingga mampu memberikan informasi yang perlu bagi setiap pelajar tempatan mahupun antarabangsa mengenai Malaysia. Penambahan informasi mengenai Malaysia mengikut tema pemerintahan, perlembagaan, sosio-ekonomi, dasar-dasar dalam negara dan dasar luar negara pula merupakan pendedahan yang berguna kepada mereka.

Selain itu, terdapat juga isu pelajar yang mengatakan subjek Pengajian Malaysia kurang daya tarikan dan tidak penting seperti subjek utama di fakulti. Perkara ini turut diperjelaskan oleh Mak Din et. al. (2017), kajian-kajian terdahulu menunjukkan pelajar menganggap mata pelajaran Sejarah adalah begitu membosankan, kaku dan tiada nilai komersial. Beliau juga mengatakan kegagalan pelajar dalam subjek Sejarah di sekolah akan menyebabkan pelajar kurang semangat cintakan tanah air dan tiadanya jati diri sebagai rakyat Malaysia. Menurut Ibrahim (dalam Ahmad et. Al., 2013), penghayatan pelajar Malaysia dalam pembentukan jati diri dan pembinaan negara bangsa masih di tahap yang kurang memuaskan. Malah, kajian tersebut menunjukkan kebanyakan pelajar Melayu bersikap rasis dan kurang semangat patriotisme. Jika dilihat di sini adalah merupakan bukti yang kukuh bahawa subjek Pengajian Malaysia masih relevan diajar kepada pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam mahupun swasta. Malah, ia dapat membantu pelajar-pelajar daripada Sekolah Antarabangsa dalam memahami sejarah serta menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu kerana di universiti ini subjek Pengajian Malaysia bagi pelajar tempatan adalah menggunakan medium bahasa Melayu.

Manakala, pelajar antarabangsa pula mempersoalkan kerelevanan subjek Pengajian Malaysia di mana mereka bukanlah masyarakat tempatan. Jadi mengapa perlu mempelajari sejarah masyarakat tuan rumah (*host society*). Ibarat masuk ke dalam kandang kambing mengembek, masuk ke dalam kandang kerbau menguak, begitulah juga relevannya subjek ini yang perlu difahami oleh pelajar antarabangsa selain daripada mempelajari subjek Bahasa Melayu Komunikasi. Pengetahuan asas mengenai Malaysia adalah perlu bagi kelangsungan kehidupan mereka di masyarakat tuan rumah ini. Asas bahasa dan pemahaman mengenai Malaysia adalah penting bagi memudahkan mereka beradaptasi dengan kebudayaan dan memudahkan mereka berurusan dengan institusi-institusi yang terdapat di Malaysia. Ini juga dapat memupuk integrasi di antara masyarakat tempatan dan antarabangsa menerusi proses akomodasi iaitu hidup dalam kepelbagaian tetapi cuba beradaptasi dengan kehidupan bersama masyarakat di sini. Dengan berakomodasi mereka dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat tuan rumah serta saling menghormati di antara satu sama lain. Justeru, subjek Pengajian Malaysia dapat membantu mereka dalam berakomodasi di Malaysia.

## **KAEDAH PEMBELAJARAN BAGI PELAJAR TEMPATAN**

Subjek Pengajian Malaysia 2 adalah diwajibkan kepada pelajar tempatan pada peringkat Diploma. Di universiti ini, kesemua pelajar daripada tujuh fakulti diwajibkan untuk mengambil subjek ini. Antaranya Fakulti Pendidikan, Fakulti Kesihatan, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, dan Fakulti Perubatan Antarabangsa. Umum mengetahui perbezaan pemahaman fakta mengenai Malaysia di antara pelajar

tempatan dan antarabangsa di mana pelajar tempatan telah mendapat pendedahan awal informasi-informasi berkaitan negara berbanding pelajar antarabangsa. Namun, jika dilihat pada awal semester terdapat pelajar tempatan yang tidak mampu menjawab soalan-soalan asas mengenai Malaysia. Misalnya, apabila penulis bertanya mengenai bilangan negeri yang terdapat di Malaysia, kebanyakan pelajar tempatan masih menjawab sebanyak 14 negeri merujuk kepada 14 jalur yang terdapat dalam bendera Malaysia. Begitu juga jawapan yang salah diberikan oleh pelajar tempatan apabila disoal mengenai ketua umum negara, di mana kebanyakan mereka menjawab Perdana Menteri. Berdasarkan pengalaman penulis pada kelas pertama di awal semester, kebanyakan soalan-soalan yang terlalu asas mengenai Malaysia masih tidak berupaya dijawab oleh pelajar tempatan.

Penulis menyedari bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengetengahkan keupayaan pelajar untuk '(i) menghurai dan membabaskan kepelbagaian dalam masyarakat' sebagai Hasil Pembelajaran Kursus pertama bagi subjek ini. Bagi hasil pertama ini, mereka akan dinilai menerusi peperiksaan akhir semester dan ujian. Manakala, dalam '(ii) mengulas kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme' para pelajar diberikan ujian lisan melalui soalan kemahiran aras tinggi. Hal ini dapat melihat sejauh mana pelajar memahami keseluruhan aspek bagi subjek ini. Kebiasaannya dalam kelas pertama penulis akan memberikan kuiz informasi Malaysia kepada pelajar untuk mengetahui tahap pengetahuan mereka mengenai Malaysia tetapi dalam dua tahap berbeza bagi pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa.

Pada awal semester, kesemua pelajar akan dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil. Kemudian, pelajar tempatan akan diberikan 29 soalan silang kata yang menumpukan fakta-fakta sejarah yang pernah dipelajari oleh mereka. Dengan kaedah begini penulis dapat mengenalpasti tahap pemahaman mereka terhadap subjek ini. Semasa proses menjawab soalan, terdapat ahli kumpulan yang teruja dan bersorak apabila rakannya mendapat jawapan yang tepat. Pembelajaran berasaskan pasukan ini merupakan kaedah yang berkesan menurut penulis. Dalam masa yang sama berjaya mencapai hasil pembelajaran kursus ketiga bagi subjek ini iaitu '(iii) membina dan memupuk hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar'. Berhubungan dengan itu, tugas-tugas utama subjek ini adalah dalam bentuk kumpulan. Misalnya, projek rakaman video bersejarah di Melaka, persembahan kebudayaan di Malaysia serta perdebatan isu-isu semasa adalah berdasarkan hasil kerja berkumpulan.

Namun, fokus utama subjek Pengajian Malaysia bagi pelajar tempatan adalah dalam '(ii) mengulas kepentingan identiti kebangsaan ke arah mengukuhkan semangat patriotisme' seperti yang dijelaskan dalam Hasil Pembelajaran Kursus kedua. Oleh itu, aktiviti, tugas dan projek bagi subjek ini adalah bertemakan semangat cintakan tanah air. Tidak hanya menjurus kepada sub-topik perjuangan kemerdekaan semata-mata, semangat patriotisme ini juga boleh diluahkan menerusi sub-topik yang lain misalnya, pengenalan kaum dan agama yang terdapat di Malaysia, kerjasama masyarakat dalam pembangunan negara, kesetiaan kepada raja dan negara, mematuhi kertertinggian Perlembagaan Malaysia dan bersama-sama berusaha membangunkan negara.

## **KAEDAH PEMBELAJARAN BAGI PELAJAR ANTARABANGSA**

Kedua-dua subjek dalam dua bahasa yang berbeza ini, berkongsi dua Hasil Pembelajaran Khusus yang sama iaitu '(i) menghurai dan membabaskan kepelbagaian dalam masyarakat' dan '(iii) membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar'. Bagi '(i) menghurai dan membabaskan kepelbagaian dalam masyarakat', pelajar akan dinilai sama seperti pelajar tempatan menerusi ujian dan peperiksaan akhir semester. Sama seperti pelajar tempatan, di awal semester penulis kebiasaannya akan menguji pelajar antarabangsa dengan 20 soalan asas

berkaitan Malaysia contohnya ‘Apakah nama kereta nasional pertama di Malaysia?’, serta ‘Bilakah Malaysia mencapai kemerdekaan?’. Hasil daripada informasi yang diperoleh dalam kuiz tersebut dapat menarik minat mereka untuk mempelajari dengan lebih lanjut subjek Pengajian Malaysia.

Walau bagaimanapun, fokus utama atau Hasil Pembelajaran Kursus kedua bagi pelajar antarabangsa adalah ‘(ii) *mengulas kepentingan identiti Malaysia ke arah memupuk semangat kesejagatan*’. Penulis tertarik dengan nilai kesejagatan (*universality*) yang diketengahkan oleh KPT Malaysia. Sepanjang mengajar Pengajian Malaysia 3, penulis mengajar menerusi kaedah pembelajaran silang budaya (*cross-culture studies*) dengan mencari titik persamaan atau berkongsi perbezaan antara Malaysia dan negara-negara luar. Ini dapat menarik minat pelajar dan dalam masa yang sama dapat memudahkan mereka memahami identiti Malaysia.

Penninx R. (2016) mengatakan bahawa pengetahuan mengenai institusi utama dalam masyarakat tuan rumah mampu mewujudkan kerjasama dan interaksi bersama masyarakat, dan menjadikan mereka mudah dikenali dan diterima oleh masyarakat tempatan. Namun, menurut beliau proses ini adalah berbentuk dua hala di mana masyarakat tempatan juga perlu memahami mereka. Hal ini dipersetujui oleh penulis di mana pendekatan yang digunakan oleh penulis dalam pembelajaran subjek Pengajian Malaysia 3 bagi pelajar antarabangsa adalah bersifat dua hala iaitu secara pembelajaran silang budaya (*cross-culture studies*). Ini secara tidak langsung akan memudahkan pelajar memahami informasi berkaitan Malaysia dan dapat meningkatkan pemahaman terhadap negara mereka sendiri.

Untuk mencapai hasil pembelajaran kedua iaitu ‘(ii) *mengulas kepentingan identiti Malaysia ke arah memupuk semangat kesejagatan*’ para pelajar diberikan ujian secara lisan. Dalam ujian lisan, pelajar dibahagikan kepada kumpulan kecil dan kemudiannya diberikan tajuk-tajuk yang berbeza daripada subjek Pengajian Malaysia. Mereka akan menyampaikan hujah dan pandangan mengenai topik-topik seperti hak-hak asasi manusia di Malaysia dan dunia, konsep pemisahan kuasa oleh Montesquieu, isu perpaduan di Malaysia dan dunia, serta isu global yang berlaku pada masa kini. Ujian lisan ini membantu mereka menyampaikan informasi tambahan serta memberikan ulasan menerusi sesi soal jawab. Ini dapat meningkatkan pengetahuan mereka mengenai Malaysia dan juga berupaya mengaitkan informasi yang dipelajari dengan konteks negara sendiri kerana terdapat titik kesejagatan dalam sistem pemerintahan, perlembagaan, keadaan sosial dan dasar-dasar kerajaan.

Manakala, dalam ‘(iii) *membina dan memupuk hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar*’, tugas kerja kursus mereka menggunakan kaedah berkumpulan tetapi dengan berfokuskan dua topik utama iaitu Sejarah Awal Negara dan Masyarakat Majmuk di Malaysia. Tidak seperti pelajar tempatan yang mampu mempersembahkan tarian kebudayaan, pelajar antarabangsa lebih terhad informasinya berkenaan etnik-etnik yang terdapat di Malaysia. Oleh itu, tugas bagi topik Masyarakat Majmuk di Malaysia lebih santai iaitu pembentangan poster, mempamerkan galeri kebudayaan atau menghasilkan buku skrap menggunakan kreativiti kumpulan masing-masing. Manakala, bagi kerja kursus topik Sejarah Awal Negara, mereka akan menghasilkan video dokumentari di tempat-tempat bersejarah seperti Melaka dan Pulau Pinang. Selain itu, kajian juga turut dijalankan bagi memahami kebudayaan etnik yang terdapat di Malaysia.

Berdasarkan pengalaman penulis, bilangan pelajar antarabangsa adalah kurang daripada 30 orang dalam satu semester. Dengan menggunakan kelas yang kecil, pelajar mudah berinteraksi dan tidak kekok dalam berkongsi informasi berkaitan negara mereka. Mereka ini terdiri daripada komuniti yang kecil di universiti ini, tetapi menjadi akrab apabila bergabung dalam kelas yang merangkumi pelajar antarabangsa yang lain. Hal ini

menunjukkan mereka mampu mencapai hasil pembelajaran kursus ketiga iaitu '(iii) membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar'. Mereka mampu memberikan kerjasama yang baik walaupun kadang kala terdapat perkelompokan kumpulan pelajar daripada sebuah negara yang sama disebabkan oleh bilangan pelajar yang ramai daripada negara tersebut. Namun, ia tidak menjejaskan interaksi di antara pelajar semasa kuliah dijalankan. Secara keseluruhannya, subjek Pengajian Malaysia 3 ini telah diambil oleh semua pelajar antarabangsa daripada semua fakulti di univerti ini dan berasal daripada negara Brunei, Indonesia, Oman, Saudi Arabia, Amerika, Sri Lanka, India, Maldives, Singapura, Sudan, Egypt, Yaman, Filipina, China, Thailand, Lebanon, Papua New Guinea dan sebagainya.

### **HASIL PRESTASI PEMBELAJARAN**

Berdasarkan jadual yang diberikan, penulis telah menggabungkan analisis prestasi peperiksaan tiga semester pada tahun 2019. Bilangan pelajar antarabangsa dan tempatan adalah berbeza di mana pada tahun 2019 hanya terdapat 50 pelajar antarabangsa, manakala 1,364 pelajar tempatan. Berdasarkan analisis prestasi peperiksaan bagi kedua-dua subjek ini, prestasi pelajar antarabangsa adalah lebih baik berbanding pelajar tempatan (rujuk Jadual 2). Purata min gred bagi subjek Pengajian Malaysia 2 (tempatan) adalah 2.97. Manakala, purata min gred bagi subjek Pengajian Malaysia 3 (antarabangsa) adalah 3.57.


Jadual 2: Perbandingan purata min gred bagi mata pelajaran Pengajian Malaysia 2 & Pengajian Malaysia 3 pada tahun 2019

<b>Subjek</b>	<b>Min</b>	<b>Bilangan Pelajar</b>
Pengajian Malaysia 2	2.97	1,364
Pengajian Malaysia 3	3.57	50


Hal ini menunjukkan, pengetahuan asas mengenai sejarah Malaysia yang diperoleh pelajar tempatan bukan jaminan untuk mendapat gred yang tinggi. Ini telah membuktikan subjek Pengajian Malaysia bukanlah mengenai sejarah semata-mata, bahkan ianya merangkumi pelbagai aspek berkaitan negara. Jika dilihat pada keputusan penilaian subjek, prestasi pelajar antarabangsa lebih baik berbanding pelajar tempatan.



Carta 1: Peratus gred keseluruhan bagi tahun 2019: Pengajian Malaysia 2 (pelajar tempatan) pada tahun 2019



Carta 2: Peratus gred keseluruhan bagi tahun 2019: Pengajian Malaysia 3 (pelajar antarabangsa) pada tahun 2019



Jika dilihat kepada topik-topik yang diajar kepada pelajar tempatan dan antarabangsa adalah sama. Cuma yang membezakan kedua-dua subjek ini adalah penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Antara faktor kenapa pelajar tempatan tidak dapat memahami dengan baik subjek ini adalah dengan alasan utama yang telah dijelaskan oleh penulis. Faktor pertama, pelajar tempatan kurang berminat dan alergik terhadap sejarah. Namun hal ini tidak perlu dijadikan alasan. Kerana subjek ini mudah difahami oleh pelajar antarabangsa walaupun mereka tiada informasi asas mengenai Malaysia. Jika dilihat dalam Carta 2, sebanyak 50 peratus pelajar antarabangsa berjaya mendapat gred A bagi subjek Pengajian Malaysia. Manakala, pelajar tempatan hanya 5.6 peratus sahaja (rujuk Carta 1). Oleh itu, sikap ambil mudah terhadap subjek ini oleh pelajar tempatan haruslah diubah kerana subjek ini merupakan mata pelajaran yang diwajibkan lulus di universiti ini.

Faktor kedua adalah penggunaan bahasa Melayu dalam subjek Pengajian Malaysia 2. Terdapat pelajar tempatan mengatakan mereka kurang memahami bahasa Melayu dan menjadikan medium bahasa Melayu sebagai alasan untuk tidak mahu mencuba. Hal ini dapat dibuktikan dalam hasil ujian lisan di mana terdapat pelajar tempatan yang hanya membaca teks dan tidak berlatih menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Apabila sesi soal jawab berlangsung, terdapat pelajar yang tidak mahu mencuba sehingga mempengaruhi markah ujian. Malah, ujian secara talian dengan menggunakan Google Form juga mendapat purata yang lebih rendah berbanding pelajar antarabangsa.

Begitu juga dengan peperiksaan akhir tahun di mana terdapat pelajar tempatan tidak menjawab soalan-soalan esei yang diberikan sehingga telah menjejaskan markah keseluruhan mereka. Namun, bagi kerja berkumpulan iaitu tugas kerja kursus, pujian harus diberikan kepada pelajar tempatan dengan hasil usaha dan kerjasama mereka dapat menghasilkan tugas yang baik. Justeru, hasil pembelajaran kursus ketiga berjaya dicapai bagi kedua-dua subjek pada tahun 2019 iaitu '(iii) membina hubungan dan interaksi sosial dalam kalangan pelajar'.

## **KAEDAH PEMBELAJARAN ABAD KE-21**

Penulis menggunakan pelbagai platform dalam mempelbagaikan kuliah selaras dengan kehendak universiti dan penerimaan pelajar abad ke-21. Berdasarkan pengalaman penulis yang pernah mengikuti kuliah di kampus pada awal era telefon pintar diperkenalkan, corak pendidikan penulis dan pelajar masa kini adalah berbeza. Penulis belajar menerusi kuliah yang diberikan oleh pensyarah di kelas dan juga mencari sumber tambahan daripada data perpustakaan. Namun, pelajar masa kini terlalu fokus dengan telefon pintar. Mereka lebih tertarik dengan media sosial, permainan digital dan aplikasi di telefon pintar sehingga kurang fokus kepada kuliah Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU), khususnya subjek Pengajian Malaysia. Ada yang beranggapan subjek ini dikatakan kurang menarik perhatian dan terdapat pengulangan topik. Malah, terdapat laporan tugas secara bertulis yang diberikan oleh pelajar sekadar hasil salinan daripada artikel di internet. Ini merupakan cabaran utama bagi pensyarah masa kini.

Oleh itu, untuk berdiri selari dengan pelajar, pensyarah juga perlu beradaptasi dengan aplikasi telefon pintar dan memasukkan aktiviti-aktiviti secara digital. Kaedah ini dinamakan sebagai Pembelajaran Abad Ke-21. Menurut Amran & Rosli (2017), pengadaptasian kaedah pembelajaran abad ke-21 akan meningkatkan dua kemahiran dalam kalangan pelajar iaitu kemahiran berfikir dan kemahiran teknologi. Pembelajaran abad ke-21 dilaksanakan secara menyeluruh di Malaysia bermula pada tahun 2015 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Amran & Rosli, 2017). Penulis tertarik dengan kaedah 4C yang diperkenal bagi pembelajaran abad ke-21 iaitu *Critical Thinking and Problem Solving* (Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah), *Communication* (Komunikasi), *Collaboration* (Kerjasama), dan *Creativity and Innovation* (Kreativiti dan Inovasi). National Education Association (2012) mengatakan kebolehan dalam menulis, membaca dan mengira adalah tidak cukup lengkap bagi pelajar untuk mencari peluang pekerjaan pada abad ke-21 ini, tanpa adanya kemahiran seperti penyelesaian masalah, kerjasama, komunikasi dan berfikir secara kritis.

Penulis mencadangkan para pensyarah untuk menggunakan penggabungan kaedah 4C dan aktiviti secara digital bagi menarik minat pelajar. Misalnya, penggunaan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah menerusi aplikasi Prezi, Kahoot!, Testmoz dan Quizizz. Selain itu, pelajar juga boleh meningkat tahap keyakinan diri dan tahap komunikasi melalui syarahan, debat atau forum dengan menggunakan aplikasi Zoom, Skype atau Microsoft Team. Pelajar juga boleh mengeratkan hubungan dan bekerjasama menjawab soalan menggunakan Padlet dan Coogole secara berkumpulan. Akhir sekali, pensyarah perlu menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan menghasilkan sesuatu yang baharu seperti komik atau info-grafik secara digital berdasarkan topik-topik yang diajar di kelas. Ini adalah antara aktiviti-aktiviti yang mampu membantu meningkat pemahaman dan kemahiran bagi setiap pelajar, serta menarik perhatian pelajar untuk kekal fokus mempelajari Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU).

Walau bagaimanapun menurut penulis, pembahagian Masa Pembelajaran Pelajar yang lebih lama untuk aktiviti antara pelajar semata-mata tanpa syarahan kuliah daripada pensyarah juga kurang membantu mereka dalam memahami subjek Pengajian Malaysia ini. Penulis pernah menerima komen yang diberikan oleh pelajar yang lebih suka mendengar kuliah berbanding mencari dan melakonkan situasi di hadapan kelas kerana terdapat lebih banyak informasi baharu yang dapat diterima oleh pelajar. Malah, terdapat beberapa ahli kumpulan pelajar yang dilihat tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk membenteng hasil aktiviti yang diberikan sehingga menyebabkan hasil pembelajaran tidak dapat dicapai. Ini diperakui dalam kajian Amran dan Rosli (2017) di mana guru menghadapi kesukaran untuk menghabiskan keseluruhan silibus disebabkan penggunaan masa yang lama untuk aktiviti bersama pelajar. Oleh itu, dalam mengadaptasikan pembelajaran abad ke-21 kepada pelajar, guru haruslah memahami terlebih dahulu kandungan mata pelajaran, pengaplikasian aktiviti dan teknologi yang digunakan (Amran & Rosli, 2017). Malah, mereka turut menegaskan bahawa kefahaman guru tentang kemahiran abad ke-21 juga perlu dipertingkatkan.

Menurut Yahaya et al. (2019) terdapat juga cabaran yang dihadapi oleh guru-guru masa kini yang kurang mengaplikasikan pembelajaran abad ke-21 kerana kekangan masa untuk merancang aktiviti yang bersesuaian dan menyediakan bahan pembelajaran kepada pelajar. Malah, masih ramai tenaga pengajar yang kurang memahami dan mengamalkan pembelajaran abad ke-21. Pada pandangan penulis kuliah daripada pensyarah bagi subjek Pengajian Malaysia adalah perlu diberikan dalam lingkungan masa satu jam dan sesi pembelajaran perlu diteruskan dengan aktiviti-aktiviti menarik di dalam kelas. Tidak hanya berfokuskan kepada penggunaan gajet dan aplikasi semata-mata, aktiviti tanpa menggunakan internet juga boleh dijalankan dalam bentuk forum, main peranan (*role play*), *gallery walk*, *hot chair*, menghasilkan pantun, bersyair dan berdebat. Malah, sesi wawancara atau temu bual bersama wakil-wakil kementerian, jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga boleh dijadikan sebagai salah satu cara untuk meningkat pengetahuan pelajar bagi subjek Pengajian Malaysia.

## **KESIMPULAN**

Dapat disimpulkan bahawa terdapat jurang perbezaan di antara prestasi peperiksaan bagi pelajar tempatan dan antarabangsa walaupun mereka mempelajari subjek yang sama. Hal ini menunjukkan pengetahuan asas bukanlah jaminan markah yang tinggi. Pandangan pelajar dalam menyamakan subjek Pengajian Malaysia dengan subjek Sejarah yang telah dipelajari di sekolah adalah tidak wajar. Penulis merasakan pendidikan asas Pengajian Malaysia ini merupakan satu inisiatif yang bagus dalam memupuk semangat cintakan tanah air dan menggalakkan perpaduan menerusi penghayatan ilmu-ilmu yang disampaikan oleh pensyarah. Malah ia juga merupakan informasi berguna kepada pelajar antarabangsa dalam memahami negara yang diduduki. Dalam masa yang sama, ia juga dapat mempromosikan Malaysia ke persada antarabangsa.

Untuk menolak alasan bahawa subjek ini kurang daya tarikan, pensyarah perlulah mempelbagaikan tugas dan aktiviti menarik di dalam kelas bagi menarik minat pelajar pada abad ke-21 ini. Namun, ianya perlulah selaras dengan Hasil Pembelajaran Khusus yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulis menyarankan supaya pensyarah tidak hanya fokus kepada syarahan kuliah semata-mata, malah menggalakkan pelajar memberikan hujahan dan ulasan mereka sendiri, serta bersama-sama membina interaksi sosial semasa kuliah dijalankan.

## RUJUKAN

- Ahmad, R., Hassan, H., & Bahari, A. (2013). Persepsi Mahasiswa Terhadap Isu-Isu Perpaduan: Kajian ke Atas Pelajar-pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). *Jurnal Personalia Pelajar*, 16 (2013): 15-24.
- Ahmad, Z. et al. (2017). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Selangor: Oxford Fajar.
- Amran, N., & Rosli, R. (2017). *Kefahaman Guru Tentang Kemabiran Abad Ke-21*. Retrieved from <http://conference.kuis.edu.my>
- Baharuddin, S. A. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Eow, Y. L. (2018). Penerapan kemahiran 4C dan pembudayaan amalan PAK-21 dalam PDPC Matematik tingkatan 1. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/329610969>
- Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Wan Mohamad, W. M. R. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 7(2): 77-88.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Buku Teks Sejarah Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Buku Teks Sejarah Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Buku Teks Sejarah Tingkatan 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Buku Teks Sejarah Tingkatan 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Buku Teks Sejarah Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). *Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua*. Malaysia: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Mak Din, H. A., Mohd Jodi, K.H, & Che Hussain, F. (2017). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus Pengajian Malaysia: kajian tinjauan di Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Jurnal Community*, 3(2): 171-179.
- National Education Association. (2012). *Preparing 21st century students for a global society: An educator's guide to "the four Cs"*. Washington, DC: Author. Retrieved from <http://www.nea.org/assets/docs/A-Guide-to-Four-Cs.pdf>
- Nordin, M., & Hussiin, H. (2018). *Malaysian Studies*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Nordin, M., & Hussiin, H. (2018). *Pengajian Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- Penninx, R., & Garcés-Mascareñas, B. (2016). *The Concept of Integration as an Analytical Tool and as a Policy Concept*. In: Garcés-Mascareñas B., Penninx R. (eds) *Integration Processes and Policies in Europe*. IMISCOE Research Series. Springer, Cham
- Raja Ismail, R. A., & Ismail, D. (2018). Aplikasi 'Konsep 4C' pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih pengajian agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1): 45-65.
- Yahaya, M., Hanafiah, R., Zakaria, N. S., Osman, R., & Bahrin, K. A. (2019). Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PDPC) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPDA*, 26(1): 13-24.

## **BAB 10**

### **APLIKASI KOMUNIKASI BAGI PEMBELAJARAN SUBJEK BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI IPTS SHAH ALAM**

Maliati Mohamad<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Management & Science University (MSU)

#### **PENGENALAN**

Bahasa dapat didefinisikan sebagai satu medium yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dan merupakan simbol untuk berkomunikasi. Menurut Azhar M. Simin (1988), bahasa juga membawa makna kesopanan dan ianya melibatkan komunikasi antara penutur dan pendengar dan kesopanan dalam berbahasa boleh membawa kepada keharmonian dalam komunikasi. Menurut Arba'ie Sujud, Che Ibrahim Salleh dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2007), setiap Kawasan yang mempunyai masyarakat akan mendorong berlakunya komunikasi antara individu dan juga masyarakat. Hubungan komunikasi ini juga penting kerana komunikasi dapat membawa kepada penyampaian idea pemikiran dan juga maklumat. Bagi Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad (2012) pula, bentuk komunikasi antara individu dan juga masyarakat berlaku berdasarkan konteks tertentu dan kebiasaannya ianya akan berlaku melalui komunikasi lisan. Kebiasaannya, komunikasi ini berlaku hanya melibatkan satu bahasa sahaja yang mana penutur dan pendengar mahir dalam bahasa yang digunakan itu. Hal ini demikian kerana kejayaan dalam berkomunikasi berlaku apabila penutur dan pendengar boleh memahami setiap perkara yang dipertuturkan. Selain itu, komunikasi yang berlaku dengan mudah dan lancar juga merupakan satu kejayaan dalam proses komunikasi.

Sebelum melihat dengan lebih mendalam tentang sejarah bahasa Melayu, terlebih dahulu akan diperjelaskan secara ringkas tentang asal-usul bangsa Melayu. Bangsa Melayu dikatakan berasal daripada kelompok bangsa Austonesia. Menurut Noriah Mohamed (1999), terdapat dua teori yang menyatakan tentang kedatangan bangsa Melayu ke kawasan Nusantara. Teori pertama menyatakan bangsa Melayu berasal dari Yunnan, China yang telah berhijrah ke kawasan Asia Tenggara. Kedatangan mereka ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti bencana alam, kekurangan bekalan makanan di tanah asal di samping untuk bermigrasi. Kedatangan bangsa Yunnan ini dikatakan berlaku secara berkelompok. Penghijrahan kelompok pertama dikenali sebagai Melayu Proto yang telah berhijrah pada tahun 2500 SM. Penghijrahan Melayu Proto ini telah mewujudkan penempatan di kawasan-kawasan pinggir sungai, lereng-lereng bukit, pinggir laut dan sebagainya. Hal ini demikian kerana kawasan-kawasan tersebut mempunyai sumber bekalan makanan yang banyak. Kemudian, berlaku pula penghijrahan kedua yang dikenali sebagai Melayu Deutro, juga dikenali sebagai Melayu muda. Kedatangan Melayu Deutro ke Asia Tenggara telah menyebabkan kaum Melayu Proto berpindah ke kawasan-kawasan pedalaman dan masih mengamalkan hidup secara nomad. Berbeza dengan Melayu Deutro yang mana mereka sudah mula hidup berkelompok (Asmah Haji Omar, 1985). Bangsa Melayu sekarang dikatakan berasal daripada kelompok Melayu Deutro ini. Teori kedua pula menyatakan bangsa Melayu ini sememangnya berasal daripada Nusantara yang merupakan tanah asal mereka, iaitu tidak berasal dari mana-mana, malah merupakan induk yang telah menyebar dan bermigrasi ke kawasan-kawasan yang lain.

## **BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DAN PERHUBUNGAN UMUM**

Seperti yang kita ketahui, bahasa Melayu telah mengalami zaman perkembangannya melalui tiga tahap, bermula dengan Bahasa Melayu Kuno (abad 7-13), Bahasa Melayu Klasik (abad 14-18) dan Bahasa Melayu Moden (abad 19-20) (Noriah Mohamed, 1999). Sebelum bahasa Melayu diiktiraf sebagai Bahasa Kebangsaan dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu sebelum ini telah menjadi salah satu bahasa lingua franca, yang digunakan oleh kebanyakan masyarakat dari seluruh dunia. Bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca bermaksud bahasa Melayu telah digunakan dalam semua aspek seperti pentadbiran, ekonomi, politik, agama dan sebagainya. Menurut Nazri Muslim, Zaharah Hassan dan Abdul Latif Samian (2011) setelah persetujuan perlembagan dibuat, bahasa Melayu telah diterima dan menjadi bahasa kebangsaan dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan disebabkan oleh majoriti penduduk di Malaysia bertutur dalam bahasa Melayu. Selain itu, perkara ini juga berkait dengan penggunaan bahasa dalam sesebuah masyarakat yang berbilang kaum dan etnik yang mana penggunaan sesuatu bahasa yang mudah difahami dapat mengelakkan daripada berlakunya salah faham dan pergaduhan antara kaum. Justeru, perjanjian tentang bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga telah dipersetujui dalam kontrak sosial iaitu selepas Tanah Melayu bebas daripada cengkaman penjajah. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2008) juga telah menyokong pendapat ini yang mana perjuangan terhadap bahasa Melayu juga berlaku seiring dengan perjuangan politik dalam usaha untuk membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah. Oleh hal yang demikian, Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan sendirinya menjadikan bahasa tersebut merupakan hak milik bagi semua warga masyarakat di Malaysia tanpa mengira kaum (Hasan Baseri Budiman, 2014).

Bahasa Melayu mempunyai fungsi dan peranannya dalam semua aspek, antaranya ialah fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Malaysia. Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sektor pendidikan telah menjadi teras kejayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Menurut Noraien dan Rohana (2015), kebanyakan penerbitan ilmiah oleh semua kluster menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium utama, tetapi masih tidak melemahkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sektor pendidikan bermula dalam Laporan Jawatankuasa Pelajaran Razak pada tahun 1956. Usul ini telah dimantapkan lagi dengan pengenalan Laporan Jawatankuasa Penyemakan Pelajaran Rahman Talib pada tahun 1960. Bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa ilmu setelah terbentuknya Akta Pelajaran 1961 yang menyebut bahawa:

*“Dan bahawasanya peruntukan selanjutnya adalah dikehendaki untuk menentukan agar dasar tersebut dilaksanakan secara berkesan, termasuk, khususnya peruntukan bagi perkembangan yang progresif bagi suatu sistem pelajaran dalam mana Bahasa Kebangsaan adalah menjadi bahasa pengantar utama.”*

(Sumber: Akta Pelajaran 1961)

Bahasa Melayu berperanan untuk menjadi satu bahasa yang cemerlang dalam pembinaan negara bangsa Malaysia terutama dalam bidang pendidikan. Dalam mengejar arus globalisasi yang pesat maju ke hadapan, elemen dan medium yang membantu dalam mencapai objektif ini ialah sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengantarnya. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sektor pendidikan sangat memberi impak yang positif dalam membentuk pelajar yang proaktif. Hal ini demikian kerana penggunaan bahasa yang mudah difahami dalam bidang pendidikan dapat mencapai objektif bagi proses pengajaran dan pembelajaran.

Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar juga merujuk kepada bahasa Melayu sebagai alat untuk berkomunikasi. Menurut A. Aziz Deraman (2006), kekuatan bahasa juga dapat meningkatkan kemajuan sesebuah peradaban atau tamadun. Bahasa rasmi merupakan medium dalam menyatukan masyarakat berbilang bangsa dan merupakan alat komunikasi utama masyarakat dalam sesebuah negara. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi merujuk juga kepada penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi lisan dan tulisan dalam semua urusan-urusan rasmi kerajaan dan juga sektor pendidikan. Fungsi sesuatu bahasa sebagai bahasa ilmu tercapai sekiranya bahasa tersebut mempunyai dua elemen penting iaitu keintelektualan dan kesempurnaan bahasa. Justeru, kedua-dua elemen ini wujud dalam bahasa Melayu kerana ia mampu untuk menyampaikan kesinambungan dan menyelesaikan kerumitan fikiran tanpa mengharungi pelbagai rintangan. Di samping itu juga, bahasa Melayu mempunyai ciri-ciri seperti kestabilan, kelenturan, kepelbagaian, keberkesanan dan keindahan.

### **MALAYSIA SALAH SEBUAH NEGARA YANG MENJADI TUMPUAN PELAJAR LUAR**

Pendidikan tinggi di Malaysia telah mengalami perubahan disebabkan oleh aspirasi pembangunan serta pasaran global. Melalui pelan strategik pendidikan tinggi negara, kerajaan ingin menarik pelajar antarabangsa terutama pelajar pasca siswazah untuk menyambung pelajaran di peringkat IPT di Malaysia. Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), kerajaan mensasarkan 250,000 pelajar antarabangsa ke Malaysia menjelang 2025 bagi setiap peringkat Pendidikan seperti IPTA, IPTA, sekolah antarabangsa dan sebagainya. Sistem Pendidikan tinggi Malaysia kini bersifat terbuka dan hub Pendidikan tinggi serantau, iaitu pelajar luar boleh belajar di IPT di Malaysia (Mohamad Kamal Harun, 2009). Menurut Verbik & Lasanowsky (2007), Malaysia merupakan salah sebuah negara yang tergolong dalam kelompok ketiga destinasi penting dalam dunia pendidikan tinggi. Hal ini demikian kerana pendidikan tinggi Malaysia telah berkembang pesat dan telah berjaya menyaingi sektor pendidikan tinggi di Amerika Syarikat yang merupakan peneraju destinasi pelajar antarabangsa. Salah satu sebab kejayaan Malaysia ini ialah terdapat banyak universiti luar negara telah menubuhkan kampus atau cawangan mereka di Malaysia (Chew et al. 2010).

Menurut Ka Ho Mok (2011), kebiasaannya pelajar luar memilih untuk belajar di sesebuah universiti disebabkan oleh persediaan tahap pendidikan yang lebih bermutu dan berkesan di samping ingin mencuba sesuatu yang baru seperti bahasa, untuk mencari pengalaman serta kenalan baru. Universiti-universiti swasta juga telah menjadi salah satu tempat tumpuan pelajar luar negara untuk menyambung pelajaran, antaranya ialah universiti swasta di Shah Alam. Menurut Abdul Rahim (2000), penglibatan sektor swasta dalam pendidikan sangat membantu kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan kerajaan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan. Hal ini demikian kerana terdapat peningkatan terhadap permintaan dalam bidang pendidikan terutama yang melibatkan kemasukan pelajar luar.

## **SUBJEK WAJIB DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara Malaysia dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia dan digunakan dalam pelbagai bidang di samping merupakan bahasa bagi semua kaum di Malaysia. Menurut Khuzaiton (2014), bahasa Melayu juga mempunyai peranan yang sangat penting dalam bidang pendidikan. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pengajian Tinggi telah menjalankan pelbagai inisiatif bagi memartabatkan kedudukan dan peranan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan. Justeru, kerajaan telah membuat Kajian Penggunaan Bahasa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan kerjasama penyelidik-penyelidik IPTA pada tahun 2010. Berdasarkan dapatan Kajian Penggunaan Bahasa IPTA tersebut, kerajaan telah mewujudkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi. Dalam ucapan YB Dato'Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia sempena majlis Pelancaran Pelan Tindakan Memartabat Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Institusi Pengajian Tinggi dan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2011, beliau berkata:

*“Usaha memartabatkan Bahasa Melayu tidak mungkin tercapai hanya dengan retorik dan semangat semata-mata. Justeru itu, sebagai tanda iltizam yang tinggi di peringkat kementerian ini, dalam majlis pada pagi ini, saya ingin mengumumkan beberapa langkah dan strategi yang akan kita laksanakan ke arah memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi iaitu:*

*PERTAMA, mewajibkan semua kursus wajib Universiti dikendalikan dalam Bahasa Melayu seperti Kursus Kenegaraan Malaysia, Tamadun Islam dan Tamadun Asia Tenggara, Hubungan Etnik dan lain-lain;*

*KEDUA, meletakkan sasaran 30% pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu bagi gugusan sains pada 2020. Dalam tempoh yang sama juga, kementerian juga meletakkan sasaran 70% pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu bagi gugusan sains sosial dan kemanusiaan;*

*KETIGA, mewajibkan pelajar-pelajar antarabangsa mengambil Kursus Bahasa Melayu Komunikasi;”*

Oleh itu, bagi merealisasikan usaha Kementerian Pengajian Tinggi ini dalam memartabatkan bahasa Melayu di IPT, Jabatan Pengajian Asas di universiti swasta di Shah Alam telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Kursus Bahasa Melayu kepada penutur asing di universiti tersebut. Kursus Bahasa Melayu Komunikasi 1 dan Bahasa Melayu Komunikasi 2 telah ditawarkan kepada pelajar antarabangsa pada setiap semester, iaitu sama ada semester panjang atau semester pendek. Kursus Bahasa Melayu Komunikasi bagi kedua-dua tahap ini telah diajar oleh pensyarah daripada bidang Linguistik.

## **LATAR BELAKANG PELAJAR ANTARABANGSA DI IPTS SHAH ALAM**

Seperti yang kita tahu, terdapat ramai pelajar antarabangsa telah melanjutkan pelajaran di universiti swasta di Shah Alam, Selangor. Pelajar-pelajar ini bukan sahaja menyambung pelajaran di peringkat ijazah sahaja, malah ramai juga di antara mereka menyambung pelajaran diperingkat asasi dan diploma. Kebanyakan pelajar antarabangsa yang menyambung pelajaran di universiti ini merupakan pelajar dari negara seperti Jepun, China, Korea Selatan, Jordan, Mesir, Portugal, Maldives dan sebagainya. Hal ini bermaksud pelajar dari lebih 30 buah negara telah berminat untuk belajar di universiti ini. Selain itu, pelajar yang datang ini bukan hanya terdiri daripada pelajar persendirian, malah juga terdiri daripada pelajar tajaan negara masing-masing. Pelajar-pelajar ini telah menyambung pengajian dalam bidang perubatan, kejuruteraan, hospitaliti, kedoktoran, pendidikan dan banyak lagi. Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi telah mewajibkan pengambilan Kursus Bahasa Melayu



Komunikasi kepada pelajar-pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di universiti kerajaan mahupun swasta. Kursus ini merupakan syarat wajib kepada mereka untuk bergraduasi. Justeru, pelajar-pelajar antarabangsa tidak boleh bergraduasi tanpa memenuhi syarat ini.

Penawaran kursus Bahasa Melayu Komunikasi kepada pelajar-pelajar antarabangsa bertujuan untuk memudahkan mereka berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Hal ini demikian kerana tidak semua masyarakat Malaysia boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Kepentingan pembelajaran bahasa Melayu ini dapat melancarkan aktiviti komunikasi harian seperti dalam urusan-urusan jual beli, pertanyaan arah, tempat dan sebagainya. Di universiti Shah Alam, subjek Bahasa Melayu Komunikasi ini terdiri daripada dua tahap iaitu subjek Bahasa Melayu Komunikasi 1 dan Bahasa Melayu Komunikasi 2. Penawaran subjek Bahasa Melayu Komunikasi 1 berfokus kepada pelajar-pelajar peringkat sijil, asasi dan diploma, manakala subjek Bahasa Melayu Komunikasi 2 ditawarkan kepada pelajar-pelajar peringkat ijazah. Kedua-dua subjek ini mempunyai perbezaan dari segi topik pembelajaran dan kerja kursus. Topik bagi subjek Bahasa Melayu Komunikasi 1 lebih mudah berbanding dengan subjek Bahasa Melayu Komunikasi 2. Hal ini demikian kerana tahap asasi dan diploma dengan ijazah adalah tidak sama. Menurut Maimunah dan Norizah (2003), pelajar-pelajar antarabangsa ini biasanya dapat menguasai bahasa lain iaitu bahasa antarabangsa, bahasa Inggeris. Apabila mereka menyambung pengajian di Malaysia, mereka perlu mempelajari dan menguasai bahasa Melayu untuk membolehkan mereka berkomunikasi serta berhubung dengan masyarakat tempatan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa mereka belajar bahasa Melayu ibarat “sambil menyelam minum air” kerana ianya bukan sahaja mempelajari bahasa Melayu untuk meneruskan dan menamatkan pengajian mereka malahan untuk berinteraksi dengan komuniti tempatan.

### **KEPENTINGAN MEMPELAJARI BAHASA ASING**

Marry Finnochiaro dan Michael Bonomo (1973) telah menggariskan lapan tujuan khusus dalam mempelajari bahasa asing:

- i. Untuk memahami bahasa asing apabila bertutur pada tahap biasa sesuatu perkara mengikut pengalaman yang dialami oleh pelajar itu sendiri;*
- ii. Untuk bertutur dengan berkesan bagi tujuan berhubung dengan penutur jati tentang sesuatu perkara mengikut pengalaman pelajar itu sendiri;*
- iii. Untuk membaca dengan memahami sepenuhnya tanpa memikirkan terjemahan dalam bahasa ibundanya sendiri;*
- iv. Untuk menulis dengan menggunakan bentuk asal atau tulen bahasa berkenaan;*
- v. Untuk memahami konsep linguistik iaitu ciri asal sesuatu bahasa dan fungsi system strukturnya;*
- vi. Untuk memahami melalui bahasa mengenai nilai-nilai semasa dan bentuk perlakuan masyarakat yang bahasanya sedang dipelajari;*
- vii. Untuk mendapat pengetahuan mengenai ciri-ciri penting kawasan atau negara yang bahasa berkenaan dituturkan (geografi, ekonomi, politik dan sebagainya). Dan*
- viii. Untuk memahami pengetahuan mengenai budaya sastera bernilai masyarakat yang bahasa ibundanya sedang dipelajari.”*

### **KURSUS BAHASA MELAYU YANG DITAWARKAN DI UNIVERSITI SHAH ALAM**

Di Malaysia, pelajar antarabangsa diwajibkan untuk mengambil kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan. Justeru, bagi memenuhi syarat Kementerian Pengajian Tinggi ini, Jabatan Pengajian Asas di universiti Shah Alam telah menyediakan sukatan kursus

Bahasa Melayu Komunikasi 1 dan Bahasa Melayu Komunikasi 2 untuk pelajar antarabangsa. Sukatan bagi subjek Bahasa Melayu Komunikasi dibuat berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan oleh KPT dan mengikut kesesuaian pelajar antarabangsa di universiti tersebut. Sukatan bagi subjek Bahasa Melayu Komunikasi untuk kedua-dua tahap ini tertumpu kepada skop penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Selain itu, kursus ini juga memberi penekanan mengenai bahasa Melayu dan kepentingannya dalam konteks masyarakat dan Malaysia. Melalui kursus ini, pelajar didedahkan dengan cara penulisan dan pertuturan dalam bahasa Melayu. Antara skop yang diketengahkan merangkumi sebutan dan intonasi yang betul, nombor, kata keterangan waktu, tatabahasa, diri saya, keluarga saya, kawan saya, perbualan harian dan juga tempat-tempat menarik di Malaysia. Mengikut KPT, kursus Bahasa Melayu Komunikasi ini dapat dikategorikan seperti di bawah:

- i. Bahasa Melayu Komunikasi 1 (MPU0013U1F)
- ii. Bahasa Melayu Komunikasi 1 (MPU1013U1)
- iii. Bahasa Melayu Komunikasi 2 (MPU2013U1)

Jabatan Pengajian Asas di universiti Shah Alam telah menggunakan tiga kategori subjek Bahasa Melayu Komunikasi seperti di atas. Di universiti Shah Alam, ketiga-tiga kursus ini ditawarkan mengikut tahap, iaitu bagi kursus Bahasa Melayu Komunikasi 1 (MPU0013U1F) ditawarkan kepada pelajar peringkat sijil dan asasi. Bagi kursus Bahasa Melayu Komunikasi 1 (MPU1013U1) di tawarkan kepada pelajar peringkat diploma, manakala kursus Bahasa Melayu Komunikasi 2 (MPU2013U1) di tawarkan kepada pelajar di peringkat ijazah. Ketiga-tiga kategori subjek ini mempunyai perbezaan dari segi skop dan topik pembelajaran. Perbezaan ini boleh di lihat seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Kurikulum bagi setiap kategori kursus Bahasa Melayu Komunikasi

<b>KURSUS / SUBJEK</b>	<b>SKOP / TOPIK PEMBELAJARAN</b>
Bahasa Melayu Komunikasi 1 (MPU0013U1F)	Bab 1: Bunyi dan Sebutan Bab 2: Diri, Kawan dan Keluarga Bab 3: Persekitaran <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti Harian</li> <li>• Negara Saya</li> <li>• Malaysia</li> <li>• Universiti Saya</li> </ul>
Bahasa Melayu Komunikasi 1 (MPU1013U1)	Bab 1: Bunyi dan Sebutan Bab 2: Diri, Kawan dan Keluarga Bab 3: Persekitaran <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti Harian</li> <li>• Negara Saya</li> <li>• Malaysia</li> <li>• Universiti Saya</li> </ul> Bab 4: Perbualan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbualan di Kafeteria</li> <li>• Perbualan di Pusat Membeli-belah</li> <li>• Perbualan pada waktu lapang</li> </ul>
Bahasa Melayu Komunikasi 2 (MPU2013U1)	Bab 1: Bunyi dan Sebutan Bab 2: Diri, Kawan dan Keluarga Bab 3: Persekitaran

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti Harian</li> <li>• Negara Saya</li> <li>• Malaysia</li> <li>• Universiti Saya</li> </ul> <p>Bab 4: Perbualan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbualan di Kafeteria</li> <li>• Perbualan di Pusat Membeli-belah</li> <li>• Perbualan pada waktu lapang</li> </ul> <p>Bab 5: Percutian</p>
--	---

Berdasarkan Jadual 1 di atas, kurikulum bagi setiap kategori subjek mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi topik dan sub topik. Contohnya, pelajar di peringkat sijil, asasi dan diploma tidak berfokus kepada pembelajaran tatabahasa yang mendalam berbanding pelajar di peringkat ijazah. Selain itu, pelajar di peringkat sijil dan asasi hanya berfokus kepada situasi perbualan yang mudah berkaitan dengan aktiviti harian bersama masyarakat Malaysia.

### **KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA**

Menurut Awang Sariyan (1995), proses pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing mempunyai cabaran yang agak berat dan susah berbanding dengan penutur bahasa ibunda dan penutur bahasa kedua. Di Malaysia, penutur bahasa ibunda terdiri daripada orang Malaysia dan penutur bahasa kedua terdiri daripada kaum India, Cina, etnik-etnik yang wujud di Malaysia seperti di Sabah dan Sarawak. Pengenalan terhadap bahasa Melayu ini sangat penting kerana masyarakat seperti di Eropah, Asia Timur atau Asia Tengah mungkin tidak pernah mendengar tentang kewujudan bahasa Melayu, namun kini bahasa Melayu telah diperkenalkan bukan sahaja di Asia Tenggara, tetapi juga di negara-negara seperti Eropah, Turki, Rusia, Kanada dan negara-negara maju yang lain. Tenaga pengajar bagi kursus Bahasa Melayu Komunikasi perlu mempunyai maklumat kontrastif, iaitu perlu mengetahui bahasa ibunda pelajar tersebut. Strategi ini sangat penting dalam proses pengajaran kerana pelajar akan lebih mudah memahami setiap perkataan bahasa Melayu dengan mudah kerana pengajar menterjemahkan maksud setiap perkataan ke dalam bahasa ibunda mereka.

Berdasarkan pengalaman saya sebagai tenaga pengajar bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa ini, khususnya pelajar dari negara China, hal ini telah membuktikan penguasaan bahasa ibunda pelajar tersebut memainkan peranan yang sangat penting sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Seperti yang kita ketahui, kebanyakan pelajar dari China tidak begitu mahir berbahasa Inggeris dan situasi ini telah menyebabkan mereka sukar untuk memahami apa yang diajar. Oleh itu, saya telah menggunakan bahasa Melayu dan bahasa mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan hasilnya, mereka mudah untuk memahami setiap perkataan bahasa Melayu di dalam kelas. Pengajar lebih berfokus kepada pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Bahasa Melayu Komunikasi. Menurut Khuzaiton (2014), pendekatan ini membolehkan pelajar asing berupaya untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan mudah apabila berinteraksi dengan komuniti tempatan. Selain itu, pelajar juga cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu di dalam kelas dan ini merupakan satu proses pembelajaran yang berkesan dalam mempelajari bahasa asing.

Penggunaan kaedah elektik juga telah dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Khaltum (2003) berpendapat bahawa kaedah elektik ini telah menggabungkan kaedah-kaedah seperti kaedah tatatabahasa terjemahan, kaedah terus, kaedah dengar dan ajuk, kaedah khusus serta kaedah terjemahan. Contohnya, kaedah terus berfokus kepada pembelajaran sebutan, kaedah terjemahan berfokus kepada penerangan makna kata, kaedah dengar dan ajuk berfokus kepada binaan ayat dan kaedah khusus digunakan berfokus kepada pengajaran bacaan dan tatabahasa. Kaedah ini bukan berfokus kepada satu kaedah sahaja, malah telah menggabungkan pelbagai kaedah yang boleh meningkatkan kualiti pembelajaran di dalam kelas. Kaedah ini merangkumi empat kemahiran bahasa yang sangat dititikberatkan dan berperanan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa iaitu kemahiran bertutur, mendengar, menulis dan membaca. Pada peringkat permulaan, pengajar menggunakan kaedah mudah seperti latihan mendengar diikuti latihan menyebut bunyi vokal dan konsonan bahasa Melayu. Kemudian, pelajar diajar untuk membaca suku kata bahasa Melayu. Penguasaan bacaan suku kata sangat penting kepada penutur asing yang ingin belajar bahasa Melayu kerana mereka akan membaca dan menyebut perkataan dengan betul dan tepat. Pada peringkat pertengahan pula, pelajar akan didedahkan dengan pengajaran asas kepada tatabahasa dan penulisan ayat mudah. Selain itu, pelajar akan didedahkan dengan latihan bacaan dan menguji tahap kefahaman mereka tentang setiap perkataan yang dibaca oleh mereka. Selain itu, mereka juga perlu merujuk kamus bahasa Melayu untuk mencari makna bagi setiap perkataan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana rujukan kamus bahasa Melayu sangat membantu pelajar untuk menguasai makna setiap perkataan yang lebih mudah. Pada peringkat akhir, pelajar akan didedahkan dengan aktiviti berkomunikasi dengan pelajar-pelajar lain menggunakan bahasa Melayu. Latihan perbualan agak mencabar bagi para pelajar kerana mereka perlu menggunakan kosa kata yang bersesuaian dan mengemukakan idea berdasarkan topik sewaktu proses perbualan tersebut.

Selain daripada pendekatan dan kaedah pembelajaran yang telah dibincangkan di atas, pembahagian kerja kursus juga memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajar telah menyediakan pelbagai jenis dan bentuk kerja kursus kepada pelajar. Pembahagian kerja kursus ini telah dibahagi kepada tugas, ujian dan peperiksaan akhir. Tugas bagi subjek ini terbahagi kepada dua iaitu tugas satu dan tugas dua, manakala ujian pula terbahagi kepada dua iaitu ujian mendengar dan ujian lisan. Antara tugas yang telah digunakan dalam subjek ini ialah pengucapan awam, penghasilan kamus bahasa Melayu, buku skrap, aktiviti inap desa, khidmat masyarakat, penghasilan video dan sebagainya.

## **PERBINCANGAN**

Hasil pembelajaran bagi kursus Bahasa Melayu Komunikasi 1 dan Bahasa Melayu Komunikasi 2 bagi pelajar antarabangsa di universiti Shah Alam telah membantu mereka menguasai bahasa Melayu dalam komunikasi harian terutama di sekitar universiti. Hal ini terbukti apabila pensyarah membuat penilaian dan pemerhatian terhadap pelajar-pelajar yang telah dan sedang mengambil kursus ini. Pemerhatian dibuat dengan mengadakan aktiviti komunikasi antara pelajar dengan pelajar dan pelajar dengan pensyarah. Hasil daripada pemerhatian tersebut, didapati para pelajar berjaya mengaplikasikan asas-asas bahasa Melayu dalam perbualan. Memang tidak dinafikan, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di universiti Shah Alam mempunyai tahap perbezaan. Sebagai contoh, pelajar daripada Filipina, Brunei, Singapura dan Indonesia lebih mudah untuk menguasai bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana bahasa ibunda di negara-negara tersebut termasuk dalam satu rumpun yang sama dengan bahasa Melayu di Malaysia.

Namun demikian, bagi pelajar-pelajar dari negara-negara lain seperti China, Jepun, Korea Selatan, Mesir, Arab, Portugal, United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara-negara lain tidak menghalang mereka daripada menguasai bahasa Melayu walaupun bahasa ibunda mereka sangat berbeza dengan bahasa ibunda di Malaysia. Memang tidak dinafikan, untuk menguasai bahasa Melayu mengambil masa yang agak lama, namun kebanyakan pelajar ini menunjukkan hasil yang positif setelah empat hingga lima minggu mengikuti kelas bahasa Melayu. Selain itu, penilaian dan pemerhatian juga dibuat sewaktu pelajar menduduki ujian seperti ujian mendengar dan ujian lisan. Melalui ujian yang dibuat, kebanyakan pelajar berjaya mendapat skor yang tinggi serta mampu menghasilkan perbualan yang menarik antara mereka semasa ujian lisan berlangsung. Selain tahap penguasaan yang memuaskan dalam komunikasi, pelajar-pelajar ini juga dapat membaca bahan dalam bahasa Melayu dengan betul dari segi sebutan dan intonasi. Kebanyakan pelajar juga berjaya menguasai kemahiran menulis dan mengeja dalam bahasa Melayu dengan bagus dan berkesan.

Seperti yang kita ketahui, pelajar asing yang mendapat skor tinggi dalam semua kerja kursus dan gred yang bagus sewaktu peperiksaan akhir telah menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang efektif. Mereka juga banyak mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu di luar kelas, bukan hanya di dalam kelas sahaja. Hal ini bersesuaian dengan kajian yang dibuat oleh Baharin (2000) yang berpendapat bahawa terdapat hubungan signifikan antara kemahiran dengan pencapaian pelajar. Pelajar asing memilih strategi pembelajaran bahasa berkesan yang bersesuaian dengan diri mereka. Zamri (2004) juga menyatakan bahawa pelajar yang berprestasi tinggi bahasa Melayu akan menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang berkesan semasa belajar bahasa Melayu sama ada di dalam kelas, luar kelas mahupun sewaktu peperiksaan.

## **KESIMPULAN**

Penawaran kursus wajib Bahasa Melayu Komunikasi 1 dan Bahasa Melayu Komunikasi 2 kepada pelajar antarabangsa di universiti Shah Alam telah membantu pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Walaupun tahap penguasaan bahasa Melayu tersebut tidak begitu bagus, namun mereka masih boleh memahami sesetengah perbualan yang berlangsung. Kebanyakan pelajar yang mengambil kursus ini terdiri daripada pelajar semester satu dan dua dan mereka masih lemah dalam menguasai bahasa Melayu. Mereka ini perlu dilatih untuk menggunakan bahasa Melayu dan perlu diberi sokongan serta dorongan dalam mempelajari bahasa Melayu supaya mereka berminat untuk mempelajari bahasa Melayu dengan baik. Sekiranya pelajar antarabangsa tidak mempunyai motivasi dan tidak berminat untuk mempelajari bahasa Melayu, maka mereka tidak akan berjaya menguasai bahasa Melayu sehinggalah sesi kelas berakhir. Oleh itu, pensyarah perlu memainkan peranan yang penting untuk menarik minat mereka dalam usaha mendalami dan mempelajari bahasa Melayu sehingga mereka mahir dan fasih berbahasa Melayu. Kita juga perlu menunjukkan kepentingan bahasa Melayu dalam semua bidang serta membuktikan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang sangat utuh setanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia.

## **RUJUKAN**

- A.Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu Dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahim. (2000). *Wawasan Dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributors.

- Arba'ie Sujud, Che Ibrahim Salleh dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2007). *Bahasa Verbal dan Non-verbal Sebagai Cerminan Masyarakat dalam Novel-novel Melayu*. Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 18:1-24.
- Asmah Hj. Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1995). *Pengantarabangsaan Bahasa Melayu melalui Institusi Pendidikan Tinggi: Pengalaman ULAM*. Kertas kerja Kongres Bahasa Melayu Sedunia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 21 – 25 Ogos 1995.
- Azhar M. Simin, (1988). *Discourse-syntax of "Yang" in Malay (Bahasa Malaysia)*. Diterjemahkan oleh Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharin Abu. (2000). *Teaching Effectiveness and Staff Professional Development Programmes in HEI in Malaysia*. Doctoral Thesis. The University of Birmingham, UK.
- Chew FC, Russayani Ismail, Eam LH. (2010). *Factors Affecting Choice for Education Destination: A Case Study of International Students at Universiti Utara Malaysia*. Related Article
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Zaharani Ahmad. (2012). *Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrato Menerusi Pengimbangan dan Peminjaman Kata*. GEMA Online Journal of Language Studies. Jilid 3(12):885-901.
- Hassan Baseri Budiman. (2014). *Wakil Rakyat dan Bahasa Melayu*. Dewan Masyarakat. Vol. 3, 50-51.
- Ka Ho Mok. (2011). *The Quest for Regional Hub of Education: Growing Hierarchies, Organizational Hybridization, and New Governance in Singapore and Malaysia*. Journal of Education Policy 26 (1), 61-8.
- Kalthum Ibrahim. (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing: Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia*. Dlm. Atiah Hj.Mohd Salleh dan Ramlah Muhamad (pnyt.). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maimunah Haji Omar dan Norizah Ardi. (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Pengalaman Perancis dan Finland*. Dlm. Atiah Hj.Mohd Salleh dan Ramlah Muhamad (pnyt.). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marry Finocchiaro dan Michael. (1973). *The Foreign Language Learner: A Guide for Teachers*. New York: Regents Publishing Company, Inc.
- Mohamad Kamal Harun. (2009). *International Student Mobility & the 'UiTM Study Abroad' Programme, Seminar on Employability Enhancing Graduate Employability: Issues, Concerns & The Way Forward*, pp. 21 – 22. UiTM, Shah Alam.
- Nazri Muslim, Zaharah Hassan dan Abdul Latif Samian. (2011). *Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan dan Peranannya dalam Konteks Komunikasi Perpaduan*. Sari- International Journal of the Malay World and Civilization. Jilid 29(1):103-120.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraïen Mansor & Noor Rohana Mansor. (2015). *Penerbitan Ilmiah Bahasa Melayu dalam Kalangan Ilmuan Negara*. Journal of Business and Social Development. Vol. 3, 25-32.
- Noriah Mohamed. (1999). *Sejarah Sociolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Verbik L, Lasanowski V. (2007a). *International Students' Mobility: Patterns and Trends*. World education news and reviews, World Education Services.
- Yah Awg Nik Khuzaiton Zakaria Arifuddin Abdullah (2014). *A Guide To Simple Grammar*. Pearson: Universiti Malaysia Kelantan.
- Zamri Mahamod. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **BAB 11**

### **PANDANGAN PELAJAR DIPLOMA BAHASA ARAB TERHADAP KAEDAH PENGAJARAN SEBAGAI FAKTOR PENINGKATAN KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

Mohamad Rofian Ismail,<sup>1</sup> Ahmad Redzaudin Ghazali,<sup>1</sup> Khairatul Akmar Abdul Latif,<sup>1</sup>  
Fahed Maromar,<sup>1</sup> Saupi Man<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),

<sup>2</sup> Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

#### **PENGENALAN**

Kaedah pengajaran memainkan peranan penting dalam penyampaian ilmu pengetahuan secara berobjektif dan berkesan. Ia merupakan salah satu elemen penting kurikulum selain matlamat, isi kandungan silibus dan penilaian.

Setiap subjek atau matapelajaran mempunyai kaedah pengajaran yang tersendiri. Ia tidak bergantung kepada satu-satu kaedah semata-mata, namun kepelbagaian dalam penggunaan kaedah pengajaran didapati mekanisma yang paling idea dalam penyampain ilmu pengetahuan kepada pelajar secara efisien dan sistematik. Penggunaan kaedah pengajaran juga perlu diberi penekanan agar pemilihan kaedah tersebut selari dengan matlamat dan objektif sesuatu subjek yang diajar.

Kemahiran menulis bahasa Arab merupakan subjek asas yang dipelajari khusus oleh pelajar peringkat universiti, lebih-lebih lagi bagi mereka yang mempelajari program pengajian bahasa Arab di peringkat asasi, diploma mahupun sarjana muda. Rata-rata pelajar peringkat universiti di Malaysia sejak sepuluh tahun lalu kurang memahami subjek kemahiran menulis bahasa Arab terutama kemahiran menulis peringkat tinggi yang melibatkan binaan ayat dan penulisan karangan. Isu ini berlaku antaranya berpunca daripada masalah penggunaan kaedah pengajaran yang kurang sesuai dan berkesan dalam kalangan pensyarah. Perkara ini dinyatakan dalam banyak kajian-kajian lepas seperti kajian Azizan et al. (2014), kajian Amar (2019), dan yang terkini kajian Ismail et al. (2020). Dapatan dari kajian-kajian ini menunjukkan isu yang berkaitan kaedah pengajaran kemahiran menulis ini tidak ada tanda-tanda akan berakhir malahan ia menjadi semakin serius dan kritikal.

Justeru, kajian berkaitan kaedah pengajaran menulis bahasa Arab ini perlu diberikan penekanan dan perlu diutamakan agar isu-isu berkaitan dengan pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dalam kalangan tenaga pengajar dan masalah kelemahan pelajar disebabkan oleh kaedah pengajaran yang kurang berkesan dapat diberi pendedahan yang sewajarnya.

#### **LATARBELAKANG KAJIAN**

Kajian berkaitan kaedah pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab di peringkat universiti ini adalah sebahagian kecil dapatan daripada geran penyelidikan dan inovasi yang ditaja oleh Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada tahun 2019. Kajian ini dijalankan bagi menyokong dan memperkuatkan dapatan sedia ada di bawah tajuk faktor-faktor yang

mempengaruhi kelemahan pelajar diploma bahasa Arab dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

Pemilihan kaedah pengajaran untuk sesuatu subjek memerlukan penelitian yang mendalam bagi memastikannya bertepatan dan sepadan dengan ciri-ciri modul yang dibangunkan. Selain itu, pemilihan kaedah pengajaran modul yang sesuai dapat memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai objektif yang digariskan. Menurut Mamat dan Ismail (2010) kaedah pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Guru boleh menggunakan beberapa panduan sebelum mengaplikasikan sesuatu kaedah pengajaran, antaranya ialah kaedah mestilah sepadan dengan tujuan dan matlamat pelajaran. Selain itu, kaedah mesti sejajar dengan objektif pelajaran yang hendak dicapai. Tambahan pula, kaedah juga haruslah sesuai dengan ciri-ciri (*nature*) pelajaran yang diajar. Selanjutnya, kaedah mesti sepadan atau setara dengan umur pelajar kaedah itu mestilah yang boleh atau mampu diaplikasi oleh guru yang mempunyai masa yang cukup untuk mengaplikasikan kaedah berkenaan.

Ironinya, bagi melihat subjek kemahiran menulis Bahasa Arab diajar menggunakan kaedah yang sesuai, beberapa pengkaji dan pakar pendidikan telah mencadangkan agar beberapa kaedah pengajaran kemahiran menulis digabungkan bagi membentuk satu kaedah yang sesuai, mantap dan berkesan. Kaedah ini dinamakan kaedah eklektik. Menurut Lubis et al. (2016) kaedah eklektik sistematik lebih berkesan berbanding dengan kaedah pengajaran kemahiran bahasa Arab yang lain. Hal ini kerana kaedah Eklektik Sistematik mampu merangsang para pelajar untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa.

Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi melihat sejauhmana pengetahuan pensyarah tentang kaedah pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab selain meninjau ciri dan corak kaedah pengajaran yang diaplikasikan dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam subjek penulisan diperingkat diploma.

## **PERBINCANGAN LITERATUR**

Bahasa Arab merupakan bahasa asing digunakan dalam kalangan bukan penutur Arab di Malaysia. Proses pengajaran bahasa ini memerlukan kaedah dan teknik yang sesuai dan berkesan.

Johar dan Hanum (2016) menyatakan kaedah pengajaran merupakan cara atau perancangan yang diatur oleh guru sebelum memasuki kelas dan dilaksanakannya semasa sesi pengajaran. Pendapat Ini disokong oleh Ismail et al. (2020) yang mengatakan kaedah pengajaran adalah meliputi empat perkara. Perkara pertama iaitu digunakan oleh guru semasa sesi pembelajaran berlaku. Perkara lainnya iaitu bertujuan untuk merealisasikan matlamat yang dibentuk, melalui cara yang mudah difahami dan dalam lingkungan masa yang singkat.

Terdapat tiga faktor menurut Mukhtar dan Damit (2017) yang menjadi keutamaan para guru dalam menyampaikan pengajaran. Faktor pertama iaitu dengan memberi perhatian kepada kumpulan sasaran (مجمع اللغة). Faktor kedua dan ketiga iaitu tahap pelajar (مستوى)

(الدارسين) dan tahap penguasaan mereka dalam bahasa Arab (مستوى اللغة). Memberi perhatian kepada kumpulan sasaran bermaksud peka dengan keadaan kumpulan sasaran. Pemerhatian tersebut merangkumi demografi dan latarbelakang pelajar iaitu pelajar yang terdiri daripada kumpulan yang berbeza dari sudut sosio ekonomi dan tahap penguasaan bahasa Arab.



Abdullah (2016) menyatakan antara ciri-ciri pengajaran yang berkesan ialah pengajaran berpusat kepada pelajar, penggunaan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran. Pendapat ini selari dengan Febrian et al. (2017). Beliau menyatakan bahawa pensyarah hendaklah mempunyai pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang boleh digunakan dalam situasi yang berbeza dan pelajar yang berbeza.

Di Malaysia, bahasa Arab dikategorikan sebagai bahasa asing sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) telah memperkenalkan dua bentuk kurikulum Bahasa Arab Kebangsaan yang dikenali sebagai Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dan Bahasa Arab Tinggi (BAT). Justeru, pendekatan komunikatif dalam pengajaran diperkenalkan selaras dengan perkembangan terkini dalam kaedah pengajaran bahasa asing. Tu'imah (1997) menyatakan terdapat lima kaedah pengajaran Bahasa Arab yang sering digunakan.

1. Kaedah Nahu dan Terjemahan. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling popular dalam pengajaran bahasa asing. Kaedah ini mementingkan kemahiran membaca, menulis dan menterjemah dengan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.
2. Kaedah Terus. Kaedah ini tidak menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, sebaliknya menggunakan terus bahasa asing dalam proses pengajaran. Tujuan utamanya untuk meningkatkan keupayaan pelajar berfikir dalam Bahasa Arab.
3. Kaedah Aural-Oral. Kaedah ini lebih menumpukan aspek bertutur dan mendengar dengan menggunakan pelbagai kaedah. Tujuan utamanya ialah untuk meningkatkan keupayaan bahasa pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab untuk berkomunikasi dengan penutur jati.
4. Kaedah Pembacaan. Kaedah ini menumpukan kepada kemahiran membaca. Kaedah ini membantu pelajar membaca dengan pantas dan menguasai maklumat dengan lebih mendalam.
5. Kaedah Kod-Kognitif. Kaedah ini mementingkan pengetahuan dan pemahaman tentang struktur bahasa.
6. Dalam mempelajari Bahasa Arab, latihan, aplikasi dan komunikasi amat diperlukan. komunikasi perlu wujud antara guru dengan pelajar, antara pelajar dengan rakan-rakan dan antara pelajar dengan masyarakat.

Bagi memudahkan proses pembelajaran terutama sekali melibatkan kemahiran bahasa, guru haruslah memainkan peranan sebagai pemudah cara. Guru mestilah memahami selok belok pengajaran dan pembelajaran bahasa supaya mampu menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Justeru, dengan perkembangan dan perubahan sistem pendidikan negara mendorong para guru mempertingkatkan bentuk pengajaran mereka. Peningkatan ini bertujuan untuk menjadikan pelajar lebih kreatif dan proaktif. Oleh itu, perubahan kaedah pengajaran secara tradisional yang berpusatkan guru kepada kaedah terkini yang berpusatkan pelajar amat diperlukan.

Dalam konteks ini, guru perlu merancang dan menyediakan dengan baik aktiviti pengajaran bersesuaian dengan tujuan, suasana dan kaedah pengajaran. Justeru, guru harus menguasai

kaedah pengajaran yang lebih bersistem, dinamik dan dapat menarik minat pelajar. Pendekatan yang memotivasikan pelajar akan menjadikan mereka lebih berminat terhadap sesuatu pengajaran. Bagi meningkat keberkesanan pembelajaran pelajar, penglibatan pelajar dalam aktiviti bilik darjah dan latihan akademik adalah penting. Penglibatan yang positif dalam aktiviti bilik darjah mempunyai hubungan dengan pencapaian ujian pengesanan pelajar.

Selain itu, pengajaran melibatkan kemahiran menulis juga hendaklah melibatkan kemampuan mengungkap iaitu memilih perkataan yang betul dan menyusun mengikut susunan yang betul bagi menggambarkan makna yang diungkapkan (Hassan dan Rahman, 2021). Oleh itu, Ibrahim (2021) mendapati dalam kajian mereka bahawa pendedahan yang mencukupi amat membantu bagi meningkatkan kemahiran menulis pelajar kepada tahap yang memuaskan. Pendedahan yang berterusan perlu diberikan kepada pelajar kerana kemahiran menulis merupakan satu proses yang kompleks dan ia perlu dilaksanakan dengan menjalani proses dan tahap secara sistematik sebagaimana yang ditekankan oleh Hassan dan Rahman (2021) dalam kajiannya.

Para guru perlu mengajarkan kemahiran menulis dengan menggunakan pelbagai pendekatan, teknik atau strategi yang mengutamakan ciri-ciri pembelajaran aktif, seperti menggunakan pendekatan pembelajaran 'Ceria, Bermain dan Belajar Lebih' (Peter et al. 2010). Pendekatan pengajaran ini dicadangkan penggunaannya dengan tujuan untuk mengelakkan agar pengajaran menulis tidak membosankan murid (Jamian & Ismail, 2016). Antara pendekatan yang boleh digunakan oleh guru ialah pendekatan penulisan bebas dan pendekatan proses.

### **PENDEKATAN PENULISAN BEBAS**

Pendekatan ini mempunyai keunikannya yang tersendiri. Ia berdasarkan kepada pendekatan pengajaran secara langsung dalam pengajaran bahasa. Secara teorinya pendekatan ini hampir sama iaitu pelajar dibiarkan bebas menulis dalam pembelajaran kemahiran penulisan. Kesalahan bahasa tidak diberi penekanan atas alasan pelajar akan memperbaikinya sendiri melalui pengetahuan mereka terhadap ilmu Nahu. Guru juga tidak membetulkan kesalahan pelajar walaupun kerja-kerja mereka dikumpul oleh guru.

Selain daripada menulis, pelajar dikehendaki membaca apa yang ditulis di hadapan rakan-rakannya. Diharapkan kesedaran pelajar tinggi untuk membuktikan keupayaannya menulis tanpa melakukan kesilapan apabila dikehendaki membaca hasil tulisannya itu di hadapan pelajar lain. Pendekatan ini merujuk kepada teori pembetulan sendiri oleh pelajar.

Dengan menggunakan pendekatan ini, kuantiti penulisan pelajar akan meningkat berbanding lain-lain pendekatan. Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat juga guru yang menggunakan pendekatan ini. Berbeza dengan guru yang memeriksa dan membetulkan kesilapan pelajar. Tindakan ini menyebabkan pelajar "lepas tangan" kerana mereka menyedari ada pihak yang akan membetulkan kesilapan mereka.

## PENDEKATAN PROSES

Pendekatan ini melihat proses penulisan sebagai elemen yang lebih penting dalam memahirkan seorang pelajar. Persoalan yang sering diberi penekanan adalah: Bagaimana saya dapat menulis tajuk ini; dan bagaimana saya memulakannya; dan apakah proses untuk mencapai hasil penulisan yang baik. Biasanya, pengajaran dibahagikan kepada beberapa bahagian: 1) Sebelum; 2) Semasa; dan 3) Selepas penulisan. Aktiviti sebelum penulisan ialah perbincangan isi topik; bacaan bahan yang berkaitan sambil menganalisis bentuk tulisan artikel tersebut, turutan idea, penggunaan mekanisma bacaan dan tatabahasa; sumbang saran yang merangkumi pemilihan perkataan, frasa, idea-idea yang timbul tanpa menekankan kepada ketepatannya dengan topik yang dibincangkan dan membuat senarai idea atau isi penting. Dalam pendekatan ini, hasil penulisan pelajar tidak diperiksa bagi menentukan kesalahan pelajar.

Sesuatu tulisan ditulis melalui beberapa proses yang dikenali dengan draf. Dalam proses draf ini, pelajar akan menunjukkan hasil tulisannya kepada guru dan rakan, membincangkannya dan menulisnya semula. Inilah yang dikatakan pendekatan proses. Dua elemen penting yang perlu diberi penekanan oleh guru apabila menggunakan pendekatan ini ialah masa kepada pelajar menulis draf esei dan maklumbalas oleh guru dan rakan terhadap draf yang ditulis oleh pelajar. Dengan cara ini, pelajar merasai proses penulisan mereka sebagai satu proses menerokai idea dan juga proses menerokai bentuk penulisan baru untuk menyalurkan idea mereka.

Dapat disimpulkan di sini bahawa pendekatan-pendekatan tersebut merupakan lanjutan daripada kaedah-kaedah pengajaran bahasa itu sendiri. Guru-guru yang biasa dengan kaedah Nahu Terjemahan umpamanya, mungkin cenderung untuk menggunakan Pendekatan Berstruktur (*Structural Approach*) yang memberi penekanan kepada struktur ayat bahasa Arab. Selain dari itu, perlu ditegaskan di sini, guru boleh menggunakan gabungan kaedah-kaedah yang telah dicadangkan sekiranya mereka berpandangan pendekatan sedemikian lebih sesuai. Pendekatan ini dinamakan kaedah Pilihan (*Electic Approach*) iaitu guru memilih gabungan lebih dari satu kaedah atau pendekatan yang sesuai dan efektif dengan subjek yang diajar.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif. Sebanyak 140 orang responden dipilih sebagai sampel kajian daripada empat buah universiti awam iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (90 orang), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (25 orang), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (9 orang), dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (16 orang). Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan diagihkan kepada responden kajian. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Product and Service Solutions (SPSS)* versi 22.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis diskriptif mudah iaitu *skor min analysis*. Pengkaji memilih interpretasi skor min yang biasa digunakan oleh Jamil Ahmad (1993) dalam proses analisis, seperti yang ditunjukkan pada jadual 1.0 berikut.

Jadual 1.0: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 3 Tahap Skala *Likert*

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana

**ANALISIS KAJIAN**

Analisis skor min telah dijalankan ke atas item-item yang berkaitan dengan domain faktor kaedah pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan kekerapan, peratusan dan nilai min yang diperolehi untuk setiap 10 item yang dikaji.

Jadual 1.1 : Min Dan Sisihan Piawai Faktor Kaedah Pengajaran Kemahiran Menulis

Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Pensyarah amat berpengetahuan dengan kaedah kemahiran menulis yang diajar.	0 0%	0 0%	10 7.1%	63 45.0%	67 47.9%	4.407	.6220	Tinggi
Kemahiran menulis diberi perhatian berbanding kemahiran bahasa yang lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.	0 0%	4 2.9%	38 27.1%	71 50.7%	27 19.3%	3.864	.7511	Tinggi
Kaedah pengajaran yang digunakan pensyarah membantu saya dalam memahami subjek kemahiran menulis.	0 0%	1 0.7%	25 17.9%	81 57.9%	33 23.6%	4.042	.6664	Tinggi
Pensyarah turut menggunakan alat bantu mengajar semasa mengajar kemahiran menulis.	0 0%	1 0.7%	30 21.4%	72 51.4%	37 26.4%	4.035	.7138	Tinggi
Pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran semasa mengajar kemahiran menulis.	1 0.7%	1 0.7%	27 19.3%	75 53.6%	36 25.7%	4.028	.7388	Tinggi
Pensyarah menggalakkan penyertaan pelajar	1 0.7%	3 2.1%	20 14.3%	77 55%	39 27.9%	4.071	.7552	Tinggi

dalam perbincangan semasa sesi pembelajaran kemahiran menulis.								
Pensyarah menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa mengajar kemahiran menulis.	1 0.7%	14 10%	35 25%	72 51.4%	18 13.3%	3.657	.8547	Sederhana
Pensyarah akan membantu pelajar di dalam atau di luar bilik darjah (masa konsultasi) sekiranya terdapat topik kemahiran menulis yang tidak difahami.	0 0%	2 1.4%	13 9.3%	91 65%	34 24.3%	4.121	.6171	Tinggi
Kaedah pengajaran kemahiran menulis yang digunakan pensyarah menyebabkan pelajar aktif (utk. bertanya dll.) di dalam bilik darjah, menarik dan kreatif.	0 0%	5 3.6%	27 19.3%	77 55%	31 22.1%	3.957	.7478	Tinggi
Pensyarah menggunakan sepenuh masa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis.	2 1.4%	6 4.3%	31 22.1%	77 55%	24 17.1%	3.821	.8159	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.00</b>	<b>0.728</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 1.1 memaparkan setiap item bagi domain kaedah pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab mengikut persepsi pelajar berada pada tahap yang tinggi. Nilai skor min keseluruhan untuk domain yang mengandungi 10 item yang dikaji ini berada pada interpretasi min yang tinggi iaitu 4.00 (SP=0.728).

Terdapat sembilan item memperoleh nilai skor min yang tinggi iaitu pensyarah amat berpengetahuan dengan kaedah kemahiran menulis yang diajar (Min=4.407, SP=0.6220), Kemahiran menulis diberi perhatian berbanding kemahiran bahasa yang lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Min=3.864, SP=0.7511), kaedah pengajaran yang digunakan pensyarah membantu saya dalam memahami subjek kemahiran menulis (Min=4.402, SP=0.6664), pensyarah menggunakan alat bantu mengajar semasa mengajar kemahiran menulis (Min=4.035, SP=0.7138) dan pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran semasa mengajar kemahiran menulis (Min=4.028, SP=0.7388).

Item-item yang berikutnya adalah pensyarah menggalakkan penyertaan pelajar dalam perbincangan semasa sesi pembelajaran kemahiran menulis (Min=4.071, SP=7552), pensyarah akan membantu pelajar di dalam atau di luar bilik darjah (masa konsultasi) sekiranya terdapat topik kemahiran menulis yang tidak difahami (Min=4.121, SP=0.6171), kaedah pengajaran kemahiran menulis yang digunakan pensyarah menyebabkan pelajar aktif (utk. bertanya dll.) di dalam bilik darjah, menarik dan kreatif (Min=3.957, SP=0.7478), dan Pensyarah menggunakan sepenuh masa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis (Min=3.821, SP=0.8159). Namun begitu terdapat satu item menunjukkan nilai min yang sederhana iaitu pensyarah menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa mengajar kemahiran menulis (Min=3.657, SP=8547). Tahan nilai min yang sederhana ini jelas mewakili pandangan pelajar keseluruhan tentang realiti dan kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah bahasa Arab.

Dari sudut peratusan persetujuan pelajar pula menunjukkan hanya satu item mendapat persetujuan 90% ke atas iaitu pensyarah amat berpengetahuan dengan kaedah kemahiran menulis yang diajar. Hal ini bermaksud hampir kesemua pelajar diploma bahasa Arab dari empat IPT yang mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab bersetuju dan mengakui bahawa pensyarah mereka merupakan pakar dalam bidang kemahiran menulis dan sangat berpengetahuan dalam bidang seterusnya mampu menggunakan kaedah yang didapati dapat meningkatkan kemahiran penulisan mereka dengan baik dan berkesan.

Selain itu, terdapat lima item yang mendapat peratusan persetujuan pelajar melebihi 70% iaitu pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran semasa mengajar kemahiran menulis (79.3%), pensyarah turut menggunakan alat bantu mengajar semasa mengajar kemahiran menulis (78%), kaedah pengajaran kemahiran menulis yang digunakan pensyarah menyebabkan pelajar aktif (utk. bertanya dll.) di dalam bilik darjah, menarik dan kreatif (77.1%), pensyarah menggunakan sepenuh masa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis (72.1%), dan item yang terakhir iaitu kemahiran menulis diberi perhatian berbanding kemahiran bahasa yang lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (70%). Peratusan ini menunjukkan pandangan pelajar terhadap kaedah pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab pensyarah adalah positif. Mereka optimis dan bersetuju bahawa aspek pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis terutama penggunaan kaedah pengajaran pensyarah ini dilihat sesuai dan relevan dengan pelajar peringkat universiti.

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa pelajar peringkat diploma berpandangan pensyarah di IPT Malaysia berupaya meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab mereka melalui penggunaan pelbagai kaedah pengajaran mereka yang menarik, menyeronokkan dan berkesan.

## **DAPATAN & RUMUSAN KAJIAN**

Berdasarkan analisis skor min di atas, kajian ini merumuskan bahawa kaedah pengajaran pensyarah mengikut persepsi pelajar Diploma Bahasa Arab di IPT Malaysia merupakan salah satu daripada faktor utama yang dapat meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab. Hal ini kerana sembilan item domain yang dikaji berkaitan kaedah pengajaran pensyarah berada pada tahap intepretasi min yang tinggi dengan Min=4.00 dan SP=0.728.

Namun yang demikian, terdapat satu item menunjukkan nilai min berada pada tahap sederhana iaitu pensyarah menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa mengajar kemahiran menulis. Min yang diperolehi ialah dalam nilai 3.657. Penggunaan bahasa Arab sepenuhnya dalam pengajaran merupakan salah satu kaedah pengajaran yang dinamakan

kaedah langsung (*Direct Method*). Pengajaran kemahiran penulisan dalam bahasa Arab lebih-lebih lagi kepada pelajar Diploma yang terdiri daripada penutur bukan Arab sebenarnya perlu dilihat secara teliti dan menyeluruh terutama dari aspek kesediaan guru menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam pengajaran dan juga latar belakang pelajar dari sudut tahap penguasaan bahasa dan kebolehfahaman mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Khamroyeva (2021) *Direct Method* adalah kaedah pengajaran yang sangat bagus namun sukar diaplikasi oleh guru-guru bahasa Arab memandangkan kaedah ini memerlukan kompetensi yang tinggi dalam kalangan mereka, tambahan pula pelajar yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia sebagaimana dalam kajian Sulaiman et al. (2018) kurang menguasai kosa kata menyebabkan mereka kurang memahami bahasa Arab yang digunakan oleh guru mereka semasa pengajaran.

Secara kesimpulannya, dapatan yang diperoleh ini secara tidak langsung memperihalkan kaedah pengajaran kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pensyarah dianggap sebagai salah satu faktor yang dapat meningkatkan pencapaian dan penguasaan pelajar. Hal ini disebabkan mereka mempunyai kompetensi dan sangat berpengetahuan dalam bidang. Dengan keistimewaan yang dimiliki ini mereka dapat menggunakan pelbagai aktiviti pengajaran yang berjaya menarik perhatian pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis dengan lebih baik, positif dan berkesan.

## RUJUKAN

- Abdullah, Z. H. (2016). Kebolehpercayaan Maklumat Elektronik: Tinjauan Awal Terhadap Pelajar Tamhidi. *Kertas Kerja Persidangan kali ke-2. Anjuran Konvesyen Kebangsaan Islam, Sains dan Pendidikan. Universiti Sains Islam Malaysia. Negeri Sembilan*, 641-647.
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-Peraturan Terpilih. Susunan oleh Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. Kuala Lumpur: International Law Books Services.
- Amar, N. Q. (2019). *Problematika Pebelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pada Kelas Vii Di Mts Ma'arif Nu 1 Kembaran Tahun Pelajaran 2018/2019* (Doctoral dissertation, IAIN Purwokerto).
- Azizan, K. F. K., Abd Rahman, A., & Jamali, H. N. (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*, 1(2), 20-32.
- Febrian, D., Lubis, M. A., Yasim, I. M. M., & Wahab, N. S. A. (2017). Teknik Pengajaran Bahasa Arab Interaktif Di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (Acer-J)*. Eissn2600-769x, 1(1), 78-93.
- Hassan, C. Z. C., & Rahman, F. A. (2021). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- Ibrahim, H. (2021). Meningkatkan Kemahiran Menulis Esei Sejarah Melalui Kaedah "Gampang Bermadu 2.0". *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 188-191.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., & Daoh, M. (2018). Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia dalam Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab. *Selangor Humaniora Review*, 2(1), 9-21.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., Maromar, F., & Man, S. (2020). Faktor luaran dan hubungannya terhadap pencapaian ujian pengesanan dan jantina pelajar dalam kemahiran menulis Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 367-376.
- Jamian, A. R., & Ismail, H. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63.

- Jamil Ahmad. (1993). Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah Negeri Kedah Darul Aman. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.
- Johar, R., & Hanum, L. (2016). *Strategi belajar mengajar*. Deepublish.
- Khamroyeva, F. (2021). A Direct Method for teaching Arabic language in Uzbekistan. *Science and Education*, 2(5), 687-698.
- Lubis, M. A. L. H. A., Sulaiman, S., & Rahman, A. A. (2016). Keunggulan Kaedah Eklektik dalam Pengajaran Bahasa Arab kepada Pelajar Melayu. *LSP International Journal*, 3(2).
- Mamat, A., & Ismail, S. (2010). Kaedah Pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan Jawi di Malaysia. In *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education: Joint Conference UPI & UPSI* (pp. 321-329).
- Mukhtar, M. Z. B., & Damit, S. A. (2017). Aplikasi Lughat al-Faá'l dalam Pengajaran Bahasa Arab~ Using Lughat al-Faá'l in Teaching Arabic Language. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.
- Peter, C. J., Emeliana, E., & Mohd Sofi, N. (2010). Perkembangan Kurikulum Pendidikan Khas Teknik dan Vokasional. *Dicapai pada September, 14, 2012*.
- Sulaiman, S., Mustapha, N. F., Toklubok, P., & Sulong, W. M. W. (2018). Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi: Problems of Arabic Writing Skills Among Higher Learning Education Students. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 142-151.
- umat R.'A. (1997). *al-'Usus al-'amah Limanahij Ta'm al-Lughat al-'Arabiyyat, Iadub-Tatwirub-Taqvimub*. Dr al-Fkr al-'Arabiy, Kaherah.



## **BAB 12**

### **PEMBELAJARAN BAHASA ARAB BERASASKAN SISTEM JADUAL DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI**

Mohd Fahimi Zakaria<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Management & Science University (MSU)

#### **PENGENALAN**

Pembelajaran bahasa Arab semakin berkembang di Malaysia khususnya dan di dunia umumnya berikutan kedudukan bahasa Arab telah menjadi sebahagian daripada bahasa-bahasa dunia. Bahasa Arab telah diangkat menjadi bahasa rasmi di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 1973 setaraf dengan lima bahasa dunia yang lain iaitu Bahasa Inggeris, Mandarin, Perancis, Rusia dan Sepanyol. Lebih 300 juta penutur bahasa Arab yang melibatkan 27 negara di Timur Tengah dan Afrika Utara yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi negara (Lilis, 2019). *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) telah bersetuju mengisytiharkan tarikh 18 Disember 2010 sebagai Hari Bahasa Arab Sedunia sebagai usaha untuk memartabatkan kepelbagaian bahasa dan budaya.

Hari ini bahasa Arab bukan lagi milik orang Arab sahaja, tetapi bahasa dunia yang sesiapa sahaja berhak untuk belajar dan bertutur. Jika di negara-negara Islam seperti Malaysia, maka memahami bahasa Arab satu tuntutan agama Islam lantaran kitab suci al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab sejak lebih 1400 tahun yang lalu ke atas junjungan yang mulia Rasulullah SAW di kota Mekah. Begitulah halnya dengan hadis baginda dan sumber utama ajaran Islam yang mesti difahami dengan bahasa Arab (Munif Zarirruddin, 2015). Umat Islam yang memahami bahasa Arab dengan baik akan memudahkannya untuk memahami ilmu-ilmu Islam seperti ilmu fiqh, aqidah dan tasawuf serta ilmu-ilmu alat seperti sejarah, sastera, tamadun dan falsafah.

Selain bagi tujuan agama, pembelajaran bahasa Arab juga disebabkan tujuan pekerjaan, perniagaan, penaklukan, perkahwinan, ideologi, hubungan diplomatik. Sebagai contoh, orang Malaysia yang bekerja di Timur Tengah akan belajar dan berkomunikasi dalam bahasa Arab demi kepentingan pekerjaannya, duta-duta Malaysia ke negara-negara Timur Tengah akan belajar bahasa Arab yang asas kelangsungan hubungan politik antara dua buah negara.

Bahasa Arab menjadi ilmu alat yang penting di negara Barat berikutan ramai orang Arab yang berpindah ke negara tersebut atas faktor keselamatan dan pekerjaan demi kelangsungan hidup. Sebahagian mereka menjadi tokoh penting manakala sebahagian yang lain menjadi pelarian dan pendatang asing. Seterusnya bahasa Arab menjadi sumber ekonomi dengan kewujudan pusat-pusat pengajian seperti sekolah antarabangsa, program bahasa Arab di institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Hal ini memerlukan kepada pakar rujuk daripada penutur jati sendiri berhubung silibus, latar belakang tenaga pengajar, objektif dan kumpulan sasaran projek. Ini kerana bahasa Arab mempunyai sistem bahasanya yang sangat unik khususnya dalam aspek tatabahasanya yang berbeza dengan sistem bahasa-bahasa yang lain (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2008).

Artikel ini cuba memfokuskan kajian tentang pembelajaran bahasa Arab khususnya di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan menggunakan sistem jadual sebagai salah satu metod pembelajaran bahasa yang boleh membantu para pelajar IPT untuk memahami sistem bahasa tersebut dengan lebih dekat. Oleh kerana bahasa Arab merupakan antara bahasa yang agak sukar difahami bagi kebanyakan orang, justeru pembelajarannya memerlukan satu metod yang khusus agar proses pembelajaran bahasa Arab lebih menarik. Sistem jadual ini telah dimulakan sebagai kajian rintis (*pilot study*) pada tahun 2018 kepada pelajar di *Management and Science University* (MSU).

Kajian ini dijalankan di kampus MSU kepada pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab seperti UCS1093 Bahasa Arab I dan UCS1103 Bahasa Arab II sebagai subjek bahasa ketiga manakala UCS0053 Bahasa Arab (Diploma) dan UCS1223 Bahasa Arab (Bacelor) sebagai subjek teras program pengajian. Sistem ini digunakan sepanjang proses Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) selama 42 jam atau 14 minggu pengajian bagi semester Februari dan September dan 21 jam atau 7 minggu pengajian bagi semester Julai. Hasil dari kajian berbentuk pemerhatian ini mendapati bahawa sistem jadual dianggap sebagai metod PnP bahasa Arab di MSU khususnya dan dapat direalisasikan di IPT yang lain umumnya.

### **BAHASA ARAB DI IPT**

Bahasa Arab bukanlah bahasa yang baharu, sebaliknya ia telah wujud sebelum penurunan al-Quran lagi iaitu sejak kurun ke-7 masihi lagi (Mohd Zaki & Che Radiah, 2011) di tanah Arab yang menjadi tempat per-juangan dan dakwah para nabi dan rasul. Sempadan tanah Arab secara mendatar merujuk dari Iraq sehingga ke persisiran pantai Syam dan Mesir manakala arah menegak pula dari selatan Turki sehingga ke persisiran pantai Yaman. Mohd Zaki dan Che Radiah (2010) dalam kajian lain menyebut bahawa bahasa Arab mula dikesan kira-kira dua kurun sebelum hijrah Rasulullah SAW ke Madinah, bahkan ia berkembang pesat selepas penurunan al-Quran dan tersebar dengan pantas berikutan penyebaran Islam ke seluruh dunia.

Sementara di peringkat IPT pula, bahasa Arab telah bertapak sekian lama berikutan kerajaan telah meletakkan asas yang jelas berhubung penawaran subjek bahasa Arab di IPT. Menurut Idris (2015) bahawa kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan mula memperkenalkan bahasa Arab di IPT selepas kemerdekaan pada tahun 1957. Ini disebabkan kedudukan Islam yang menjadi agama rasmi negara yang mendorong perkembangan ilmu-ilmu agama termasuklah bahasa Arab sebagai ilmu alat untuk memahami ajaran Islam. Sehingga kini, bahasa Arab di IPT ditawarkan sebagai program pengkhususan bermula dari Diploma sehingga ke Doktor Falsafah (PhD) di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS). Bahkan semua IPTA menawarkan bahasa Arab sebagai bahasa pilihan di pusat-pusat pengajian fundamental universiti yang dikenali dengan pelbagai nama seperti Bahasa Ketiga, Bahasa Asing dan Bahasa Moden

Seterusnya Mohd Shukri (2003) menegaskan bahawa masyarakat Islam Malaysia mula belajar kaedah bahasa Arab seperti *na'w* dan *arf* pada tahun 1937 apabila muncul tokoh agamawan yang bergiat dalam usaha penterjemahan al-Quran seperti Muhammad Ma'adah bin Layang, Abdul Aziz bin Yunus, Itam bin Tahar dan Hashim bin Abdul Ghani. Pembelajaran bahasa Arab sangat ditekankan kepada para pelajar pada waktu itu lantaran umat Islam sangat berhajat untuk memahami al-Quran dan ilmu-ilmu Islam seperti hadis, tafsir dan hukum.

Bermula pada kurun ke-20 (Idris, 2015), kerajaan mula memperkenalkan subjek bahasa Arab melalui aliran agama seperti *nahw*, *ṣarf*, *insyā'*, *muṭāla'ah*, *imlā'* dan *balāghah*. Sehingga

kini, beberapa universiti awam yang menawarkan program pengajian dengan pengkhususan bahasa Arab dalam pelbagai peringkat bermula dari ijazah pertama sehingga ijazah doktor falsafah seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

IPTS juga turut menawarkan pelbagai peringkat pengajian dengan pengkhususan bahasa Arab khususnya IPT milik kerajaan negeri seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS, Selangor), Universiti Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS, Kedah), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS, Perak), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Islam Ismail Petra (KIAS, Kelantan), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM, Melaka), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs, Perlis) dan Kolej Islam Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB, Pulau Pinang).

Subjek bahasa Arab sebagai subjek teras atau subjek pilihan ditawarkan di semua universiti awam di Malaysia dan sebahagian universiti swasta. Pelajar yang mengambil program pengajian ilmu-ilmu Islam akan mengambil bahasa Arab sebagai subjek teras manakala pelajar yang memilih program bukan pengajian Islam boleh mengambil bahasa Arab sebagai subjek pilihan dengan nama yang berbeza mengikut universiti seperti bahasa pilihan, bahasa ketiga, bahasa asing dan bahasa antarabangsa.

Menurut Che Radiah (2010) bahawa pembelajaran bahasa Arab secara asasnya adalah untuk mengasah empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis yang dapat dipupuk melalui aktiviti pembelajaran yang berkesan seiring dengan tujuan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing dan matlamat yang ingin dicapai supaya proses pembelajaran tidak menjadi hambar. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mahu menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pengajian bertaraf dunia mendapat sambutan yang positif oleh setiap pihak khususnya pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini melalui bidang pendidikan Islam dan bahasa Arab (Hassan Basri, 2005).

Sistem jadual yang cuba diaplikasi dalam PnP bahasa Arab sejak 2018 ini telah dimodulkan sebagai rujukan utama pengkaji ketika mengendalikan kuliah. Melalui kajian ini, sistem jadual digunakan sebagai metod PnP bahasa Arab yang lebih mudah dan jelas berbanding sistem huraian panjang atau karangan yang banyak. Melalui sistem ini, pelajar akan mempelajari bahasa Arab seperti aktiviti permainan bahasa dan memadankannya secara santai. Kajian yang dibuat oleh Che Radiah dan Norhayuza (2016) menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran yang berbentuk permainan ini sebagai satu pendekatan untuk menarik minat pelajar di samping meningkatkan kefahaman mereka untuk menguasai bahasa tersebut.

Pengkaji menganggap sistem ini sebagai salah satu kaedah pembelajaran bahasa Arab yang sesuai di peringkat IPT kerana ia menggunakan hampir semua kemahiran pembelajaran bahasa iaitu mendengar, menulis, membaca dan bertutur. Maimun Aqsa (2009) mengatakan bahawa kaedah ini disebut sebagai Kaedah Unit (*Unit Method*) kerana ia memberi fokus kepada satu-satu unit bahasa secara berperingkat seperti kata nama, kata kerja dan kata sendi yang menjadi teras pembelajaran bahasa (Nik Safiah Karim et. al, 2015; Asmah, 1986).

## SISTEM JADUAL

Kajian ini hanya membataskan kepada sistem bahasa tahap asas sahaja sesuai dengan silibus pembelajaran bahasa Arab di MSU. Sistem jadual yang digunakan dalam batasan kajian ini hanyalah beberapa contoh terpilih sahaja kerana kajian ingin menumpukan kepada metod pembelajaran bahasa Arab dengan mengguna pakai sistem jadual yang mampu membantu para pelajar supaya lebih minat mempelajari bahasa Arab. Sistem yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

الْكَلِمَةُ		
الحَرْف	الفِعْل	الإِسْم
حُرُوفُ الجَرِّ	فِعْلُ المِضَارِعِ	إِسْمُ الأَلَةِ
حُرُوفُ العَطْفِ	فِعْلُ المَاضِي	إِسْمُ الضَّمِيرِ
حُرُوفُ النَّفْيِ	فِعْلُ الأَمْرِ	إِسْمُ الإِشَارَةِ
حُرُوفُ الإِسْتِفْهَامِ		إِسْمُ الإِسْتِفْهَامِ
الإِسْتِثْنَاءُ حُرُوفُ		إِسْمُ الظَّرْفِ

Kata Nama (KN) dan Kata Kerja (KT) dipecahkan mengikut padanan jantina (النوع) dan bilangan (العدد) berasaskan sistem jadual bagi memudahkan proses pembelajaran bahasa Arab. Jantina dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua iaitu مُذَكَّرٌ dan مُؤَنَّثٌ. Sementara bilangan pula terbahagi kepada tiga iaitu مُفْرَدٌ, مُنْتَهَى, جَمْعٌ (al-Rājihī, 2013; al-Ghalāyīnī, 2007). Sistem jadual yang dimaksudkan ini boleh dilihat berdasarkan contoh di bawah:

### 1. Kata Nama (الإِسْم)

#### Kata Nama Benda (إِسْمُ الأَلَةِ)

مِفْتَاحٌ			
جمع	مُنْتَهَى	مُفْرَدٌ	النوع
مَفَاتِحُ	مِفْتَاحَانِ	مِفْتَاحٌ	مُذَكَّرٌ
			مُؤَنَّثٌ

مِسْطَرَةٌ			
جمع	مُنْتَهَى	مُفْرَدٌ	النوع

			النوع
			مُدَكَّر
مَسَاطِر	مِسْطَرَاتَانِ	مِسْطَرَةٌ	مُؤَنَّث

Kata Nama (KN) كِتَابٌ hanya mempunyai satu jantina sahaja iaitu مُدَكَّر manakala مَدْرَسَةٌ pula hanya mempunyai jantina مُؤَنَّث. Ini kerana kedua-dua كِتَابٌ dan مَدْرَسَةٌ merupakan KN Benda (اسْمُ الأَلَةِ) yang hanya memiliki satu jantina sahaja. Perhatikan bilangan مُتَنَّى akan berlaku penambahan asas أَنْ sementara bilangan جَمْع pula berbeza dan tidak mempunyai formula khusus kerana kebiasaan جَمْع KN Benda dikenali sebagai العَاقِلِ لِغَيْرِ العَاقِلِ (Maḥmūd Ḥusnīy, 2013).

### Kata Ganti Nama (اسْمُ الضَّمِيرِ)

النوع		العدد	الأمثلة	المتصل	المنفصل
العَائِب	مُدَكَّر	مُفْرَد	مِرْسَامُهُ	...هُ	هُوَ
		مُتَنَّى	مِرْسَامُهُمَا	...هُمَا	هُمَا
		جَمْع	مِرْسَامُهُمْ	...هُمْ	هُمْ
	مُؤَنَّث	مُفْرَد	مِرْسَامُهَا	...هَا	هِيَ
		مُتَنَّى	مِرْسَامُهُمَا	...هُمَا	هُمَا
		جَمْع	مِرْسَامُهُنَّ	...هُنَّ	هُنَّ
المِخَاطَب	مُدَكَّر	مُفْرَد	مِرْسَامُكَ	...كَ	أَنْتَ
		مُتَنَّى	مِرْسَامُكُمْ	...كُمْ	أَنْتُمْ
		جَمْع	مِرْسَامُكُمْ	...كُمْ	أَنْتُمْ
	مُؤَنَّث	مُفْرَد	مِرْسَامِكِ	...كِ	أَنْتِ
		مُتَنَّى	مِرْسَامِكُمْ	...كُمْ	أَنْتُمْ
		جَمْع	مِرْسَامِكُنَّ	...كُنَّ	أَنْتُنَّ
المِتَكَلِّم		مُفْرَد	مِرْسَامِي	...ي	أَنَا
		جَمْع	مِرْسَامِنَا	...نَا	نَحْنُ

Kata Ganti Nama (KGN) ini merujuk kepada KGN diri pertama (KGN1) seperti saya dan kami, KGN2 seperti awak dan kamu dan KGN3 seperti dia, mereka dan –nya (Nik Safiah et. al, 2015). Namun bahasa Arab mempunyai istilahnya yang tersendiri, iaitu ضَمِيرِ مُنْفَصِلِ

(terpisah) dan ضَمِير مُتَّصِل (bersambung) seperti pada sistem jadual di atas. KGN1 (المِتَكَلِّم) tidak mempunyai padanan jantina (النَّوع), justeru ia ditandakan dengan warna kelabu.

### Kata Nama Tunjuk (اسْمُ الإِشَارَةِ)

لِلْبَعِيدِ		لِلْقَرِيبِ		النَّوع
مُؤَنَّث	مُذَكَّر	مُؤَنَّث	مُذَكَّر	
تِلْكَ	ذَلِكَ	هَذِهِ	هَذَا	مُفْرَد
تَانِكُمَا	ذَانِكُمَا	هَتَانِ	هَذَانِ	مُتَنِّي
أُولَئِكَ		هَؤُلَاءِ		جَمْع
هُنَاكَ		هُنَا		

Kata Nama Tunjuk (KNT) bahasa Arab terbahagi kepada dua iaitu اسْمُ الإِشَارَةِ لِلْقَرِيبِ dan اسْمُ الإِشَارَةِ لِلْبَعِيدِ. جمع iaitu هَؤُلَاءِ dan أُولَئِكَ dipakai oleh kedua-dua jantina tanpa dibezakan sama ada مُذَكَّر atau مُؤَنَّث (Abū Anas Ashraf, 2018). Manakala هُنَا dan هُنَاكَ pula tidak mempunyai bilangan (عَدَد) yang khusus kerana ia hanya merujuk kepada tempat sahaja (al-Ghalāyīnī, 2007).

Kata Nama Arah (KNA) termasuk waktu dan tempat (Asmah, 1986). Ia juga menepati kaedah KNA bahasa Arab yang terbahagi kepada dua jenis iaitu ظَرْفُ الْمَكَانِ dan ظَرْفُ الزَّمَانِ. Menurut Abū Anas Ashraf (2012) bahawa اسْمُ الظَّرْفِ ialah مَفْعُولٌ فِيهِ iaitu kata nama akusatif (peringkat lanjutan).

### Kata Nama Tanya (اسْمُ الاسْتِفْهَامِ)

الْأَسْمَاءُ				
مَتَى	كَيْفَ	لِمَاذَا	مَاذَا	مَا
إِلَى / مِنْ أَيْنَ	أَيُّ	مَنْ	كَمْ	أَيْنَ
الْحُرُوفُ				
هَلْ		أَ (هَمْزَةٌ)		

Kata Nama Tanya (KNT) ialah kata nama yang merujuk kepada makna pertanyaan. KNT bahasa Melayu disebut sebagai *Kata Ganti Nama Diri Tanya* (Nik Safiah et al., 2015) iaitu perkataan yang merujuk kepada benda atau orang dalam bentuk tanya. Manakala bahasa Arab pula kata tanya terbahagi kepada dua jenis iaitu jenis kata nama dan kata tugas (Husayn

Lawn, 2019). Perbezaan umum antara kata tanya jenis kata nama dengan kata tugas dalam bahasa Arab ialah kata nama sahaja yang boleh membina ayat bahasa Arab dengan lengkap sebaliknya kata tugas tidak boleh membina ayat yang lengkap.

### Kata Nama Arah (اسم الظرف)

Kata Nama Arah (KNA) termasuk waktu dan tempat (Asmah, 1986). Ia juga menepati kaedah KNA bahasa Arab yang terbahagi kepada dua jenis iaitu ظرف المكان dan ظرف الزمان.

Menurut Abū Anas Ashraf (2012) bahawa اسم الظرف ialah مفعول فيه iaitu kata nama akusatif (peringkat lanjutan).

### 2. Kata Kerja (الفعل)

المستقبل	الأمر	المضارع	الماضي	الضمير
س / سوف		...+ يَ	َ	هُوَ
		...+ يَ...انِ	...ا	هُمَا
		...+ يَ...وْنَ	...وَأَ	هُم
		...+ تَ	...تِ	هِيَ
		...+ تَ...انِ	...تَا	هُمَا
		...+ يَ...نِ	...نِ	هُنَّ
	...+ اِ	...+ تَ	...تِ	أَنْتِ
	...+ اِ...ا	...+ تَ...انِ	...تُمَا	أَنْتُمَا
	...+ اِ...وَأَ	...+ تَ...وْنَ	...تُمْ	أَنْتُمْ
	...+ اِ...يِ	...+ تَ...يِنِ	...تِ	أَنْتِ
	إجلسَا	...+ تَ...انِ	...تُمَا	أَنْتُمَا
	إجلسنِ	...+ تَ...نِ	...تُنَّ	أَنْتُنَّ
		...+ اِ	...تِ	أَنَا
		...+ تَ	...نَا	نَحْنُ

Kata Kerja (KK) bahasa Arab terbahagi kepada empat iaitu فعل الماضي, فعل المضارع dan فعل الأمر seperti yang disepakati oleh majoriti ahli linguistik Arab (Mahmūd Husnīy, 2013). Namun ada keadaan tertentu iaitu kehadiran perkataan س atau سوف sebelum فعل المضارع maka KK tersebut dikenali بفعل المستقبل.

Kata Kerja Semasa (فِعْلُ الْمُضَارِعِ)

الأفعال				الضمير
يَرْجِعُ	يَذْهَبُ	يَخْرُجُ	يَدْخُلُ	هُوَ
يَرْجِعَانِ	يَذْهَبَانِ	يَخْرُجَانِ	يَدْخُلَانِ	هُمَا
يَرْجِعُونَ	يَذْهَبُونَ	يَخْرُجُونَ	يَدْخُلُونَ	هُمْ
تَرْجِعُ	تَذْهَبُ	تَخْرُجُ	تَدْخُلُ	هِيَ
تَرْجِعَانِ	تَذْهَبَانِ	تَخْرُجَانِ	تَدْخُلَانِ	هُمَا
يَرْجِعْنَ	يَذْهَبْنَ	يَخْرُجْنَ	يَدْخُلْنَ	هُنَّ
تَرْجِعُ	تَذْهَبُ	تَخْرُجُ	تَدْخُلُ	أَنْتِ
تَرْجِعَانِ	تَذْهَبَانِ	تَخْرُجَانِ	تَدْخُلَانِ	أَنْتُمَا
تَرْجِعُونَ	تَذْهَبُونَ	تَخْرُجُونَ	تَدْخُلُونَ	أَنْتُمْ
تَرْجِعِينَ	تَذْهَبِينَ	تَخْرُجِينَ	تَدْخُلِينَ	أَنْتِ
تَرْجِعَانِ	تَذْهَبَانِ	تَخْرُجَانِ	تَدْخُلَانِ	أَنْتُمَا
تَرْجِعْنَ	تَذْهَبْنَ	تَخْرُجْنَ	تَدْخُلْنَ	أَنْتُنَّ
أَرْجِعُ	أَذْهَبُ	أَخْرُجُ	أَدْخُلُ	أَنَا
نَرْجِعُ	نَذْهَبُ	نَخْرُجُ	نَدْخُلُ	نَحْنُ

Kata Kerja Lepas (فِعْلُ الْمَاضِي)

الأفعال				الضمير
رَجَعَ	ذَهَبَ	خَرَجَ	دَخَلَ	هُوَ
رَجَعَا	ذَهَبَا	خَرَجَا	دَخَلَا	هُمَا
رَجَعُوا	ذَهَبُوا	خَرَجُوا	دَخَلُوا	هُمْ
رَجَعَتْ	ذَهَبَتْ	خَرَجَتْ	دَخَلَتْ	هِيَ
رَجَعَتَا	ذَهَبَتَا	خَرَجَتَا	دَخَلَتَا	هُمَا
رَجَعْنَ	ذَهَبْنَ	خَرَجْنَ	دَخَلْنَ	هُنَّ
رَجَعْتَ	ذَهَبْتَ	خَرَجْتَ	دَخَلْتَ	أَنْتِ
رَجَعْتُمَا	ذَهَبْتُمَا	خَرَجْتُمَا	دَخَلْتُمَا	أَنْتُمَا



رَجَعْتُمْ	ذَهَبْتُمْ	خَرَجْتُمْ	دَخَلْتُمْ	أَنْتُمْ
رَجَعْتِ	ذَهَبْتِ	خَرَجْتِ	دَخَلْتِ	أَنْتِ
رَجَعْتُمَا	ذَهَبْتُمَا	خَرَجْتُمَا	دَخَلْتُمَا	أَنْتُمَا
رَجَعْتُنَّ	ذَهَبْتُنَّ	خَرَجْتُنَّ	دَخَلْتُنَّ	أَنْتُنَّ
رَجَعْتُ	ذَهَبْتُ	خَرَجْتُ	دَخَلْتُ	أَنَا
رَجَعْنَا	ذَهَبْنَا	خَرَجْنَا	دَخَلْنَا	نَحْنُ

### Kata Kerja Perintah (فِعْلُ الْأَمْرِ)

الأَفْعَالُ				الصِّمِيرُ
ارْجِعْ	إِذْهَبْ	أُخْرِجْ	أَدْخُلْ	أَنْتَ
ارْجِعَا	إِذْهَبَا	أُخْرِجَا	أَدْخُلَا	أَنْتُمَا
ارْجِعُوا	إِذْهَبُوا	أُخْرِجُوا	أَدْخُلُوا	أَنْتُمْ
ارْجِعِي	إِذْهَبِي	أُخْرِجِي	أَدْخُلِي	أَنْتِ
ارْجِعَا	إِذْهَبَا	أُخْرِجَا	أَدْخُلَا	أَنْتُمَا
ارْجِعْنَ	إِذْهَبْنَ	أُخْرِجْنَ	أَدْخُلْنَ	أَنْتُنَّ

Formula Kata Kerja Semasa (KKS) ialah تَأْنِي. Ia bermaksud kesemua KKS akan bermula sama ada dengan huruf ت, ا, ن atau ي seperti dalam empat contoh di atas. KKS mempunyai 14 contoh pola kata (وَزْن) berdasarkan 14 KGN (sebelum ini). Jika diperhatikan, KKS mempunyai perubahan awalan dan akhiran seperti dalam jadual. Pelajar perlu mendapat bimbingan guru bagaimana perubahan tersebut berlaku pada setiap KGN. Berbeza dengan KKS, Kata Kerja Lepas (KKL) hanya berubah pada akhir sahaja seperti dalam jadual. Dari segi penggunaan komunikasi, KKL lebih mudah digunakan berbanding KKS tetapi dari segi logik, KKS lebih sesuai kerana ia boleh digunakan pada bila-bila masa tanpa terikat dengan waktu sebelum, semasa atau selepas. Seterusnya Kata Kerja Perintah (KKP) pula lebih mudah. Ini kerana pola yang terlibat hanya enam sahaja, iaitu bagi kata ganti nama kedua (KGN2) seperti yang ditunjukkan pada jadual KKP di atas. KKP tidak mengandungi KGN1 dan KGN3 kerana KKP melibatkan komunikasi antara dua orang atau lebih secara berhadapan. Komunikasi tersebut mengandungi makna perintah, suruhan, arahan atau permintaan.

### 3. Kata Tugas (الْحَرْف)

Kata Tugas (KT) yang akan dibincangkan dalam kajian hanyalah Kata Sendi (KS), Kata Hubung (KH), Kata Nafi (KN) dan Kata Pengecualian (KP). Kata-kata tugas yang selainya tidak dibincangkan kerana tidak dipelajari dalam sukatan pengajian bahasa Arab di MSU. Jadual KT di bawah menyenaraikan contoh-contoh KT yang boleh digunakan sebagai asas komunikasi harian para pelajar.

### Kata Sendi (الجرّ)

حُرُوفُ الْجَرِّ				
فِي	عَلَى	عَنْ	إِلَى	مِنْ
رُبَّ	حَتَّى	لِ	كَ	بِ

### Kata Hubung (عطف)

حُرُوفُ الْعَطْفِ			
ثُمَّ	أَوْ / أَمْ	فَ	وَ
لَكِنَّ	لَا	بَلْ	حَتَّى

Kata Sendi (KS) merupakan jenis Kata Tugas (KT) yang banyak digunakan dalam kehidupan harian pelajar khususnya dan manusia umumnya. Sebagai contoh,

- 3.1 مُحَمَّدٌ فِي الْبَيْتِ (*Muhammad berada di rumah*)
- 3.2 أَنَا مِنْ سُوقٍ (*Saya dari pasar*)
- 3.3 أَلْكِتَابُ عَلَى الْمَكْتَبِ (*Buku itu di atas meja*)

Kata Hubung (KH) pula sejenis KT yang juga seperti KS. Menurut Nik Safiah et. al (2015) bahawa KS ialah perkataan yang terletak di hadapan kata nama (seperti contoh di atas) manakala HB pula perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat majmuk. Sebagai contoh,

- 3.4 فَاطِمَةُ وَ خَدِيجَةُ فِي الْجَامِعَةِ (*Fatimah dan Khadijah berada di universiti*)
- 3.5 أَنْتَ طَالِبٌ أَمْ مُحَاضِرٌ؟ (*Awak pelajar atau pensyarah?*)
- 3.6 هُوَ غَنِيٌّ لَكِنَّ بَخِيلٌ (*Dia seorang yang kaya tetapi kedekut*)

Namun perbezaan dalam bahasa Arab agak ketara kerana ia melibatkan kedudukan baris, fleksi dan pengertian. Tulisan ini hanya meletakkan contoh sahaja tanpa huraian perbezaan dalam bahasa Arab. Ini kerana perbahasan dalam tulisan ini hanyalah yang asas dan sesuai dengan sukatan subjek bahasa Arab di MSU.

### Kata Nafi (النّفي)

أَدَوَاتُ النَّفْيِ			
مَا	لَنْ	لَمْ	لَا
لَمَّا	غَيْرَ	لَيْسَ / لَيْسَتْ	إِنَّ

Kata Nafi (KN) ialah kata yang menidak atau meniadakan sesuatu (Asmah, 1986). Bahasa Arab juga membawa definisi yang sama, cuma yang berbeza hanyalah pada hukum bahasa Arab yang dikenali sebagai *'irab*. Secara ringkas, penggunaan yang biasa bagi peringkat asas ialah KN: لَا, لَمْ, مَا dan لَيْسَ. Namun penulisan ini hanya meletakkan contoh-contoh umum sahaja agar para pelajar lebih mudah mengaplikasikannya dalam komunikasi harian.

Sebagai contoh,

- 3.7                    مُوتُوا لَا يَحْضُرُ إِلَى الْمِحَاضِرَةِ (Mutu tidak hadir ke kelas)
- 3.8                    هَذَا الْكِتَابُ لَيْسَ كَامِلًا (Buku ini tidak lengkap)
- 3.9                    أَنَا لَمْ أَقْرَأَ الْكِتَابَ (Saya tidak pernah membaca buku itu)
- 3.10                  الرَّجُلُ مَا يَعْرِفُ عَنْ هَذَا الْمَكَانِ (Lelaki itu tidak begitu tahu tentang tempat ini)

### كُتَابُ الْإِسْتِثْنَاءِ (الْإِسْتِثْنَاءُ)

أَدَوَاتُ الْإِسْتِثْنَاءِ					
عَدَا	حَاشَا	حَالَا	سِوَى	غَيْرَ	إِلَّا

Kata Pengecualian (KP) tahap penggunaan asas hanya satu sahaja iaitu: إِلَّا. Contoh penggunaannya seperti berikut,

- 3.11                  الْمُعَلِّمُونَ فِي الْفَصْلِ إِلَّا الْأُسْتَاذَ زَكَرِيَّا (Para guru berada di kelas kecuali Ustaz Zakaria)
- 3.12                  كُلُّهُمْ يَذْهَبُونَ إِلَى الْكُلِّيَّةِ إِلَّا عَائِشَةَ (Mereka semua pergi ke fakulti kecuali Aisyah)

إِلَّا juga boleh diterjemahkan dengan perkataan lain seperti *melainkan* yang juga membawa maksud yang sama (Asmah, 1986).

## KESIMPULAN

Kajian ini menampilkan salah satu metod pembelajaran bahasa Arab yang telah digunakan di MSU khususnya dan sesuai digunakan di peringkat Institut Pengajian Tinggi sama ada awam mahupun swasta. Sistem jadual yang diperkenalkan ini dapat memberi satu sistem pembelajaran mudah kepada pelajar yang memerlukan cara belajar ringkas dan padat tanpa perlu membaca buku atau nota yang tebal dan menyukarkan pelajar yang baharu mengenal subjek bahasa Arab di universiti. Justeru, metod pembelajaran bahasa Arab menggunakan

sistem jadual dapat membantu mereka yang ingin belajar secara konsisten. Akhir sekali, kajian ini mendapati bahawa pembelajaran bahasa asing seperti bahasa Arab seharusnya dipelbagaikan khususnya dalam dunia menuju sistem pembelajaran abad ke-21 pada hari ini. Pembelajaran melalui sistem tertentu akan menarik minat pelajar untuk terus membaca dan memahami kerana setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Oleh itu, menjadi satu kemestian agar sistem pembelajaran mereka memenuhi cara dan gaya masing-masing supaya mencapai hasil pembelajaran yang berkualiti.

## RUJUKAN

- Abū Anas Ashraf. 2018. *Aqsām al-‘Ilm fī al-Naḥw*. Dicapai pada 18 Oktober 2020 melalui laman <https://www.alukah.net>
- Al-Ghalāyīnī, Muṣṭafā. 2007. *Al-Durūs al-‘Arabīyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khaffaji, Nafi al-Jawhari. 2001. *Al-Zubūr al-Nadiyyah fī al-Durūs al-Naḥwiyyah*. Kaherah: Maktabah al-‘Ādāb.
- Al-Rājihī, ‘Abduh. 2013. *Al-Taṭbīq al-Naḥwī*. Oman: Dār al-Masīrah li al-Nash wa al-Tawzī‘.
- Asmah Omar. 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: DBP.
- Bahasa Arab sebagai Bahasa Resmi PBB melalui laman <https://jasa-translate.com/bahasa-arab-sebagai-bahasa-resmi-pbb/> pada 12 September 2020.
- Che Radiah Mezah, Norhayuza Mohamad. 2016. *50 Permainan Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: DBP.
- Idris Mansor. 2015. Prosedur Peminjaman dan Elemen Sosiobudaya dalam Terjemahan Rihlat Ibn Battutah. *Kajian Malaysia*. 33 (2): 61-81.
- Lilis Nurhatati. 2019. Polisi Bahasa Arab di Dunia Islam. Dicapai pada 12 September 2020 melalui laman <https://www.researchgate.net/publication>.
- Mahmud Husni Mughalash. 2013. *Al-Naḥw al-Shīfī al-Shāmīl*. Oman: Dār al-Masīrah li al-Nash wa al-Tawzī‘.
- Maimūn Aqsā Lubīs. 2009. *Turuq Tadrīs al-Lughab al-‘Arabīyyah wa ‘Idād Durūsibā fī Mālīziyā*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Alwee Yusoff dan Mohamad Azrien Mohamed Adnan. 2008. Bahasa Arab sebagai Bahasa Ilmu dan Peradaban: Satu Kajian dari Sudut Keistimewaanannya. *Jurnal Usuluddin*. 27: 157-167.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2015. *Dimensi Bahasa dalam Agama*. Kuala Lumpur: DBP.
- Nik safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: DBP.

## **BAB 13**

### **PERANAN BAHASA ARAB REFLEKSI KETERAMPILAN PELAJAR ISLAM MASA KINI**

Nor Azhan Norul'Azmi<sup>1</sup>, Noor Shamshinar Zakaria

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### **PENGENALAN**

Perbincangan mengenai isu yang berlaku dalam kalangan pelajar hari ini mendapat pelbagai persepsi dan reaksi oleh masyarakat. Ada yang melihat pelajar dari sudut yang positif seperti seorang yang aktif, bijak, kreatif, berinovasi, berketerampilan dan berwawasan. Ada pula yang menyatakan bahawa majoriti pelajar sering terjebak dengan masalah sosial seperti biadap, ponteng sekolah, buli, pergaulan bebas, merokok, penagihan dadah, rogol, pembuangan bayi, kekeliruan identiti, kemurungan, lari dari rumah, hiburan yang melampau dan seumpamanya. Kehidupan mereka khususnya pelajar di usia remaja sering dikaitkan dengan sesuatu yang negatif kerana terdapat dalam kalangan pelajar ini yang terlibat dengan perkara yang bercanggah dengan tatasusila dan norma kehidupan yang sebenar. Justeru, bagi membendung pelajar daripada terus terjebak dalam gejala yang tidak bermoral dan melahirkan pelajar yang seimbang dan harmoni dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) beberapa faktor perlu diambil serius agar remaja ini dapat mempamerkan imej diri yang tinggi. Antaranya ialah tuntutan mempelajari bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran sebagai satu kewajipan kepada pelajar untuk mempelajari, menguasai dan seterusnya memahami isi kandungannya. Melalui pembelajaran bahasa Arab dan kefahaman terhadap isi kandungan al-Quran akan menjurus remaja untuk melaksanakan segala suruhan dan menjauhi tegahan daripada Allah SWT. Bahkan yang menjadikan bahasa Arab ini wajib diketahui dan ditekuni oleh pelajar adalah peranannya terhadap refleksi keterampilan pelajar. Oleh itu, bab ini membincangkan secara mendalam tentang peranan bahasa Arab terhadap refleksi keterampilan pelajar Islam masa kini. Hanya berbekalkan ilmu pengetahuan dan memiliki ciri-ciri pelajar yang berketerampilan, golongan pelajar dapat mengubah cara hidup yang biasa kepada cara hidup yang luar biasa dan lebih bermakna.

#### **BAHASA ASING**

Semua pihak perlu melihat bahasa asing sebagai sesuatu yang penting dan perlu dipelajari terutama oleh golongan pelajar atau remaja. Banyak kelebihan apabila mempelajari bahasa asing ini seperti seseorang itu boleh memperoleh banyak maklumat tentang sesuatu ilmu. Bahasa ini juga memberi faedah kepada sesiapa sahaja yang mempelajarinya sama ada untuk kemajuan dirinya sendiri, pembangunan masyarakat mahupun negara. Sebagai contoh, bagi individu pelajar yang mempelajari bahasa asing mereka akan memperoleh keyakinan diri yang tinggi melalui pembelajaran dan penguasaan bahasa asing ini. Penguasaan bahasa asing dapat mewujudkan rasa bangga dalam diri pelajar kerana usaha ini menunjukkan bahawa mereka telah melakukan sesuatu yang unik dalam kehidupan seharian.

Kesedaran individu atau masyarakat terhadap kepentingan menguasai bahasa asing mendorong mereka untuk memperkasakan diri bagi mendepani cabaran baharu realiti global. Dalam mendepani era globalisasi ini, kemampuan menguasai dan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa merupakan suatu kelebihan kepada seseorang. Dengan menguasai pelbagai bahasa seseorang lebih mudah untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Terdapat pelbagai ilmu pengetahuan di dunia ini ditulis dalam pelbagai bahasa, seperti bahasa Inggeris yang menjadi antara bahasa utama dunia. Juga, untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang agama Islam, seseorang wajib menguasai bahasa Arab yang merupakan bahasa kitab suci al-Quran. Dengan memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan seseorang akan lebih dihormati serta dipandang tinggi. Walaupun begitu, keupayaan menguasai bahasa asing memerlukan minat, latihan dan kesungguhan yang optimum untuk berjaya.

Bagi golongan pelajar khususnya sama ada yang sedang berada di peringkat persekolahan mahupun di pusat pengajian tinggi, mereka lebih mudah untuk membuat rujukan sama ada melalui buku-buku atau internet di samping mempraktikkan ilmu-ilmu yang dipelajari dan dikuasai melalui bahasa asing tersebut. Sebagai contoh, pelajar yang mempelajari bahasa asing akan mudah untuk memahami sesuatu ilmu yang ditulis dalam bahasa asing. Jika pelajar tersebut mempelajari bahasa Inggeris, sudah pasti dengan mudah dia dapat memahami setiap butiran kata mahupun maklumat yang terkandung dalam bahan bacaannya kerana memiliki kemahiran dalam bahasa Inggeris. Begitu juga sekiranya pelajar itu mempelajari bahasa Arab sudah pasti mudah untuknya memahami teks Arab malah berupaya untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Universitas Muhammadiyah Sumatera Barat di Indonesia umpamanya mewajibkan setiap mahasiswa mereka untuk mengambil kursus Bahasa Arab dan ini tidak tertakluk kepada program Pengajian Islam sahaja bahkan program lain seperti Pelancongan, Kesihatan, Matematik dan Sains Semula Jadi (Mahyudin Ritonga, Asrina, Rizka Widayanti, Fitri Alrasi, Julhadi & Syaflin Halim, 2020). Justeru, mahir dalam pelbagai bahasa membolehkan seseorang membaca lebih banyak bahan ilmu serta memperoleh pengetahuan yang tinggi berbanding golongan yang tidak mempunyai kemahiran berbahasa.

### **KEISTIMEWAAN DAN KELEBIHAN MENGUASAI BAHASA ASING**

Mengikut Kathleen Stein-Smith (2021) terdapat beberapa kepentingan mempelajari bahasa asing, antaranya ialah, pertama: menjadikan seseorang lebih bijak (kerana mempunyai daya penaaakulan yang tinggi terhadap sesuatu benda berbanding orang lain, kreatif dan mampu menyelesaikan masalah-masalah tertentu). Kedua, meningkatkan pencapaian akademik seseorang di mana kanak-kanak yang membesar dalam suasana dan keluarga yang bertutur lebih daripada satu bahasa mempunyai tahap kognitif yang tinggi berbanding kanak-kanak lain. Ketiga, menguasai bahasa asing juga memberi kelebihan kepada penuturnya untuk berjaya dalam kerjaya dan profesionalisme. Ini dilihat berdasarkan keperluan syarikat dan pasaran komunikasi semasa yang perlu kepada tenaga mahir yang mampu menguasai lebih daripada satu bahasa contohnya dalam ekonomi, perdagangan, perkhidmatan dan hospitaliti, penerbangan, pelancongan dan juga pendidikan (Muhammad Anas Al-Muhsin, Khairun Nisaa Mohd, Nur Syafiqah Subri & Nurul Afifa Ishak, 2021).

Selain itu, keempat, pembelajaran bahasa asing dan penguasaannya memberi akses yang lebih luas dalam bidang pendidikan dan maklumat. Kelima, memberi kita lebih banyak peluang sosial dan global. Beliau telah memberikan contoh negara seperti Amerika Syarikat di mana 60 juta

rakyatnya bercakap dengan pelbagai bahasa lain selain bahasa Inggeris. Situasi ini memberi gambaran suasana penduduk multi etnik dan mereka boleh menerima perbezaan bahasa dan budaya orang sekeliling mereka dan mempunyai toleransi dalam kehidupan berbanding masyarakat yang tidak terdedah dengan kepelbagaian etnik, agama dan bahasa. Keenam, penguasaan bahasa asing ini juga dilihat amat relevan untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan negara daripada ancaman musuh. Perkara ini bukan sahaja tertakluk kepada agen perisik, anggota keselamatan negara, wartawan dan lain-lain yang perlu mahir bahasa lain untuk mendapatkan maklumat atau menjalankan tugas hakiki mereka bahkan bidang lain umumnya. Dan yang terakhir ialah, mewujudkan kehidupan yang menarik. Ini bermakna komunikasi di era globalisasi bukan hanya berlaku dalam kawasan dan negara tertentu sahaja, malah kita mungkin boleh menjalinkan persahabatan dengan rakyat negara lain dengan mudah dan lancar apabila menguasai bahasa asing. Hal ini bertepatan dengan ayat al-Quran dalam surah al-Hujuraat (ayat 13):

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿13﴾

Maksudnya:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”*

Ayat ini menyeru manusia sejagat di seluruh dunia tanpa mengira warna kulit, keturunan atau bahasa yang digunakan supaya saling mengenali antara satu sama lain seterusnya membentuk keharmonian dan perpaduan serta mencapai keredaan Allah SWT. Pepatah Arab juga ada menyebut bahawa:

{ مَنْ تَعَلَّمَ لُغَةَ قَوْمٍ أَمِنَ مَكْرَهُمْ }

*“Barangsiapa menguasai bahasa suatu kaum, maka ia selamat dari tipu daya mereka”.*

Ini membuktikan bahawa mempelajari dan menguasai bahasa asing amat dituntut oleh agama Islam sendiri sehingga ditegaskan dalam al-Quran dan Hadith untuk berkenal-kenalan antara manusia sejagat yang lain seterusnya melahirkan masyarakat berbilang bangsa, agama, bahasa dan budaya untuk keharmonian hidup. Bertepatan dengan tuntutan ini juga, bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran dan Hadith sangat penting untuk dipelajari dan dihayati oleh individu Muslim kerana penguasaan terhadap bahasa ini mempunyai pelbagai faedah dalam kehidupan. Penguasaan dan kefahaman yang baik terhadap bahasa Arab dapat membimbing manusia ke arah satu cara hidup yang syumul dan sistematik untuk kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

## **PERANAN BAHASA ARAB DALAM KEHIDUPAN**

### **Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua**

Di Malaysia secara umumnya, remaja Melayu Islam diajar tentang asas agama sejak awal kanak-kanak. Ia dimulai dengan doa-doa ringkas seperti doa makan, doa bangun tidur dan doa ketika hendak belajar. Doa-doa dalam bahasa Arab ini diselangi dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu baik dalam kalangan ibu bapa mahupun guru-guru di sekolah. Tidak ketinggalan juga, bacaan solat menjadi pelajaran wajib bagi kanak-kanak di sekolah dalam mata pelajaran khusus iaitu Pendidikan Islam. Di era sekarang, kurikulum di sekolah rendah ditambah dengan subjek Bahasa Arab melalui program jQAF dengan tujuan memberi pengetahuan dan nilai tambah terhadap bahasa kedua ini. Antara nilai tambah ini ialah untuk memberi kefahaman dan penghayatan dalam setiap ibadah yang dilakukan. Ia juga menjadi aset penting dalam dunia komunikasi pada masa depan baik untuk pengembaraan mahupun perniagaan bersama dunia Arab.

Bahasa Arab sangat penting untuk dipelajari, didalami dan dihayati oleh setiap lapisan umur yang beragama Islam. Ini kerana bahasa Arab menjadi bahasa perantaraan dengan Pencipta kita dalam ibadah. Berikut merupakan faktor-faktor yang menjadikan bahasa kedua ini wajib diketahui dan ditekuni oleh remaja Islam:

#### **1. Bahasa Ibadat**

Seperti yang diketahui umum, Islam mengkategorikan ibadat yang perlu dilaksanakan oleh umatnya kepada dua bahagian iaitu, ibadat khusus dan ibadat umum. Ibadat umum merangkumi fardhu ain yang mana setiap Muslim wajib melakukannya seperti solat lima waktu, berzakat dan haji. Manakala ibadat umum merangkumi aspek sedekah, berbuat baik kepada orang lain dan menunaikan hak mereka. Bacaan dalam ibadat yang memerlukan kepada Bahasa Arab ialah seperti solat dan haji. Bacaan daripada bahasa lain selain bahasa ini tidak diterima sama sekali. Sebagai contoh, apabila hendak mendirikan solat, maka seseorang Muslim perlu tahu rukun-rukunnya seperti bacaan al-Fatihah. Bacaan surah ini wajib dibaca dalam solat. Ia sebahagian daripada keperluan remaja terutamanya, untuk mahir membaca surah wajib ini dan memahami setiap lafaz yang terkandung dalamnya. Antara bacaan lain termasuklah tasbih pada rukuk dan sujud serta bacaan dalam tasyahud. Demikian, bacaan ini perlu dilafazkan dengan betul dan difahami maknanya dengan baik supaya kita dapat melaksanakan ibadat dengan khusyuk.

Kita disarankan untuk berdoa dalam bahasa yang kita fahami. Maka doa di luar solat boleh dilakukan dengan bahasa Melayu juga. Akan tetapi, doa dengan menggunakan bahasa Arab lebih afdal dan baik. Ini kerana, bahasa Arab diterima pakai sebagai bahasa ibadat baik dalam solat mahupun di luarnya. Remaja wajar menzahirkan doa-doa mereka dengan menggunakan bahasa ini untuk mengikuti sunnah nabi SAW. Dengan itu, bahasa Arab perlu diberi penekanan yang sewajarnya oleh guru-guru agama dan pihak berwajib bagi tujuan ini. Paling kurang, remaja boleh membiasakan diri dengan menelaah buku-buku doa dan zikir di pasaran tempatan untuk memahami bacaan dalam ibadat mereka.

#### **2. Bahasa al-Quran dan Hadis**

Al-Quran ialah sumber wahyu pertama yang diturunkan dalam bahasa Arab. Manakala Hadis menjadi sumber kedua dalam mengukuhkan wahyu pertama tadi. Segala bentuk ajaran Islam terkandung dalam kedua-dua sumber ini yang mana memberi kesejahteraan kepada umat sejagat. Remaja Islam perlu mengukuhkan jati diri dengan membentuk sahsiah yang terpuji



melalui sumber ini. Pelbagai ajaran Islam terkandung secara komprehensif dalam kedua-duanya termasuk cara beribadat, keperibadian Muslim dan muamalah sesama manusia. Demi memanfaatkan sumber ini, kita wajib mempelajari bahasa Arab dengan baik supaya dapat memahami setiap isi kandungan yang disampaikan. Jika membaca al-Quran dikira sebagai ibadat, bagaimana pula dengan menghayati dan mengamalkan ajarannya? Sudah tentu pahala bagi orang yang mendalami ilmu daripada al-Quran ini digandakan oleh Allah SWT.

Sebagai langkah awal, ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka untuk mengenal al-Quran dan bahasa Arab sejak kecil lagi. Didikan ini perlu disusuli dengan keazaman untuk terus meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bahasa ini secara berpanjangan. Remaja perlu diasuh untuk mencintai bahasa Arab sejajar dengan keperluan untuk membaca al-Quran dan memahami maknanya. Walaupun terdapat lambakan cetakan al-Quran dengan tafsir dan terjemahan dalam bahasa Melayu, tetapi usaha ini tidak cukup di sini sahaja. Ini kerana bahasa membawa kepada kepelbagaian makna yang kadang-kala disalah tafsir. Justeru, dengan adanya ilmu tentang bahasa Arab baik tatabahasa mahupun kosa kata, remaja dapat membezakan antara maklumat yang betul dan salah. Imam al-Bukhari meriwayatkan, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ حَيْرُكُمْ مَنْ نَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ }

Maksudnya:

“Sebaik-baik kalian adalah orang yang belajar al-Qur`an dan mengajarkannya.”

### **3. Bahasa Ilmu**

Bahasa Arab dikategorikan sebagai bahasa perantaraan dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan sejak dahulu lagi. Ia dimulai dengan ajaran Islam dan ilmu-ilmunya yang terkandung dalam kitab suci al-Quran dan Hadis nabi SAW. Dalam kedua-dua sumber wahyu ini, ilmu pengetahuan disalurkan dalam bahasa Arab yang boleh difahami oleh semua kaum Arab. Walaupun lafaz yang terkandung dalam sumber ini adalah tinggi dan indah, namun ia masih boleh difahami dengan adanya ilmu tafsir dan asbab al-nuzul. Ringkasnya, bahasa Arab sentiasa relevan bagi mendalami ilmu fardhu ain seperti tauhid, akhlak, sirah dan ibadat bagi Muslim di Malaysia khususnya. Ini kerana bahan bacaan dan pembelajaran di negara ini masih lagi berpaksikan kepada bahasa sumber yang asal iaitu bahasa Arab.

Selain itu, dalam penyebaran ilmu agama juga, kitab-kitab masyhur karangan ulama terkenal menjadi saksi bahawa bahasa ini menjadi tonggak utama dalam menyampaikan ilmu fardu kifayah. Ibnu Sina dengan kitabnya *al-Shifa* dan *Qanun al-Tibb* telah menyumbang ilmu beliau dalam bidang kedokteran moden dengan cetusan isi kandungan mencakupi kesihatan manusia, anatomi, pelbagai penyakit, faktor penyebab dan rawatannya, termasuklah radang otak, demam, diabetes dan banyak lagi. Tidak dilupai juga, Ibnu Khaldun yang digelar “bapa sosiologi” telah memberi sumbangan yang agung dalam dunia sejarah dan sosiologi. Beliau telah menulis karya yang cukup agung dinamakan sebagai “*al-Muqaddimah*”. Manakala al-Khawarizmi pula dengan ilmu matematik di mana beliau mencetuskan ilmu yang diguna pakai dan dikembangkan sehingga hari ini.

Selain itu, bahasa Arab bukan hanya sekadar sebagai bahasa komunikasi yang digunakan sebagai wasilah untuk berkomunikasi dan memahami antara satu sama lain. Malah, ia sangat berkait rapat dengan pembentukan sesebuah tamadun manusia. Ahmad Matlub (2001) melihat bahasa

ini mempunyai kaitan dengan nilai-nilai peradaban dan ketamadunan sesebuah bangsa seperti ilmu pengetahuan, pemikiran, politik, dan ekonomi sejak sebelum kedatangan Islam lagi.

Selepas Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai Rasul, kedudukan bahasa Arab terus kukuh dengan penurunan al-Quran yang menjadi pegangan setiap individu Muslim. Bahasa Arab dinobatkan sebagai bahasa ilmu semenjak penurunan wahyu Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-‘Alaq (ayat 1):

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Maksudnya:

*“Bacalah (wahi Muhammad) dengan nama Tuhan-Mu yang menciptakan (sekalian makhluk)”*

## **PELAJAR DAN BAHASA ARAB**

Dunia dan sejarah lama sebelum ini telah menyaksikan bahawa perkembangan ilmu pengetahuan Islam mahupun kontemporari banyak diambil daripada ulama silam yang terdiri daripada bangsa Arab. Antara ulama terkenal dalam multidisiplin ilmu termasuk Ibnu Khaldun (Ekonomi dan Sains Sosial), Ibnu Sina (Sains dan Perubatan), Al-Khawarizmi dan Al-Farabi (Matematik, Astronomi dan Astrofizik), Ibnu Rusyd (Fizik dan kejuruteraan), Ibnu Batutah (Geografi dan Sains Bumi), Hasan al-Banna dan Syed Qutb (Sains Politik) dan banyak lagi. Ulama-ulama ini bukan sahaja mahir dalam satu bidang tertentu sahaja, bahkan mereka menjadi pelopor kepada ilmu lain sehingga Barat mengambil ilmu-ilmu tersebut pada suatu ketika dahulu dan mengembangkannya. Ilmu-ilmu ini banyak dinukilkan dalam bahasa Arab kerana agama Islam menggesa umat Muslim untuk menimba ilmu sehingga menjadikan sesuatu bidang ilmu ini sebagai fardu kifayah untuk dipelajari. Oleh yang demikian, ramailah ilmuan Islam dilahirkan dan rata-rata mereka terdiri daripada golongan yang cerdik pandai dalam ilmu agama sehinggalah ilmu moden dan sains untuk kemaslahatan umat sejagat.

Pada hari ini, percambahan ilmu pengetahuan dan tuntutan untuk menekuni ilmu ini nyata dapat dilihat seiring dengan perkembangan dunia dari segi ekonomi, perubatan dan teknologi. Banyak negara mula menghantar dan membiayai pelajar-pelajar di peringkat universiti untuk ke luar negara bagi menimba ilmu pengetahuan dalam bidang tertentu. Negara-negara di dunia pada hari ini bukan sahaja menjadikan Eropah sebagai tempat tujuan untuk sumber pendidikan, malah dunia Arab juga tidak terkecuali dari ledakan ilmu yang dicetuskan melalui institusi-institusi pengajian masing-masing. Malaysia sebagai contoh, ada juga menghantar pelajar-pelajarnya ke Timur Tengah seperti Mesir, Makkah dan Jordan untuk mempelajari ilmu agama dan moden. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar ini perlu kepada mempelajari bahasa Arab bukan sahaja untuk urusan ibadat seharian, malah untuk komunikasi, pendidikan, akademik dan sosial bagi tujuan yang dinyatakan (Wail Ismail, Muhammad Azhar Zailani, Zakaria Alcheikh Mahmoud Awad, Zaharah Hussin, Mohd Faisal & Rahimi Saad, 2017). Kajian membabitkan kepentingan mempelajari bahasa Arab oleh warga Amerika Syarikat juga ada menyebut bahawa ibu bapa berpendapat, mempelajari bahasa Arab adalah suatu keperluan untuk pelbagai tujuan, antaranya ialah komunikasi, jalinan komuniti, di samping untuk mengenal budaya, agama dan tradisi serta menjaga nilai moral dan profesionalisme dalam masyarakat yang berbilang ras (Sara Al Alili & Wafa Hassan, 2017).

Keperluan untuk mempelajari bahasa Arab terpakai juga bagi sesetengah bidang pengajian seperti program pengajian yang ditawarkan di universiti-universiti. Sebagai contoh, program Kewangan Islam, Perbankan Islam, Perindustrian Halal, Undang-undang Syariah (Muhammad Anas Al Muhsin & Ahmad Farid Fadhli Mustafa, 2021) dan lain-lain banyak menggunakan istilah dan kata pinjaman daripada bahasa Arab. Justeru, pelajar amat ditekankan untuk menguasai bahasa Arab sebaik mungkin bagi membolehkan mereka menguasai dan berpengetahuan yang mendalam terhadap isi kandungan yang ditekuni supaya maklumat yang diterima daripada bilik kuliah dan bahan rujukan yang diperolehi tidak tersasar daripada maksud sebenar istilah tersebut dan matlamatnya yang asal. Demikian, amat wajar dan tidak keterlaluan jika bahasa Arab dan pelajar amat sinonim pada masa kini bukan sahaja untuk keperluan ibadat bagi umat Islam yang menjadi simbol kepada agama ini semata-mata, bahkan turut dipelajari oleh bukan Muslim di serata dunia.

Kepentingan bahasa Arab kepada golongan pelajar perlu diterapkan dan disemai dengan sebaiknya dalam diri pelajar sejak mereka di bangku sekolah lagi untuk menimbulkan minat mereka terhadap bahasa kedua ini. Minat terhadap bahasa ini membolehkan pelajar menguasai dan memahami bahasa Arab dengan baik di samping kecekapan dalam berbahasa seperti yang dinyatakan dalam penulisan Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub dan Azlinda Boheran Nudin (2020). Selain itu, bahasa Arab yang merupakan salah satu bahasa daripada 6,912 bahasa di dunia merupakan bahasa yang paling baik dan sempurna kerana struktur ayat, tatabahasa, pembetulan perkataannya bahkan ia adalah bahasa al-Quran dan perkataan Nabi Muhammad SAW juga. Maka, wajib bagi kita mempelajari bahasa Arab bagi meningkatkan kefahaman kita terhadap ajaran Islam. Sepertimana Allah berfirman dalam surah Yusuf (ayat 2):

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan Bahasa Arab, supaya kamu berfikir”.*

Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir dan Mohd Firdaus Yahaya (2015) turut menjelaskan tentang keperluan untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab dalam kehidupan Muslim. Hal ini kerana kesemua amal ibadah umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan bahasa Arab, malah menjadi syarat sesuatu ibadah itu diterima oleh Allah SWT khususnya yang melibatkan ibadah seperti solat dan haji. Justeru itu, mempelajari dan menguasai bahasa Arab bukan lagi merupakan satu pilihan tetapi satu keperluan dan kewajipan kerana bahasa Arab tidak boleh dipisahkan daripada pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam.

Selain itu, Ibn Zamziba (2015) memberi pendapat yang sama dengan menyatakan, semua amal ibadat umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan bahasa Arab. Beliau juga menegaskan bahawa untuk memahami al-Quran dan sunah Nabi Muhammad sollahu'alaihiwassalam (perkataan terutamanya), maka setiap daripada kita mesti belajar dan mendalami ilmu bahasa Arab dengan benar dan bersungguh (Ibn Zamziba, 2018) .

Berdasarkan pernyataan ini, menjadi satu kewajipan yang mutlak kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Arab kerana ia adalah bahasa al-Quran dan Hadith, seterusnya pelajar akan dapat memahami bahasa Arab itu sendiri. Para ulama telah mengakui bahawa belajar bahasa Arab bukan sahaja untuk memahami al-Quran, tetapi dengan mentadabbur al-Quran kita akan

memperoleh pelbagai ilmu antaranya ilmu linguistik yang terkandung dalam bahasa Arab itu sendiri. Mempelajari bahasa Arab sangat penting dalam kehidupan seharian kerana hampir semua amal ibadat umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan bahasa Arab.

Pelajar perlu menanam rasa cinta yang tidak berbelah bagi untuk mempelajari bahasa Arab kerana terdapat pelbagai kelebihan apabila mempelajari dan menguasai bahasa ini, antaranya:

### **1. Sebagai Nilai Tambah**

Seperti bahasa asing lain juga, pelajar perlu memahirkan diri dengan bahasa Arab, baik secara teori mahupun praktikal. Pembelajaran bahasa Arab yang menjadi nilai tambah kepada pelbagai sudut kehidupan manusia zaman moden menjadi satu kemestian. Komunikasi pada masa kini menjadi cukup pantas dengan mediumnya yang tersendiri baik internet mahupun media massa yang lain. Dunia sudah menjadi sebuah kampung kecil tanpa sempadan yang digelar sebagai “globalisasi”. Tidak hairanlah sesebuah umat manusia di satu negara boleh berkomunikasi dengan bangsa dan tamadun lain dengan hanya berhubung secara maya tanpa bersemuka melalui jarak dekat. Oleh itu, penguasaan bahasa kedua seperti bahasa Arab ini mempunyai faedah yang tertentu bukan sahaja kepada pelajar Muslim, bahkan yang lainnya juga. Ini terbukti apabila dunia Arab yang terangkum dalam dunia global tadi menjadi sebahagian daripada penduduk dunia yang berkomunikasi dengan penduduk lain.

Komunikasi dengan masyarakat Arab akan menjadi lebih lancar sekiranya orang luar menguasai bahasa mereka dengan baik. Ini dapat digambarkan melalui kegiatan yang banyak dilakukan oleh orang Islam seperti ibadat haji dan umrah di Makkah. Sedikit sebanyak, pelaksanaan ibadah orang Islam di sana bertambah indah dengan adanya bahasa Arab yang menjadi medium perantaraan. Mereka boleh melancong di sekitar tempat ibadah tadi, mampu membuat tawar-menawar untuk harga barang di pasar serta menjalinkan hubungan persaudaraan baharu melalui perkenalan dengan bangsa Arab.

Perniagaan juga tidak terkecuali daripada faedah yang boleh didapati apabila menguasai bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Kebanyakan ahli perniagaan hanya menumpukan kepada bahasa Inggeris untuk melebarkan empayar perniagaan mereka. Hal ini menyebabkan mereka lupa bahawa perniagaan mereka boleh pergi lebih jauh sekiranya dapat menakluk pasaran negara Arab. Justeru, wajar bagi pelajar kini menanam sikap suka dan ingin belajar bahasa Arab khususnya bagi mahasiswa di universiti yang mengambil jurusan perniagaan.

### **2. Pembentukan Nilai-nilai Murni dan Sahsiah Diri**

Pelajar hari ini adalah bakal pewaris dan aset penting dalam memimpin negara pada masa akan datang. Mereka perlu berilmu, berdisiplin malah perlu memiliki nilai-nilai murni dalam diri agar menjadi seseorang individu yang dapat mencurahkan khidmat bakti kepada agama, bangsa dan negara. Menurut Fauziah Ibrahim (2009), golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan mengukuhkan ekonomi serta masa depan negara .

Pelajar boleh menjadi lebih mulia atau menjadi lebih hina berbanding individu lain disebabkan oleh faktor sahsiah diri dan akhlak. Memiliki sahsiah diri yang baik akan menjadikan remaja dipandang tinggi dan mulia. Sebaliknya, apabila seseorang pelajar itu memiliki sahsiah diri yang buruk, maka ia akan membinasakan dirinya sendiri hingga boleh membinasakan individu yang berada di sekelilingnya. Pelajar yang mempunyai sahsiah yang buruk dan melakukan perkara

yang sia-sia sudah pasti merugikan diri sendiri seperti melakukan perbuatan tercela, bergaduh sehingga dapat membinasakan diri serta masyarakat yang lain. Justeru, akhlak mulia dalam diri pelajar adalah sangat penting agar mereka dapat mengamalkannya dalam kehidupan, sekaligus dapat membentuk sahsiah diri dan tingkah laku yang mulia.

Seterusnya, keperluan rohani dan kekuatan jiwa dalam diri seseorang pelajar perlu diseimbangkan antara ilmu duniawi dan ukhrawi kerana ia bertujuan untuk memastikan seseorang itu tidak tersasar dalam mencapai tujuan sebenar sebagai seorang hamba Allah SWT. Pegangan prinsip dan pendirian yang kukuh berlandaskan ajaran agama dapat mencegah seseorang pelajar daripada dipengaruhi oleh unsur-unsur pergaulan bebas yang tidak sihat dan melampaui batasan (Robiah Kulop Hamzah, 2001). Amalan nilai-nilai murni menjadi satu kepentingan untuk memastikan pelajar dapat menjadi seseorang yang seimbang dalam kehidupan walau di mana pun mereka berada. Jika seseorang pelajar dapat mengamalkan amalan nilai murni dalam kehidupan sehariannya, sudah pasti mereka akan dapat membentuk sahsiah yang mulia dalam dirinya.

## **BAHASA ARAB REFLEKSI KETERAMPILAN PELAJAR ISLAM MASA KINI**

Berdasarkan kenyataan dan huraian mengenai kepentingan dan keperluan mempelajari dan menguasai bahasa Arab, jelas bahawa bahasa ini merupakan suatu bidang ilmu yang penting untuk pelajar menguasainya dan memperoleh kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan kehidupan. Antara refleksi bahasa Arab terhadap keterampilan pelajar Islam masa kini ialah:

### **1. Pelajar Berilmu**

Dalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang pelajar pasti kita terpaksa menempuh jalan yang sulit dan mencabar. Namun, apabila memiliki kekuatan ilmu, hati kita menjadi tabah dan bersemangat untuk menghadapi kesulitan tersebut. Jelaslah, kekuatan seseorang individu bergantung kepada ilmu yang dimiliki serta cara pengurusan hidup yang bijaksana.

Proses menuntut ilmu yang baik adalah melalui pendidikan sepanjang hayat. Pendidikan sebegini bermaksud pendidikan yang tidak hanya terhad di sekolah ataupun kepada sesuatu bidang ataupun bagi sesuatu peringkat umur. Pada setiap masa kita bersedia mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang meliputi semua aspek kehidupan sama ada rohani, jasmani, moral, bakat, minat, sosial dan sebagainya. Ini termasuklah menguasai bahasa Arab yang menjadi salah satu cabang ilmu dalam menjalani kehidupan kita baik dalam agama, kemasyarakatan, politik dan juga ekonomi. Pepatah Arab ada menyebut:

{ مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ، وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ، وَمَنْ أَرَادَ الْاِثْنَيْنِ مَعًا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ }

Maksudnya:

*“Sesiapa sahaja yang mahukan kebahagiaan di dunia maka ia dapat diperolehi dengan ilmu, sesiapa mahukan kebahagiaan di akhirat, juga dengan ilmu dan sesiapa mahukan kebahagiaan kedua-duanya juga dengan ilmu”.*

Kata pujangga ini menunjukkan betapa tingginya nilai dan kepentingan ilmu kepada manusia amnya dan pelajar khususnya. Ilmu adalah alat utama untuk hidup dan memiliki ilmu berarti memiliki kekuatan. Untuk menjadi pelajar yang berilmu, terdapat beberapa langkah mudah boleh diikuti antaranya:

**Membangunkan Akal yang Positif:** Setiap insan yang sempurna dikurniakan akal fikiran oleh Allah SWT. Hanya mereka yang tahu menggunakan serta mengawal akal mengikut kehendak yang positif sahaja dapat merasai nikmat yang Allah kurniakan ini. Dengan akal, pelajar dapat mengenal Allah SWT dan mereka dapat membezakan antara perkara yang baik dan buruk. Sebagai contoh, penagih dadah adalah individu yang tidak menggunakan akalnya untuk kebaikan dirinya sendiri. Hidup mereka melarat dan sanggup tidur di tepi-tepi jalan mahupun longkang yang busuk akibat tidak menggunakan akal pada tempatnya.

Kekuatan akal cukup penting kepada seseorang pelajar. Akal seumpama sebilah pisau. Walaupun asalnya ia sangat tajam tetapi sekiranya tidak digunakan dan terbiar, ia mula berkarat dan menjadi tumpul. Namun, sekiranya pisau itu diasah dan digunakan walaupun asalnya ia tumpul, lama kelamaan ia menjadi tajam. Begitu juga dengan akal kita. Pelajar perlu sentiasa membina kekuatan akal, melatih mengembangkan keupayaannya serta meningkatkan penggunaannya. Jangan biarkan akal berkarat sehingga sukar mengubah diri sendiri.

Pelajar perlu mengubah pemikirannya daripada seorang yang malas berfikir kepada seorang pelajar yang sentiasa berfikiran positif, lebih maju dan seorang yang berilmu pengetahuan. Secara tidak langsung, pemikiran yang positif akan menggerakkan pelajar melakukan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk dirinya dan orang lain serta membantu mengangkat martabat dan kedudukan diri pelajar sendiri. Penguasaan bahasa Arab juga membolehkan pelajar menambahkan kosa kata Arab. Mereka mampu untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka ilmu pengetahuan dan pengalaman di luar negara seperti Arab Saudi, Mesir, Jordan, Emiriah Arab Bersatu dan lain-lain negara yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi melalui aktiviti pelancongan, pertukaran pelajar asing dan sebagainya. Inilah peluang untuk pelajar mempunyai keterampilan diri dengan memiliki ilmu bahasa Arab yang dapat mengubah hidup pelajar kepada kehidupan yang lebih menyeronokkan.

**Melakukan Perubahan Diri:** Pelajar sekarang berada di dunia yang mengalami perubahan pesat. Sekiranya mereka terus mempertahankan cara pemikiran yang lama sudah tentu mereka tidak dapat pergi jauh. Sebagai contoh, pelajar terus mempertahankan pendapat mereka mengatakan Bahasa Arab adalah pelajaran yang sukar dan mereka tidak cuba menguasainya sudah pasti mereka tidak dapat bersaing dengan orang lain.

Pelajar perlu melakukan perubahan diri sekiranya benar-benar ingin menjadi seorang pelajar yang terbaik kepada dirinya sendiri. Mereka perlu mengubah kelemahan-kelemahan diri kepada membina kekuatan diri. Contohnya, perubahan dari aspek solat yang dulu mereka hanya lakukan sekali sekala sahaja tetapi sekarang dipertingkatkan amalan solat tersebut. Mereka juga dapat memperbaiki kesilapan bacaan-bacaan dalam solat melalui penguasaan bahasa Arab yang baik.

Walaupun demikian, perubahan ini mungkin sukar dicapai kerana ia bergantung kepada individu itu sendiri sama ada dia mahu berubah ataupun tidak. Allah SWT berfirman dalam surah ar-Ra'd (ayat 11):

... إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُعَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ... ﴿١١﴾

Maksudnya:

“... Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum seinggalah kaum itu sendiri yang mahu mengubahnya ...”.

Justeru, perubahan dalam diri pelajar akan berhasil sekiranya pelajar benar-benar mahukan perubahan dan menguasai diri mengatasi segala halangan dan pengaruh yang mendatang. Jadilah pelajar yang sentiasa berilmu pengetahuan dan berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar. Jadikan cabaran dan halangan sebagai pendorong kejayaan dan bukannya pencetus kepada kelemahan. Situasi sebegini membantu pelajar memperolehi pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran lain bagi memberi manfaat kepada agama, masyarakat dan negara.

**Budaya Berfikir:** Pelajar boleh membina budaya berfikir melalui penggunaan lima deria iaitu melihat, mendengar, menyentuh, merasa dan menghidu. Melalui perantaraan deria-deria ini pelajar boleh cuba memikirkan rahsia yang tersirat di sebalik apa yang dialaminya. Sebagai contoh, apabila pelajar membaca sesuatu bahan bacaan sama ada buku, majalah atau bahan-bahan melalui internet dan sebagainya, mereka hendaklah cuba melatih diri supaya tidak menerima secara bulat-bulat apa yang dibaca, sebaliknya cuba berfikir mencari pandangan yang sebaliknya daripada apa yang tertulis sama ada tersurat dan tersirat. Tindakan sebegini membantu menajamkan pemikiran dan secara tidak langsung menjadikan pelajar cepat mendapat idea apabila diperlukan kerana mereka mempunyai kekuatan dalam berfikir.

Ringkasnya, peningkatan ilmu dapat diperolehi dengan mengamalkan budaya berfikir dan mengelakkan sikap malas berfikir. Pelajar hendaklah cuba untuk menghilangkan perasaan malas berfikir kerana sampai bila mereka ingin menjadi pelajar yang hanya melihat sahaja kemajuan dan kegemilangan tamadun lain, akan tetapi mereka perlu menjadi pelajar yang berdaya saing dan pereka cipta inovasi baharu juga.

## 2. Pelajar Berkepimpinan Diri

Seseorang yang tidak dapat memimpin dirinya sendiri bererti dia tidak mampu memimpin orang lain. Ini bermakna kepimpinan diri sangat penting bagi seseorang kerana dengan mempunyai kekuatan kepimpinan diri (Ahmad Zabidi Abdul Razak, 2003), seseorang individu boleh berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Kejayaan tersebut diperolehi kerana ia mampu mengawal dirinya daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir negatif di mana sekalipun mereka berada dan bersama siapa mereka bergaul. Sifat sebegini seperti ikan di laut, walau berada di dalam air laut, namun isinya tidak dipengaruhi oleh rasa masin. Perumpamaan ini menunjukkan walaupun pengaruh luar terlalu kuat, namun ia tidak menjejaskan dirinya walaupun sedikit.

Pelajar seperti inilah yang kita mahu lahirkan yang berupaya memimpin dirinya sendiri dan juga orang lain. Jika pelajar mempunyai ilmu yang banyak melalui pelbagai bahasa yang dipelajari dan dikuasainya, tidak mustahil pelajar ini berjaya menjadi seorang yang bijak memimpin dan menguruskan dirinya dengan baik. Mereka berjaya menjalinkan hubungan dengan sesiapa sahaja

dan mendampingi orang-orang sekeliling yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan latar belakang. Pengetahuan tentang sesuatu budaya orang lain merupakan satu nilai tambah bagi mencapai tahap keharmonian hidup. Bergaul bersama mereka yang berlainan bangsa dan agama menjadikan seseorang merasa selesa dan yakin walau di mana dia berada dan mudah berkomunikasi antara satu sama lain.

Mempunyai pengetahuan berkomunikasi dalam bahasa Arab sudah pasti memudahkan pelajar bertutur dengan lebih yakin apabila berhadapan dengan etnik Arab. Mereka berpeluang untuk mendalami budaya orang Arab, memantapkan lagi penguasaan bertutur dalam bahasa Arab dan akhirnya dapat mendalami dan memahami hal ehwal yang berkaitan dengan ajaran Islam. Islam banyak mengajar individu Muslim tentang kepimpinan diri melalui dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis. Sebagai contoh sabda Rasulullah SAW melalui hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, Al-Tirmizi dan Ahmad:

{أَلَا كُنْتُمْ رَاعٍ، وَكُنْتُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ...}

Maksudnya:

“Tiap-tiap kamu adalah pemimpin dan kamu akan ditanya mengenai kepimpinan kamu ...”

Pengetahuan mengenai bahasa Arab juga dapat menghindari pelajar daripada terpengaruh dengan aktiviti yang memudaratkan diri mereka. Mereka dapat membezakan mana yang baik dan mana yang buruk untuk mereka lakukan melalui kefahaman mereka terhadap isi kandungan al-Quran yang menyeru kepada *al-amr bil ma'ruf wa an-nahy 'an al-munkar* (mengajak orang lain ke arah kebaikan dan mencegah kebatilan). Kefahaman daripada pembacaan ayat-ayat suci al-Quran dan penghayatan dalam ibadah solat umpamanya dapat menyedarkan diri pelajar tentang kepentingan memimpin diri sendiri dan akhirnya mereka dapat mengawal diri dari melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Apabila mereka dapat memimpin diri mereka sendiri sudah pasti mereka juga dapat mempengaruhi orang lain untuk melakukan perkara yang sama.

Terdapat dua faktor yang boleh dipraktikkan oleh pelajar bagi membina kepimpinan diri, iaitu:

- **Yakin kita tergolong dalam kalangan insan yang bertuah:** Pelajar hendaklah mempunyai keyakinan yang teguh bahawa mereka juga berada dalam kalangan seseorang individu yang bertuah, iaitu mereka juga mempunyai kekuatan berbanding orang lain. Sebagai contoh, apabila menghadapi sesuatu musibah atau kekurangan, jangan cuba membandingkan diri kita dengan seseorang yang lebih beruntung daripada kita. Sebaliknya, bandingkan dengan orang yang kurang bernasib baik daripada diri kita. Perbandingan sebegini dapat menunjukkan kita masih bertuah berbanding dengan orang yang tidak beruntung. Apa yang perlu dilakukan bukan mengeluh sebaliknya mencari jalan menyelesaikan permasalahan itu.
- **Yakin bahawa kepimpinan diri dapat dilakukan dengan kekuatan ilmu:** Dalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang pelajar, mereka pasti terpaksa menempuh jalan yang sukar dan penuh dengan cabaran. Namun, apabila memiliki kekuatan ilmu, hati kita menjadi tabah dan bersemangat menghadapi kesulitan tersebut. Jelaslah kekuatan seseorang individu bergantung kepada ilmu yang dimiliki. Kesimpulannya, ilmu adalah alat utama untuk hidup dan memiliki ilmu bererti memiliki kekuatan.

### 3. Pelajar “*Role Model*” (Contoh Teladan Terbaik)



Manusia adalah modal utama dalam usaha melaksanakan pembangunan negara di samping modal-modal yang lain seperti kekayaan alam, kedudukan geografi, ekonomi dan sebagainya. Golongan pelajar juga dikategorikan sebagai generasi manusia yang tergolong sebagai modal dan penggerak pembangunan tersebut. Dalam menghadapi cabaran era globalisasi dan teknologi ini, unsur yang terpenting ialah bagaimana pelajar memainkan peranan mereka untuk menjadi seorang pelajar yang berwawasan, memiliki ketahanan diri yang mampu memperbaiki diri mereka sendiri dan *role model* kepada negara.

Hidup sebagai pelajar biasanya dipenuhi dengan rasa resah dan gelisah. Namun, ketabahan dan kesabaran adalah intipati utama sebagai senjata memperjuangkan rekod keimanan seorang pelajar Muslim. Pelajar tidak perlu bertindak melulu atau liar dengan cara yang tidak betul. Allah SWT telah menjadikan kita dengan akal fikiran, intelek, iman, keyakinan, kesedaran diri, berkehendak pada kesempurnaan dan ilmu pengetahuan. Justeru, pelajar disaran untuk membentuk hidup dengan rasional dan bijak serta merancang masa depan dengan sebaiknya.

Penguasaan bahasa Arab dapat melonjakkan nama pelajar di persada negara mahupun dunia. Perkara ini tidak mustahil jika pelajar masa kini mempunyai minat yang mendalam dalam bahasa Arab. Mempelajari dan menguasai bahasa Arab bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman seseorang terhadap ajaran Islam dan isi kandungan al-Quran malah membuka ruang dan peluang kepada individu itu untuk berkarya atau mendalami bidang yang diminati. Ini telah terbukti melalui kejayaan seorang pelajar, Mohd Khairi Maidin yang berumur 20 tahun, di mana beliau merangkul gelaran juara dalam pertandingan Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Melaka Tahun 1440H/2019M di Auditorium Masjid Al-Azim Melaka baru-baru ini (Harian Metro, 19 Februari, 2019). Minat beliau terhadap tarannum adalah untuk memperbaiki teknik bacaan dan lagu secara bertarannum ayat suci al-Quran dengan mempelajarinya melalui siaran TV menerusi rancangan “Mari Bertarannum” sejak berusia lapan tahun dan semakin serius pada peringkat menengah dan kini. Akhirnya, beliau berjaya mencapai impian dan hasrat untuk bergelar juara dalam pertandingan tilawah al-Quran ini. Beliau juga pernah muncul juara bagi kategori remaja anjuran universiti serta Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

#### **4. Pelajar Bermotivasi**

Seorang pelajar hendaklah sentiasa mendapatkan motivasi sendiri (dalam diri) supaya hidup akan sentiasa bermakna (Saedah Siraj, 2001). Orang yang bermotivasi telah sedia ada dalam dirinya keyakinan, kekuatan dan penggerak yang sentiasa mengarahkan dirinya untuk terus berjaya. Beliau menyatakan orang yang bermotivasi mempunyai ciri yang tergambar pada penampilan dirinya, iaitu:

- **Tergambar Keceriaan dan Keriangan di Wajahnya:** Ia kelihatan sentiasa tersenyum seolah-olah di sebalik senyumannya itu tiada langsung kedukaan yang singgah di hatinya. Senyuman yang terukir di bibirnya juga membenihkan keriangannya di hati siapa sahaja yang melihatnya.
- **Sikapnya Peramah dan Mudah Mesra:** Ia kelihatan seperti rama-rama yang berwarna-warni yang singgah dari kelopak ke kelopak bunga tanpa madu. Keramahannya itu tergambar melalui lambaian kepaknya yang seolah-olah mengajak orang lain bersamanya. Sifat peramah orang yang bermotivasi biasanya datang

dari hati yang luhur dan bersih sehingga memancarkan kemesraan yang tulus apabila kita berhubung dengannya.

- **Bersemangat dan Berkeyakinan Tinggi:** Ia kelihatan mempunyai kesungguhan dalam apa juga bentuk kepadanya. Ia memiliki keyakinan yang tinggi dan kelihatan keyakinan itu terpacak kukuh dalam dirinya. Semangat yang ada pada dirinya seolah-olah tidak pernah padam dan ia kelihatan tidak pernah merasa jemu.
- **Berketerampilan Diri:** Sentiasa menjaga keterampilan diri di mana-mana sahaja ia berada. Kemas bererti bukan sahaja dari pakaiannya tetapi termasuklah cara bercakap, cara berjalan, cara duduk dan sebagainya. Pergerakannya tenang dan menggambarkan dirinya memiliki sekeping hati yang sentiasa tenteram.

Inilah antara ciri yang perlu disematkan dalam diri pelajar. Mereka harus mempunyai jiwa yang sentiasa inginkan kebahagiaan dan kegembiraan dalam hidup dengan cara yang disarankan oleh ajaran Islam. Terdapat beberapa dalil yang menunjukkan seseorang itu dituntut untuk hidup ceria, bersemangat dan berkeyakinan tinggi, beramah mesra dan sebagainya seperti firman Allah SWT dalam surah Ali Imran (ayat 139):

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزِنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

Maksudnya:

“Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi (darjatnya), jika kamu orang-orang yang beriman.”

Ringkasnya, dengan mempelajari dan menguasai bahasa Arab, pelajar akan beroleh banyak manfaat daripadanya sebagai panduan dan amalan seharian. Amalan-amalan inilah yang akan memandu pelajar ke arah kehidupan yang bermotivasi dan lebih terjamin.

## 5. Pelajar Holistik (JERI)

Pelajar hari ini mampu mempunyai keterampilan diri yang hebat menerusi penguasaan ilmu pengetahuan, kecerdasan minda, kemahiran dan berkeperibadian mulia dalam menjalani kehidupan ini. Hal ini selari dengan ajaran Islam yang mengambil kira pendidikan individu adalah berdasarkan hakikat kejadian manusia yang terdiri daripada jasmani, akal dan jiwa, tanpa mengabaikan sebarang bahagian. Islam mendidik manusia secara menyeluruh dan meliputi semua aspek kehidupannya sama ada jasmani, akal dan jiwa atau kehidupan yang bersifat *maddi* (material) dan *maknawi* (spiritual). Begitu juga matlamat dan hasrat pendidikan yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI) berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Malah Falsafah Pendidikan Islam (FPI) juga turut menyokong matlamat FPK dengan menyatakan bahawa dasar kepada pendidikan itu adalah bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, kedua-dua falsafah ini telah merencanakan satu bentuk pendidikan terhadap pembentukan, pembangunan dan perkembangan potensi individu ke arah pembangunan insan yang seimbang dan harmonis berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Berdasarkan matlamat pendidikan yang amat menitikberatkan terhadap potensi individu secara holistik, pelajar perlulah menjalani kehidupan yang memberi makna kepada kehidupan mereka bukan sahaja untuk hari ini malah pada masa akan datang. Mereka perlu menghadapi segala cabaran dengan penuh bijaksana dan sentiasa menambah ilmu pengetahuan dari masa ke masa.

Terdapat beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan oleh pelajar bagi memastikan kehidupan mereka seimbang dan harmonis, antaranya:

**Pertama**, seseorang pelajar boleh mengembangkan potensi diri mereka melalui kalbu/nurani/afektif sebagai seorang insan yang memiliki nilai dan emosi yang stabil. **Kedua**, membiasakan diri dengan tingkah laku dan perilaku yang terpuji selari dengan nilai-nilai agama. **Ketiga**, menanamkan jiwa kepemimpinan dan tanggungjawab dalam diri sebagai generasi penerus bangsa dan harapan negara. **Keempat**, mengembangkan kemampuan diri menjadi manusia yang mandiri, kreatif dan berwawasan. **Kelima**, mengembangkan persekitaran dan lingkungan kehidupan dengan aman, jujur, ikhlas dalam persahabatan dan pergaulan sesama rakan, berfikiran positif, berhati baik dan berperilaku mulia. **Keenam**, perlu sentiasa memperbaiki dan memperkuat hubungan kekeluargaan, kemasyarakatan serta bertanggungjawab dalam pengembangan potensi diri sebagai seorang individu yang berdaya maju, bermandiri dan sejahtera. **Ketujuh**, sentiasa menghormati perbezaan budaya, agama dan bangsa tanpa ada rasa perkauman di antara satu sama lain.

Justeru, sebagai pelajar yang sejahtera, harmonis, seimbang dari aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek serta holistik, perilaku yang baik amat dituntut dan perlu melekat dalam diri pelajar dengan nilai-nilai seperti jujur, toleransi, disiplin, kerja keras, kreatif, bermandiri, inovatif, berfikiran secara kritis, demokrasi, rasa ingin tahu, semangat kebangsaan, cinta tanah air, menghargai prestasi, bersahabat, rasa kasih dan sayang, cintakan kedamaian, elak pergaduhan dan permusuhan, gemar membaca, peduli hubungan sosial dan tanggungjawab. Pelajar holistik peneraju bangsa maju dan berwawasan.

## RUMUSAN

Pelajar berketerampilan merujuk kepada golongan pelajar yang memiliki keupayaan dan kekuatan diri yang tinggi dalam menghadapi segala cabaran hidup. Penguasaan terhadap bahasa Arab dan kefahaman yang tinggi terhadap isi kandungan ayat-ayat al-Quran dan Hadith menjadi salah satu faktor utama yang membantu pelajar memahami cara hidup yang sempurna walau berhadapan dengan kesulitan dan cabaran hidup. Berbekalkan ilmu pengetahuan dan memiliki ciri-ciri pelajar yang berketerampilan, golongan pelajar dapat mengubah cara hidup yang biasa kepada cara hidup yang luar biasa dan lebih bermakna. Semoga bahasa Arab ini terus mendapat tempat di hati pelajar untuk mempelajari dan mengamalkannya kerana keistimewaan bahasa ini yang mencerminkan ketinggian peribadi diri pelajar Muslim sejati.

Sememangnya agama Islam mahukan setiap manusia di dunia ini mempunyai akhlak atau budi pekerti (peribadi) mulia. Pelajar yang berjaya menjadikan akhlak sebagai landasan kepimpinan dirinya sudah tentu dapat mengatasi banyak masalah yang berlaku ketika ini dan mampu mengelak unsur-unsur yang tidak bersesuaian mempengaruhi dirinya. Terdapat tiga golongan manusia iaitu mereka yang menjadikan sesuatu itu berlaku, mereka yang melihat sahaja apa yang berlaku dan mereka yang bertanya apa yang berlaku. Jadilah pelajar yang tahu untuk menentukan siapa diri mereka, apa yang terbaik untuk kehidupan mereka dan golongan mana mereka berada.

Kepentingan dan peranan pelajar sebagai tiang negara dan harapan bangsa perlu diberi penekanan yang lebih berbanding memperlihatkan keburukan yang dilakukan mereka. Golongan remaja merupakan aset penting kepada negara pada masa hadapan. Mereka

hendaklah menjadi seseorang yang mempunyai wawasan yang tinggi dan berketerampilan. Bagi melahirkan pelajar seperti ini, satu usaha ke arah menjadikan pelajar yang seimbang dan harmoni perlu digembeleng secara jelas agar pelajar ini dapat mempamerkan imej diri yang tinggi. Pelajar perlu belajar bersungguh-sungguh dan menguasai segala ilmu kerana hanya dengan pelajaran seseorang itu boleh mengubah nasib dirinya, keluarga, masyarakat dan juga negara.

## RUJUKAN

- 7 sebab untuk belajar bahasa asing. (2021). Diakses pada 4 April, 2021 daripada: <https://ms.innerself.com/content/personal/happiness-and-self-help/performance/22045-7-reasons-to-learn-a-foreign-language.html>.
- Ahmad Matlub. (2001). *“Daur al-lughah al-Arabiyyah fi al-isha al-hadhari”*. Prosiding seminar bertajuk *Makanah al-lughah al-Arabiyyah bayna al-lughat al-alamiyyah*. 6-8 November 2000. Algeria: Al-majlis al-a’la li al-lughah al-Arabiyyah.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2003). *Memimpin diri sendiri*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Al-Quran al-Karim.
- Fauziah Ibrahim. (2009). *Dadah dan pembangunan belia: antara cabaran dan peranan*. Nobaya Ahmad dan Haslinda Abdullah (eds.). *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Penerbit UPM, Serdang Selangor.
- Hamidah Mat & Wan Mohammad Ubaidillah Wan Abas. (2016). *The relevance of arabic language in islamic studies program: a case study of Open University Malaysia (OUM)*. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 5, issue 2, (October) ISSN 2289-1552.
- Harian Metro. Penuntut dan Doktor Gigi Johan Tilawah Melaka. (19 Februari, 2019) Keperluan bahasa arab dan keistimewaannya. (2015). Di akses pada 4 April, 2021 daripada: <https://ibnuzamziba.blogspot.com/2015/04/keperluan-bahasa-arab-dan.html>
- Keperluan bahasa arab. (2018). Di akses pada 4 April, 2021 daripada: <https://ibnuzamziba.blogspot.com/2018/>
- Mahyudin Ritonga, Asrina , Rizka Widayanti, Fitri Alrasi, Julhadi & Syaflin Halim . (2020). *Analysis of arabic language learning at higher education institutions with multi-religion students*. *Universal Journal of Educational Research* 8(9): 4333-4339, 2020. DOI: 10.13189/ujer.2020.080960.
- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin. (2020). *Analisis komunikasi bukan lisan guru cemerlang bahasa melayu ketika melaksanakan pengajaran dan pembelajaran KOMSAS*. *Jurnal Dunia Pendidikan*. E-ISSN: 2682-826X Vol. 2, No. 3, 267-277, 2020.
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Firdaus Yahaya. (2015). *Tinjauan persepsi pembelajaran bahasa arab untuk tujuan ibadah sebagai satu keperluan bagi masyarakat muslim awam di Malaysia*. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30 (1). pp. 1-12. ISSN 2289-9057 (O), 2180-3463 (P) (In Press)
- Muhammad Anas Al Muhsin & Ahmad Farid Fadhli Mustafa. (2021). *Requirements of learning arabic language among islamic financial students era 4.0*. *Psychology And Education* 58(2): 1545-1556. ISSN: 00333077.
- Muhammad Anas Al-Muhsin, Khairun Nisaa Mohd, Nur Syafiqah Subri & Nurul Afifa Ishak. (2021). *Reasons for choosing arabic language as a third language: a case study in UiTM Perak*. *Psychology And Education* 58(2): 1527-1537, ISSN: 00333077.
- Robiah Kulop Hamzah. (2001). *Remaja dan pengurusan diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Saedah Siraj. (2001). *Remaja dan strategi penyelesaian masalah*. Siri Pendidikan Institusi Keluarga 1. Alam Pintar Enterprise. Selangor.
- Sara Al Alili & Wafa Hassan. (2017). *Attitudes of arabic- and non-arabic speaking parents toward the importance of learning arabic in the United States*. Journal of the National Council of Less Commonly Taught Languages 21 (1), 1-36.
- Wail Ismail, Muhammad Azhar Zailani, Zakaria Alcheikh Mahmoud Awad, Zaharah Hussin, Mohd Faisal & Rahimi Saad. (2017). *Academic and social media practices of arabic language among Malaysian students*. TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology, volume 16 issue 3.

## **BAB 14**

### **KOMPETENSI GURU BAHASA ARAB TERHADAP PENGUASAAN NAHU: IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, Naqibah Mansor<sup>1</sup>,  
Ainon Wazir, & Muafah Sayed<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selagor

<sup>2</sup>Institut Perguruan Guru Kampus Pendidikan Islam

#### **PENGENALAN**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) memfokuskan kepada enam aspirasi pelajar di Malaysia. Di antara aspirasi tersebut dinyatakan sebagai Kemahiran Dwibahasa. Setiap pelajar yang melalui sistem pendidikan di negara ini perlu sekurang-kurangnya menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan, serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Di samping itu, digalakkan semua pelajar untuk menguasai bahasa lain sebagai bahasa tambahan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah). Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran telah menggagaskan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di sekolah-sekolah agama sama ada Sekolah Agama Menengah (SAM) atau Sekolah Agama Rakyat (SAR). Sekolah-sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

SABK diwujudkan dengan tujuan untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sumber manusia, serta prasarana dan kemudahan. Sekolah-sekolah tersebut ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan menerima pelbagai kemudahan. Manakala pemilikan tanah dan bangunan serta kurikulum agama negeri masih dikekalkan (JAPIM, 2007).

Kurikulum yang digunakan di SABK terbahagi kepada dua bentuk, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Bu'uth al-Azhar. Pelaksanaan KSSM di SABK adalah selaras dengan status sekolah tersebut yang berada di bawah pentadbiran KPM manakala pelaksanaan Kurikulum Bu'uth Al-Azhar pula adalah mengambil kira kurikulum asal yang digunapakai sebelum pertukaran status kepada SABK. KBD yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar akan mempertingkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa serta mampu merujuk asas-asas ilmu pengetahuan dalam kitab-kitab muktabar. Aspek pengetahuan kurikulum ini akan mengembangkan potensi dan keupayaan pelajar dalam ilmu agama dan bahasa Arab.

Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab (Mohammed Sani et al., 2015). Dalam kajian ini, kompetensi yang dimaksudkan ialah kompetensi yang dimiliki oleh guru bahasa Arab di SABK dalam ilmu nahu bahasa Arab, iaitu berdasarkan beberapa tajuk nahu terpilih berdasarkan kerangka guru bahasa Arab yang dicadangkan oleh *National Center For Assessment For Higher Education*, Saudi Arabia (2017). Dalam konteks kajian ini, kompetensi merujuk kepada

pengetahuan guru bahasa Arab SABK dalam bidang nahu bahasa Arab yang diukur melalui ujian kompetensi nahu. Manakala tahap kompetensi pula merujuk kepada tahap penguasaan guru-guru bahasa Arab di SABK dalam bidang nahu sebagaimana yang diperoleh daripada ujian kompetensi nahu. Dalam kajian ini, guru bahasa Arab yang dimaksudkan ialah guru yang mengajar subjek LAM di SABK Semenanjung Malaysia. SABK merujuk kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang ditadbir oleh KPM dan menerima pelbagai kemudahan, pemilikan tanah, bangunan serta kurikulum agama juga masih dikekalkan di bawah kerajaan negeri (KPM, 2019). Dalam konteks kajian ini, SABK merujuk kepada SABK di Semenanjung Malaysia yang dibahagikan kepada empat zon, iaitu zon Timur, Selatan, Tengah dan Utara.

### **Tahap Kompetensi Profesional**

SGM yang digubal oleh KPM telah meletakkan kayu ukur yang harus dicapai oleh guru untuk mengenalpasti tahap kompetensi profesional guru dalam aspek amalan profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran PdPc. Guru profesional yang dimaksudkan oleh Jhon Helmi (2015) adalah guru yang mempunyai kemahiran yang khusus dalam bidang perguruan sehingga mampu untuk melakukan tugas sebaiknya dan menjalankan tugas guru semaksimum mungkin. Jafaruddin (2015) telah meletakkan indikator sebagai kayu ukur seperti kemampuan merancang pembelajaran, kemampuan guru dalam proses PdPc serta kemampuan untuk mengevulasi pembelajaran. Berdasarkan kajian daripada Nazri Atoh et al., (2014) mengenai guru bahasa Arab yang profesional dan berkualiti adalah guru yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam opsyen bahasa Arab, memiliki pendidikan dalam bidang perguruan atau sekurang-kurangnya pernah berpraktikum di sekolah. Selain itu, guru tersebut juga menggunakan 80% bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan dalam PdPc dan melaksanakan bentuk PdPc yang menarik dan berkesan sekaligus cakna dengan persekitaran pembelajaran.

### **Kompetensi Pengajaran**

Merujuk kepada definisi yang dikeluarkan oleh *National Center of Assesement in Higher Education*, Saudi Arabia (2017) pengajaran yang berkemampuan adalah pengajaran yang mengamalkan nilai-nilai dan ciri-ciri yang harus dimiliki oleh seorang guru bahasa Arab yang mahir dalam bidang ilmunya. Oleh itu, seorang guru bahasa Arab yang kompeten haruslah memiliki pengetahuan yang kukuh dalam bidang pengkhususan yang diceburi dan setiap cabang ilmu yang berkaitan dengannya. Selain itu, guru bahasa itu juga harus mengambil tahu perkembangan kajian ilmiah dan metodologi pengajaran yang berkesan.

### **Kompetensi Menjamin Kualiti Guru**

Kajian yang dilakukan oleh Gamal Abdul Nasir Zakaria et al., (2015) berkaitan amalan pengajaran guru bahasa Arab Sekolah Menengah di negara Brunei Darussalam mendapati dari aspek kompetensi guru, kebanyakan guru masih belum memiliki kelulusan yang khusus dalam pendidikan dan pengalaman pengajaran bidang bahasa. Begitu juga dengan kajian oleh Al Muslim Mustapa dan Zamri Arifin (2015), mengenai “Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab di Malaysia” mendapati faktor kualiti guru telah menjadi faktor utama keberkesanan dalam sistem pembelajaran di sekolah. Manakala menurut Mohammad Abdillah Samsuiman et al., (2014) dalam menghasilkan pendidikan yang tinggi kualitinya tidak dapat dinafikan bahawa aspek pengajaran mempunyai peranan penting yang mesti dimainkan oleh tenaga pengajar.

Pengajaran yang berkualiti terhasil daripada guru yang berkualiti dan bijak mengaplikasikan ilmu pedagogi, iaitu ilmu mengajar secara saintifik dalam pendidikan formal. Nazri Atoh et al., (2014) juga mendapati bahawa antara ciri-ciri profesional yang perlu ada pada seorang guru bahasa Arab ialah opsyen pengajian guru mestilah bahasa Arab.

### **Kompetensi Guru Bahasa Arab dalam Aspek Nahu**

Kompetensi guru sebenarnya amat dititikberatkan oleh pihak KPM supaya para guru fokus kepada kemahiran pengajaran serta melatih para guru dengan pendekatan baharu bagi memastikan aspek kemenjadian pelajar dapat direalisasikan (Utusan, 3 November 2018). Menurut H. Taha, (2017) guru-guru bahasa Arab wajib diterapkan dengan ilmu nahu dan menguasainya sebelum mengajar di sekolah-sekolah seperti yang dilakukan oleh Universiti Sultan Qaboos di Oman yang mewajibkan pelajar pendidikan Ijazah Sarjana Muda mengambil 67 jam kredit bagi mata pelajaran bahasa Arab yang merangkumi ilmu nahu, sorof dan sastera Arab sebelum bergraduasi. Hal ini dapat memastikan para guru betul-betul mahir dengan ilmu bahasa Arab bagi memastikan para pelajar menerima ilmu dengan betul.

### **Penguasaan Guru dalam Ilmu Nahu**

Dalam kajian Hazrul et al., (2016) berkaitan penguasaan ilmu nahu dalam kalangan guru-guru bahasa Arab Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di negeri Perak mendapati penguasaan para guru dalam ilmu nahu adalah pada tahap memuaskan. Ilmu nahu dianggap penting bagi guru yang mengajar mata pelajaran Dini khususnya bahasa Arab untuk memahami teks Arab yang dibaca dan membacanya dengan baris yang betul (Salamiah et al., 2012). Hal ini demikian kerana, ilmu nahu ini merupakan ilmu yang menentukan makna dan peraturan bahasa serta memberikan makna dan kefahaman ayat atau teks yang tepat (al-Khuli, 1986).

### **Ilmu Nahu Bahasa Arab**

Istilah ilmu nahu yang diambil dari bahasa Arab علم النحو bukanlah sesuatu yang asing dalam bidang bahasa Arab, bahkan ia wujud sejak 45-53 Hijrah yang diasaskan oleh Abu Al Aswad Ad Duali selaku orang pertama meletakkan asas-asas bagi ilmu nahu bahasa Arab. Usaha Abu Al Aswad Ad Duali disambung oleh beberapa tokoh lain seperti Abu Amru Al Ala', Al Khalil Ibnu Ahmad, Sibawayh, Al Nadhar bin Shumayl, Abu Ubaidah Al Asmai' dan beberapa tokoh yang lain. Para ulama banyak berbeza pandangan dan aliran dalam membahagikan tajuk-tajuk ilmu nahu bahasa Arab. Malah, kebanyakan ilmuan terdahulu menggabungkan ilmu nahu (Sintaksis) dengan ilmu sorof (Morfologi) kerana kaitan rapat antara kedua-dua bidang ilmu ini. Aliran ini juga digelar di sisi ulama nahu sebagai "Madrasah" yang memberi makna suatu aliran pemikiran dan ideologi. Antara Madrasah yang memainkan peranan dalam pembahagian tajuk nahu bahasa Arab adalah Madrasatul Amil (مدرسة العامل). Berdasarkan aliran pemikiran ini, tajuk ilmu nahu Arab harus dikategorikan berdasarkan Amil (عامل) yang dikhususkan baginya.

Mafhum Amil itu diambil dari kata dasar ل م ع yang membawa maksud sesuatu yang melakukan pekerjaan tertentu seperti (مرفوع), (منصوب), (مجرور) atau (مجزوم). Pembahagian ilmu nahu berdasarkan pendekatan Madrasah Al-Amil mendapat kritikan yang lantang daripada



pelbagai ilmu nahu. Ini kerana, pendekatan ini lebih bersifat kepada ilmu falsafah yang lebih mementingkan perbincangan teori secara rinci dan panjang lebar. Sering kali pendekatan madrasah Amil disifatkan sebagai pendekatan yang mengabaikan aspek praktikal dari ilmu nahu itu sendiri. Pendekatan yang kedua dalam pembahagian tajuk nahu bahasa Arab adalah pembahagian yang berpandukan hukum al-Irab (حكم الإعراب) iaitu al-Marfu'at (المرفوعات), al-Mansubat (المنصوبات) dan al-Majrurat (المجرورات) pada bab al-Ism manakala dikhususkan bagi kata kerja al-Afa'l dengan al-Majzumat (المجزومات). Ini adalah lebih selaras dengan objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini. Justeru, kajian hanya memfokuskan perbincangan yang mengikut pembahagian hukum al-Irab tanpa mengambil kira pembahagian yang dibawa oleh Madrasatul Amil.

## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN NAHU ARAB DI MALAYSIA**

### **Nahu Arab**

Pembelajaran nahu dalam mana-mana bahasa dunia merupakan mukadimah yang sangat penting untuk membetulkan penggunaan bahasa. Pendekatan yang tepat dalam pengajaran bahasa Arab ialah mengajar bahasa tersebut dengan fungsinya secara menyeluruh sebagai bahasa ilmu yang sentiasa hidup dan berkembang dalam kehidupan bermasyarakat (Ahmad Kilani, 2001) agar penguasaan bahasa Arab dapat dicapai secara bersepadu. Pembelajaran bahasa Arab perlu melalui pemeringkatan yang bermula daripada pembelajaran di peringkat sekolah rendah, diikuti sekolah menengah dan seterusnya di peringkat universiti. Pemeringkatan cara pembelajaran bahasa dimulai dengan mudah, pertengahan dan tinggi yang memecahkan persoalan-persoalan rumit berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab secara rinci. Pembelajaran qawaid yang cabangnya adalah nahu dan sorof perlu dilaksanakan melalui kaedah latih tubi menggunakan lafaz-lafaz, ayat dan ibarat secara betul mengikut nahu yang tepat. Hal ini bertujuan bagi membina kemahiran penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar dan mengurangkan kesalahan dari segi penggunaan bahasa. Pembelajaran ini juga wajar diberi nafas baharu dengan menghubungkan pembelajaran tersebut dengan pengalaman dan situasi sekitar yang dilalui oleh pelajar. Proses menghafal merupakan cara yang perlu dielakkan oleh guru dalam menggalakkan pelajar menguasai bahasa Arab. Aspek susah senang pembelajaran qawaid merujuk kepada bagaimana kaedah pembelajaran bahasa tersebut dipraktikkan, sejauh mana kemahiran guru diaplikasikan dan juga sejauh mana kesediaan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran bahasa Arab. Guru juga perlu mengambil kira tahap persediaan dan keupayaan pelajar untuk memilih beberapa kaedah supaya dapat dimanfaatkan oleh semua pelajar.

Justeru, berdasarkan tinjauan literatur, teori dan kajian-kajian lepas mendapati bahawa perbincangan mengenai kompetensi guru berlaku di pelbagai peringkat dan dimensi. Sama ada secara deskriptif mahupun penilaian. Kompetensi secara kolektifnya dianggap sebagai kayu ukur yang wajar bagi menentukan kualiti guru merangkumi pelbagai aspek dan dimensi. Maka, kajian ini memberi fokus kepada kompetensi guru bahasa Arab di SABK merangkumi aspek pengetahuan guru dalam nahu bahasa Arab bagi menjamin kualiti guru bahasa Arab dalam kerangka eksklusif bagi guru-guru bahasa Arab di SABK sebagai pelaksana kepada KBD yang baharu diperkenalkan pada tahun 2015 di SABK di Malaysia bagi mencapai visi dalam melahirkan *ulama' warasatul Anbiya'*.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kurikulum dalam KBD terdiri dari lima komponen besar yang kesemuanya diajar dalam bahasa Arab termasuklah buku teks. Medium penyampaian dan bahan bantu mengajar (BBM) kesemuanya disampaikan menggunakan bahasa Arab. Ia merupakan satu cabaran yang masih perlu ditangani. Penguasaan guru terhadap nahu bahasa Arab sangat penting kerana ia memberi kesan kepada penguasaan pelajar.

Kajian oleh (Zamri Ariffin 2014) berfokus kepada kualiti guru bahasa Arab dalam konteks Malaysia dengan menyatakan bahawa sekiranya suatu transformasi dalam pendidikan bahasa Arab hendak dimulakan di Malaysia, maka fokus utama ialah membina dan menyediakan guru yang berkualiti sekaligus mampu mendepani cabaran pendidikan semasa. Namun, sehingga kini garis panduan dan rujukan standard dan seragam bagi mengukur tahap kompetensi guru bahasa Arab secara khusus belum didapati dan dihasilkan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Kajian yang dijalankan oleh Maimun Aqsha Lubis et.al(2014) berfokus kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Antara salah satu daripada objektif kajian adalah mengenal pasti amalan pengajaran guru bahasa Arab di SABK menunjukkan wujudnya amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari perspektif pelajar. Mereka memberi pandangan yang positif terhadap amalan pelaksanaan P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah. Hasil kajian Hazrul Effendi(2016) menjelaskan bahawa wujud keperluan untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan ilmu Nahu dalam kalangan guru-guru STAM dan juga keperluan melaksanakan kajian yang melibatkan responden yang lebih ramai.

Manakala menurut Noorshamshinar et. al (2017); kajian beliau berfokus kepada kompetensi guru bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia menegaskan bahawa kompetensi guru merupakan faktor yang penting bagi menjayakan segala matlamat pendidikan yang ditetapkan oleh KPM. Kajian menitikberatkan kompetensi umum dan memfokuskan kepada pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Untuk menjadi seorang guru bahasa Arab yang berkompeten, guru tersebut perlulah menguasai segala aspek dan ciri-ciri pedagogi, kurikulum, penilaian, profesionalisme dan bahasa.

Menurut Nor Asyikin(2018) kajian mengenai ilmu bahasa Arab penting khususnya kepada para pendidik, penyelidik dan pelajar yang terlibat dalam bidang bahasa Arab dalam memberi nilai tambah kepada kualiti PdP dan silibus. Sebagaimana kajian Afandi(2019) tentang kebimbangan bahasa dan hubungannya dengan pencapaian dalam bahasa Arab masih berfokus kepada fungsi guru bagi mengatasi isu dan masalah ini. Azlin dan Muhamad Suhaimi (2020); kajian mengenai hubungan sikap murid dan pengajaran guru mendapati kualiti pengajaran mampu dihasilkan sekiranya guru bijak dalam memahami dan mengubah sikap pelajar kepada yang lebih baik. Pengetahuan luas dan aplikasi ilmu pedagogi akan menjamin kegemilangan proses pembelajaran bahasa Arab. Kajian terkini Kamarulnizam et.al(2021); menegaskan kompetensi pengetahuan perlu diberi perhatian yang serius oleh guru-guru agar dapat memahami tanggungjawab dalam menyampaikan ilmu dengan pelbagai cara mengikut perkembangan semasa.

Bersandarkan kepada permasalahan yang sentiasa dibincangkan dan dikaji merangkumi pelbagai isu dan keperluan ke arah peningkatan profesionalisme guru. Secara kolektifnya, skop

permasalahan masih dalam perbahasan antaranya pengajaran guru, kompetensi dan kualiti guru dan keluasan ilmu bahasa Arab. Rentetan itu, satu kajian bertujuan untuk mengukur tahap kompetensi nahu dalam kalangan guru-guru SABK perlu dilaksanakan. Justeru, pengkaji mengambil inisiatif mengkaji tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK di Malaysia sebagai melengkapai kajian-kajian sebelum ini.

## TUJUAN KAJIAN

1. Menilai tahap kompetensi guru-guru bahasa Arab di SABK dari aspek nahu bahasa Arab.
2. Mengenalpasti tajuk nahu yang menjadi kesukaran dalam kalangan guru bahasa Arab SABK di Malaysia.
3. Mengemukakan implikasi dan cadangan kepada pihak berwajib dalam meningkatkan kompetensi penguasaan nahu guru bahasa Arab.

## METODOLOGI


### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif bagi tujuan melihat tahap pengetahuan guru yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK. Data kajian dikumpulkan melalui soalan ujian kompetensi manakala dapatan dihurai secara deskriptif bagi menerangkan tahap pengetahuan guru bahasa Arab di SABK di empat buah zon di Semenanjung Malaysia.

### Populasi dan Sampel

Populasi bagi kajian ini melibatkan negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Jumlah bilangan guru SABK ditentukan mengikut empat zon berbeza iaitu (i) Zon Utara, (ii) Zon Timur, (iii) Zon Tengah, dan (iv) Zon Selatan. Bilangan keseluruhan guru SABK mengikut empat buah zon adalah seperti Rajah 1.1 di bawah:

Rajah 1. 1: Bilangan Keseluruhan Guru di SABK Mengikut Zon Sumber: Unit Pendidikan Islam Rendah, Bahagian Pendidikan Islam, KPM 2017



lebih kurang 215 – 217 orang guru sahaja berdasarkan Jadual 1.1 Krejcie Morgan (1970) di bawah:

Jadual 1. 1:  
Sampel

Populasi dan  
(Krejcie Morgan)

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	354
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	170	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	10000	370
65	56	210	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	230	144	550	226	1900	320	30000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	254	2600	335	100000	384

Note: N is Population Size; S is Sample Size  
Source: Krejcie & Morgan, 1970

### Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Dalam menentukan kesahan instrumen kajian, dua jenis kesahan instrumen telah digunakan iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Beberapa orang pakar yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam membina instrumen telah dipilih bagi menentukan kesahan berkenaan ketepatan penggunaan bahasa, ejaan dan sebagainya mengikut laras bahasa yang difahami responden kajian. Seterusnya, kesahan item-item yang terdapat di dalam instrumen juga turut diambil kira. Item-item dinilai dan dipastikan agar dapat mewakili semua konstruk yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

### Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan adalah satu ukuran yang digunakan untuk menentukan ketekalan nilai skor setiap item. Nilai skor setiap item dinilai berdasarkan nilai alpha antara 0.00 hingga 1.00. Dalam kajian ini, instrumen soalan ujian dinilai menggunakan Alpha Cronbach untuk menentukan nilai kebolehpercayaan kesemua item yang terdapat dalam konstruk kajian. Nilai alpha 0.65 – 0.95 memiliki kebolehpercayaan yang tinggi kerana menghampiri nilai alpha 1.00 manakala item yang memiliki nilai alpha < 0.60 menunjukkan tahap kebolehpercayaan di tahap yang rendah (Ghazali & Sufean, 2016). Dalam kajian ini, nilai alpha yang diperolehi bagi keseluruhan item dalam instrumen adalah = .945. Ini menunjukkan instrumen memiliki kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan sebagai instrumen dalam kajian sebenar.

### Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen yang diadaptasi berdasarkan kayu ukur yang diambil dari *National Center of Assasement in Higher Education*, Saudi Arabia (2017) dalam mengukur tahap pengetahuan nahu bahasa Arab dalam kalangan guru SABK. Instrumen yang dibina oleh *National Center of Assasement in Higher Education*, Saudi Arabia (2017) ini menggunakan kaedah hukm *al-I'rab* dalam pembahagian tajuk ilmu nahu bahasa Arab yang dipilih. Sebagai contoh, tajuk *al-Marfuat* dipecahkan kepada beberapa perbahasan seperti *al-Mubtada* dan *al-Khabar*, *al-Fail* dan *Naib fail*, *at-Tawabi` al-Marfuah* dan sebagainya. Namun begitu, kajian menyetepikan beberapa tajuk yang dianggap tidak sesuai bagi responden seperti *Hukum Waw al-Maiyyah* dan *waw al-Ataf* dan sebagainya. Ini kerana atas faktor kesukaran tajuk tersebut bagi responden untuk memberikan maklum balas yang tepat dan betul.

## **PROSEDUR PENGANALISISAN DATA**

### **Soalan Ujian**

Soalan ujian ini melibatkan responden dalam kalangan guru bahasa Arab di SABK di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Sebelum memulakan penganalisan data, pengkaji terlebih dahulu mengasingkan jawapan soalan ujian guru yang tidak lengkap. Hal ini tidak mengganggu jumlah sampel sebenar kerana data yang diambil melebihi jumlah sampel yang ditetapkan (N: 215 - 217). Setelah itu, pengkaji menanda dan merekodkan jumlah skor guru. Skor 40 merupakan skor paling tinggi kerana setiap jawapan yang betul diberikan skor 1 manakala jawapan yang salah diberikan skor 0. Seterusnya, pengkaji menukar skor guru kepada bentuk min dan peratusan.

Bagi mendapatkan min bagi setiap guru, data daripada soalan ujian tersebut dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25. Begitu juga dengan min bagi setiap item dalam ujian tersebut. Data-data kajian ini kemudiannya dihurai dan dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti tahap pengetahuan guru bahasa Arab di SABK. Selain itu, data-data ini juga dipersembahkan dalam bentuk jadual agar perbincangan dapat dipersembahkan dengan lebih jelas.

Dalam konteks ini, tahap pencapaian dan penguasaan guru terhadap sintaksis bahasa Arab di SABK diinterpretasikan berdasarkan min dan peratus seperti Jadual 1.2 di bawah yang dirujuk dan diadaptasi terus daripada Hazrul Affendi, Zamri dan Hakim (2016).

Jadual 1. 2: Markah, Gred, Pencapaian dan Penguasaan Nahu

Markah	Gred	Pencapaian	Keupayaan Ilmu Nahu	Penguasaan Nahu
85 - 100	A	Cemerlang	Tepat dan sesuai.	Sangat tinggi
70 - 84	B	Baik	Sesuai tetapi sekali-sekala tidak tepat.	Baik
60 - 69	C	Sederhana Baik	Kebanyakannya sesuai tetapi sekali-sekala tidak tepat.	Memuaskan
45 - 59	D	Kurang Baik	Biasanya sesuai tetapi dengan ketidaktepatan yang ketara.	Mampu menguasai tetapi wujud salah tafsiran
30 - 44	E	Lemah	Penggunaan yang tidak tepat dalam bahasa dan mengakibatkan kesalahan yang kerap dalam sintaksis.	Terhad
0 - 29	F	Sangat Lemah	Penggunaan yang tidak sesuai dan tepat dalam bahasa yang menyebabkan kesalahan sangat kerap dalam sintaksis.	Kurang penguasaan

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Analisis Dapatan

#### Tahap Pengetahuan Nahu Guru Bahasa Arab di SABK

Jadual 1.3 berikut merupakan dapatan keseluruhan tahap pengetahuan Nahu guru yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya tahap pengetahuan Nahu bahasa Arab bagi guru yang mengajar berada pada tahap baik dengan nilai min peratus keseluruhan sebanyak 82%.

Jadual 1. 3: Tahap Pengetahuan Nahu Bahasa Arab bagi Guru di SABK

	N	Min Peratus	Tahap
Tahap Pengetahuan Nahu	218	82%	Baik

Dapatan kajian membuktikan bahawa guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab di SABK di Malaysia kompeten kerana menguasai pengetahuan dalam aspek Nahu bahasa Arab. Sebagaimana dinyatakan oleh Mohammed Sani et al. (2015), kompetensi merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran yang perlu bagi seseorang untuk melaksanakan tugas atau tanggungjawab. Ia juga dianggap sebagai piawaian yang menentukan prestasi perkhidmatan seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang disandang. Mat Taib Pa (2016) menyatakan guru merupakan antara elemen terpenting dalam proses pengajaran kerana merekalah yang melaksanakan pengajaran secara hakiki dan dihadapi oleh pelajar secara langsung. Kadang-kadang kelemahan yang terdapat dalam kurikulum dan buku teks serta kelemahan pelajar, dapat diatasi oleh guru yang baik dan berkesan melibatkan kepakaran dan

pengkhususan. Kepakaran guru dalam bidang yang diajar sangat penting. Tahap kepakaran yang diperlukan bergantung kepada peringkat yang diajar. Ia berkait rapat dengan pengalaman, kursus-kursus yang diikuti dan kesungguhan guru. Ia turut dikaitkan dengan pengkhususan guru, walaupun ia bukanlah suatu kemestian.

Dapatan kajian oleh Wan Rohani Wan Mokhtar (2017) juga membuktikan pandangan pelajar terhadap penguasaan tatabahasa Arab; dapatan menunjukkan berada pada tahap skor min tinggi iaitu pelajar setuju guru di sekolah memberi galakan untuk menguasai tatabahasa Arab. Ini menunjukkan latar belakang pelajar yang menerima kurikulum di peringkat sekolah dalam PdPc bahasa Arab khususnya Nahu memberi impak kepada pencapaian pelajar di IPT.

### Tajuk Nahu yang Menjadi Kesukaran dalam Kalangan Guru dalam Pengajaran Bahasa Arab.

Jadual 1. 4: Pencapaian Responden Mengikut Konstruk

<i>Konstruk Ujian Nahu</i>	Peratusan	Pencapaian	Tahap Kompetensi Nahu
Pembahagian Perkataan	95%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Ism Marfu'	89%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Ism Majrur	87%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Hukm Fe'il Mudhori'	85%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Ism Mansub	58%	Kurang Baik	Mampu Menguasai

Berdasarkan Jadual 1.4 di atas, majoriti guru memperoleh peratusan cemerlang dalam pembahagian perkataan sebanyak (95%), *Ism Marfu'* sebanyak (89%), *Ism Majrur* sebanyak (87%) dan *Hukm Fe'il Mudhori'* sebanyak (85%). *Ism Mansub* dilaporkan berada pada peratusan kurang baik sebanyak (58%) dan tahap kompetensi Nahu guru dilaporkan mampu menguasai. Hal ini sejajar dengan dapatan yang telah dijalankan oleh Hazrul Affendi et al. (2016) yang menyatakan tahap penguasaan guru bahasa Arab terhadap ilmu Nahu berada pada tahap memuaskan. Selain itu, sub-sub topik yang banyak seperti *'adad wa al-ma'dud*, *al-maf'ul bih*, *al-zuruf*, *al-bal*, *al-maf'ul al-mutlaq*, *al-istithna'* dan *al-munada* dalam pembahagian *Mansubat* memerlukan guru mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap fungsi-fungsinya yang pelbagai (Nik Muhammad Rozi, 2018).

Dapatan ini didokong oleh kajian oleh Mohd Shupian (2015); yang menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap tajuk kajian iaitu maf'ul bih berada pada tahap lemah. Pelajar keliru dengan peraturan bahasa yang dipelajari. Ini kerana terdapat banyak peraturan dalam nahu yang berkaitan dengan maf'ul bih yang tiada dalam bahasa ibunda responden. Selain itu, pengajaran guru yang berkemungkinan kurang berkesan memberi impak yang kurang memuaskan terhadap penguasaan tajuk maf'ul bih dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, para guru mestilah berusaha untuk meningkatkan mutu penyampaian mereka dan menguasai tajuk Nahu agar pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap tajuk yang disampaikan akan mencapai tahap yang lebih membanggakan.

Walaupun konstruk-konstruk lain berada pada tahap pencapaian cemerlang dan dikategorikan dalam kelompok tahap kompetensi sintaksis sangat tinggi, namun terdapat juga kekerapan kesalahan pada konstruk-konstruk tersebut yang perlu guru berikan perhatian, membuat

penambahbaikan dan pengulangan semula pada topik-topik berkenaan. Seharusnya, guru yang dipertanggungjawabkan dalam mengajar subjek Nahu perlu memiliki kemahiran yang tinggi dan terlatih dalam bidang ini. Di samping itu, guru juga perlu menguasai secara menyeluruh aspek pengajaran bahasa dan memahami bahawa pengajaran Nahu adalah komponen terpenting yang perlu dikuasai guru terlebih dahulu dalam memastikan wujudnya impak dan kesan positif dalam pengajaran bahasa kepada pelajar (Ab Halim, 2005; Ahmad Kilani, 2001). Justeru, jelas menunjukkan bahawa pengajaran bahasa kedua kepada bukan penutur jati masih perlu kepada dapatan-dapatan kajian yang berterusan dan praktikal terutamanya aspek Nahu dan Sorof bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa dalam kalangan guru mahupun pelajar.

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN**

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa implikasi dan cadangan disenaraikan bagi membentuk rangka tindak dan solusi yang menyeluruh dan praktikal ke arah peningkatan profesionalisme guru khususnya guru bahasa Arab di SABK yang menjadi pelaksana KBD.

### **Implikasi**

#### **1. Implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia**

- **Bahagian Buku Teks**

Bahagian ini perlu membuat penambahbaikan kepada buku-buku teks sedia ada. Tajuk-tajuk serta laras bahasa perlu mengikut tahap pemikiran pelajar. Menurut Norfaezah (2017), keperluan tajuk perlu selaras dengan kemampuan akal dan ilmu sedia ada pelajar tersebut. Dalam hal ini, berdasarkan kajian yang dibuat oleh Mohamad Hussin dan Zawawi Ismail (2021) tentang analisis kesalahan tatabahasa dalam buku teks Bahasa Arab mendapati sekiranya guru yang mengambil tanggungjawab menyampaikan pengajaran menggunakan bahan berkenaan tidak mempunyai latar belakang bahasa yang matang dan tidak mempunyai maklumat kebahasaan yang mapan untuk menangani permasalahan tatabahasa yang rumit. Dalam isu ini, guru perlu meningkatkan pengetahuan Nahu dalam PdPc mengikut tahap dan kebolehan pelajar. Latar belakang bahasa dan pengalaman pengajaran perlu bagi meneliti kesilapan tatabahasa yang terdapat dalam buku teks sebelum, semasa dan selepas pengajaran. Masalah ini akan berterusan sekiranya guru yang mengajar tidak ada latar belakang dan bukan bidang. Selain itu, ciri seperti '*QR Code*' juga boleh dimasukkan dalam buku teks bagi membantu PdPc yang berjalan lebih berkesan.

- **Institut Pendidikan Guru (IPG), KPM & Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM & Bahagian Pendidikan Islam KPM**

IPG perlu memberi fokus kepada menyediakan latihan untuk guru dalam perkhidmatan (TOT) sebagai persediaan untuk menerima perubahan yang timbul dari sekolah lama (SAM, SMAN, SAR) kepada SABK dan kurikulum Dini. Selain itu, modul-modul latihan bersiri perlu juga disediakan bagi memastikan kesinambungan mahupun pempugaran yang berterusan bagi setiap guru yang memerlukan. Pempugaran guru perlu diasaskan kepada penyediaan dan latihan (Ab Halim Tamuri et al., 2012). Bagi mencapai hasil yang berkesan bahagian ini dicadangkan bekerjasama dengan Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM dan Bahagian Pendidikan Islam untuk memastikan isi kandungan menepati keperluan kurikulum Dini. Bagi latihan pra



perkhidmatan pula perlu dikekalkan seperti sedia ada namun memberi keluwesan masa secukupnya bagi menjamin kemenjadian guru bahasa Arab SABK.

- Bahagian Pendidikan Guru

Pengambilan guru KBD SABK perlu berdasarkan kriteria tambahan di antaranya kemampuan menguasai bahasa Arab pada tahap tinggi. Calon juga perlu menguasai asas dan matlamat diadakan KBD dan SABK. Sebagaimana antara tujuan penubuhan SABK di bawah tadbir KPM adalah mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dapat memberi kelebihan kepada iktisas guru dan peluang pendidikan berkualiti pelajar.

## 2. Implikasi kepada Sekolah

- Pelaksanaan *Bi'ah Lughawiyah*

Persekitaran bahasa Arab sangat penting untuk diwujudkan oleh pihak sekolah bagi memastikan para guru dan pelajar dapat menguji kemahiran masing-masing. Peranan sekolah bagi mewujudkan persekitaran Bahasa Arab dianggap sebahagian daripada faktor penyumbang pencapaian pelajar. Program *bi'ah lughawiyah* wajar dan sangat dianjurkan bagi memupuk dan menyemarakkan budaya positif dan afektif penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ini seiring dengan kajian Che Mohd Zaid et.al (2019) kajian ini menemukan bahawa *bi'ah lughawiyah* (komponen psikososial dan fizikal) secara positif dan signifikan mempengaruhi pencapaian pelajar dan sikap pelajar berperanan sebagai mediator dalam hubungan di antara *bi'ah lughawiyah* (komponen psikososial) dan pencapaian pelajar. Dengan persekitaran bahasa Arab yang diwujudkan juga dapat memberi motivasi kepada guru-guru dan pelajar dalam meningkatkan ilmu bahasa Arab.

- Aktiviti Pengukuhan dan Pengayaan Bahasa Arab

Para guru dan pelajar seharusnya dilibatkan dengan aktiviti pengukuhan dan pengayaan bahasa Arab. Oleh itu, pihak sekolah terutama sekolah yang beraliran agama perlu memperuntukkan dana serta memasukkan slot aktiviti pengukuhan dan pengayaan bahasa Arab di dalam takwim tahunan sekolah.

- Latihan dalam Perkhidmatan (LADAP)

Latihan dalam Perkhidmatan (LADAP) sering dijalankan dalam kalangan para guru. Bagi memperkukuhkan lagi ilmu dan pengajaran bahasa Arab, latihan khusus bagi guru-guru LAM di SABK perlu kerap diadakan. Isu yang boleh dibawa ke dalam LADAP tersebut adalah pemantapan pemahaman modul serta BBM yang sesuai digunakan. Kajian tindakan yang dibuat juga perlu dirujuk supaya memberi penambahbaikan dalam proses PdPc di sekolah.

- Kerjasama Pintar

Pihak sekolah juga perlu menjalinkan kerjasama pintar antara sekolah-sekolah cemerlang, IPT atau bersama pihak KPM untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat bagi pemantapan bahasa Arab di sekolah. Dengan kerjasama yang dilakukan dapat mendedahkan para guru

dengan pihak luar dan tidak hanya terkurung di dalam sekolah sahaja. Oleh itu, pihak sekolah juga mendapat manfaat dengan meluaskan jaringan bagi memastikan kelompongan yang ada di sekolah dapat ditambahbaik.

### 3. Implikasi kepada Guru

- Meningkatkan pengetahuan nahu dalam kalangan guru bahasa Arab

Kajian kompetensi ini mempunyai implikasi yang besar khususnya pada guru bahasa Arab. Ini kerana, guru-guru bahasa Arab adalah sasaran utama dalam kajian ini. Dengan dapatan yang diperoleh daripada kajian ini, tahap kompetensi guru bahasa Arab boleh ditingkatkan khususnya dalam ilmu nahu bahasa Arab. Peningkatan ini mampu dijalankan dengan merujuk pada instrumen kajian yang dijalankan. Keputusan tahap kompetensi guru bahasa Arab dalam tajuk ilmu nahu yang berbeza mampu diukur, lantas menunjukkan beberapa kelemahan pada beberapa bahagian tajuk yang dipilih. Oleh itu, demi merealisasikan kompetensi pengetahuan yang holistik dalam kalangan guru bahasa Arab, kelompongan pengetahuan pada mereka ini haruslah ditangani dengan berkesan.

Penganjuran bengkel berkala dan kursus pemerksaan nahu bahasa Arab mampu dianjurkan sebagai salah satu usaha untuk menambahkan pengetahuan nahu guru bahasa di samping mengasah kompetensi pengetahuan mereka di dalam bidang ini. Selain itu, pendedahan guru bahasa Arab dalam aspek penyelidikan haruslah dititikberatkan. Ini kerana, ilmu nahu bahasa Arab bukanlah sesuatu yang statik bahkan sentiasa berubah dan berkembang mengikut peredaran zaman.

Guru-guru bahasa yang berkompeten seharusnya tidak berpuas hati dengan sekadar mengajar subjek nahu bahasa Arab pada pelajar bahkan mereka haruslah sentiasa mengkaji fenomena ilmu nahu bahasa Arab yang pastinya tidak akan boleh dihimpunkan dalam buku teks kurikulum harian mereka. Isu ini didapati penting khususnya kepada para pendidik, penyelidik dan pelajar yang terlibat dalam bidang bahasa Arab dalam memberi nilai tambah kepada kualiti PdPc dan silibus (Nor Asyikin & Suhaila, 2018). Sejajar ini, kajian ini melihat ilmu pedagogi yang dimiliki oleh guru perlu diseimbangkan dengan peningkatan pengetahuan dalam bidang; terutama subjek yang diajar. Rujukan buku-buku nahu mu'tabar boleh dijadikan bahan tambahan. Perincian dalam kitab-kitab tersebut boleh diulas secara tersusun dan diterjemah dalam bentuk grafik atau peta minda. Ia bagi meningkatkan dan menyemarakkan percambahan ilmu dan perbahasan yang lebih praktikal dalam kalangan pelajar. Impaknya dapat memberi nilai tambah kepada guru dan pelajar. Kajian berpendapat bahawa aspek pemerksaan ilmu dan pembudayaan kajian ini menjadi salah satu rangka tindak (*blueprint*) yang kukuh bagi menjamin transformasi kompetensi yang menyeluruh bagi guru bahasa Arab khususnya dalam bidang nahu.

- Meningkatkan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan guru.

Aspek kemahiran berbahasa adalah aspek yang tidak boleh diketepikan dalam merencana kompetensi guru bahasa Arab ini kerana kompetensi adalah bersifat menyeluruh, dan merangkumi pelbagai aspek kemahiran dalam kehidupan.

#### 4. Implikasi kepada Pihak Berkepentingan

- Pihak yang bertanggungjawab untuk menerbitkan bahan sumber seperti penerbit buku dan penyedia platform digital perlu mempergiat penghasilan bahan sumber pembelajaran bahasa Arab seperti buku, majalah, bahan elektronik, aplikasi telefon, *software*, laman sesawang, blog pembelajaran dan sebagainya bagi meningkatkan penguasaan guru dan pelajar bahasa Arab dalam bidang nahu secara khususnya, dan bahasa Arab secara umumnya.
- Televisyen dan radio bahasa Arab perlu meningkatkan capaian saluran mereka dengan menyediakan kandungan bahan pengajaran dalam bahasa Arab yang sesuai dengan keperluan komuniti sekolah di Malaysia sebagai platform untuk membiasakan guru dan pelajar berbahasa Arab.
- Badan-badan bukan kerajaan (NGO) boleh bekerjasama dengan menganjurkan kursus berkala untuk memantapkan penguasaan nahu dan bahasa Arab dalam kalangan guru dan masyarakat.
- Institusi latihan seperti Pusat Pendidikan ICESCO di Malaysia perlu sentiasa menganjurkan kursus peningkatan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan guru. Mereka juga boleh melaksanakan program pertukaran guru dengan sekolah Arab atau memberi peluang kepada guru-guru SABK di Malaysia untuk berinteraksi dengan penutur jati bahasa Arab bagi satu tempoh masa tertentu untuk meningkatkan penguasaan mereka.

#### **Cadangan**

##### 1. Modul Peningkatan Profesionalisme Berterusan (CPD) untuk guru-guru Bahasa Arab SABK

CPD perlu diterapkan secara berperingkat kepada guru-guru bahasa Arab dan semua guru yang mengajar LAM di SABK supaya mereka dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan dalam menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab. Implikasi kajian Rusliza (2017) mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara latihan dalam perkhidmatan dengan efikasi sendiri guru. Justeru, dicadangkan CPD khusus untuk guru-guru Bahasa Arab SABK wajar dilaksanakan melalui penganjuran latihan dalam bentuk kumpulan kecil kepada kumpulan besar bermula di peringkat sekolah. Sebagai contoh; guru pakar menjadi mentor atau pembimbing kepada guru novis. Kemudian boleh dikembangkan kepada peringkat daerah seterusnya peringkat negeri. CPD ini wajar dilaksanakan secara berkala dan berterusan bagi melihat keberkesanan peningkatan pendekatan guru dalam PdPc dalam menguasai subjek yang diajar terutamanya bahasa Arab.

Pertukaran guru antara guru bahasa Arab di Malaysia dan guru penutur jati juga dicadangkan agar guru-guru yang mengajar bahasa Arab ini dapat berkomunikasi dengan semulajadi dan menggalakkan para guru meningkatkan kemahiran berbahasa bersama dengan penutur jati.

##### 2. Membangunkan ujian bahasa Arab berdasarkan piawaian *Common European Framework of Reference* (CEFR)

Bagi menentukan tahap penguasaan guru bahasa Arab di semua institusi pendidikan, ujian bahasa berdasarkan piawaian CEFR perlu dilaksanakan sebagaimana yang dijalankan ke atas guru dan pensyarah opsyen bahasa Inggeris yang berkhidmat di KPM (KPM, 2017). Ujian

bahasa Arab berdasarkan penilaian CEFR perlu dibangun. Berdasarkan kerangka ini, terdapat enam tahap penguasaan bahasa yang ditentukan, yaitu bermula dari A1 hingga C2 (CEFR, 2001). Sebagaimana kajian Nurul Iza Salsabila dan Kaseh (2021) mendapati peranan skala pengukuran CEFR ini sudah mula dikenali dan berpotensi untuk menjadi kayu ukur kepada tahap penilaian penguasaan bahasa pelajar. Sehingga kini, CEFR hanya digunapakai bagi menilai kecekapan berbahasa Inggeris sahaja. Justeru, dicadangkan aplikasi pengukuran CEFR bagi menguji kecekapan berbahasa Arab dalam kalangan guru mahupun pelajar. Pengukuran CEFR ini adalah kayu ukur yang dilihat boleh dijadikan garis panduan bagi mengukur tahap penguasaan bahasa Arab pelajar.

### 3. Ujian kelayakan ke SABK yang standard

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) perlu memilih calon guru bahasa Arab yang berkelayakan, berminat serta berkemampuan bagi memenuhi cita-cita dan harapan penubuhan SABK KBD. Cadangan ini seiring dengan hasil kajian Hazrul Affendi(2016) yang mendapati tahap penguasaan ilmu nahu dalam kalangan guru-guru STAM hanyalah berada pada tahap memuaskan. Ini berdasarkan tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK diinterpretasikan berdasarkan min dan peratus yang dirujuk dan diadaptasi terus daripada Hazrul Affendi, Zamri dan Hakim (2016). Justeru, kajian ini mendapati bahawa alat pengukur yang sesuai bagi mengukur kompetensi guru adalah dengan membangunkan ujian kelayakan yang standard. Ujian kelayakan bahasa ini boleh digunapakai untuk menentukan kompetensi guru bahasa Arab dari dimensi pengetahuan. Dimensi pengetahuan terutamanya pengetahuan nahu guru dapat menjadi kayu ukur bahawa kemampuan guru tersebut merentas bidang pengajian Islam. Dengan itu, guru di SABK yang mengajar bahasa Arab juga mampu mengajar subek Dini lain bagi pelaksanaan KBD di SABK. Hal ini, dapat mengatasi isu kekurangan dan jurang guru di sekolah.

## KESIMPULAN

Profesion perguruan adalah cita-cita yang pasti dicapai dengan minat mendalam. Manakala guru berprofesional adalah satu perjalanan dan proses yang perlu dibina. Gabungan profesion dan profesional guru ini akan melahirkan guru berkompeter. Guru berkualiti merupakan guru yang profesional, mahir dalam semua hal perguruan, tentang teori dan amalannya, pengajaran dan pembelajaran, peka terhadap perkembangan pendidikan, mengikuti perkembangan ilmu dan patuh kepada tatasusila profesion perguruan. Guru berkompeter adalah guru yang berpengetahuan dan pakar menguasai bidang ilmu. Justeru, dalam konteks kajian ini, dengan memberi fokus kepada kompetensi pengetahuan nahu guru bahasa Arab di SABK di Malaysia menunjukkan berada pada tahap baik. Pelaksanaan kajian ini yang bermula pada tahun 2018 adalah sebagai satu penanda aras penubuhan SABK dengan visi dalam melahirkan *ulama' warasatul Anbiya'* pasti boleh dicapai. Kajian ini yang melibatkan responden guru merentasi empat zon di Malaysia dapat membuktikan bahawa tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK setanding dengan guru-guru di sekolah-sekolah agama KPM yang lain. Implikasi yang dikemukakan dalam kajian ini menyeluruh bermula daripada KPM, sekolah, guru dan pihak berkepentingan. Manakala cadangan-cadangan yang diutarakan adalah cadangan yang amat munasabah dan praktikal sesuai dengan tuntutan dan keperluan profesionalisme keguruan. Oleh itu, diharap kajian ini memberi nilai tambah dan rangka tindak dimensi pengukuran pengetahuan nahu guru sebagai satu kayu ukur khusus bagi mengukur kompetensi tahap pengetahuan guru bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia. Instrumen yang dihasilkan dan

digunakan dalam kajian ini juga berpotensi untuk dijadikan rujukan dalam penghasilan dan penambahbaikan suatu instrumen dalam mengukur aspek kompetensi nahu bahasa Arab para guru di SABK.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat di dalam kajian ini secara langsung atau tidak langsung. Kajian ini dibiayai oleh geran GPIK 2017 di bawah kendalian RMC, KUIS yang bertajuk “Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab di SABK di Malaysia”, kod penyelidikan: 2017/P/GPIK/GPM-017.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. (2005). Pengajaran Bahasa Arab Melalui Kaedah Komunikatif Bersepadu (KKB), *Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi* (hlm. 137-162). Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam, *GJAT | DECEMBER 2012, VOL 2 ISSUE 2*, ISSN: 2232-0474, hlm. 59-60.
- Afandi Yusoff, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Harun Baharuddin(2019), Kebimbangan Bahasa dan Hubungannya dengan Pencapaian dalam Bahasa Arab, *Jurnal Pendidikan Malaysia 44(2)(2019): 1-9*.
- Ahmad Kilani Mohamed, Azhar Muhammad, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa Arab Kepada Murid Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM in *Prosiding Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges* at Fakulti Pengurusan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi on 26 March 2003, hlm. 1-12.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*, Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Al Muslim Mustapa & Zamri Arifin (2015). Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab di Malaysia, *ISLAMIYYAT 37(1) 2015: hlm. 49 – 57*.
- Al-Khuli, Muhammad Ali. (1986). *Asalib Tadris al-Lughah al-Arabiyyah*. Ed-2. Riyad: *Matba'ah al-Farazdaq al-Tijariyyah*.
- Azlin Ariffin @ Riffin&Muhamad Suhaimi Taat(2020), Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 3, (page 13 - 23), 2020,DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.370>
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/images/pemberitahuan/standard%20guru%20malaysia%20%202009.pdf>
- Che Mohd Zaid, Zawawi Ismail, Mohammad Ibrahim Al Jarrah, Mohammad Rusdi Ab Majid, Mohd Alauddin Othman&Abdul Wahid Salleh(2019), *Bi'ab Lughawiyah Dan Pencapaian Pelajar Di Universiti Awam Malaysia: Peranan Sikap Pelajar Sebagai Mediator*, *Journal of Nusantara Studies 2019, Vol 4(2) 70-100* Universiti Sultan Zainal Abidin ISSN 0127-9386 (Online) <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp70-100>
- Council of Europe. (2001). *Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment* (CEFR). Dimuat turun daripada <https://rm.coe.int/1680459f97>

- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle & Aliff Nawawi (2015), Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam, *The Online Journal of Islamic Education* January 2015, Vol.3 Issue 1, hlm. 32-40.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2016). Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan, Amalan dan Analisis Kajian. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hazrul Affendi Mohamad Razali, Zamri Arifin, Hakim Zainal, Mohd. Nizho Abdul Rahman, Shuhairimi Abdullah. (2016). Lima Tahap Penguasaan Ilmu Nahu dalam Kalangan Guru-Guru Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Journal of Human Development and Communication* Volume 5, 2016 [179–208].
- Jafaruddin. (2015), Kompetensi Profesional Guru Dalam Meningkatkan Prestasi Belajar Siswa SMAN 1 KutaCot Glie Kabupaten Aceh Besar, *Jurnal Intelektualita*, Vol 3 No2 (2015),63.
- Jhon Helmi. (2015), Kompetensi Profesionalisme Guru, *Al-Islah, Jurnal Pendidikan*, 320, ISSN:2597-940x.
- Kamarulnizam Sani,Zetty Nurzuliana Rashed,Norziah Othman&Hamdi Ishak(2021), Kompetensi Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Agama Integrasi Negeri Selangor, *Malaysian Journal For Islamic Studies*© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin,e-ISSN: 2550-2042,<http://dx.doi.org/>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2017 Penggunaan Pelbagai Ujian Bahasa Inggeris Berdasarkan Piawaian Common European Framework Of Reference (CEFR) Bagi Menentukan Tahap Penguasaan Guru dan Pensyarah Opsyen Bahasa Inggeris Yang Berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai 2017. Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/images/KPM/SPI%20BIL%206.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019).Di muat turun daripada <https://www.moe.gov.my/index.php/my/sekolah/sekolah-agama-bantuan-kerajaan-sabk>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Mat Taib Pa (2016), Isu Pembelajaran Dan Pengajaran Nahu Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Dan Cara Menanganinya,Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab 2016(PABA), ISBN 978-967-0380-88-9,38-58.
- Mohamad Hussin &Zawawi Ismail(2021), Analisis Kesalahan Tatabahasa Dalam Buku Teks Bahasa Arab Lasr Kssm, e-Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities &Social Sciences (i-LEdHS2021).
- Mohammad Abdillah Samsuiman, Asma Benjaman & Zamri Arifin (2014). Hubungan Antara Kualiti Guru Bahasa Arab Dan Kecenderungan Minat Murid Dalam Bahasa Arab, *Jurnal Kemanusiaan Bil. 22*, hlm. 1-8.
- Mohammed Sani Ibrahim. et.al. (2015). Strategi implementasi pelan pembangunan pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Shupian, Majid (2015) Penggunaan Maf'ul Bih dalam kalangan pelajar Melayu / Mohd Shupian bin Majid. Masters thesis, University of Malaya.
- Noor Shamshinar Zakaria,Abdul Razif Zaini ,Ahmad Zabidi Abdul Razak,Mohamad Rusdan Hj Azizan,Hasmadi Hamdan,Rofian Ismail &Mohd Redzauddin Ghazali(2017), *Kompetensi Guru Bahasa Arab Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial&Kemanusiaan(PASAK 2017),ISBN 978-967-0850-93-1,KUIS.

- Nor Asyikin Hasan Adali & Suhaila Zailani @ Ahmad(2018), Ilmu Bahasa Arab Menurut Perspektif Ibn Khaldun, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* Volume 1, Issue 2, 2018: 026-035 © The Author(s) 2018 ,e-ISSN: 2600-9080.
- Nurul Iza Salsabila Che Rani1 & Kaseh Abu Bakar1(2021), Kaedah Menilai Kecekapan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar IPTA, *BITARA* Volume 4, Issue 1, 2021: 158-170 © The Author(s) 2021 ,e-ISSN: 2600-9080 ,<http://www.bitarajournal.com>.
- Rusliza Yahaya,Norsamsinar Samsuddin,Jessnor Elmy Mat Jizat&Hemini Krishnan(2019), Hubungan Antara Latihan Dalam Perkhidmatan Dan Efikasi Kendiri Guru, Volume: 2 Issues: 6 [December, 2017] pp.34-45] *International Journal of Education, Psychology and Counseling* eISSN: 0128-164X Journal website: [www.ijepe.com](http://www.ijepe.com).
- Salamiah Ab. Ghani, Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Ahmad, Ummu Hani Hashim & Zuraida Shaadon. (2012). Pengukuhan kemahiran membaca kosa kata nama selepas al-Jar dan al-Zarf dalam teks Arab melalui bacaan alQuran. Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012, hlm. 1-7.
- Taha, H. (2017). *Arabic Language Teacher Education*. In A. Gebril (Ed.), *Applied linguistics in the Middle East and North Africa* (pp. 270-287). Amsterdam: John Benjamins
- Utusan Online. Aspek kemenjadian murid jadi fokus utama – Maszlee. 3 Nov 2018. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/aspek-kemenjadian-murid-jadi-fokus-utama-maszlee-1.780518>
- Wan Rohani Wan Mokhtar ,Mohd Zaki Abd. Rahman,Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Nor Hazrul Mohd Salleh (2017),Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia, *AL-BASIRAH*,Volume 7, No 2, pp. 23-41, Dec 2017
- Zamri Arifin&Al Muslim Mustapa(2014), Kualiti Guru Bahasa Arab Dalam Konteks Malaysia: Menangani Persoalan Asas, Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014, ISBN 978-967-5478-78-9.

## **BAB 15**

### **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN KEAGAMAAN (BAUTA) DALAM KONSEP PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)**

Md Noor Bin Hussin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

#### **PENGENALAN**

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan agenda penting pendidikan negara. Ia tersenarai dalam salah satu perkara utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 serta dibangunkan pelan khusus untuk pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Melalui kajian-kajian yang telah dijalankan dan pemerhatian yang mendalam, bidang Bahasa Arab merupakan antara bidang keilmuan yang sering ditawarkan kepada masyarakat dalam konteks PSH oleh Institusi Pengajian Awam/Swasta atau Institusi Agama. Sehubungan itu, maqalah ini akan meneliti dan mengkaji pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran (PdP) Bahasa Arab Untuk Tujuan Keagamaan (BAUTK) dalam konsep PSH merangkumi peringkat umur pelajar, lokasi pembelajaran, kesesuaian masa dan sebagainya

#### **PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan satu proses pembelajaran yang memberi peluang pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan. (<http://www.mohe.gov.my>). PSH merupakan pembelajaran yang disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat yang merentasi peringkat umur, latar belakang pendidikan dan lokasi pembelajaran. Proses PSH mencakupi tiga (3) tahap pembelajaran; informal, formal dan non formal. (Taufiq Rizki, 2018).

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) diperlukan bagi memastikan kecekapan dalam melakukan tugas dengan mengutamakan memberi perkhidmatan terbaik untuk masyarakat disamping melahirkan individu yang akan sentiasa mengisi kehidupannya dengan belajar secara berterusan (Mohd Salihin, 2018). Khatijah Othman (2017) berpandangan bahawa konsep pembelajaran sepanjang hayat dilihat mempunyai impak yang besar terhadap kualiti hidup rakyat Malaysia secara umumnya. Justeru, pihak kerajaan sebagai contoh perlu sentiasa menekankan tentang pentingnya setiap ahli masyarakat terlibat dalam proses pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan ilmu mereka dalam setiap proses dan kemahiran yang berlaku sama ada dari segi teknologi baru atau penemuan baru atau penambahbaikan ilmu sedia ada.

Konteks pembelajaran sepanjang hayat di dalam Islam adalah sangat jelas kerana Islam menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu dalam pelbagai bidang untuk manfaat manusia. Ia bermaksud bahawa ilmu yang dipunyai oleh manusia tidak pernah cukup malah manusia di galakkan untuk mempelajari sesuatu yang tidak diketahui olehnya supaya menjadi seseorang



yang lebih tahu (Khatijah Othman, 2017). Sehubungan itu, PSH tidak dapat lari dari konsep pembudayaan ilmu yang dianggap sebagai pemangkin utama dalam kelestarian PSH. (Mohammad Abu Bakar, 2018). Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya, bidang ilmu yang menjadi salah satu keutamaan pembudayaan PSH ialah Bahasa Arab.

Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi et.al (2018) menyatakan bahawa Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) mampu memantapkan potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran. Perancangan ini memberi peluang kepada seluruh masyarakat untuk mendapat pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat. Menerusi PSH, Pendidikan tidak tertumpu pada golongan muda sahaja bahkan dilanjut sepanjang hayat sesuai dengan konsepnya untuk memenuhi keperluan individu dan guna tenaga di samping mewujudkan warga negara yang aktif dan kesaksamaan sosial.

Rashid Wan Ahmad (2008) pula menyatakan PSH tidak terhad kepada golongan yang bekerja sahaja, akan tetapi pendidikan ini perlu dipelajari oleh setiap suri rumah, pesara, golongan kurang upaya dan warga emas yang mahu memberikan sumbangan kepada Negara. Penekanan hendaklah diberi bagi meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan pada semua peringkat sejajar dengan pendemokrasian dasar pendidikan (Mohd. Ismail, 2005).

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan proses pembelajaran yang berlangsung sepanjang hidup. PSH merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan sepanjang hayat khususnya oleh orang dewasa. Menurut Knapper dan Cropley (2000), idea asas PSH adalah pembelajaran yang disengajakan dan perlu berlaku dalam tempoh hayat seseorang. PSH dianggap bermanfaat kepada individu kerana ia dapat memperbaiki kehidupan seseorang menerusi peningkatan kemahiran kerja, pembaikan sahsiah diri dan juga penambahan ilmu pengetahuan. Ini selari dengan pandangan Lall (2011), manfaat PSH antara lain adalah untuk membantu individu menyesuaikan diri dengan perubahan, memperoleh manfaat kewangan melalui kenaikan pangkat dan gaji serta memperkaya dan memenuhi keperluan hidup.

Menurut Aspin (2001), pembentukan konsep PSH adalah untuk menerima serta mempromosikan kemahiran dan kompetensi yang diperlukan bagi tujuan meningkatkan keupayaan dan prestasi dalam pekerjaan. Ini merupakan salah satu pendekatan organisasi memastikan warganya berkeja secara komprehensif dan professional. Melalui konsep ini, PSH akan dapat melahirkan guna tenaga yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi yang akan menyumbang kepada ekonomi yang lebih maju dan kompetitif. Disimpulkan bahawa pendidikan sepanjang hayat (PSH) merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja.

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah kombinasi proses pembelajaran secara berterusan di mana seluruh individu dan minda melalui situasi yang berubah-ubah untuk menghasilkan perubahan berterusan seseorang (Mimi Mohaffyza et.al, 2012). Perkara yang baru dan berbeza dihadapi setiap hari dan ianya selalunya memerlukan proses pembelajaran menghadapinya. PSH menyediakan asas untuk pembelajaran, pembelajaran semula dan kebaikan sepanjang hayat. PSH menjadi penting di Malaysia adalah kerana tekanan daripada ledakan globalisasi, perubahan teknologi yang pantas dan pertumbuhan penduduk di Malaysia (Mohamed dan Mohd Nasir, 2003).

Munira et.all (2020) berpandangan pembelajaran atas talian sebenarnya mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Kemahiran ini memerlukan seseorang yang mampu menentukan apa yang perlu dipelajari, mencari maklumat atau bahan untuk dipelajari, mempunyai kemahiran pembelajaran sendiri dan berdikari, bermotivasi, serta boleh membuat refleksi terhadap pembelajarannya dengan melakukan pentaksiran sendiri atau cara yang lain.

Hanipah Hussin (2005) menyatakan proses pembelajaran PSH mempunyai ciri-ciri tertentu. Antaranya: i) pembelajaran bersifat disengajakan dan sedar ia satu proses pembelajaran yang mempunyai kurikulum dan pedagogi tersendiri, ii) Pembelajaran adalah perkara yang jelas dan tetap. Mempunyai matlamat dan diikuti untuk mencapai tujuan, iii) Pelajar mengaplikasikan ilmu dipelajari mengikut perubahan dan kesesuaian masa. Ia adalah satu proses yang berterusan, iv) Membantu dalam perubahan meta kognisi. Ia membawa kepada perubahan tingkah laku kerja daripada kurang mahir kepada lebih mahir. v) Membantu kepada perubahan nilai dan sikap. Mendorong perubahan minda, falsafah, kepercayaan dan pendapat pada satu-satu perkara.

Bagi memastikan misi pendidikan Malaysia mencapai matlamatnya, kerajaan khususnya perlu sentiasa meneliti dan memperbaharui dasar pendidikan negara dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Sekiranya dahulu, pembelajaran berkonsepkan konvensional (pendidikan formal) menjadi tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia, kini usaha-usaha mempelbagaikan konsep pembelajaran dilihat sebagai satu langkah proaktif dalam melahirkan modal insan yang lebih komprehensif dan kompetitif. Dengan adanya konsep pembelajaran sepanjang hayat, pendidikan di Malaysia telah memasuki satu fasa yang lebih baik dan berdaya saing (Intan Shazila, t.t)

Oleh yang demikian, sistem pendidikan semestinya perlu lebih terbuka dan fleksibel, yang mana peluang-peluang ini dapat dinikmati oleh mereka yang ingin belajar mengikut tahap kemahiran masing-masing. Pembelajaran sepanjang hayat seharusnya juga menawarkan peluang kepada masyarakat untuk *update* kemahiran asas dan membuka peluang pembelajaran pada peringkat kemahiran yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, pembudayaan ilmu merupakan salah satu asas utama dalam pembelajaran sepanjang hayat. Wan Mohd. Nor (1998) menjelaskan budaya ilmu bermaksud kewujudan satu keadaan di mana setiap lapisan masyarakat melibatkan diri secara langsung mahupun tidak langsung dengan kegiatan-kegiatan keilmuan di setiap kesempatan : dan keadaan di mana segala tindakan manusia baik ditahap individu, apatah lagi peringkat masyarakat, diputus dan dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan.

Pembelajaran sepanjang hayat dalam konteks Malaysia amat menekankan kepada penghasilan modal insan berkualiti dengan minda kelas pertama. Pembangunan modal insan dijadikan sebagai ayam tambatan untuk memacu ekonomi dan pembangunan negara ke arah yang lebih baik pada masa hadapan. Justeru, kesedaran terhadap pembelajaran sepanjang hayat amatlah penting untuk memastikan modal insan yang dilahirkan melalui sistem pendidikan yang lebih dinamik dan terbuka akan memberikan impak yang optimum dan berjaya sepertimana yang dirancang. Kesedaran dalam melestarikan pembelajaran sepanjang hayat bukan sahaja dapat menjamin tenaga kerja yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang tinggi

sesuai dengan peredaran masa, malah ia juga dapat membina sikap, tingkahlaku dan daya intelektual.

Berkaitan dengan bidang Bahasa Arab sebagai salah satu bidang ilmu dalam konteks PSH, Nor Yazidah (2016) menyatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab telah mendapat tempat dalam kalangan orang awam dewasa sehingga kepada warga emas yang terdiri dari pelbagai latarbelakang . Terdapat banyak bahan atau modul pembelajaran telah diusahakan untuk memenuhi minat yang semakin meningkat ini. Namun begitu bahan yang digunakan di dalam modul kurang mengambil kira pendekatan dan prinsip pembelajaran dewasa andragogi. Bahan yang dihasilkan di pasaran agak berat dan membataskan motivasi orang awam, terutamanya warga kanak-kanak dan warga emas untuk mempelajari bahasa Arab. Beliau juga berpandangan PSH ini mampu menimbulkan keseronokan kepada mereka yang cinta akan ilmu pengetahuan dan sesuatu yang baharu, lebih-lebih lagi yang berkait dengan aspek ibadah dan akidah yang menjadi faktor kuat mereka ingin mempelajari bahasa Arab.

## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Bahasa Arab telah diiktiraf sebagai salah satu Bahasa yang paling banyak dituturkan samada oleh bangsa Arab atau bukan bangsa Arab di seluruh dunia. Di Malaysia, pembelajaran Bahasa Arab bukan sahaja ditawarkan diperingkat menengah dan universiti, malah pembelajarannya juga telah didedahkan kepada pelajar peringkat rendah (Md Noor, 2016). Kajian Zalika Adam et al.nya (2007) mendapati bahawa Bahasa Arab dipelajari oleh orang awam bertujuan untuk memahami isi kandungan Al-Quran dan untuk memenuhi keperluan semasa.

Akhbar utusan Malaysia bertarikh 08 Februari 2010 melaporkan bahawa wujudnya beberapa pusat-pusat operasi yang ditubuhkan di beberapa buah masjid bertujuan untuk menepis rungutan-rungutan yang mengatakan sukar untuk menguasai Bahasa Arab serta masalah ketiadaan masa kerana kesibukan kerja dan merasakan tiada keperluan yang mendesak ke arah celik Bahasa Arab.

Menurut Prof Dr Muhammad Sabri (2015), Bahasa Arab tidak lagi dipelajari oleh pelajar sekolah aliran agama semata-mata, bahkan telah menembusi pelbagai peringkat pendidikan formal samada pada peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah mahupun kolej dan universiti. Bahasa Arab juga dipelajari oleh golongan dewasa yang berkerjaya melalui program atau kelas hujung minggu. Ini menunjukkan kesedaran untuk mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa terpenting dalam pertuturan antarabangsa telah berkembang luas di kalangan masyarakat awam. Disamping itu, hasil kajian yang telah dijalankan oleh Shahrizal Nasir et al.nya (2015) menunjukkan bahawa majority masyarakat awam mengiktiraf kepentingan pembelajaran bahasa Arab bagi masyarakat muslim khususnya bagi memahami bacaan-bacaan asas dalam ibadah.

Berkenaan dengan kajian tahap penguasaan Bahasa Arab, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan. Antaranya ialah kajian oleh Muhamad Ziyad et al. (2016), pengkaji telah mengemukakan konseptual kajian bagi penguasaan asas Bahasa, iaitu Kemahiran Belajar, Kemahiran Bertutur, Kemahiran Membaca dan kemahiran menulis. Kajian yang telah dijalankan dikalangan pelajar persediaan ijazah sarjana muda menunjukkan kemampuan bertutur adalah rendah disebabkan tahap penguasaan terhadap perbendaharaan kata Bahasa Arab rendah.

Dalam aspek kemahiran membaca, ia juga merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab. Dalam konteks penguasaannya di kalangan pelajar sekolah sebagai contoh, Kamarul Azmi (2012) mendapati ianya masih berada pada tahap yang lemah kerana pelajar tidak dapat menguasai kemahiran bahasa ini disebabkan kurang berminat terhadap Bahasa Arab di samping kurang penggunaan bahasa ini dalam interaksi seharian.

### **PENGENALAN RINGKAS BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN KHUSUS (BAUTK)**

Menurut Kennedy dan Bolitho (1984:7) ilmu Bahasa Untuk Tujuan Khusus telah dikenalpasti bermula pada pertengahan kurun ke-20 iaitu sekitar 60-an di mana bahasa Inggeris menjadi pelopor kepada bahasa-bahasa utama yang lain di dunia.. Menyedari kepentingan bahasa Arab kepada masyarakat global, beberapa cendekiawan dan sarjana Islam telah mengorak langkah untuk mengaplikasikan disiplin tersebut kepada bahasa Arab maka lahirlah kajian-kajian yang berkaitan dengan bahasa Arab untuk tujuan khusus.

Menurut Hutchinson dan Waters (1987:19), Bahasa Untuk Tujuan Khusus merupakan bidang di mana silibus dan kaedah pengajaran bahasa berpaksikan kepada keperluan dan kehendak pelajar. Pendapat ini turut disokong oleh Hussain Ubaidat (2004:314) yang berpandangan bahawa silibus pembelajaran yang hendak direkabentuk mestilah berdasarkan keperluan pelajar sasaran. Rusydi Ahmad Tai'emah (1989:276) pula mendefinisikan Bahasa Untuk Tujuan Khusus sebagai pengajaran yang khusus untuk golongan tertentu yang mempunyai kandungan dan kemahiran bahasa yang spesifik bagi mencapai hasil pembelajaran yang komprehensif.

### **BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN KEAGAMAAN (DINI) (BAUTA)**

Sebagaimana yang telah dinyatakan, Bahasa Arab merupakan salah satu dari bidang keilmuan utama dalam konsep PSH. Kebiasaan pengajian Bahasa Arab lebih bermatlamatkan tujuan dini (keagamaan). Seorang muslim menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa harian, khususnya dalam kegiatan ibadah harian hingga tahunan. Kegiatan ibadah yang dimaksud adalah pelaksanaan sholat wajib dalam lima waktu yang dilakukan dengan doa dan zikir serta bacaan sholat dalam bahasa Arab. (Imelda, 2017).

Bahasa Arab untuk tujuan agama merupakan salah satu cabang kepada bahasa Arab untuk tujuan khusus (Mohammad Najib et. Al, 2013). Saban tahun, bilangan kedatangan umat Islam dari seluruh pelosok dunia untuk menunaikan ibadah haji dan umrah di tanah suci semakin bertambah (Khairun Nisaa, 2017) . Begitu juga halnya di Malaysia, menurut laporan berita Astro Awani bertarikh 28 Mac 2016, pada tahun ini kerajaan telah menetapkan kuota jemaah Malaysia sebanyak 22, 320 orang jemaah, justeru mereka adalah golongan yang berpotensi untuk mempelajari bahasa Arab untuk tujuan agama seperti solat, haji, umrah dan sebagainya ("Kuota Jemaah Haji Malaysia, " 2016).

Selain daripada itu, perkembangan bahasa Arab untuk tujuan ibadah di Malaysia juga dapat dilihat melalui kemunculan buku-buku pengajian bahasa Arab yang memberi fokus kepada tujuan ibadah. Maksud tujuan ibadah disini adalah merangkumi aspek ayat Al-Qur'an, Hadith Rasulullah, bacaan dalam solat, zikir, doa, begitu juga bacaan dalam ibadah haji dan umrah. Antara buku atau modul pembelajaran bahasa Arab tersebut ialah Panduan Belajar Bahasa Arab untuk Jemaah Haji & Umrah (2009) oleh Muhammad Sabri Sahrir, Pengajaran Bahasa Arab

Menerusi Al-Quran (2010) oleh Sohair Abdel Moneim Sery, Bahasa Arab untuk Ibadah (2010) oleh Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman, Asas Bahasa Arab Melalui Al-Quran (2010) oleh Zainuddin Ismail, dan banyak lagi (Mohd Shahrizal, Muhammad Sabri & Mohd Firdaus, 2015:6-7).

Mohamad Loqman (2020) pula menyatakan bahawa, minat orang ramai terhadap Al-Quran semakin rancak. Pelbagai program telah diadakan bagi menarik lebih ramai orang mencintai Al-Quran (Mohamad Loqman, 2020). Hal ini boleh dilihat menerusi pelbagai aktiviti yang diadakan samada di masjid mahupun di kaca TV seperti Quran Hour, Tadabbur Centre dan sebagainya. Menurut kajian Ku Fatahiyyah (2019), antara tujuan utamanya adalah untuk memahami isi kandungan al-Quran, mendalami ajaran agama Islam dan memahami istilah-istilah Arab yang digunakan di dalam pelbagai bidang ilmu.

Memahami isi kandungan Al-Quran tidak terlepas dari memahami bahasanya sendiri iaitu Bahasa Arab. Menurut Wan Azura (2009), penguasaan yang mantap dalam kalangan ulama terdahulu seperti Ibn Abbas, Ibn Ashur dan al-Shanqiti dalam bahasa Arab telah membuktikan bahawa aspek bahasa juga memainkan peranan yang penting dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Di Malaysia, pelbagai kaedah baru bagi memahami Al-Quran dibuat seperti Pusar, Al-Furqan dan Ulwan. Hal ini menunjukkan kesedaran orang ramai terhadap pembelajaran bahasa Al-Quran telah mula meningkat (Mohamad Loqman, 2020).

Terdapat usaha-usaha yang menyumbang ke arah Bahasa Arab Dini. Antaranya Mohd Puzhi Usop dan Mohamad Bin Seman melalui buku Bahasa Arab untuk Ibadah (2010) dan cetakan terkini dengan tajuk Belajar Bahasa Arab untuk Ibadah (2017). Buku ini sesuai untuk semua peringkat umur yang ingin mempelajari bahasa Arab yang digunakan dalam ibadah seharian. Buku ini merangkumi pelajaran asas tatabahasa Arab yang berkaitan dengan teks bacaan dalam ibadah seharian, pelajaran tentang teks bacaan dalam ibadah solat, doa harian serta zikir pilihan, pelajaran tentang ayat lazim daripada juz' 'amma dan pelajaran tentang ayat al-Quran al-Karim pilihan yang sering dibaca dan diperdengarkan dalam kehidupan seharian kita. Buku ini disusun dengan tujuannya yang tersendiri, iaitu untuk membantu umat Islam memahami bahasa Arab khususnya dalam bacaan dan dalam ibadah seharian mereka seperti bacaan dalam ibadah solat, zikir, doa harian, ayat lazim dan lain-lain.

Buku Belajar Bahasa Arab Untuk Ibadah ini membantu umat Islam memahami bahasa Arab khususnya dalam bacaan dan dalam ibadah seharian mereka seperti bacaan dalam ibadah solat, zikir, doa harian, ayat lazim dan lain-lain. Buku ini merupakan salah satu usaha untuk membaca pembaca ke arah memahami dan menghayati apaya yang kita selalu laungkan dan sebutkan dalam ibadah seharian.

Hairun Najwa (2018) menyatakan bahawa agama Islam amat berkait rapat dengan bahasa Arab kerana kebanyakan rujukan asas utama agama Islam adalah buku-buku yang ditulis dalam bahasa Arab. Bahkan ibadah utama dalam kalangan umat Islam iaitu mendirikan sembahyang lima waktu juga dilaksana menggunakan bahasa Arab. Kajian yang dijalankan Mohamad Sollah (2016) menunjukkan bahawa majoriti jemaah Haji dan Umrah menginginkan satu modul khas untuk membantu mereka dalam menunaikan Haji dan Umrah.

Bahasa Arab wajib dipelajari semua golongan bukan hanya untuk pelajar aliran agama sahaja. Perkara ini jelas dilihat bahawa bahasa Arab amat penting apabila mereka menunaikan ibadah

Haji dan Umrah. Mereka bukan sahaja perlu memahami bacaan ketika ibadah Haji dan Umrah sahaja malah mereka perlu menggunakan bahasa Arab untuk berkomunikasi. Melalui kajian yang telah dijalankan, telah wujud modul-modul ataupun buku-buku berkaitan bahasa Arab untuk Haji dan Umrah namun buku-buku tersebut kurang sesuai untuk jemaah haji Malaysia yang bukan penutur asli bahasa Arab (Khairunisa, 2017)

Saini Ag. Damit (2016) menimbulkan beberapa persoalan berkait dengan Bahasa Arab untuk Tujuan Dini; adakah para pelajar memahami semua bacaan dalam ibadah solat yang menggunakan bahasa Arab? Adakah para pelajar hanya memahami sebahagian daripadanya atau adakah para pelajar tidak memahami langsung apa yang dibaca atau disebabkan hanya menghafal dan mengingat sahaja, memandangkan hampir semua bacaan dalam ibadah, khususnya dalam ibadah solat semenjak di bangku sekolah rendah lagi.

Sehubungan itu, Mohd Shahrizal (2015) menegaskan bahawa kepentingan bahasa ini dalam kehidupan setiap muslim menjelaskan keperluan untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Oleh itu, dapat difahami bahawa pembelajaran bahasa Arab oleh setiap individu muslim bukan merupakan satu pilihan tetapi satu keperluan.

Dalam pelaksanaan Bahasa Arab untuk tujuan keagamaan, Md Noor (2016) berpandangan bahawa pembelajaran bahasa arab bukan hanya menjadi hak eksklusif kepada golongan pelajar di institusi pengajian, sebaliknya ia perlu diajarkan kepada semua pihak baik belia mahupun golongan berusia. Atas kesedaran ini, pihak pengurusan masjid mengambil inisiatif dengan mengadakan kelas pengajian arab bagi membantu mereka mendalami bahasa syurga ini. Antara bentuk kelas-kelas yang disediakan seperti kelas percuma, pengajian bersiri berbayar, kuliah secara terbuka dan lain-lain lagi di samping perlunya mewujudkan sistem sokongan melalui pembudayaan persekitaran berbahasa Arab dalam kawasan sekolah sama ada melibatkan aktiviti dalam kelas mahupun di luar kelas serta luar sekolah (Kamarulzaman, 2018)

Walaubagaimanapun, Nor Yazidah (2016) melihat bahan yang dihasilkan di pasaran agak berat dan membataskan motivasi orang awam, terutamanya warga emas untuk mempelajari bahasa Arab di samping bahan pembelajaran atau modul bahasa Arab untuk pelajar dewasa masih boleh dikategorikan sebagai amat sedikit sekali di pasaran. Malah kebanyakannya kurang menghiraukan aspek psikologi, sosial, dan tujuan pelajar belajar bahasa Arab.

Kegagalan sesetengah institusi atau pusat pengajaran bahasa Arab untuk menyediakan suatu program pembelajaran yang menepati matlamat, tujuan dan keperluan warga emas untuk mempelajari bahasa tersebut telah merencatkan kesungguhan dan motivasi mereka untuk terus mengikuti pengajian tersebut. Kadang-kadang isi kandungannya terlalu banyak jika dibandingkan dengan keadaan mereka yang baru berada pada peringkat permulaan. Justeru, penyediaan modul yang terancang dan jelas objektif yang akan dicapai serta bersesuaian dengan keperluan fisiologi, psikologi dan pengalaman sosial mereka, sangat membantu pelajar warga emas untuk menguasai bahasa Arab selain dari kalangan kanak-kanak, remaja dan dewasa.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab Untuk Tujuan Kegamaan (BAUTA) merupakan salah satu pengkhususan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus yang terlibat langsung dengan pelaksanaan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat. Berdasarkan kepada kepentingan dan dapatan-dapatan kajian-kajian yang telah dijalankan, jelas menunjukkan keperluan dan kehendak yang tinggi dari kalangan masyarakat dalam aspek ini di samping perlunya membuka ruang dan peluang yang lebih luas untuk pelbagai lapisan masyarakat mengikutinya sesuai dengan pelaksanaan dan pembudayaan PSH.

## RUJUKAN

- Ahmad Redzaudin Ghazali, Dr. Md Noor Hussin, Dr. Khairatul Aqmar Abd Latif, Mohammad Rofian Ismail, (2016), *Tabap Kesedaran Masyarakat Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Di Masjid*, e-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization, Volume 3
- Fatin Aliah Phang, (2020), *Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat*, 2020, <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>
- Hairun Najuwah Jamali (2018), *Pembangunan Komuniti Melalui Pusat Bahasa Arab Sebagai Institusi Pembelajaran Sepanjang Hayat*, Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, KUIS
- Hazwani Hasami & Nor Aishah Buang (2018), *Keberkesanan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) terhadap Pengetahuan dan Tabap Kemahiran Pelajar Kolej Komuniti*, Jurnal Pendidikan Malaysia SI, <http://journal2.um.ac.id/index.php/jinotep/index>
- Intan Shazila binti Samsudin (2018), *Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat Di Malaysia*, JINOTEP (Jurnal Inovasi Teknologi Pembelajaran),
- Khairun Nisaa Bt Mohd (2017), *Kajian Kes Keperluan Bahasa Arab Dalam Kalangan Jemaah Haji Dan Umrah Malaysia Dari Sudut Pandang Mutawwif-Mutawwif Syarikat Andalusia*, International Journal Of Religion Research In Education, Volume 1.
- Md Noor Hussin, Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohammad Rofian Ismail, Khairatul Aqmar Ab Latif, Saupi Man, 2016. *Tabap Kesedaran Masyarakat Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Di Masjid*, 3<sup>rd</sup> International Conference On Arabic Studies & Islamic Civilization 2016 (ICASIC 2016)
- Mimi Mohaffyza binti Mohamad, Che Munira binti Che Razali (2009), *Keperluan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bagi Tenaga Pengajar Di Institut Latihan Kemahiran Di Malaysia*, The 3rd Malaysian Technical Universities Conference on Engineering and Technology (MUCEET2009), <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/2851/>.
- Mohammad Loqman Ibrahim & Azlan Shaiful Baharum (2020), *Kerangka Pembentukan Modul Pengajaran Bahasa Al-Quran Untuk Masyarakat Awam*, Jurnal Al-Irsyad, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.
- Mohammad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hameed, Hishomuddin Ahmad (2013), *Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia*, 'Ulum Islamiyyah Journal, Unlversltd Sains Islam Malaysia, Vol.10.
- Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Mohd Faez Ilias, Mohd Amin Mohd Noh, Hasrol Basir (2018), *Kesedaran Penjawat Awam Terhadap Keperluan Pendidikan Sepanjang Hayat : Satu Sorotan Kajian*, 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC

- 2018), [http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2018/09/Fullpaper\\_Irmic\\_2018-SALIHIN.pdf](http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2018/09/Fullpaper_Irmic_2018-SALIHIN.pdf),
- Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir & Mohd Firdaus Yahaya (2015), *Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam Di Malaysia*, Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol. 30
- Mohd Sollah Mohamed, Mohammad Seman, 2016, *Keperluan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji Dan Umrah: Satu Analisis Kajian*, Jurnal Kesidang, Jilid 1.
- Nor Yazidah Yahya, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha & Mohd Sukki Othman (2016), *Kerangka Pembinaan Modul Pembelajaran Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Warga Emas*, e-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization.
- Rofishah bt. Rashid, Berhanuddin Abdullah (2015), *Pengajian Bahasa Arab Di Masjid Sebagai Proses Pembelajaran Sepanjang Hayat*, Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015)
- Saini Ag. Damit, Noorafini Kassim & Nor Ain Manap (2016), *Bahasa Arab Dalam Ibadah: Satu Kajian Kefahaman Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS)*, Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (Jurnal Manu).



## **BAB 16**

### **REKA BENTUK MODEL PENGAJARAN BAHASA ARAB UNTUK STAF HOTEL (PEBASH)**

Wazzainab Binti Ismail,<sup>1</sup> Zetty Nurzuliana Binti Rashed,<sup>1</sup> Farah Nur Rashida Binti Rosnan,<sup>1</sup>  
Ishak B. Abd Manaf<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

<sup>2</sup>Institut Pendidikan Guru, Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah

#### **PENDAHULUAN**

Industri pelancongan adalah salah satu industri penting yang dikenal pasti oleh kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara. Model baru ekonomi yang telah diperkenalkan oleh kerajaan telah menyenaraikan sektor pelancongan sebagai salah satu sektor yang berpotensi untuk merencanakan pertumbuhan dan menjana hasil pendapatan negara. Malaysia adalah sebuah negara yang mengutamakan penyediaan pakej pelancongan Asia Barat. Pelancong Arab telah mula menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka khususnya pada percutian musim panas. Melihat kepada keadaan ini, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan dan disokong oleh agensi lain telah melipat gandakan usaha menarik lebih ramai pelancong Arab (Sulaiman et al. 2008).

Kronologi Covid-19 di Malaysia bermula pada 23 Januari 2020 apabila Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) terima laporan tiga kes, dua kes di Sabah dan satu di Selangor, disyaki dijangkiti coronavirus 2019 (2019-nCoV). (Berita Harian, 2020)

Kes Covid-19 berterusan sehingga ke hari ini iaitu pada Julai 2021. Namun negara tetap terus melakukan pelbagai usaha untuk menangani pandemik yang amat membimbangkan ini. Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) menggariskan tiga fasa Pelan Pemulihan Pelancongan bagi mempercepatkan program vaksinasi di seluruh negara dan seterusnya menjayakan Program COVID-19 Free Destination. Beliau berkata, fasa pertama pelan pemulihan itu menyaksikan Pulau Langkawi dipilih sebagai destinasi rintis Program COVID-19 Free Destination. ([Siti Haliza Yusop](#), 2021).

Diikuti seterusnya Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi atau PEMULIH. Nilai keseluruhan pakej PEMULIH berjumlah 150 bilion ringgit merangkumi suntikan langsung fiskal Kerajaan sebanyak 10 bilion ringgit. PEMULIH bertujuan untuk memberikan bantuan menyeluruh kepada rakyat dan tertumpu kepada tiga fokus utama iaitu Meneruskan Agenda Prihatin Rakyat, Menyokong Perniagaan dan Meningkatkan Vaksinasi. Sektor pelancongan merupakan fokus kedua dan antara segmen yang sangat terjejas dalam tempoh pandemik covid-19 ini. Sebagai pendorong atau kick-start, kerajaan akan menyediakan bantuan one-off sebanyak 3 ribu ringgit kepada lebih 5,300 agensi pelancongan berdaftar.

Kerajaan juga telah bersetuju untuk menanggungkan pembayaran ansuran cukai pendapatan bulanan kepada syarikat dan mengecualikan cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan kepada pengendali hotel sehingga akhir tahun ini. Kerajaan juga akan mempertimbang peruntukan sewajarnya untuk memulih dan mempergiatkan semula aktiviti pelancongan. (Teks Ucapan Yab Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yasin Perdana Menteri, 2021).

Rentetan itu, pengajaran bahasa Arab untuk tujuan pelancongan menjadi satu agenda yang penting agar memacu kelestarian aspek pelancongan negara dengan diberikan fokus kepada hal-hal yang dilihat relevan.

Maka dengan itu terdapat inisiatif universiti dan kolej di Malaysia yang menawarkan kursus atau program Sarjana Muda Bahasa Arab yang menyediakan subjek Pengajaran bahasa Arab untuk tujuan pelancongan. Selain galakan aktiviti lain yang berkaitan bahasa Arab dan pelancongan.

### **PELANCONGAN ASIA BARAT DI MALAYSIA**

Menurut Laporan Tahunan Tourism Malaysia 2016, Malaysia telah menerima kunjungan seramai 26.8 juta pelancong antarabangsa berbanding tahun 2015 yang merekodkan 25.7 juta pelancong antarabangsa dari seluruh dunia. Jika diteliti dari kenyataan Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia, negara yang dikenali dengan 'Truly Asia' ini terus menjadi destinasi utama pilihan pelancong dari Asia Barat (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2016). Pelancong Asia Barat ke Malaysia mencatatkan dapatan negara sebanyak RM3.1 bilion pada tahun 2018. Pada tahun 2019 pula, terdapat peningkatan sebanyak 25.3 peratus yang diwakili pelancong dari Arab Saudi, Oman dan UAE (MStar, 2019). Ini menjadikan Arab Saudi di tangga teratas dalam indeks Prestasi Pelancongan Malaysia bagi bulan Januari hingga Jun tahun 2019 (Astro Awani, 2019).

### **PENGURUSAN HOSPITALITI DAN PERHOTELAN UNTUK PELANCONG ASIA BARAT**

Arena pelancongan dan hospitaliti merupakan salah satu penyumbang kepada tarikan pelancong. Kebiasaannya industri hospitaliti dikaitkan dengan bidang perhotelan dan restoran. Dalam industri perhotelan, setiap hotel menayangkan slogan tersendiri untuk mempamerkan keunikan hospitaliti mereka.

Pemahaman, kepekaan, menguruskan masalah, interaksi dan menyemai hubungan yang baik dengan pelanggan amatlah penting. Selain itu, kecekapan pengurus, mengekalkan kualiti perkhidmatan dan fokus terhadap tetamu juga menjadi faktor yang penting dalam industri hospitaliti. Aspek imej dan persepsi juga sangat memberikan kesan kepada pelanggan dalam memilih produk hospitaliti. Oleh itu, interaksi perkhidmatan diperlukan dalam membentuk persepsi pelanggan untuk menguruskan pemasaran dan hospitaliti supaya lebih berkesan. (Kiki Rizki et al. 2014)

Menjadi kebiasaan pelancong dari Asia barat untuk menginap di hotel-hotel yang mempunyai pelbagai kemudahan seperti pengangkutan ataupun fasiliti. Menurut agensi pelancongan di Malaysia, pelancong Arab memilih Malaysia sebagai lokasi utama bagi mendapatkan barangan berkualiti dan terkini. Selain itu para pelancong ini lebih meminati percutian santai bersama keluarga berbanding aktiviti lasak. Oleh demikian kebanyakan pasangan dari negara Asia Barat

memilih Malaysia sebagai lokasi berbulan madu dengan memilih pakej penginapan di hotel bertaraf lima bintang. Antara lokasi yang sering menjadi pilihan ialah Kuala Lumpur, Pulau Langkawi, Pulau Pinang, Genting Highland, Cherating dan lain-lain lokasi menarik. (Astro Awani, 2019).

## **KEPENTINGAN BAHASA ARAB DALAM INDUSTRI PELANCONGAN DI IPT MALAYSIA**

Pelancong Arab menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan. Jumlah mereka yang melancong ke Malaysia semakin bertambah setiap tahun (Mohammad Najib, 2013). Oleh itu, terdapat keperluan yang tinggi untuk meningkatkan kualiti industri pelancongan di Malaysia iaitu dengan menambah pengkhususan yang menjurus kepada bidang pelancongan seperti yang tersedia di beberapa buah institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Beberapa buah institusi pengajian tinggi (IPT) yang menyediakan pengkhususan bidang pelancongan ialah: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang menawarkan subjek Bahasa Arab Pelancongan.

Mohammad Najib (2013) dalam kajiannya berkaitan dengan modul pengajaran bahasa Arab Pelancongan di IPT Malaysia menumpukan kepada kajian terhadap keberkesanan modul pengajaran bahasa Arab pelancongan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kajian ini mendapati peratusan sikap dan motivasi terhadap modul pengajaran bahasa Arab pelancongan adalah tinggi.

Manakala Sulaiman et al. (2008) di dalam kajiannya mengenai persepsi pelancong Arab dan pihak penyedia perkhidmatan terhadap penggunaan bahasa Arab dalam penyampaian maklumat dan informasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), mendapati bahawa kebanyakan pelancong Arab berpuas hati dengan kemudahan umum dan kemudahan informasi seperti penunjuk arah berbahasa Arab yang disediakan di KLIA. Duta kecil Arab atau *Ambassador / Announcer* Arab yang bertugas sebagai penyambut tetamu kepada pelancong bangsa Arab akan bersedia di balai ketibaan untuk menyambut para pelancong dari Timur Tengah. Mereka yang bertugas sebagai Duta kecil Arab ini merupakan pelajar yang fasih berkomunikasi dalam bahasa Arab berkhidmat khusus untuk pelancong Arab sahaja dan ini merupakan keistimewaan dan keutamaan yang disediakan kepada mereka berbanding pelancong lain.

Pelancong Arab, masih ramai dalam kalangan mereka yang tidak fasih berbahasa Inggeris. Oleh yang demikian, mereka memerlukan pembantu yang boleh berkomunikasi dan memberikan panduan dalam bahasa Arab di samping papan tanda dalam tulisan Arab untuk menunjuk arah lokasi yang terdapat di dalam KLIA. Namun bilangan petugas dan pendedahan terhadap istilah-istilah khusus pelancongan yang kurang menyebabkan tahap motivasi ketika berurusan dengan pelancong Arab menurun. Selain kemudahan informasi dalam bentuk bahan edaran bercetak seperti pamflet, brosur dan sebagainya perlu diperbanyakkan untuk dijadikan panduan kepada pelancong Arab. Oleh yang demikian, kajian tentang sikap dan motivasi pelajar terhadap modul pengajaran bahasa Arab Pelancongan sedia ada perlu dilakukan bagi menambah baik pengajaran bahasa Arab Pelancongan (Sulaiman et al. 2008).

Kajian yang dilakukan oleh Zalika mengenai Penggunaan bahasa Arab dalam Komunikasi Pemandu Pelancong Ke Arah Memperkenalkan Malaysia menyentuh kaedah penggunaan bahasa Arab dan keupayaan berbahasa Arab sebagai pemandu pelancong. Terdapat kebimbangan terhadap beberapa masalah berkaitan dengan sikap dan motivasi kerana tahap penggunaan dan kemahiran berbahasa Arab di kalangan pemandu pelancong masih rendah. Ini menyebabkan tahap motivasi mereka agak menurun (Zalika, 2009).

Kajian bertajuk Model Pembangunan Kurikulum Bahasa Arab Untuk Pelancongan Mengikut Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli (Mohammad Najib Jaffar et al. 2017) ialah kajian membangunkan kurikulum Bahasa Arab Untuk Pelancongan yang lebih fokus kepada pelancongan bercirikan Islam.

## **MODEL PENGAJARAN BAHASA**

Mustari et al. (2012) dalam kajian mereka telah menjelaskan beberapa jenis Model Pengajaran. Diantaranya:

1. Model Pengajaran Robert Glaser: Model yang membahagikan proses pengajaran kepada empat komponen utama iaitu: objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar, kaedah mengajar dan penilaian.
2. Model Pengajaran Sim: iaitu proses pengajaran yang berlaku adalah melalui interaksi di antara guru, murid, isi pelajaran dan juga objektif. Model adalah berlandaskan konsep pengajaran sebagai bidang komunikasi dan interaksi yang sihat untuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
3. Model Pengajaran Taba: Model yang menekankan penyusunan bahan-bahan pengajaran dalam suatu sistem yang sesuai yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir pelajar. Ia adalah model operasi kognitif melalui empat peringkat; menyusun data atau fakta dengan memerhati ciri-ciri persamaan dan perbezaan, mengelas fakta-fakta, membuat generalisasi atas kesimpulan dan hubungan-hubungan antara kategori-kategori itu serta mengaplikasi generalisasi yang diperolehi.
4. Model Latihan Terus: Model ini merupakan satu model pengajaran yang bertujuan untuk membantu pelajar mempelajari ilmu pengetahuan atau kemahiran asas yang boleh diajar dengan cara langkah demi langkah. Model ini juga dikenali sebagai 'Model Latihan' dan 'Model Pengajaran Aktif.
5. Model Inkuiri: Model ini merangkumi segala proses soal selidik untuk mendapatkan jawapan atau kesimpulan daripada soalan atau daripada masalah yang dikemukakan. Aktiviti soal selidik ini memerlukan pelajar mengenal pasti soalan bermasalah, membentuk hipotesis, merancang aktiviti kajian, menjalankan kajian atau siasatan dan seterusnya mendapatkan jawapan dan membuat rumusan.

## **PENGAJARAN BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN PELANCONGAN DAN PERHOTELAN**

Kajian kualitatif ini adalah dengan menggunakan instrument analisis dokumen. Beberapa kajian yang berkaitan pengajaran bahasa Arab untuk staf hotel dikaji dan dimurnikan. Berikut rumusan

beberapa kajian yang berkaitan. Dalam pengajaran bahasa Arab Pelancongan beberapa prinsip asas proses pembelajaran bahasa dalam pendekatan komunikatif menurut Littlewood (dipetik dari Zawawi Ismail, 2005) ialah;

- i) Prinsip komunikasi. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan komunikasi sebenar akan menggalakkan pembelajaran.
- ii) Prinsip tugasan. Aktiviti-aktiviti yang dapat menggunakan bahasa bagi melaksanakan tugasan.
- iii) Prinsip bermakna Bahasa. Aktiviti yang akan mengukuhkan proses pembelajaran.

Zawawi Ismail (2005) menyebut Canale dan Swain pula mencadangkan beberapa prinsip dalam pendekatan komunikatif:

- i) Matlamat: iaitu untuk mewujudkan integrasi di antara keupayaan komunikatif yang mengandungi keupayaan tatabahasa, keupayaan sociolinguistik dan strategi komunikasi atau keupayaan strategi.
- ii) Keperluan komunikasi:
  1. Berfokus kepada kemahiran bahasa sebagai bahan untuk berkomunikasi. Kemahiran berkomunikasi perlulah mempunyai tujuan sosial, iaitu bahasa yang dituturkan dalam satu situasi sosial yang tulen.
  2. Komunikasi adalah bagi pelbagai tujuan seperti mendapatkan maklumat.
  3. Pendekatan komunikatif juga perlu dilaksanakan dalam situasi yang autentik iaitu berlandaskan keperluan yang sebenar dalam kehidupan harian. (Mahzan Arsyad, 2008).

Kajian Wazzainab dan Imran (2007) telah menggariskan beberapa input penting tentang maklumat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk staf hotel. Antara maklumat yang dibincangkan ialah keperluan bahasa loghat (*lahjat*) ketika berinteraksi dengan pelancong Arab. Staf hotel perlu memahami tiga perkara utama iaitu bahasa baku atau bahasa standart bahasa Arab, bahasa Arab loghat (*lahjat*) dan bahasa penggunaan. Bahasa penggunaan merujuk kepada jenama barang dan lain-lain yang berkaitan. Contohnya, pelancong Arab menggunakan perkataan (*clinic*) untuk bertanya tentang tisu. *Clinic* di sini bukan bermaksud *clinic* atau klinik untuk orang sakit tetapi yang dimaksudkan ialah jenama tisu *Clinic*. Kajian lain menjelaskan bahawa penawaran kursus atau program bahasa Arab untuk pelancongan perlu memasukkan pengajaran bahasa arab loghat (*lahjat*) kerana kepentingan bahasa jenis ini dalam sektor pelancongan (Wazzainab, 2012) (Zalika, 2009). Sekurang-kurangnya bahasa Arab loghat (*lahjat*) asas. Manakala bahasa baku atau bahasa standart bahasa Arab untuk staf hotel adalah perlu mengikut kesesuaian bahagian. Contohnya staf di bahagian sambutan dan staf di kaunter kedua-duanya menggunakan kosa kata dan ungkapan yang berbeza mengikut situasi. Oleh itu pemilihan kosa kata hendaklah relevan dengan lokasi staf bekerja. Ini merujuk maklumat yang berkaitan kosa kata untuk staf hotel di Berjaya Times Square dan Hotel PNB Darby Park berdasarkan buku ringkas bahasa Arab untuk Staf Hotel (Wazzainab, 2008).

Sebagai rumusannya, untuk merealisasikan program dan model pengajaran bahasa Arab Pelancongan yang lengkap dan praktikal banyak aspek dan faktor berkaitan perlu diambil pertimbangan. Polisi bahasa, harapan dan keperluan masyarakat, pengetahuan berkenaan sumber-sumber dan halangan-halangan program perlu dijadikan asas dalam menentukan kejayaannya. (Najjah Salwa, et.al. 2012).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian-kajian lepas telah banyak memberi maklumat tentang pelbagai jenis kepentingan bahasa Arab dan pelancongan. Maka dilihat bahawa pengajaran bahasa Arab untuk staf hotel juga antara usaha yang mampu menyemarakkan lagi senario gemilang industri pelancongan Malaysia. Model Pengajaran bahasa Arab untuk Staf Hotel (PEBASH) adalah model yang direka bentuk dengan menyenaraikan input-input untuk rujukan pengajaran bahasa Arab kepada pekerja dan staf hotel.

Model PEBASH mempunyai 2 aspek atau bahagian utama iaitu: B: bahasa dan K: Komunikasi. Model ini fokus kepada ciri-ciri bahasa dan komunikasi yang sesuai untuk staf hotel.

Rajah 1: Aspek penting Model PEBASH



- **B: Bahasa:**

Empat (4) Komponen utama bahasa ialah:

1. Bahasa Standart (baku)

Bahasa Standart ialah kosa kata yang berkaitan kerja staf hotel. Perlu ditulis dalam bahasa Arab dengan tulisan Arab, berbaris dan disertakan transliterasi. Ini kerana staf hotel pelbagai latar belakang sosial maka transliterasi dapat membantu mereka membaca perkataan bahasa Arab.

2. Bahasa Loghat, (bahasa pasar) (*lahjat, ammi*)

Bahasa *lahjat* adalah terhad kepada kosa kata asas sahaja. Ini kerana bahasa *lahjat* Arab berbeza-beza merujuk negara asal mereka. Lahjat Arab Saudi adalah berlainan daripada *lahjat* Qatar dan lain-lain negara. Namun terdapat sebahagian kosa kata *lahjat* yang diguna pakai oleh semua orang Arab.

3. Bahasa Penggunaan (kosa kata atau istilah kebiasaan dalam penggunaan)

Senarai bahasa penggunaan sangat penting agar maklumat dari tetamu Arab dapat difahami dengan tepat oleh staf hotel. Bahasa jenis ini hanyalah boleh didapati dengan interaksi dan temu bual bersama staf hotel. Staf hotel akan memberi maklum balas terhadap perkataan yang

digunakan tetamu Arab untuk menunjukkan kepada barang tertentu. Contohnya ubat gigi dipanggil *Signal* (jenama ubat gigi yang lazim pada penggunaan orang Arab)

4. Bahasa Bahagian (kosa kata dan istilah mengikut bahagian pekerjaan staf hotel).

Model PEBASH perlu menyenaraikan bahagian-bahagian utama di hotel yang kerap berlaku interaksi dengan tetamu Arab supaya senarai kosa kata yang disediakan adalah sesuai dan relevan.

- **K: Komunikasi**

Aspek kedua yang menjadi bahan utama Model PEBASH ialah komunikasi. Ciri komunikasi yang baik akan membantu kelancaran interaksi antara staf hotel dan tetamu Arab.

Panduan Komunikasi dengan tetamu Arab:

- Tidak boleh terlalu mesra, kerana orang Arab sangat menjaga hal peribadi.
- Bertanya hanya perkara yang perlu.
- Elak bercakap dengan isteri dan anak-anak mereka.
- Terdapat sebahagian orang Arab yang memandang rendah kepada staf hotel (kerana mereka bayar semua fasiliti).
- Terperinci jika menerangkan sesuatu tentang hospitaliti dan fasiliti hotel.
- Elak menawarkan kemudahan yang tidak benar. Orang Arab sangat tidak suka ditipu.
- Elak terlalu merendah diri, berkomunikasi mengikut skop kerja.
- Orang Arab mudah marah.
- Orang Arab sangat pemurah jika staf jaga kebajikan dan memberi layanan yang sesuai.
- Orang Arab adalah berbeza sifat mengikut negara asal. Ada yang agak keras interaksi mereka ada yang lebih mudah dan mesra.

Model PEBASH melihat dua aspek utama ini amat berperanan dalam usaha memajukan industri pelancongan Malaysia yang difokuskan kepada perhotelan dan staf hotel.

## **RUMUSAN**

Walaupun negara masih berjuang berdepan pandemik Covid-19, namun usaha memantapkan ekonomi dan perhotelan tetap menjadi agenda penting negara. Sektor pelancongan memerlukan tenaga kerja yang terlatih dan mahir menggunakan bahasa Arab bagi memenuhi kehendak industri. Industri pelancongan seharusnya mendapat penekanan oleh rakyat dan kerajaan negara ini. Pelbagai usaha yang dilakukan memerlukan gandingan tenaga semua pihak untuk memastikan kejayaannya. Pihak universiti dan kolej perlu giat menjalankan kajian bagi meletakkan bahasa Arab di semua bidang yang relevan. Kajian ini dilihat sesuai diberi ruang pelaksanaan yang relevan oleh pihak institusi dan industri pelancongan. Penyediaan kelas bahasa Arab untuk tujuan perhotelan juga boleh diimplimentasi secara berperingkat. Hubungan antara para pelajar, pensyarah dan pekerja hotel adalah satu bentuk gabungan academia-industri yang akan mencorakkan refleksi ilmu yang dizahirkan ke medan industri.

## **RUJUKAN**

- Astro Awani. (2019). Malaysia Masih Destinasi Utama Pilihan Pelancong Asia Barat. Dirujuk 29 Mac 2020 dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-masih-destinasi-utama-pilihan-pelancong-asia-barat-216794> September 05, 2019. 18:35 MYT.
- Berita harian. (2020). Kronologi COVID-19 di Malaysia. Dirujuk pada 30 Jun 2021 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia> Mac 17, 2020 @ 1:14pm.
- Kementerian Pelancongan Malaysia (2016). Laporan Tahunan KPK 2016. Dirujuk pada 30 Mac 2020 dari <http://www.motac.gov.my/en/download/category/87-laporan-tahunan>
- Kiki Rizki Makiya, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Amriah Buang, Noralyanie Nor Azazi, Sri Winarni Samsir, Er Ah Choy (2014). *Hospitaliti Dalam Pembangunan Pelancongan Di Indonesia: Perspektif Psikologi Positif*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahzan Arsyad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan Dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohammad Najib Jaffar, Noor Azizi Ismail, Nurkhamimi Zainuddin, Azlan Shaiful Baharum. (2017). *Model Pembangunan Kurikulum Bahasa Arab Untuk Pelancongan Mengikut Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohammad Najib Jaffar. (2013). *Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan Di IPT Malaysia*. (Laporan Penyelidikan). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Fadil Mohd Yusof (2011) *Hotel Patuh Syariah (Syariah Compliant Hotels) Sebagai Produk Baru Industri Pelancongan di Malaysia*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- Mstar. (2019). Malaysia kini destinasi nombor 1 pilihan pelancong Asia Barat. Dirujuk 29 Mac 2020 dari <https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2019/07/14/malaysia-tangga-pertama> 14 Julai 2019.
- Mustari, M. I., Jasmi, K. A., Muhammad, A. & Yahya, R. (2012). Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]) at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 867-878. ISBN 99917-44-89-4.
- Najjah Salwa Abdul Razak, Zulkarnain Mohamed, Maheram Ahmad, Ezat Azraai Jamsari. (2012). Pembinaan Kurikulum Bahasa Arab Berasaskan Analisis Keperluan. (Prosiding Seminar Penyelidikan Pascasiswazah) IKRAB: UKM, 18 sept 2012.
- Osman Lisut. 2019. Pelancong wanita selesa pilih Malaysia, Hujung Minggu Kembara, Dirujuk pada 30 Mac 2020 dari <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/kembara/2019/10/623421/pelancong-wanita-selesa-pilih-malaysia> 31 Okt 2019.
- Pmrbest. (2008). Industri Pelancongan. Dirujuk pada 29 Mac 2020 dari <http://pmrbest.blogspot.com/2008/02/karangan-industri-pelanconganusaha.html>,
- Siti Haliza Yusop. (2021). Tiga Fasa Pemulihan Pelancongan Bantu Percepat Vaksinasi. Dirujuk pada 30 Jun 2021 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/832288/tiga-fasa-pemulihan-pelancongan-bantu-percepat-vaksinasi> Jun 26, 2021 @ 12:55pm.
- Sulaiman Ismail, Zainur Rijal Abd Razak dan Mohd Zohdi Mohd Amin. (2008). *Persepsi Pelancong Arab Dan Pihak Penyedia Perkhidmatan Terhadap Penggunaan Bahasa Arab Dalam Penyampaian Maklumat Dan Informasi Di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yasin Perdana Menteri. (2021). Pakej Pemulihan Rakyat. Dirujuk pada 30 Jun 2021 dari <https://www.pmo.gov.my/ms/2021/06/teks-ucapan-pakej-perindungan-rakyat-dan-pemulihan-ekonomi-pemulih/> 28Jun 2021.



- Wazzainab Ismail, Mohd Imran Ahmad. (2007). طرق تعليم اللغة العربية وتعلمها لموظف الفنادق (Himpunan Kertas Kerja: 1st International Conference On Arabic Language and Literature). Kuala Lumpur: Dar al-Tajdid. ISBN:978-983-2599-739. Jilid 2. 2007.
- Wazzainab Ismail. (2008). Buku Teks Bahasa Arab Untuk Kakitangan Hotel (Kursus Intensif Bahasa Arab). Selangor: Kuiscell.
- Wazzainab Ismail. (2012). Keperluan Bahasa Arab Loghat Dalam Pengajaran Subjek Bahasa Arab. (Prosiding The 8th International Language for Specific Purposes (LSP). UTM. 4-5 Sept 2012. ID: 83
- Zalika Adam. (2009). Penggunaan Bahasa Arab Dalam Komunikasi Pemandu Pelancong Ke Arah Memperkenalkan Malaysia. Dirujuk pada 29 Mac 2020 dari <http://pkukmweb.ukm.my/solls09/Proceeding/PDF/zalika>
- Zawawi Ismail. (2005). Pendekatan Komunikatif Di Dalam Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia. Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia: Cabaran & Inovasi (pp. 16-35). Bangi: Minda Imtiyaz Publications. (Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2012), UKM. (pp: 648 690).

## **BAB 17**

### **TEACHING PRACTICE OF ARABIC LANGUAGE TEACHERS APPLY HIGHER ORDER THINKING SKILL**

Najlaa Shazana Mohamad<sup>1</sup> Taj Rijal Muhamad Romli<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Sultan Idris Education University (UPSI)

#### **INTRODUCTION**

Teacher teaching practice is an important agenda in Malaysian education to ensure the success of a student in learning. Therefore, it is not surprising that the Ministry of Education (MOE) is constantly reforming the education system to improve teacher performance and student achievement in teaching and learning. Teacher teaching practice is the main focus that needs to be given priority in changing this system. Teachers are the first individuals who need to understand the importance of applying Higher Order Thinking Skill (HOTS) in their teaching. Therefore, The Ministry of Education Malaysia has set an obligation for teachers for all subjects to apply HOTS in their teaching. Although before this, HOTS has been in the Malaysian education system for a long time, but it is not fully implemented in all subjects. Arabic language teachers are also not left behind in the current transformation of education. Various programs, workshops and trainings organized by the MOE to improve the understanding and skills of Arabic language teachers apply the elements of HOTS in arabic language teaching.


#### **CONCEPTUAL FRAMEWORK**

Based on the theory of social constructivism, the researcher can build a conceptual framework of the study. Constructivism is a concept of understanding that students build their own knowledge based on experience gained through the process of reflection to adapt the mind model to face new experiences (Rajendran, 2008). The resulting experience plays an important role in providing a stimulus to the child's mind (Yygotsky, 1978; Rogoff, 1999). According to the constructivist view as well, students are given space and opportunity to pour ideas and thoughts, views and opinions and discuss those ideas through the way of thinking of the students themselves and at the same time can help the students to know the weaknesses in understanding the thinking (Yusri Kamarudin, 2019). Teaching Arabic in a fun atmosphere and students are actively involved in each activity that has been well planned by the teacher will create a special learning experience in a student. With this, an awareness can be built that in order to achieve a goal, learning Arabic needs to be given a new lease of life by linking students' experiences with their learning (Awatif, 2019). Thus, students can experience real learning situations as a result of fun learning activities (Nugroho & Nailur, 2018).

In addition, among other elements contained in the learning of constructivism is motivation. Motivation encourages students to actively learn to understand something new knowledge acquired. However, it is undeniable that there are some weaknesses in constructivism that is when teaching and learning sessions are not well planned, then the learning environment will be bland and unpleasant because there is no active involvement of students (Rohaty, 2018).

This framework is developed based on some expert views as well as previous studies that are used as additional information to this study.

Figure 1.2 Conceptual Framework of HOTS Application Practices



(Adapted from Kagioglou et al. 2000, Rajendran, 1998 and Yusri Kamarudin, 2019)

The conceptual framework of this study looks at the relationship between the practice of applying HOTS with Arabic as the subject studied in this study. This study was conducted to explore the practice of applying HOTS in the teaching of Arabic language teachers as well as the significant selection of such practices to be implemented in the teaching of Arabic language teachers in secondary schools. The teaching of Arabic language teachers in applying HOTS is measured based on the knowledge and skills of teachers on HOTS so that HOTS can be applied during teaching and learning takes place based on the level of HOTS.

A description of the level of thinking in Bloom's Taxonomy revised by Anderson (1956) shows that the level of thinking increases from the level of remembering, understanding, applying, analyzing, evaluating to creating. Bloom's taxonomy categorizes the skills and cognitive to be achieved by going through three main domains, namely the cognitive domain, the affective domain and the psychomotor domain. Originally, the cognitive domain of this bloom taxonomy was only divided into six levels. However, some changes have taken place around the 1990s and these changes are taking place in stages. Among the changes that occur are changes in terms of terminology that is the theme of knowledge, understanding, application, analysis, synthesis and evaluation are changed to remember, understand, apply, analyze, evaluate and create (Anderson et al. 2001).

Although teaching practices are well planned, there is no denying that there are teaching practices that are not suitable to be practiced by teachers and less impact and impact on students. The impact of a teaching practice can be seen through the assessment process

conducted by teachers. This assessment process is either carried out during the teaching process or after the completion of the teaching session. Through this assessment process, teachers can identify effective and less effective teaching practices. Teachers always improve their teaching practices from time to time so that teachers' teaching practices become better and of better quality. Therefore, Arabic language teachers play an important role as motivators of students' thinking so that students can master thinking skills well. This is a big challenge for Arabic language teachers because before this, teachers fully emphasized the content aspect of the lesson compared to thinking and other elements. Arabic language teachers are still not really ready to face the wave of change in education as intended in Malaysia Education Blueprint (MEB), (2013-2025). This study will open a new dimension that is thinking outside the box where it starts from this HOTS. Therefore, Arabic language teachers should always be aware and sensitive to the surrounding situation, especially related to the implementation strategy of HOTS in Arabic language subjects such as practicing exploration and experimentation activities, language games, animation, student-based learning optimally.

## **RESEARCH BACKGROUND**

Teachers are an important asset of a country. The job of a teacher is not just about teaching in the classroom, the teacher plays a role in shaping the direction of a student's life. Teachers are educators and mentors who are responsible for developing the physical and spiritual well-being of students so that they reach adulthood so that students can independently perform their duties as servants of God on this earth. From e-operations data dated 31 January 2019, the number of teachers throughout Malaysia is 419,904 comprising 182,587 primary school teachers and 237,317 secondary school teachers. The number of teachers shows that the Ministry of Education Malaysia (MOE) prioritizes teachers as an important entity in the effort to form human capital in Malaysia. In line with the Malaysia Education Blueprint (MEB), teachers are listed as stakeholders in driving the national education system. To achieve the desired student outcomes, teachers will enhance world-class capabilities by enjoying more satisfactory professional development, better career paths and a transparent and fair assessment process that is directly related to relevant capabilities and performance. All teachers in Malaysia need to respond to the government's call and desire to ensure that the targeted MEB from 2013 to 2025 will be realized. Administrators, school staff and parents play an important role in assisting teachers in carrying out this trust and responsibility.

As we all know, the Education System is an important foundation for the development of a society and a country. The education policy implemented is not only intended to provide education in schools but also as a tool to produce perfect capital for religion, race and country. MEB (2013-2025) is a plan contained in the National Education Philosophy. In line with this, in 2013, the Secondary School Standard Curriculum was introduced to replace the Integrated Secondary School Curriculum. Secondary School Standard Curriculum for Arabic language subjects in secondary schools started in 2017. In that year, the State Education Department from each state held courses and briefings to all representatives of Arabic language teachers in each school to provide exposure and a clear picture of SSSC the newly formed Arabic language by the Ministry Of Education. 2019 is the first year of Form Three Assessment for Curriculum and Assessment Standard Documents for Arabic language subjects. Among the major changes that have taken place in this subject is the explicit application of HOTS elements in the lesson syllabus.

Table 1.1: Level of HOTS and Level of Pupil Mastery in Arabic Language Subjects

<b>HOTS LEVEL</b>	<b>DESCRIPTION</b>	<b>LEVEL OF STUDENT MASTERY IN ARABIC</b>	<b>DESCRIPTION</b>
APPLICATION	Use knowledge, skills and values in different situations to implement something	3	Pupils can use knowledge to apply a skill in a situation
SYNTESIZE	Analyze the information into small parts to understand in depth and the relationship between the parts	4	Pupils perform a skill in a civilized manner, that is, in accordance with procedures and systematically
EVALUATION	Make judgments and decisions using knowledge, experience, skills, values and justify	5	Pupils perform a skill in a civilized manner, that is, following procedures / systematically, consistently and being positive
CREATION	Produce creative and innovative ideas or products or methods	6	Pupils perform a skill in a civilized manner, that is, in accordance with procedures / systematically, consistently and be positive, creative and innovative and can be emulated

(Adaptation from Form 1 Standard Based Arabic Language Curriculum for Secondary School, 2015)

Thinking skills become one of the important elements implemented in the school curriculum to improve students' thinking and ability to acquire knowledge more effectively. Students who master thinking skills will think first before performing an action while guiding students to use good language in producing thoughtful, precise and critical ideas. HOTS is the highest level in the hierarchy of cognitive processes. This occurs when a person obtains new information, stores and retains, compiles, and associates it with existing knowledge and will extend that information to achieve a purpose or solution to a complex situation (Rajendran, 2014; A.Rahman, 2015). The level of professionalism and ability of a teacher will stand out when teachers master the aspects of knowledge and skills in influencing thinking skills among students by asking questions that allow students to think critically and creatively during the

teaching and learning process (Talhah, 2016). This is supported by a study conducted by (Zamri, 2014) who found that teachers who are knowledgeable in Higher Order Thinking Skill will produce students who can think critically. In addition, these teachers can also apply various teaching techniques such as problem solving, decision making, making inferences, proposing new ideas and analyzing activities that meet the criteria of HOTS. According to Noriati, Boon & Sharifah, (2017), teachers need to have the ability to apply HOTS elements in an effective way such as asking questions that have HOTS characteristics.

HOTS is a very important skill in 21st century education. however, the integration of HOTS in teaching and learning in schools is still at a low level (Rosma et al. 2012). Among the factors that cause this problem is the teaching and learning that is implemented conventionally and inactive (Ishak 2009; Harison 2008; Rajendran 2001). In most situations, teachers only serve as informants and students act as recipients of information (Rian & Kamisah 2012). This situation does not encourage two-way interaction that helps the thinking process. In addition, teachers often bribe students with answers after asking questions at the level of knowledge and understanding of students who focus on low-level questions that make them lazy to think (Seman , 2005). This one-way teaching process causes students to only memorize the concept of a learning, so that the thinking aspect of students is ignored (Rian & Kamisah 2012). According to Rahimi, Hussin, & Normeza (2014), traditional learning practiced in primary schools that only focus on improvement in language vocabulary and lexical units every day also still fails to produce students who can remember and understand the meaning of a word. In addition, HOTS-based teacher teaching has elements of lateral, logical, critical, creative, reflective and metacognitive practices. A skilled thinker will understand how to adapt to a learning situation so as to successfully find a solution in a new situation. Therefore, this HOTS is important to improve students' knowledge and achievement in learning.

In this case, the Arabic language teacher plays an important role as a motivator of students' thinking so that students can master thinking skills well. This is a big challenge for Arabic language teachers because before this, teachers fully emphasized the content aspect of the lesson compared to thinking and other elements. Arabic language teachers are still not really ready to face the wave of change in education as intended in MEB (2013-2025). This study will open a new dimension that is thinking outside the box where it starts from this HOTS. Therefore, Arabic language teachers should always be aware and sensitive to the surrounding situation, especially related to the implementation strategy of HOTS in Arabic language subjects such as practicing exploration and experimentation activities, language games, animation, student-based learning optimally.

## **LITERATURE REVIEW OF ARABIC TEACHER TEACHING PRACTICE**

Issues related to teacher teaching practices are an issue that is no stranger to being discussed today. Although various teaching practices have undergone changes in line with the latest educational transformation, it is undeniable that teachers lack the knowledge and skills related to the latest and effective teaching practices in applying High Level Thinking Skills. This can be evidenced by a survey conducted by Hasnah & Jamaludin (2017), against 118 teachers of the Malay language in the Federal Territory of Putrajaya indicate that there should be an increase and improvement of the knowledge and understanding of teachers in applying higher order thinking skills in teaching English as the level of knowledge and understanding of teachers is at a moderate level. Furthermore, through a study conducted by Anida et al. (2018), this study

showed that although the Malay language teachers applying Cort and thinking tools PMI (Plus, Minus, Interesting) in Malay language pedagogy, but it's still modest level because teachers have not mastered it optimally. This is reinforced by the findings of a study conducted by Norazlin Ruslin, (2019), namely that although teachers think positively on the elements of High Level Thinking Skills HOTS contained in 21st century learning, but teachers' teaching practices need to be improved from time to time so that teaching practices do not static and constantly changing for the better and more effective. A teacher should have a detailed knowledge of the subjects taught or methods to be applied in the process of teaching and learning (Fadilla, 2019).

This statement is fully supported by (Hasan & Mahamod 2016) who stated that teachers as curriculum translators in schools should have knowledge, understanding and confidence in delivering lessons to students in order to succeed in the planned teaching process (Roselizam, Roslan & Amirah 2020). The teaching of Arabic language teachers includes four language skills, namely listening, reading, speaking and writing skills. Today, various teaching methods are applied by Arabic language teachers, both traditional and modern methods to ensure that students can master all four language skills. However, there is no denying that language culture plays an important role in the teaching and learning of Arabic. According to Afdol (2017), language teachers need to act as a culture teacher who focuses on communicative aspects in teaching so that the use of language can be carried out effectively. Therefore, in teaching Arabic, teachers need to be actively involved in practicing Arabic with students (Ahmad Muradi, 2016). Arabic teachers who are always creatively diversify teaching methods have a positive impact on the development of students in the cultivation of Arabic every day in the classroom. The teaching methods for each Arabic language skill are different according to the initiative, innovation and creativity of a teacher. In understanding the Arabic language, vocabulary teaching should also be included with the teaching of the culture of the Arab community based on the real situation of students (Che Radiah & Norhayuza, 2013). The real atmosphere created by Arabic language teachers can make it easier for students to understand Arabic more quickly and effectively (Aisah et al. 2017). As for the Arabic language subject, there are several studies that lead to HOTS in the subject. Among them is a study conducted by Mohd Yusri, et al. (2016) who conducted a study related to HOTS Arabic language on teachers who teach primary school. The results of the study show that teachers provide full support to student activities and open wide opportunities for students to think, learn and study. This shows that the practice of teaching thinking is very important implemented by Arabic language teachers by increasing activities in the form of language games, animation and student-centered activities. Pupils are able to implement HOTS in their learning if teachers open the widest possible space and opportunity for them. The study of Arabic HOTS conducted by Saipolbarin et al. (2018), is a mixed study involving 71 trainees of Arabic Bachelor trainees. The results of this study show that teaching and learning practices using HOTS electronic applications can promote student-centered learning and can create a variety of Arabic language learning methods at the Sultan Idris University of Education (UPSI). These trainee students can master knowledge related to the field of Arabic language, teaching pedagogy as well as be able to integrate technology to master HOTS. Therefore, the use of technology in the teaching practice of Arabic language teachers is highly encouraged to increase students' interest in learning Arabic because during the teaching process, students can handle technology, while teachers act as facilitators.

In addition, this study related to HOTS was also conducted by (Saipolbarin et al. 2019). This study aims to analyze the integration between HOTS elements and media kit instruments in

the learning and facilitation practice (PdPc) of UPSI Arabic trainee teachers. It involves two stages. The first stage is designing and processing media kits that have HOTS elements by Arabic language trainee teachers. While the second stage analyzes the effectiveness of the use of this media kit as an efficient and practical medium to use throughout the teaching training sessions in schools. This study involved Bachelor of Arabic (ISM) Arabic language students with UPSI Education taken September 2014/2015 who have undergone teaching training in July 2017 a total of 71 students. This study is quantitative in nature using survey and observation methods during the supervision process of teaching practice. Quantitative data were analyzed descriptively to obtain frequency, percentage and average. Qualitative data were also used to see the effectiveness of the integration of HOTS elements and media kit instruments in the practice of learning and facilitation in Arabic. The integration of the use of media kits in Arabic language learning and facilitation will be able to stimulate HOTS activities among students who are the mainstay.

Besides, the cognitive level in thinking skills includes six levels namely understanding, applying, analyzing, evaluating and creating. The cognitive level for HOTS represents the four highest cognitive levels, namely applying, analyzing, evaluating and creating. According to Halimah Md Shariff (2009) and Rizki Ananda and Fadhilaturrahmi (2018), Bloom has classified the levels of cognitive ability into six levels of thinking, namely knowledge, understanding, application, analysis, synthesis and evaluation. The level of knowledge is the level of a person remembering the materials that have been learned and mastered and this is the lowest level of thinking. At this stage, one will remember relevant things and information in the long run. According to Tengku Nor Husna, (2019), the level of remembering that is *tadzakkur* is a human bond with his creator through practice done repeatedly and based on his research, *tadzakkur* is one of the elements of Higher Order Thinking Skills. According to Yusuf Qardhawi (1998), *tadzakkur* is one of the highest tasks of the intellect. If viewed from the angle of remembering introduced by Bloom and modified by Anderson, remembering is one of the thinking skills that is at a low level but it is different from *tadzakkur* which is highlighted by Yusuf Qardhawi which is the highest element of intellect. The process of remembering and memorizing is not an easy one. The ability of students, especially the Quran, is highly regarded by the community. However, students who memorize the Qur'an are also often reminded not to lose the reading that has been read. To avoid forgetting the memorized recitation, human beings are also encouraged to recite the Qur'an. This is because through *tadabbur* there will be *tadzakkur* (Asyafah, 2014). Thus the two main elements in the process of *tadzakkur* are memorization, recall and repetition. According to Sidek Baba (2009) the human mind has three functions. First, humans can remember and memorize things. Second, the intellect allows man to think about something whether seen, experienced or imagined. Third, the intellect has the power of reasoning that allows questions to be made, answers given and solutions made.


In conclusion, this *tadzakkur* approach has significance with the spiritual construction of students. Through a pure heart the effects of the habit of obligatory prayers and sunnah, continuous recitation of the Qur'an and in accordance with the order, a culture of remembrance in the face of lessons, prayers and applications without limits to God and *tazkirah* as well as messages and advice from teachers will continuously produce students who KBAT is based on the element of *tadzakkur* and the level of mastery provided by the MOE (Tengku Nor Husna, 2019). Therefore, it can be concluded that the cognitive level of remembering can be categorized as a high cognitive level based on the teacher's teaching and the student's situation. Each level of thinking has its own role and function. In learning Arabic, students need to



memorize words to enable them to speak in Arabic. The more words that students can remember and memorize, the more words they can speak from time to time. Remembering and memorizing have a big role in language learning because the basis of a language is to acquire as much vocabulary as possible.

## RESEARCH METHODOLOGY

Figure 1.1: Research Methodology



The research methodology used in this study is in the form of a case study that uses document analysis techniques as the main data collection technique in this study. In this study, the analysis of documents that have been conducted is intended to deepen and understand information related to the context of teaching practices of HOTS Arabic language teachers in the Lower Secondary Level in the classroom. Among the important documents that have been analyzed are the Curriculum and Assessment Standard Document, Annual Teaching Plan, Daily Teaching Plan, learning aid collection used in teaching Arabic including Arabic textbooks and dictionaries, and Modules Teacher's teaching in the form of printed or electronic materials. In addition, audio visual materials such as video recordings of teachers' online teaching with students were also analyzed. Through the collection of data from the analysis of this document, the researcher can help strengthen, complete, and prove the truth of the findings obtained from the interview method. All information obtained from the document analysis conducted has been reported by the researcher in the form of a report as the basis of reference for this case study.

In addition, semi-structured interviews are also the most flexible method used where the language level and sequence of questions can be modified by the researcher according to the

needs and suitability of the interview process (Othman, 2014). The interview process conducted by the researcher will go through two phases, the first phase is the introductory session between the study participants and the researcher to create a close relationship through general conversations such as background, interests, career experience and current issues. In the second phase, the questions focus more on the main questions. Therefore, as a research instrument, the researcher provides a checklist or interview protocol that has been confirmed by a Field Specialist who meets the criteria of expertise in the field of Arabic language, qualitative study to help the researcher implement the interview process that will be conducted later. The interview protocol is the main guide and reference for the researcher when asking questions related to the experiences and practices of study participants when implementing the teaching of HOTS Arabic in the classroom.

## **RESULT AND DISCUSSION**

The results of a study conducted on three excellent Arabic language teachers show that there are several teaching practices conducted by Arabic language teachers to implement HOTS which is a student-centered teaching practice that involves group activities, discussion, presentation and role play. In addition, the cognitive level involved in the teaching of Arabic language teachers in applying HOTS is the cognitive level three which is the level of application and the cognitive level four which is the level of analysis. The application of HOTS in the teaching of Arabic is not an easy task as foreign language teaching requires a high level of cognitive. It can not be implemented with just one lesson because it requires a time-consuming application process and needs to be implemented repeatedly. All students can be taught the application of HOTS in Arabic, but it depends on the cognitive level of students, teaching methods of teachers and teaching topics contained in the Arabic syllabus. In addition, the application of HOTS for each Arabic language skill, namely listening, reading, writing and speaking skills depends on the teacher's teaching method. Various teaching methods that can be applied in every Arabic language. Among them are methods of singing, acting, games, quizzes, and so on. In the meantime, Arabic language teachers play a role as facilitators and facilitators to the application of HOTS in student learning. Environmental support also plays an important role in the application of HOTS in Arabic. Administrators, parents and the community play a role in helping to fully implement the HOTS in this Arabic language subject in the future.

## **CONCLUSION**

In conclusion, Arabic language teachers are not left behind in the current of modernity in the delivery of Arabic language teaching. This article provides an overview of the issue of the application of HOTS elements in the teaching of Arabic language teachers that need to be given attention and exploration to further explain the real phenomena that occur in depth and detail. The teaching practice of Arabic language teachers in applying this HOTS includes aspects of the practice of preparing teaching aids, the practice of determining teaching methods, the practice of questioning students, the practice of governance and administration. In addition, the teaching of Arabic needs to be constantly improved from time to time in an effort to increase the potential and talent of students in mastering the Arabic language. This can ensure that students can communicate and use Arabic in daily life either at school or at home. The success of teachers in applying HOTS in teaching Arabic is an important pillar and foundation towards building excellent, glorious and distinguished human capital in terms of language

proficiency, especially Arabic. Good mastery of the Arabic language can embody righteous people in understanding the language of the Quran.

## REFERENCES

- A. Rahman bin Haron, Jamaludin bin Badusah, & Zamri bin Mahamod. (2015). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Salak Didik Dengan Elemen Nyanyian Dan Elemen Pantun (Higher Order Thinking Skills (HOTS). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) ISSN: 2180-4842. Vol. 5, Bil. 1 (Mei 2015): 53-60, 5(Mei), 53–60.* <https://doi.org/10.1002/wcs.1336>.
- Afdol, A. (2017). Intercultural Aspects In Teaching Arabic As A Foreign Language In Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (Eds.). (2001). A taxonomy for learning, teaching and assessing: A revision of Bloom’s Taxonomy of educational objectives. Boston, MA: Person Educational Group.
- Anida, S., Husna Faredza, M. R., Adenan, A., & Zuraini, R. (2018). Pengamalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) dalam pedagogi Bahasa Melayu berdasarkan Pengukuran Cort (Cognitive Research Trust). *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 4(11), 24621714.  
Arabic Sociolinguistics. <https://doi.org/10.410/eai.23-3-2019.2284959>
- as a Professional Organization. *Arabic: Journal of Arabic Studies*, 1 (2), 1-10.
- Asyafah, A. (2014). Research based instruction in the teaching of islamic education. *SpringerPlus*, 3(1), 755.
- Awatif Abdul Rahman. (2019). Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab Di Sabk Di Malaysia: Satu Dimensi. *Journal Of Social Sciences And Humanities*. Vol. 16, No.2 (1-13), ISSN: 1823-884x
- Baba, S. (2009). Fikir dan zikir (Cetakan 1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barbara Rogoff. (1999). Cognitive Development Through Social Interaction : Vygotsky and Piaget. In *Learner, Learning And Assessment*.
- Bloom, B. S., & Krathwohl, D. R. (1956). Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals. New York, NY: Longmans.
- Che Radiah Mezah & Norhayuza. (2013). Vocabulary Theory and Application. Serdang: Universiti Putra Malaysia Publishers.
- Curriculum Development Division, Ministry of Education Malaysia. (2015). Education Curriculum Standard Document (DSKP). Putrajaya, Malaysia: Ministry of Education Malaysia Curriculum Development Division.
- Fadhilaturrehmi, F., & Ananda, R. (2018). Evaluasi Pembelajaran Ips Berbasis Taksonomi Bloom Dua Dimensi Di Sekolah Dasar. *Jurnal Basicedu*, 1(2), 12–21. <https://doi.org/10.31004/basicedu.v1i2.2>
- Fadilla and Zamri (2019). Level Readiness, Knowledge and Attitudes Malay Primary School Teachers Implementing Teaching and Learning Map I Think thoughts. *Malaysian Journal of Education*. 37-44 doi: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.01-05>
- Halimah Md Shariff. 2009. Aplikasi taksonomi kognitif Bloom [Applying Bloom's cognitive taxonomy]. Dlm. Tajularipin Sulaiman & Aminuddin Hassan (pnyt.) Peranan Minda dalam kemahiran Berfikir. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Harison Bakar. 2008. Kesedaran guru-guru matematik tentang standard pengajaran matematik. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hasmam, A. binti. (2017). The practice of excellent Arabic language teachers in teaching Vocabulary in the Lower Secondary Level. UKM.

- Hasnah Inson, & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7, 56–65.
- Improving Higher Order Thinking Skills (Hots). *International Social Science And Humanities Journal*. Vol. 3, No.1 (2020) E-ISSN: 2637-0271. Indonesia.
- Ishak Baba. 2009. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan kaitannya terhadap prestasi akademik pelajar UTHM. Geran Jangka Pendek VOT 0486, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Kagioglou, M. (2000). Rethinking construction: the Generic Design and Construction Process Protocol. *Engineering, Construction and Architectural Management*, 2, 141–153.
- Kamarudin, M. Y. (2019). The Practice of Applying High Level Thinking Skills in the Malaysia Education Ministry. (2013). Malaysian Education Development Plan (PPPM). Putrajaya, Malaysia: Ministry of Education Malaysia
- Malaysia Education Ministry. (2014). Basic Book of Elements of High Level Thinking Skills (Pedagogy). Putrajaya: Curriculum Development Division.
- Malaysia Education Ministry. (2018). KSSM Arabic Textbook Form 1. Selangor: Telaga Biru.
- Malaysia Education Ministry. (2018). KSSM Arabic Textbook Form 2. Selangor: Telaga Biru.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain. (2016). *Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Di Negeri Selangor*. 17.
- Muradi, A. (2016). Development of Arabic Language Teacher Competencies Through IMLA
- N.S. Rajendran(2008). Teaching & Acquiring Higher Order Thinking Skills. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Azlin Mohd Rusdin. (2019). Amalan Dan Cabaran Abad ke 21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization And Technology Management*, 18.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying, S. F. S. A. (2017). *Murid Dan Pembelajaran* (pertama). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Nugroho, A. (2018). HOTS (Kemampuan Berpikir Tingkat Tinggi: Konsep, Pembelajaran, Penilaian, dan Soal-Soal). Jakarta: PT. Gramedia Widiasarana.
- P Zulharby, Y. R. N. (2019). Implementing Higher Order Ththinking Skills in Teaching of
- Rahimi, N. M., Hussin, Z., & Normeza, W. (2014). Pembelajaran kosa kata bahasa Arab secara aturan kluster semantik dan aturan kluster bebas. *Jurnal Teknologi*, 67(1).
- Rajendran, N. (2001). Teaching of Higher Order Thinking Skills In Language Classrooms. *Journal of South-east Asian Education*, 2(1), 1-21.
- Rian Vebrianto& Kamisah Osman. 2012. Keberkesanan penggunaan pelbagai media pengajaran dalam meningkatkan kemahiran proses sains dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 37 (2): 1-11
- Rohaty Mohd Majzub. (2018). Teori Yang Mendasari Pendekatan Berpusatkan Pelajar. In Z. M. Saemah Rahman (Ed.), *Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Mengoptimumkan Pembelajaran Murid* (Cetakan Ke, p. 291). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Roselizam, Roslan & Amirah (2020). The Effectiveness Of I-Think Thinking Maps In
- Rosma Osman, Ong, E.T., Shakinaz Desa, & Wong, K.T. 2012. Tahap kemahiran berfikir dalam kalangan guru sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 5 (5).
- Saipolbarin Ramli, Nazri Atoh, T. R. M. R. (2018). E-HOTS in the teaching and Learning Practice of UPSI's Arabic Language Trainee Teachers. *World Applied Sciences Journal*, 4 (36), 631–636. <https://doi.org/10.5829/idosi.wasj.2018.631.636>

- Seman Salleh. 2005. Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen Kesusasteraan Melayu (Komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Teaching of National School Arabic. National University of Malaysia. High Level Thinking Skills Application In Schools. Putrajaya, Malaysia: Ministry of Education Malaysia Curriculum Development Division.
- Tengku Jamil, T. N. H., Abd Khafidz, H., & Osman, K. (2019). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Tadzakkur. *'Abqari Journal*, 19, 33–45. <https://doi.org/10.33102/bqari.vol19.3>
- Vygotsky, L.S. 1978. *Mind In Society*. Cambridge: Harvard University Press.
- Yusuf Qardhawi. (1998). *Al-Quran berbicara tentang akal dan ilmu pengetahuan (Pertama)*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga.